Detik-detik Hidupku...
Hasan Al-Banna

Latar Belakang Ringkas Al-Syahid Hasan Al-Banna

Keadaan di Mesir pada zamannya.

Hasan al-Banna dilahirkan di Mesir pada awal abad 20 Masehi. Dalam suku pertama abad 20 Masehi ini dia telah melancarkan satu gerakan Islam yang besar, yang terkenal dengan nama "Ikhwanul Muslimin". Hasan al-Banna dan Ikhwanul Muslimin adalah dua nama yang tidak dapat dipisahkan. Begitu bertenaga sekali gerakan tersebut sehingga pengaruhnya bukan saja merebak di Mesir, tetapi telah meresapi seluruh Dunia Arab. Gerakan Ikhwan telah mencetuskan kebangkitan Islam dan roh Islam di Dunia Arab.

Jika kita betul-betul hendak menghargai segala usaha beliau dan memahami peribadinya, maka perlulah kita mengenali suasana (keadaan) dan zaman ketika beliau dilahirkan, dibesarkan dan dididik. Disamping itu, kita juga perlu mengetahui cabaran-cabaran dalaman dan antarabangsa yang sedang mengancam Mesir ketika Imam Hasan al-Banna dilahirkan. Sekarang kita akan mengkaji zaman ketika beliau dilahirkan dan peranan besar yang dimainkan olehnya.

Gerakan Pembebasan - Terbahagi kepada dua kumpulan besar.

Pemberontakan Airabi Pasya gagal pada tahun 1833 Masehi. Kegagalan ini merupakan satu malapetaka politik yang besar bagi Mesir. Peristiwa tersebut menimbulkan ketakutan dan kekecewaan diseluruh negara Mesir. Lantaran itu, Mesir dilanda pertikaian disegi akhlak dan kefahaman (ideologi). Orang ramai berasa takut bila nama gerakan pembaharuan atau politik disebut. Keadaan ini berlarutan sehingga permulaan abad 20 Masehi. Akhirnya sebuah pertubuhan belia Mesir telah ditubuhkan untuk memupuk kesedaran kepada rakyat Mesir. Mereka melancarkan gerakan menentang British. Para pemuda ini tergolong ke dalam dua kumpulan. Kumpulan pertama memiliki semangat Islam. Kumpulan yang kedua pula inenggunakan cara yang agak baru dan berlainan. Cogan kata mereka ialah "Kebangsaan Mesir". Dasar perjuangan kumpulan kedua ini bertentangan dengan kumpulan pertaina yang berlandaskan nilai-nilai Islam serta menyebelahi Kerajaan Turki Bani Othmaniah.

Kumpulan Pertama

Kumpulan pertama cintakan Islam dan tanah air. Kumpulan ini diwakili oleh pertubuhan "Al Hizbul Watani" yang dipirnpin oleh Mustaffa Kamal, seorang yang bijak bersyarah. Beliau memupuk semangat kebangsaan yang berdasarkan Islam di

hati orang orang Mesir. Beliau tidak menganggap agama dan semangat kebangsaan itu bertentangan antara satu sama lain. Cogan katanya ialah “Agama (Deen) dan tanah air adalah saudara kembar yang tidak boleh dipisahkan.” Kumpulan ini membayangkan kecintaan mereka kepada tanah air umparna seorang kekasih memuji orang yang dicintainya. Inilah yang dibayangkan oleh penyair terkenal, Ghayati dan Muharram melalui syair-syair mereka. Di antara pernimpin-pemimpin kumpulan ini ialah dua orang ulama' yang bernama Muhammad Farid Wajdi dan Abdul Aziz Jawesh. Kegiatan kumpulan ini telah menimbulkan kebimbangan dipihak penjajah British dan Raja Mesir. Muhammad Farid Wajdi dan Abdul Aziz Jawesh telah dipenjarakan kerana menulis huraian mengenai kumpulan syair karya Ghayati.

Kumpulan Kedua

Kumpulan kedua terdiri daripada para pejuang fahaman kebangsaan yang mulhid (atheis). Dasar perjuangan mereka bertentangan dengan dasar perpaduan dan persaudaraan Islam. Golongan ini tidak suka orang ramai mencorakkan kehidupan mereka menurut dasar-dasar Islam. Kumpulan ini menegakkan fahaman kebangsaan Mesir. Fahaman kebangsaan mereka adalah salah kerana mereka menjaga kepentingan negara mereka saja tanpa mempedulikan segala masalah yang menimpa Negara-negara Islam yang lain. Mereka menyungkil kembali ciri-ciri sejarah Mesir kuno untuk memperkukuhkan fahaman kebangsaan mereka tadi. Bahkan mereka mengaitkan sejarah mereka dengan sejarah para Firaun. Mereka menganggap perjuangan menegakkan fahaman kebangsaan Mesir adalah satu perjuangan yang baik walaupun terpaksa mengorbankan kepentingan-kepentingan lain. Walaupun kumpulan ini bersatu atas dasar fahaman kebangsaan Mesir, tetapi sebenamya mereka berpecah pula kepada dua ranting berdasarkan kepada perbezaan pemikiran dan pendapat.

Ranting Pertama

Ranting pertama ini diketuai oleh akhbar “Al Muqattam” yang selalu menyokong pendapat pihak British. Ia menimba pendapat daripada Gabenor British di Mesir, Lord Cromer. Sebenarnya, pihak Britishlah yang memainkan peranan penting dalam menyebarkan fahaman kebangsaan Mesir. Mereka ingin memisahkan rakyat Mesir dari Dunia Islam. Pihak British suka rakyat Mesir memelihara kepentingan Mesir sahaja tanpa mempedulikan saudara se Islam mereka di Semenanjung Arab, Turki, Iran dan Asia. Sebahagian daripada komplot British ialah memutuskan hubungan di antara orang orang Arab dan orang orang Turki; juga memecahbelahkan orang-orang Arab kepada kumpulan-kumpulan yang bertentangan antara satu sama lain.

Di dalam akhbar Al-Muqattam ada ditulis:

'Orang orang British yang tinggal di Mesir ingin membawa kebaikan kepada rakyat Mesir. Mereka ingin membebaskan rakyat Mesir daripada kekejaman pentadbiran sekarang. Mereka ingin rakyat Mesir menikmati keamanan dan keadilan. Mereka patut dihargai kerana menyelamatkan Mesir daripada masalah (kemelut) ekonomi dengan memberinya satu corak (sistem) ekonomi yang seimbang.'

Sebuah majalah yang bernama ‘Al-Muqattaf’ juga turut memberi bantuan dalam usaha ini. Ramai juga para pemuda Mesir yang dipengaruhinya. Mereka ini

turut mernuji Gabenor British (Lord Cromer). Rakyat Mesir yang menentang Aq Mudattaf dan Al-Muqattam dituduh menyokong Turki. Seorang ulama' besar seperti Muhammad Abduh pun menyokong Gabenor British itu. Satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan ialah bahawa para penyokong Al-Muqattam dan Al-Muqattaf memang tidak ikhlas kepada tanah air mereka sendiri. Mereka hanya ingin melayani kepentingan diri mereka sahaia. Akhirnya orang-orang yang tamak ini menubuhkan satu pertubuhan mereka sendiri yang mereka namakan ‘Al-Hizbul Watani Al-Hura’. Tujuan pertubuhan ini ialah menentang Al-Hizbul Watani yang dipimpin oleh Mustaffa Kamal.

Ranting Kedua

Ranting kedua golongan kebangsaan ini terdiri daripada Hizbul Ummah. Ia mewakili golongan pemerintah Mesir dan tuan-tuan tanah. di Mesir. Golongan ini menganggap kuasa sebenar negara Mesir berada ditangan Gabenor British, Lord Cromer. Mereka berpendapat dia mesti disokong dan bukannya ditentang. Hizbul Ummah ditubuhkan pada tahun 1907 Masehi dibawah pimpinan Mahmood Sulaiman Pasya. Kesemua pasya-pasya (ketua ketua atau para pemerintah) dan tuan-tuan tanah ini bersifat tamak dan selalu membuat perancangan yang memenuhi kepentingan mereka. Beberapa orang cendekiawan yang rakus dan curang seperti Lutfi as-Syed telah memasuki kumpulan ini. Akhbar ‘Al-Jaridah’ menjadi lidah rasmi mereka.

Golongan pemerintah Mesir dan tuan-tuan tanah memasuki Hizbul Ummah untuk mendapat keuntungan duniawi tetapi para cendekiawan seperti Lutfi as-Syed dan ahli-ahli falsafah lain mewakili fahaman kebangsaan Mesir. Mereka ini berpegang kepada pendirian dan fahaman politik tertentu. Mereka menyokong dasar kebebasan berfikir, dasar kerjasama dengm British dan dasar menurut secara membuta tuli segala corak hidup orang Eropah. Mereka ingin Mesir mencontohi Eropah dari segi kebudayaan, ekonomi dan politik.

Lutfi as Syed menulis:

‘Negara Mesir inginkan keamanan. Negara Mesir sayangkan rakyat British. Walaupun dari segi undang-undang, kerajaan Mesir berada ditangan Raja Mesir, tetapi dari segi amalinya, Mesir diperintah oleh Gabenor Lord Cromer. Sudah sampai masanya kedua kuasa ini dipusatkan. Ini bermakna kerajaan yang sah dari segi undang-undang itu diserahkan kepada Gabenor British.’

Mereka ini menentang cara hidup Islam. Salah seorang pemimpin mereka, Abdul Hamid az-Zahrawi, telah menulis di dalam akhbar Al-Jaridah:

“Perpaduan umat Islam berakhir setelah Saidina Umar Al-Khattab meninggal dunia. Perpaduan umat Islam juga berakhir setelah Saidina Ali bin Abi Talib syahid. Mengapakah sekarang hendak ditegakkan perpaduan yang telah musnah seribu tiga ratus tahun dahulu?”

Pertelingkaban antara dua kumpulan besar.

Pertentangan berlaku di antara Al-Hizbul Watani pimpinan Mustaffa Kamal, Farid Wajdi dan Abdul Aziz Jawesh dengan kumpulan-kumpulan lain yang berbagai

corak itu. Al-Hizbul Watani Al-Hurra memperjuangkan kepentingannya dengan bantuan Al-Muqattam dan Al-Muqattaf. Hizbul Ummah pula meneruskan usahanya untuk mencapai keuntungan duniawi dengan bantuan Al-Jariyah. Muhammad Abduh sedang menjalankan usahanya untuk membaratkan seluruh Mesir. Terdapat perbezaan antara dua gerakan yang bertentangan ini. Pendekatan Al-Hizbul Watani dan Mustaffa Kamal lebih berlandaskan perasaan. Pendekatan Al-Hizbul Ummah, Lutfi as-Syed dan Al-Hizbul Watani Al-Hurra pula berlandaskan akal fikiran. Mereka ini berusaha menyerapkan fahaman Liberalisme (kebebasan individu yang tidak terbatas dan mengenepikan hak serta kepentingan) dan fahaman kebendaan ke dalam jiwa para pemuda Mesir. Mustaffa Kamal dan akhbarnya A-Liwa' telah mengecam hebat para penentangnya. Beliau memperjuangkan fahaman kebangsaan yang berdasarkan Islam dan ingin meletakkan seluruh Dunia Islam di bawah satu bendera Islam saja. Beliau mengisytiharkan bahawa Perjanjian Turki dan Mesir pada tahun 1840 haruslah dihormati. Perjanjian tersebut menjamin kebebasan dalam negara Mesir di bawah naungan kerajaan Turki. Menurut perjanjian itu, Mesir perlu membayar cukai kepada Turki dan Turki pula akan melantik para hakim untuk Mesir. Hizbul Ummah dan Hizbul Watani Al-Hurra menuduh Mustaffa Kamal cuba menghancurkan cengkaman British ke atas Mesir dan menegakkan kekuasaan Turki yang sepenuhnya di Mesir. Untuk mengukuhkan pendapat ini Al-Muqattam menerbitkan makalah-makalah yang memaparkan Turki sebagai penindas dan British pula sebagai pihak yang adil.

Mustaffa Kamal tidak memisahkan kebangsaan daripada Deen (agama). Katanya, jika seorang British boleh memperjuangkan kebangsaan disamping mazhab Protestannya, maka seorang Mesir juga boleh menjadi seorang muslim dan seorang pejuang kebangsaan pada masa yang sama.

Peranan British.

Pihak British sedang berusaha melemahkan semangat Islam dan pengaruh kerajaan Turki Bani Othmaniah yang menguasai rakyat Mesir. Pihak British menyokong setiap orang yang mengecam Khalifah orang Islam (yakni Sultan Turki) atau menentang Raja Mesir. Mereka juga menyokong setiap orang yang menyebelahi mereka dan inginkan pembaharuan dalam negeri saja. Kerana itulah, Mustaffa Kamal ingin pihak British keluar dari Mesir. Pihak British menyokong 'Gerakan Khalifah Arab' yang dipelopori oleh Syarif Hussin di Mekah kerana ini boleh melemahkan kedudukan Khalifah orang Islam di Turki. Pihak British mengalu-alukan kedatangan para anggota gerakan 'Turkiya Al-Fatat' dan gerakan 'Anjuman Ittihadi wa Taraqqi' yang telah meninggalkan Turki untuk menetap di Mesir. Para anggota gerakan-gerakan tersebut menerbitkan akhbar mereka sendiri yang mengecam Sultan Abdul Hamid Turki. Apabila baginda menulis surat kepada Raja Abbas Mesir memintanya menghantar pulang orang-orang yang lari dari Turki itu, Lord Cromer campurtangan dan menahan Raja Abbas daripada berbuat demikian. Apabila hubungan antara Muhammad Abduh dan Raja Abbas Mesir menjadi tegang, Lord Cromer telah memberi sokongan kepada Muhammad Abduh. Lantaran sokongan ini, Muhammad Abduh dapat mengekalkan kedudukannya walaupun ditentang oleh Raja Abbas. Pihak British juga menyokong rakan-rakan Muhammad Abduh seperti Mustaffa Fahmi, Riyaz Pasya, Sa'ad Zaghlol, Fatahi Zaghlol dan Qasim Amin kerana mereka ini menentang Raja Mesir dan inginkan pembaharuan dalam negeri saja.

Pihak British telah berusaha untuk melemahkan semangat Islam di Mesir agar orang-orang Islam kekal dalam keadaan berpecah-belah. Mereka memupuk pendapat yang mengatakan bahawa orang-orang Mesir adalah keturunan Fir'aun; orang-orang Lubnan adalah keturunan bangsa Ponisia (Phoenician); orang-orang Iraq adalah keturunan bangsa Babil dan orang-orang Mekah adalah keturunan Arab yang sebenarnya. Mereka juga mengatakan bahawa orang-orang Mekah sahaja yang berhak memegang jawatan Khalifah kerana Islam turun ditanah suci Mckah. Mereka bertujuan memisahkan orang-orang Arab dari Daulah Othmaniah Turki kerana kerajaan ini berkemampuan menyatukan seluruh umat Islam diatas landasan Islam. Berikutan itu, pihak British menjalankan usaha memburukkan Raja Abbas Mesir. Ramai juga orang-orang Mesir yang menyokong usaha British ini tanpa menyedari bahawa kelemahan Raja Abbas akan memperkukuhkan kekuasaan British di Mesir.

Para penyajak seperti Naseem dan Waliuddin Yakan telah mengarang sajak-sajak yang memuji pihak British di Mesir. Peranan mereka ini serupa dengan para penyajak India yang menulis sajak-sajak memuji kerajaan British di India. Penyajak-penyajak Mesir ini cuba menghidupkan semula sejarah kuno Mesir dan kebudayaan Fir'aun. Mustaffa Kamal pula mendapat sokongan daripada penyajak-penyajak seperti Syouqee dan Barudi dan para cendekiawan seperti Abdul Aziz Jawesh dan Farid Waidi. Mereka ini membantu usaha kebangkitan Islam dan kebudayaan Arab di Mesir.

Sikap golongan bukan Islam

Pertentangan antara dua golongan ini begitu meruncing sekali sehingga sampai keperingkat perkelahian dalam tahun 1911 Masehi. Perbezaan antara Kebangsaan Islam dan Kebangsaan Mesir telah bertukar arah menjadi pertentangan antara Islam dan bukan Islam. Keadaan ini menjadi semakin tegang. Pertikaian ini menggugat Mesir sendiri. Pihak British berasa gembira dan secara halus, mereka telah mengapi-apikan lagi permusuhan itu. British sangat suka mengamalkan dasar 'pecah belah dan perintah'.

Selama beratus tahun orang-orang Islam dan bukan Islam Mesir dapat hidup bersama dengan aman damai. Hubungan antara mereka begitu baik sekali. Kini berlaku permusuhan antara kedua golongan ini hasil perencanaan pihak British. Cara inilah yang digunakan oleh British terhadap tanah-tanah jajahannya. Sebahagian daripada komplot British ialah menghasut golongan yang berjumlah sedikit (minoriti) supaya memberontak menentang golongan yang berjumlah teramai (majoriti). Pihak British menjalankan usaha menindas golongan yang paling ramai ini dengan memberi sokongan kepada golongan yang sedikit tadi. Pihak Perancis juga melakukan perkara yang serupa terhadap orang-orang Islam Syria, yang merupakan golongan paling ramai di situ.

Apabila pihak British memijak bumi Mesir, mereka telah menjalankan dasar politik kotor. Mereka menghasut golongan yang sedikit (minoriti). Apabila golongan Islam menentang kekuasaan British, golongan yang sedikit ini pula mengambil peluang peluang yang ada dibidang pendidikan dan ekonomi. Mereka dapat memegang jawatan-jawatan yang tinggi dan berpeluang mengumpul harta kekayaan. Tindakan mereka yang tidak adil ini menimbulkan kebencian dihati orang-orang Islam. Orang-orang Islam menganggap kerjasama dengan pihak British sebagai suatu

pengkhianatan. Tetapi bagi orang-orang Kristian pula, perkara itu ialah satu tugas yang suci. Hal ini telah mencetuskan ketegangan antara orang-orang Islam dan orang orang Kristian. Pengaruh pihak British yang kian meluas itu telah membawa penindasan kepada golongan Islam dan memberi galakan kepada golongan Kristian di Mesir.

Dalam tahun 1909 M., seorang Kristian telah menjadi Perdana Menteri Mesir. Dia menghidupkan semula Akta Percetakan yang dikuatkuasakan ketika berlaku pemberontakan terhadap A'raabi Pasya dalam tahun 1881 M. Kesemua akhbar orang-orang Islam Mesir menentang tindakan Perdana Menteri tersebut. Tetapi akhbar-akhbar Kristian mengalu-alukan tindakan itu. Akhbar Ahbar Kristian juga menuduh akhbar akhbar Islam sebagai gila dan penjenayah.

Dalam tahun 1910 M., Presiden Amerika Syarikat, iaitu Theodore Roosevelt melawat Mesir. Dia menyampaikan sebuah syarahan di Universiti Kaherah. Syarahannya itu terbukti bertentangan dengan kepentingan rakyat Mesir. Lantaran itu bantahan daripada rakyat Mesir. Sebaliknya, akhbar-akhbar Kristian telah memuji syarahan Roosevelt dan menganggapnya sebagai seorang yang inginkan kebaikan bagi Mesir. Sikap akhbar-akhbar Kristian ini telah membuatkan orang-orang Islam berasa sangsi terhadap golongan Kristian. Orang-orang Islam tidak percaya kepada orang-orang Kristian.

Perang Saudara.

Pada 10hb Februari 1910 M., Pitras Ghali telah dibunuh oleh Ibrahim Nasif, seorang anggota Al-Hizbul Watani. Berikutan peristiwa ini, berlakulah perang saudara di Mesir. Golongan Islam dan golongan Kristian mula bertempur di jalan jalan raya secara terbuka. Puak Kristian belum berpuas hati dengan kegiatan akhbar-akhbar mereka. Oleh itu, mereka pun meminta sokongan daripada akhbar-akhbar British. Akhbar British, 'Daily News' memenuhi permintaan itu dan mula menjalankan kegiatan menentang orang-orang Islam Mesir. Orang-orang Kristian Mesir menghantar perwakilan ke England untuk menyebarkan berita-berita palsu mengenai penderitaan mereka.

Pada 5 Mac 1910 M., orang-orang Kristian Mesir telah mengadakan satu persidangan. Hasil daripada persidangan itu ialah mereka telah membuat banyak tuntutan terhadap kerajaan Mesir. Hal ini meruncingkan lagi perang agama antara golongan Islam dengan golongan Kristian. Para pemimpin di kedua belah pihak serta pengintip dan kuncu-kuncu British telah berusaha sedaya upaya untuk membinasakan Mesir. Apabila Riyaz Pasya menjadi Perdana Menteri dalam tahun 1911 M., beliau telah meredakan keadaan. Walaupun keadaan dapat dikawal dan rakyat mula bercakap mengenai keamanan dan perpaduan, namun begitu, peristiwa hitam itu tetap rneninggalkan kesan yang mendalam ke atas kehidupan masyarakat Mesir. Kekeliruan berleluasa di dalam masyarakat. Salah faham di antara golongan Islam dan golongan Kristian tidak dapat diredakan. Golongan berpendidikan lama (tradisional) tidak percaya kepada golongan berpendidikan moden (begitu jugalah sebaliknya). Keadaan ini semua merumitkan lagi sebarang usaha daripada orang-orang yang ingin membawa pembaharuan.

Ahli-ahli politik dan orang-orang yang ingin membawa pembaharuan.

Ahli-ahli politik yakin bahawa punca utama berlaku kekacauan di Mesir ialah kerana tertegaknya kuasa asing di bumi Mesir dan kuasa asing ini perlulah dihalau. Orang-orang yang terlibat dalam kerja kerja pembaharuan pula berpendapat faktor faktor yang membawa kepada tertegaknya kuasa asing sebagai punca kekacauan dalaman Mesir. Mereka menyarankan supaya usaha usaha permbaharuan dijalankan ke atas masyarakat sebagai satu cara untuk menjatuhkan kuasa asing di Mesir.

Tenaga pembaharuan pula terbahagi kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama ingin mengamalkan kebudayaan Barat. Kumpulan yang kedua ingin mengamalkan nilai nilai Islam dan Timur. Kedua aliran pembaharuan ini mempengaruhi keadaan politik Mesir. Para penyokong Fahaman Kebangsaan Mesir menyebelahi kumpulan pertama. Para penyokong Fahaman Kebangsaan Islam pula berpihak kepada kumpulan kedua tadi. Pertikaian ini juga mempengaruhi kesusasteraan Mesir. Kesusasteraan Mesir terbahagi kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama bersumber dari Eropah dan kumpulan kedua pula mengutarakan nilai-nilai Arab lama dan Timur. Bidang pendidikan pun tidak terkecuali daripada kesan pertikaian ini. Para pendidik juga terbahagi kepada dua kumpulan. Satu kumpulan berpegang kepada corak pendidikan Barat. Satu kumpulan lagi pula berpegang kepada cara hidup dan corak pendidikan lama (tradisional).

Pertikaian di kalangan para pemerintah.

Dua aliran pemikiran ini telah membahagikan masyarakat kepada dua puak yang membenci antara satu sama lain. Satu kumpulan ketiga muncul di kalangan dua kumpulan tadi. Kumpulan ini cuba bertindak sebagai jambatan penghubung antara dua kumpulan yang bertelagah tadi. Usaha kumpulan ini telah melahirkan sikap dualisme (berpegang kepada dua aliran fahaman yang bertentangan dalam sesuatu masyarakat). Usaha ini bermula di istana Raja Abbas di Mesir. Dalam bulan Ramadhan, dia mengadakan kuliah tafsir Al-Qur'an di istananya (yang bernama Qasri Abideen) untuk memuaskan hati pihak yang memperjuangkan nilai-nilai hidup Islam dan Timur. Dia juga mengadakan majlis tari-menari di istananya setahun sekali untuk memuaskan hati para pemuja kebudayaan Barat. Sikap dualisme yang bermula di istana Qasri Abideen itu pun merebak ke seluruh Mesir. Penyajak terkenal, Syouqee telah mengarang sajak-sajak memuji Rasulullah (s.a.w.) dan disamping itu, beliau juga menghasilkan sajak-sajak yang memuji majlis tari-menari anjuran Raja Abbas.

Peranan Tenaga Pembaharuan

Kebanyakan pejuang kebudayaan Barat terdiri daripada orang-orang Kristian Syria dan Lubnan yang menetap di Mesir dan juga mereka yang menuntut di Eropah atau sekolah-sekolah zending Kristian Mesir. Orang-orang Kristian Syria dan Lubnan terbahagi kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama berada dibawah pengaruh Britain dan kumpulan kedua pula berada di bawah pengaruh Perancis. Akhbar Al-Muqattam dan Al-Muqattaf mewakili kerajaan British. Para pembaharu Mesir ini bersikap mengecam Islam. Mereka berpendapat, 'Islam adalah agama yang tidak bernilai. Islam telah menyatupadukan orang-orang Badui Arabia ratusan tahun yang lalu tetapi ia tidak mampu memimpin masyarakat moden abad 20 ini.' (dalam buku Al-Ittijahat Al-Watania, fil Adab-il-Mausir).

Lord Cromer mengukuhkan pendapat ini dengan berkata, seorang Islam yang tidak kenal adab susila Eropah tidak layak menjadi pemerintah Mesir.Penyajak terkenal, Hafiz Ibrahim telah membaca sebuah sajak di Maktab Wanita Amerika di Mesir dalam tahun 1706 M. Dalam sajaknya itu, dia ada menyebut seperti berikut, 'Duhai orang Barat, kami sepatutnya menurut dan menyokong mu. Beginilah caranya kami boleh mendapatkan semula maruah kami.’

Serangan Kebudayaan Barat

Mesir bergegar dengan berbagai ancaman. Puak Kristian sedang menyokong British dan menggalakkan kebudayaan Barat. Di samping itu, mereka sedang mempengaruhi belia-belia Mesir. Selain itu, Mesir juga diresapi oleh berbagai bentuk fahaman kebendaan Barat. Untuk menggiatkan lagi usaha ini, sebuah Syarikat Telefon British telah ditubuhkan di Mesir dalam tahun 1907 M. Panggung wayang pertama di Kaherah telah dibuka pada tahun 1896 M. Landasan keretapi pertama dibina dalam tahun 1897 M. Dalam tahun 1898 M, Bank Negara pertama Mesir telah ditubuhkan dan bank ini mengeluarkan wang kertas. Kedai-kedai arak juga dibuka di berbagai tempat. Orang-ramai terlibat dalam kegiatan haram secara, terbuka di seluruh negara Mesir atas nama hak kebebasan perseorangan. Bagi mereka ini, kebebasan bermakna kebebasan daripada segala sekatan agama dan akhlak. Tiga gerakan utama yang memperjuangkan cara hidup Barat dan kebebasan cara Barat ialah:

(i) Gerakan memperjuangkan hak kebebasan perseorangan dan sistem parlimen Barat;
(ii) Gerakan memisahkan agama daripada politik;
(iii) Gerakan pembebasan wanita.

Usaha menegakkan Sistem Parlimen

Gerakan yang pertama bertujuan mencapai hak kebebasan perscorangan dan sistem parlimen. Hampir kesemua pemimpin menyokong gerakan ini. Di antaranya ialah Mustafa Kamal dan Lutfi as-Syed. Mereka ini begitu terpengaruh sekali dengan Revolusi Perancis dan ahli-ahli fikir Perancis schingga mereka menggunakan cogan kata Perancis iaitu ‘Kebebasan, Persaudaraan dan Persamaan’.Mustafa Kamal, para penyajak yang menjadi rakan seperjuangannya dan juga para penulis yang lain ingin sistem parlimen ditegakkan di Mesir. Mereka juga meneruskan usaha untuk mencapai cita-cita itu. Ini merupakan satu langkah yang berani di dalam sejarah Mesir. Dalam tahun 1907, Dewan Rakyat Mesir telah meminta Kerajaan Mesir mengadakan perlembagaan dan sistem parlimen. Dalam tahun itu juga, Lord Cromer di panggil pulang ke Britain. Tidak lama kemudian, satu revolusi berlaku di Turki dan dalam bulan Julai, 1908 Perlembagaan Othmani telah dikuatkuasakan. Peristiwa ini menipengaruhi para pernimpin Mesir. Majlis Perundangan pun menyokong permintaan Dewan Rakyat agar diwujudkan satu sistem parlimen bagi negara Mesir. Raja Abbas dan pihak berkuasa British menentang usaha ini. Tentangan mereka tidak dapat menyekat usaha tersebut daripada merebak dengan pesatnya. Buku Abdur-Rahman Al-Kawakibi yang bertajuk ‘Tabaial Istabdad’ (Corak Penjajahan) telah banyak mempengaruhi suasana politik dan falsafah Mesir. Dalam bukunya itu, Al Kawakibi berbincang dengan panjang lebar mengenai keburukan corak pemerintahan diktator (kuasa pemerintahan terletak di tangan satu orang sahaja). Baginya, pemerintahan ini merosakkan nilai akhlak manusia dan memusnahkan nilai-nilai

Islam yang merupakan satu keperluan manusia. Oleh itu, tidak ada negara yang dapat membangun dengan corak pemerintahan ini. Sebenarnya, buku Al-Kawakibi telah mencetuskan revolusi terhadap pernerintahan diktator di Mesir.

Gerakan Memisahkan Agama Daripada Politik.

Gerakan ini berjuang untuk memisahkan agama daripada politik. Para pengikut gerakan ini dipengaruhi oleh pemikiran dan kebudayaan Eropah. Mereka hendak mengenepikan dasar-dasar Islam kecuali beberapa ciri tertentu sahaja. Mereka berpendapat agama perlu dipisahkan daripada politik demi kesejahteraan negara.

Menurut mereka, Eropah tenggelam di dalam kegelapan apabila agama Kristian berkuasa dan telah maju setelah agama Kristian diketepikan. Mereka hendak menggunakan corak pembaharuan sekular yang serupa ke atas Mesir. Memang benar kumpulan agama di. Mesir juga jahil mengenai Ilmu Sains Moden dan Kajian Sains Moden; dan di samping itu menyekat kemajuan. Golongan yang berfahaman moden di Mesir telah menyusun dasar ekonomi dan pentadbiran sebegitu rupa sehingga golongan agama menjadi lemah di segi politik. Golongan hanya terhad di masjid-masjid sahaja. Golongan moden telah melakukan dua perkara:

i) Mereka telah memburukkan nama para pencinta Islam;
ii) Mereka telah memperkecilkan dasar-dasar dan amalan agama Islam.

Sasaran utama gerakan ini ialah Khalifah Daulah Othmaniah iaitu Sultan Abdul Hamid yang kedua. Berbagai cerita mengenai penindasan dan kekejaman telah dikaitkan dengan peribadinya. Sebagai Khalifah Islam, Sultan Abdul Hamid memiliki kekuasaan politik dan agama. Para pejuang gerakan ini ingin melucutkan beliau daripada kedua-dua kuasa tersebut. Para pemimpin Arab ingin Sultan Abdul Hamid memegang kekuasaan politik sahaja dan menyerahkan urusan agama kepada orang-orang Arab yang lebih tahu mengenai ilmu agama (Islam). Para pemimpin Turki telah dituduh sebagai pengikut cara hidup Barat dan penyokong fahaman Liberalisme (Kebangsaan) yang ingin memusnahkan nilai-nilai Islam. Bahan penulisan yang berkaitan dengan perkara ini dicetak di Mesir. Ia tidak mendapat tempat di bawah Daulah Othmaniah. Kebanyakan penulis ini adalah orang-orang Lubnan dan Syria. Karya mereka dicetak dan diterbitkan di Mesir. Salah satu daripada karya terkenal yang menyentuh persoalan ini ialah ‘Ummul Qura’ oleh Abdul Rahman Al-Kawakibi. Dalam buku ini, Al-Kawakibi mencadangkan supaya jawatan Khalifah diserahkan kepada orang-orang Arab dan kerajaan kekal di tangan orang orang Turki. Sebabnya ialah orang-orang Turki mengutamakan politik lebih daripada agama dan minat mereka kepada Islam hanyalah sekadar mengambil hati orang-orang Islam.

Al-Kawakibi begitu berazam sekali menentang Turki Othmaniah sehingga beliau melewati sempadan adab dan akhlak. Beliau hendak membuktikan bahawa orang-orang Turki tidaklah betul-betul mencintai Islam. Beliau merujuk kepada sejarah untuk memperkukuhkan alasannya. Katanya, para Khalifah Turki Othmaniah mengorbankan agama untuk memenuhi kepentingan diri mereka (dalam buku 'Ummul Qura’). Beliau juga membuat kenyataan berikut: Sultan Fatah mengadakan perjanjian sulit dengan pernerintah Sepanyol iaitu Ferdinand dan Isabella. Perjanjian itu menghendaki Sultan Muhammad Fatah memberi peluang sepenuhnya kepada para pemerintah Kristian menghancurkan negara Arab yang terakhir iaitu Banu Ahmar.

Oleh itu, Sultan Muhammad Fatah telah membiarkan darah lima juta orang Islam mengalir dan membenarkan mereka dipaksa memeluk agama Kristian. Al-Kawakibi juga menuduh Sultan tersebut menyekat angkatan laut Afrika daripada membantu orang-orang Islam Sepanyol. Sebaliknya, Sultan telah memperolehi peluang menyerang Macedonia dan Konstantinopal dengan bantuan angkatan laut tersebut.

Kenyataan Al-Kawakibi ini bukanlah merupakan satu fakta sejarah. Ia adalah khayalannya semata-mata sebab Sultan Muhammad Fatah menakluki Konstantinopal pada tahun 1453 M. dan Ferdinand serta Isabella menaiki takhta kerajaan Sepanyol pada tahun 1479 M. Sultan Muhammad Fatah mangkat pada tahun 1481 M. Dalam. tempoh ini, Kerajaan Islam Granada masih wujud lagi. Ia jatuh ke tangan Ferdinand dan Isabella pada tahun 1492 M. dan beberapa tahun selepas itu, barulah berlaku pernbunuhan dan pengkristianan orang Islam Sepanyol.

Abdul Rahman Al-Kawakibi begitu kuat sekali menentang Turki Bani Othmaniah sehingga ia menyelewengkan fakta sejarah di dalam penulisannya. Penentangannya telah sampai ke peringkat yang melampau apabila dia menuduh Sultan Salim Turki menghapuskan para pemerintah Abbasiah di Mesir dan membunuh wanita-wanita hamil sedangkan para pemerintah Kristian di Sepanyol pula membakar hidup-hidup orang-orang Islam di situ.

Al-Kawakibi menulis mengenai Sultan Abdul Hamid, ‘Sultan Abdul Hamid menyangka kerajaannya akan dapat diperkukuhkan jika undang-undang Allah digantung dan riba serta arak dihalaIkan.’

Al-Kawakibi membuat kesimpulannya mengenai orang-orang Turki seperti berikut 'Orang-orang Turki membantu Russia menentang orang-orang Islam Tartar. Mereka juga membantu Belanda menentang orang-orang Islam di Pulau Jawa dan India.’

Abdul Rahman Al-Kawakibi berusaha menghasut orang-orang Arab supaya menentang Daulah Othmaniah dan membebaskan diri mereka daripada pemerintahan tersebut. (Ummul Qura). Sebuah lagi buku yang tersebar luas di Mesir ialah ‘Zikra-wa-Ibra’ oleh Sulaiman Bustani. Buku ini diterbitkan pada tahun 1908 M. Sulaiman Bustani adalah seorang Kristian. Beliau membuat kajian mengenai perlaksanaan undang-undang Daulah Othmaniah sebelum dan selepas pembentukan perlembagaan yang penuh kekejaman. Usaha ini membantu peranan para pemberontak Turki dan Negara-negara Eropah yang ingin memecah-belahkan Daulah Othmaniah Turki. Turut menyemarakkan lagi api kekecohan ini ialah para penyajak seperti Naseem, Waliuddin, Yakan dan Hafiz Ibrahim.

Gerakan Pembebasan Wanita.

Gerakan yang ketiga ini memperjuangkan hak kebebasan wanita. Gerakan ini ingin wanita terlibat di dalam setiap bidang kehidupan. la berkait rapat dengan kedua gerakan yang telah disebutkan sebelum ini. Kedua gerakan yang disebutkan itu inginkan kebebasan orang perseorangan. Gerakan yang ketiga ini inginkan kebebasan untuk wanita. Qasim Amin menulis dua buah buku yang berkaitan dengan perkara ini iaitu 'Tahrir-ul-Mirat’ (Kebebasan Wanita) dalam tahun 1899 dan ‘Al-Miratul Jadidah’ (Wanita Moden) dalam tahun 1900. Buku-buku tersebut telah menimbulkan

kekecohan besar yang berterusan selama lima puluh tahun di dalam negara Mesir. Dalam buku pertamanya, dia menganggap memakai tudung muka (hijab) bagi para wanita sebagai amalan yang tidak ada kena mengena dengan Islam. Islam membenarkan wanita mendedahkan tangan dan muka. Buku yang kedua (Al-Miratul Jadidah) membayangkan pengaruh Barat. Dalam, buku ini, Qasim Amin ingin melihat-wanita Mesir hidup seperti kaum wanita Inggeris dan Perancis.

Dalam buku ‘Tahrir-ul Mar’ah’, Qasim Amin membincangkan empat perkara. Perkara yang pertama ialah mengenai tudung muka (purdah). Sebahagian besar buku ini membincangkan perkara ini. Perkara kedua ialah penglibatan wanita di dalam kehidupan seharian manusia. Perkara yang ketiga ialah jumlah isteri (yakni poliganmi). Perkara yang keempat dan terakhir ialah mengenai penceraian. Dalam membincangkan perkara-perkara tersebut, Qasim Amin menulis dengan gaya Barat tanpa menyokong pendapatnya dengan dalil-dalil (fakta-fakta). Dia telah melakukan kesilapan-kesilapan dalam usahanya hendak membuktikan bahawa pendapatnya itu bersesuaian dengan dasar-dasar Islam. Contohnya, dia mengatakan bahawa tidak ada peraturan dalam Islam yang mewajibkan pemakaian tudung muka (purdah). Menurutnya, tudung muka ialah adat resam yang diambil dari negara-negara lain dan akhirnya menjadi sebahagian daripada amalan masyarakat Islam. Katanya jika tudung untuk muka wajib bagi wanita, mengapa ia tidak diwajibkan kepada lelaki?

Qasim Amin mengecam para ulamak dan ahli Fiqh Islam. Buku-bukunya ini mendapat tentangan hebat daripada orang ramai tetapi tentangan itu terhad di dalam akhbar-akhbar sahaja. Muhammmad Talat menulis sebuah makallah bertajuk ‘Tarbiyyat-ul-Mar'ah wal Hijab'(Pendidikan Wanita dan Hijab) yang mengandungi hujah-hujah yang kuat mengenai hijab dari kaca mata Islam. Namun begitu, makalahnya ini bukanlah merupakan satu usaha menjawab hujah-hujah di dalam buku Qasim Amin.

Dalam buku keduanya, iaitu ‘Al-Mar’ah Jadidah’, Qasim Amin mengaku telah mengenepikan dasar-dasar serta nilai-nilai Islam ketika menulis buku tersebut. Dia telah menulis buku itu berdasarkan pengalaman dan fakta-faktanya sendiri. Dia juga menghasut para wanita supaya menentang segala nilai-nilai akhlak dan agama dan berusaha membebaskan diri mereka. Qasim Amin cuba membuktikan bahawa kemunduran orang-orang Islam berpunca daripada sistem kekeluargaan, peraturan hijab (yakni peraturan mengenai hubungan antara lelaki dan wanita menurut Islam) dan dasar-dasar perundangan Islam (Syari'ah). Sungguh malang sekali kerana seorang Islam boleh mengecam Islam ke peringkat yang tidak berani dilakukan oleh orang asing sendiri.

Sikap tidak menghargai nilai-nilai Islam.

Para belia yang dipengaruhi kebudayaan Barat tidak suka mengamalkan dasar dasar Islam. Seorang cendekiawan terkenal, iaitu Taha Hussin telah meminta maaf kerana tidak memulakan kuliahnya dengan ‘Bismillahi-r-Rahmani-r-Rahim’. Beliau memberi alasan berikut: ‘Jika saya memulakan kuliah dengan kahmah Allah, para hadirin akan ketawa kerana ia bertentangan dengan perkembangan moden sekarang.’ (Majallah Al-Hidayah.)

Golongan ini tidak menentang kemajuan Barat. Mereka ingin mencapai kemajuan kebenaran tanpa mengenepikan agama (ad-Din). Walaupun keikhlasan mereka terhadap Islam tidak dapat diragui, namun begitu mereka telah menjadi lalai lantaran pengaruh Barat. Golongan ini memuji Islam. Mereka menggalakkan sejarah dan adat resam Islam. Kumpulan sajak karya Muharram penuh dengan huraian kegemilangan Islam pada masa lampau. Kasyif pula berani mengatakan bahawa kemunduran Islam disebabkan orang-orang Islam telah menyimpang daripada agama Islam. Di kalangan para penyajak ini, Syouqilah yang paling terkemuka. Orang-orang terpelajar golongan ini bersetuju menghilangkan salah faham terhadap Islam yang ada di hati orang ramai dan juga membina semula keyakinan mereka kepada Islam. Lantaran itu mereka pun menjalankan usaha membanteras semua amalan bukan Islam yang ada di kalangan orang-orang Islam Mesir. Muhammad Abduh, Abdullah an-Nadim dan Abdur-Rahman al Kawakibi memainkan peranan utama dalam usaha tersebut. Amalan-amalan bukan Islam yang ada pada waktu itu menggambarkan kejahilan orang orang kafir Mekah di zamah Rasulullah. Keadaannya begitu genting sekali schingga sukar bagi seseorang tokoh pembaharuan hendak membawa perubahan kepada susunan masyarakat waktu itu.

Peribadi Syeikh Muhammad Abduh.

Syeikh Muhammad Abduh adalah salah seorang tokoh pembaharuan yang terkemuka pada zamannya. Tujuan utamanya ialah hendak membawa keserasian antara Islam dan Barat. Beliau adalah pengikut Jamaluddin Afghani. Usaha Muhammad Abduh ini menggambarkan tindakan Jamaluddin Afghani. Kita boleh bahagikan gerakan Syeikh Muhammad Abduh ini kepada dua bahagian: Bahagian, pertama melibatkan zaman sebelum beliau berada dalam buangan. Bahagian kedua pula inelibatkan zaman beliau kembali ke Mesir dari buangan di Paris.

Terdapat perbezaan besar antara dua bahagian ini. Dalam bahagian pertama, beliau menumpukan seluruh perhatian kepada usaha menyatupadukan Dunia Islam. Bahagian kedua pula berkaitan dengan usahanya hendak membawa keserasian antara Islam dan Barat.

Dalam bahagian pertama, beliau berusaha sedaya upaya menentang segala bentuk kemungkaran dan kebathilan seperti bidaah, salah faham terhadap Islam dan takdir serta lain-lain lagi yang sedang melanda masyarakat Islam. Beliau cuba menyedarkan masyarakat supaya merujuk kepada Al-Quran, As-Sunnah dan Sejarah Islam. Beliau menerangkan bahawa Islam bukanlah satu agama adat resam tertentu tetapi adalah satu sistem hidup yang lengkap.

Sekembalinya dari Paris, beliau memperkenalkan ilmu Sains Barat di Universiti Al-Azhar. Di samping itu, beliau juga cuba merapatkan jurang yang ada antara Islam dan tamadun serta kebudayaan Barat. Langkahnya itu sesuai dengan waktunya kerana para ulamak Al-Azhar tidak mahu mempertingkatkan pembelajaran mereka dengan Sains Moden. Hal ini patut mereka lakukan tanpa peringatan dari luar. Dia menyuarakan pendapatnya ini di dalam ceramah-ceramah, perjumpaan perjumpaan peribadi dan perbincangan-perbincangan dengan guru-guru, para penuntut, ulamak dan lain-lain lagi. Dalam hal ini beliau menunjukkan sikap yang terlalu bebas. Lantaran itu, beliau menjadi seorang ulamak dan pemimpin yang

menimbulkan banyak pertentangan (kontroversi). Golongan yang berfahaman bebas (Liberal) merujuk kepadanya untuk mendapatkan pendapat.

Berakhirnya Daulah Othmaniah.

Perang Dunia Pertarna meninggalkan kesan yang sangat mendalam ke atas kehidupan masyarakat dan politik Mesir. Berbagai pemikiran dan agama yang wujud di Mesir telah menyebabkan susunan masyarakat Mesir bergolak. Perkara yang paling membimbangkan ialah berkenaan sistem pemerintahan berkhalifah. Walaupun Mesir ada banyak perbezaan, namun begitu ia masih patuh kepada sistem pemerintahan berkhalifah. Pada 18hb Disember, 1914, Mesir berada di bawah perlindungan Kerajaan British. Untuk memutuskan hubungan antara Mesir dengan Turki, Raja Abbas telah digulingkan dan Amir Hussin bin Kamil telah dilantik menjadi Raja Mesir dengan memakai gelaran Sultan. Jawatan Hakim Turki untuk Mesir telah dimansuhkan. Walau bagaimana pun, orang-orang Islam Mesir tidak memutuskan hubungan mereka dengan pemerintahan Khalifah Islam di Turki. Mereka juga terus menyatakan tentangan mereka terhadap kuasa-kuasa asing yang memusuhi mereka. Mereka enggan menerima Sultan Hussin sebagai raja mereka. Berikutan itu, dua cubaan membunuh Sultan Hussin telah dilakukan. Para ulamak Al-Azhar telah disenyapkan oleh Perdana Menteri. Dalam tahun 1918, banyak pertubuhan sulit telah ditubuhkan untuk menghalau British dari Mesir. Orang kanan Mustafa Kamal, iaitu Muhammad Farid telah menyokong Daulah Othmaniah walaupun beliau berada dalam buangan. Pihak British telah menjadikan Mesir sebagai pusat kegiatan sulitnya yang bertujuan untuk menghapuskan Daulah Othmaniah Turki. British juga mendapat keuntungan wang yang banyak dengan menyeret Mesir ke dalam kancah peperangan. Kedua perkara ini telah menimbulkan penentangan hebat daripada rakyat Mesir. Namun begitu, ada juga sekumpulan rakyat Mesir yang menyokong kerajaan British. Pada 15hb September 1915, Perdana Menteri Mesir menyampaikan satu syarahan. Dalam syarahan itu, beliau menuduh pihak Jerman kejam dan pihak British pula dianggapnya adil.

Sekumpulan cendekiawan Mesir menerbitkan satu surat menasihati rakyat Mesir supaya mematuhi pihak yang berkuasa. Walaupun terdapat usaha-usaha ini, negara Mesir pada umumnya menyebelahi Turki. Penyajak terkenal Muharram telah manulis sajak mernuji Turki:

‘Orang-orang Turki adalah tentera Allah. Andainya kerajaan Turki tidak gemilang di dunia, maka tiadalah lagi orang hendak melaungkan azan.’

Mesir berada di dalam keadaan berkemelut ini selama empat tahun. Akhirnya, dalam tahun 1919 M., rakyat Mesir di bawah pimpinan Mustafa Kamal telah memberontak menentang pihak British dan para penyokongnya. Tentera British pun bertindak balas dengan kejam dan ganas. Rakyat Mesir berasa terkejut dan kecewa apabila pasukan tentera Berikat memasuki dan menawan Turki. Setiap kanak-kanak Mesir mengalunkan Qasidah Hafiz Ibrahim yang bermaksud seperti berikut:

‘Duhai Aya Sofia, detik berpisah sudah tiba. Tetapi kau harus kenangi hari hari di mana orang-orang mulia bersolah di atas bumi mu.’ Kesedihan mereka terubat apabila rakyat Turki di bawah pimpinan Mustafa Kamal Pasya telah melancarkan perang kemerdekaan. Apabila Mustafa Karnal Pasya membebaskan beberapa

bahagian kawasan Anatolia daripada genggaman tentera Yunani (Greek), maka beliau pun menjadi tumpuan citi-cita dan harapan mereka.

Setelah Mustafa Kamal membebaskan Aastana, rakyat Mesir menyambut kejayaan itu dengan penuh gembira. Mustafa Kamal menggulingkan Sultan Abdul Hamid dan meletakkan Wahiduddin sebagai ganti. Rakyat Mesir menyokong langkah itu. Tidak lama kemudian, Mustafa Kamal mengisytiharkan bahawa negara (politik) dan agama ialah dua perkara yang berasingan. Lantaran itu, beliau pun melucutkan kuasa politik Sultan Wahiduddin. Sultan Wahiduddin pun menjadi Khalifah di segi nama saja tanpa ada kuasa politik. Walaupun tindakan ini merbahaya, tetapi sekumpulan rakyat Mesir menyokongnya. Perkara ini menjadi tajuk perbincangan rakyat Mesir selama dua tahun berturut-turut. Mereka berbincang sama ada tindakan Mustafa Kamal itu betul atau sebaliknya. Muhammad Syakir, seorang ulamak Mesir turut memuji orang-orang Turki yang tabah itu. Tiba-tiba, rakyat Mesir mendapat tahu bahawa Mustafa Kamal telah memansuhkan terus sistem pemerintahan Khalifah yang memang telah pun kehilangan kuasa politik itu. Mereka sangat terkejut dan pilu sekali mendengar berita itu.

Orang-orang lain yang mengaku khallfah.

Empat hari selepas sistem pernerintahan Khalifah dihapuskan, para ulamak Al-Azhar telah mengisytiharkan tindakan Mustafa Kamal itu tidak sah. Mereka berasa perlu mengadakan persidangan untuk menegakkan semula corak pemerintahan Khalifah Islam. Sebaik saja para ulamak Al-Azhar membuat kenyataan tersebut, pertikaian untuk memegang jawatan Khalifah pun kian hebat. Raja Afghanistan yang bernama Amanullah Khan melahirkan keinginannya hendak menjadi Khalifah orang-orang Islam. Syarif Hussin bin Ali pula menerima bai'ah (sumpah setia) dari rakyat Palestin dan Jordan Timur. Raja Fuad dari Mesir adalah orang yang penting di dalam usaha merebut jawatan Khalifah umat Islam.

Pihak British pula sedang berusaha habis-habisan menyekat sistem pemerintahan Khalifah Islam ditegakkan semula. Sultan Wahiduddin Turki yang digulingkan itu menghabiskan masanya dalam buangan di Pulau Malta. Beliau juga mencadangkan dirinya sendiri sebagai Khalifah umat Islam. Alasan yang diberinya ialah beliau bukan melarikan diri dari Turki tetapi hanya berpindah ke tempat yang lebih selamat lantaran sikap para penyokong Mustafa Kamal yang menentang Islam itu. Tambahnya lagi, beliau juga ingin mempertahankan Islam dan mendedahkan rancangan jahat kumpulan Mustafa Kamal.

Terdapat tindakan dua penjuru. Di samping ada usaha untuk mengadakan Persidangan Islam, terdapat pula perebutan jawatan Khalifah. Sebuah jawatankuasa atas nama Persidangan Islam telah dibentuk dan sebuah majalah juga telah diterbitkan atas narna tersebut. Sebuah makalah oleh Syed Rasyid Ridha telah diterbitkan di dalam keluaran pertama makalah tersebut. Dalam makalahnya itu, Syed Rasyid Ridha menyebut, ‘Ini merupakan persidangan pertama yang melibatkan para ulamak dari semua negara Islam. Persidangan ini bertujuan menghidupkan semula asas negara Islam dan ingin undang-undang Islam ditegakkan semula. Persidangan ini juga bertujuan merangka dasar-dasar pendidikan yang boleh memberi panduan di segi agama dan di samping itu berkemampuan menyelesaikan masalah-masalah duniawi. Imam dan Khalifah umat Islam akan dipilih di dalam persidangan ini.’

Cawangan-cawangan jawatankuasa Persidangan tersebut ditubuhkan di berbagai tempat di Mesir. Sekali lagi umat Islam menaruh harapan agar sistem pemerintahan Khalifah ditegakkan semula. Namun begitu, persidangan ditangguhkan beberapa kali kerana beberapa sebab. Sebab utama kegagalan ini ialah Sa’ad Zaghlol, iaitu Perdana Menteri Mesir sendiri. Beliau adalah penentang persidangan Islam. Sa’ad Zaghlol juga adalah scorang yang sangat berpengaruh dan beliau dengan senang boleh menghasut rakyat Mesir supaya menentang Raja mercka. Di samping itu, tersebar khabar angin mengatakan bahawa British sedang menyokong supaya Raja Fuad Mesir menjadi Khalifah.

Bermulanya penentangan terhadap Raja Fuad bermula di Al-Azhar. Para ulamak dan cendekiawan ini terbahagi kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama terdiri daripada para ulamak rasmi yang diketuai oleh Naib Canselor Universiti Al-Azhar. Kumpulan pertama ini menyebelahi Raja Fuad. Kumpulan ini menentang pemilihan Raja Fuad sebagai Khalifah dan mereka juga tidak menerima corak pemerintahan Khalifah. Menurut mereka, persidangan tersebut sepatutnya diadakan di Mekah atau lain-lain negara yang bebas.

Selepas ditangguh beberapa kali, persidangan itu pun diadakan pada 13hb Mei 1926 M.. Hanya tiga puluh empat perwakilan sahaja yang hadir. Persidangan itu menjadi tidak lebih dari perbualan rasmi sahaja. Persidangan itu mernbuat rumusan bahawa satu persidangan jawatankuasa kerja akan diadakan di Mesir. Cawangan-cawangan akan ditubuhkan di Negara-negara Islam yang lain. Persidangan tersebut juga akan diadakan lagi jika perlu. Kegagalan persidangan Islam ini sangat menyedihkan Mesir, seumpama sedihnya ia ketika pemerintahan Khalifah dihapuskan.

Sikap Golongan Mulhid (Atheis).

Para penyokong kebudayaan Barat dan golongan Mulhid (Atheis) berasa gembira dengan penghapusan pemerintahan Khalifah dan kegagalan persidangan Islam. Orang-orang Islam Mesir telah putus harapan. Mereka mula dilanda kemerosotan politik dan akhlak. Ketika ini, empat buah buku yang membincangkan pemerintahan Khalifah dan politik Islam telah diterbitkan. Buku-buku ini telah membuat rakyat Mesir terlibat di dalam perbincangan-perbincangan fahaman (ideologi) selama bertahun-tahun. Dua daripada buku-buku tersebut memberi huraian yang baik mengenai corak pemerintahan Khalifah Islam sedangkan buku yang dua lagi itu menentang sistem pemerintahan tersebut. Buku-buku yang menyokong corak pemerintahan berkhalifah ialah:

i) ‘Al-Khalifat Awil Imamah-el-Uzma’ (Pernerintahan berkhalifah atau Pernimpinan yang Agung) oleh Almarhum Syed Rasyid Ridha.

ii) ‘An-Nakir ala Munkir-i-Ni’amati Min as-Din-e wal Khalifati Wal Ummah’ (Kritik terhadap para penentang Din. Pemerintahan berkhalifah dan Ummah) oleh bekas Syeikhul Islam Turki iaitu Mustafa Sabri.

Kedua buah buku tersebut memberi huraian ilmiah mengenai kepentingan dan kelebihan undang-undang Islam dan corak pemerintahan berkhalifah. Mustafa Sabri

mengkaji segala pendapat Mustafa Kamal dengan terperinci. Hasil daripada kajiannya itu, beliau telah membuktikan bahawa Mustafa Kamal telah menyebelahi Yahudi dan Kristian dan menimpakan kerugian yang besar kepada Islam. Sebuah buku lain yang berjudul ‘Pemerintahan berkhalifah dan kekuasaan sebuah negara’ telah diterbitkan tidak lama kemudian. Pengarang buku tersebut ialah Abdul Ghani Baiq. Buku ini dikarang di dalam bahasa Turki dan diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Pengarang buku ini cuba membuktikan bahawa corak pemerintahan berkhalifah merupakan satu persoalan politik yang boleh dipertikaikan, bahkan ianya tidak ada dalam Islam.

Sebuah lagi buku yang serupa berjudul ‘Al Islam wa Usuulul Hukm’. Buku ini meninggalkan kesan yang hebat kepada para pendidik dan ahli fikir Mesir. Buku ini cuba menunjukkan bahawa tidak ada bukti di dalam Al-Quran atau As-Sunnah yang menyuruh umat Islam mengamalkan corak pemerintahan berkhalifah. Buku ini juga menganggap pendapat para ulamak Fiqh yang menyokong corak pemerintahan berkhalifah berdasarkan nas Al-Quran dan As-Sunnah itu sebagai tidak berasas. Menurut buku ini, Rasulullah (s.a.w.) melaksanakan tugas kerasulan dan baginda tidak memerintah seperti seorang raja atau ketua negara. Buku ini menolak semua undang-undang Islam sama ada yang berkaitan dengan jenayah mahu pun yang menyentuh hal ehwal orang awam (munakahat, muamalat). Ringkasnya, buku ini memutarbelitkan kenyataan sejarah Islam dan memupuk pendapat pendapat yang bertentangan dengan Islam. la memainkan peranan penting dalam menyesatkan orang ramai.

Golongan mulhid (atheis) Turki menyemai fahaman sekular di kalangan rakyat melalui undang-undang dan paksaan tetapi di Mesir, fahaman tersebut diterima dengan rela hati oleh rakyat. Orang-orang Turki mengambil ‘serigala putih’ sebagai lambang fahaman atau pegangan mereka. Rakyat Mesir pula mengambil ‘Abul Haul’ sebagai lambang. Lambang-lambang ini dicetak di atas wang-wang kertas dan stem-stem pos. Di Mesir mahkamah-mahkamah Syariah dan hijab wanita (purdah) dihapuskan. Percampuran lelaki dan wanita telah digalakkan. Berbagai gerakan menentang Islam telah wujud. Satu gerakan yang berusaha untuk menukar tulisan Arab kepada tulisan Rumi dan menggantikan bahasa Arab asli dengan bahasa Arab pasar telah dilancarkan.

Laungan Fahaman Kebangsaan Arab.

Fahaman Kebangsaan Arab tidak mendapat tempat ketika usaha Persidangan Islam sedang ketara di Mesir iaitu sebelum meletusnya Perang Dunia Pertama. Apabila corak pemerintahan berkhalifah dihapuskan, usaha Persidangan Islam telah bertukar menjadi usaha menegakkan fahaman kebangsaan Arab. Gerakan ini menjadi terkenal dalam masa yang singkat sahaja. Setengah orang menganggap fahaman kebangsaan Arab sebagai sumber perpaduan dan tidak terfikir oleh mereka bahawa ianya berbeza daripada risalah Islam. Kristian Lubnan memaparkannya sebagai satu falsafah dan mereka ini disertai oleh golongan Mulhid (Atheis) dalam Hizbul Ummah telah bersatu tetapi penyatuan mereka ini hanya sementara sahaja.

Anasir-anasir jahat menyangka mereka menegakkan fahaman Kebangsaan Mesir melalui penyatuan usaha kedua kumpulan tadi. Mereka memupuk pertalian erat antara fahaman kebangsaan dengan tamadun dan kebudayaan Firaun. Firaun dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya menjadi tajuk perbualan yang hangat

ketika itu. Patung patung Firaun dapat dilihat di bangunan bangunan, di stem, duit duit syiling, alat-alat tulis dan lain-lain lagi. Justeru itu, fahaman Kebangsaan Mesir dan fahaman Kebangsaan Firaun berjalan seiring.

Pertikaian antara yang lama dan yang moden.

Nilai-nilai lama adalah segala yang berkait rapat dengan cara hidup Islam. Nilai-nilai moden pula berkait rapat dengan segala nilai-nilai yang dibawa masuk ke Mesir dari Eropah. Pertikaian ini telah bermula semenjak zaman Muhammad Ali Pasya. Pertikaian ini menjadi lebih hebat apabila ada perwakilan dari Mesir yang melawat Eropah untuk mengkaji corak pendidikan di sana. Di samping itu, ada pakar-pakar asing yang melawat Mesir untuk membantu di bidang tadi.

Perkara ini kian meruncing ketika Ismail Pasya berkuasa. Ismail Pasya ingin Mesir menjadi sebahagian dari Eropah. Justeru itu, beliau membuka pintu Mesir seluas-luasnya untuk menerima segala perkara yang datang dari Eropah. Syeikh Muhammad Abduh dan Abdullah an-Nadim telah berusaha menyekat perkembangan ini ketika mereka hidup. Selepas Perang Dunia Pertama, pertikaian ini bertukar menjadi pertelegahan fahaman (fikiran).

Perjuangan fahaman Barat yang paling gigih ialah Salam Moosa. Dia menulis sebuah buku berjudul, ‘Hari ini dan Esok’. Dalam bukunya itu, dia mengecam Islam dan nilai-nilai Islam. Buku ini diterbitkan dalam tahun 1927 M. Dalam buku tersebut, beliau menulis, ‘Kita mesti putuskan hubungan kita dengan Asia dan bersatu dengan Eropah. Ini adalah pendapat saya. Saya akan terus berusaha secara rahsia dan terbuka untuk memupuk pendapat ini. Saya kufur terhadap Timur dan berimankan Barat.’ Berdasarkan pendapat ini, beliau telah menjalankan usaha menghapuskan segala nilai-nilai Islam dan Timur. Beliau mempersendakan Islam dan umat Islam secara terbuka.

Dalam tahun 1938 M., sebuah lagi buku yang berjudul, ‘Masa depan pendidikan di Mesir’ telah diterbitkan. Buku ini ialah hasil karya Taha Hussin. Dalam buku ini, Taha Hussin membayangkan rancangan pendidikan Mesir pada masa depan. Buku ini lebih membahayakan daripada buku Salamah Moosa kerana Salamah Moosa adalah seorang penulis biasa sahaja sedangkan Taha Hussin.memegang jawatan-jawatan penting. Bahkan kedudukannya itu memberinya kemampuan untuk melaksanakan rancangan pendidikannya diseluruh negara. Jawatan-jawatan yang dipegangnya ialah Pengetua Maktab Sastera Kaherah, Ketua Pengarah Kementerian Pelajaran, Setiausaha Teknik Kementerian Pelajaran dan Canselor Universiti Iskandariah. Ramai para penuntut dan pengikutnya terpengaruh dengan falsafahnya itu.

Taha Hussin menekankan tiga perkara penting di dalam bukunya itu:

i) Mesir patut dibaratkan dan diputuskan dari Islam;
ii) Fahaman Kebangsaan patut diperluaskan dan kerajaan sekular di tegakkan;
iii) Bahasa Arab sebagai Al-Quran patut digantikan dengan bahasa Arab sebagai bahasa metafizik.

Sebuah buku Taha Hussin yang lain berjudul ‘Fi-Sy’erel Jahil’. Buku ini menyerang nilai-nilai lama dalam kesusasteraan. Dalam buku ini, Taha Hussin cuba menggoncangkan keyakinan orang terhadap Al-Quran dan As-Sunnah. Almarhum Mustafa Sadiq-urRafi’ah telah bertindak balas dengan menulis dua buah buku menentang pendapat Taha Hussin yang palsu dan tidak berasas itu. Kedua buku itu berjudul ‘Al Markah Bainul Qadeem wa Jadid’ dan ‘Tahti Raitil Quran’. Gerakan yang berlawanan dengan Islam ini bergiat di empat sempadan, iaitu:

i) Wanita;
ii) Pakalan;
iii) Pendidikan;
iv) Bahasa dan kesusasteraan.

Usaha ini mencetuskan pertikaian di dalam segala bidang. Kejayaan yang luar biasa telah dicapai di dalam bidang yang menyentuh kaum wanita. Qasim Amin telah mempelopori kebebasan wanita dan kini kebebasan itu telah membawa kepada pembogelan (pendedahan aurat). Kaum wanita memakai yang separuh bogel. Kaum wanita juga terlibat dalam politik dan pemimpin mereka ialah puan Safiah Zaghlol dan Huda Syarawi. Huda Syarawi mengasaskan satu pertubuhan yang memperjuangkan kebebasan wanita. Beliau inengadakan perjumpaan-perjumpaan dan mengeluarkan kenyataan di dalam akhbar serta menghasut kaum wanita supaya berani rnembebaskan diri mereka dari kongkongan rumahtangga. Begitu hebat sekah perubahan yang dibawanya sehingga setiap lelaki siuman berasa terpegun. Inilah latar belakang politik dan masyarakat Mesir ketika Imam Hasan Al-Banna dilahirkan, dibesarkan dan dididik. Beliaulah yang akhirnya melancarkan satu gerakan Islam yang hebat yang terkenal dengan nama Al-Ikhwan Muslimin.

Latarbelakang Keluarga Imam Hasan Al-Banna.

Datuk Imam Hasan Al-Banna bernama Syeikh Abdur-Rahman Al-Banna. Beliau tinggal di sebuah kampung bernama Syamsyirah. Dua orang anak lelakinya bernama Ahmad dan Muhammad. Ahmad Al-Banna menuntut di Universiti Al-Azhar dan Muhammad Al-Banna pula terlibat dalam bidang pertanian. Selepas beberapa tahun, Syeikh Abdur-Rahman pun meninggal dunia. Satu perselisihan faham telah berlaku antara kedua orang anaknya itu mengenai pembahagian harta pusaka. Muhammad ingin memiliki bahagian tanah pusaka yang lebih luas kerana dia telah bersusah payah menjaga tanah pertanian bapa mereka. Perselisihan ini boleh membawa kepada pertengkaran tetapi Ahmad Al-Banna menyelesaikannya dengan menyerahkan kesemua bahagiannya kepada Muhammad dan terus berpindah ke Mahmoodiah untuk menetap di sana.

Ahmad bin Abdur-Rahman Al-Banna adalah bapa Imam Hasan Al-Banna, Di Mahmoodiah, Ahmad Al-Banna memulakan kerjanya sebagai tukang membaiki jam. Beliau berkelulusan dari Universiti Al-Azhar. Separuh hari dihabiskannya untuk mencari rezeki dan masanya yang lain digunakan untuk mengkaji dan belajar Al-Quran dan As-Sunnah. Di samping itu, Ahmad Al-Banna juga mempunyai sebuah perpustakaan yang mengandungi berbagai buku berharga mengenai Islam dan Sunnah.

Apabila penduduk kampung tersebut membina sebuah masjid mereka sendiri, mereka telah menjemput Ahmad Al-Banna menjadi imam solat Jumaat yang pertama di situ. Kepetahannya bercakap dan khutbahnya yang ilmiah itu telah menarik hati orang ramai. Beliau pun dilantik menjadi Imam dan Khatib tetap masjid tersebut atas permintaan ramai. Ahmad Al-Banna menerima tugas tersebut kerana mencari keredhaan Allah dan bukan kerana inginkan keuntungan kebendaan.. Dia meneruskan kerjanya sebagai tukang membaiki jam untuk menyara hidupnya dan masa lapangnya digunakan dalam mengkaji hadis.

Ahmad bin Abdur Rahman Al-Banna menyusun banyak buku mengenai hadis. Beliau menyusun semula Musnad Ahmad bin Hanbal menurut bab-bab di segi ilmu Fiqh. Kitab ini dinamakannya 'Al-Fathur-Rabbani Fi Tartib Musnad-ul Imam Ahmad bin Asy-Syebani'. Kemudian beliau menulis pula huraian terperinci mengenai kitab tersebut dan menamakannya 'Bulugh-ul-Amani Min Asrarul Fath-ur-Rabbani'. Beliau juga menulis huraian mengenai kitab Abu Dawud dan menamakannya 'Minhatul Mabud'. Di samping itu, beliau telah menyunting Musnad dan Sunnan Imam Syafi'e dan menulis huraian mengenainya. Karyanya dinamakannya 'Badayi'-al Musnad Fi Jama Wa Tartib Musnad-as-Syafi'e wal Sunnan'. Akhirnya beliau menyusun sebuah buku yang menyentuh Masanid keempat Imam tadi. Ahmad Al-Banna adalah seorang ulama yang cerdik. Kajiannya terhadap Islam telah menunjukkan kecekapannya itu. Beliau telah melakukan kerja akademik secara bersendirian saja.

Syeikh Ahmad bin Abdur-Rahman adalah seorang manusia alim yang hebat. Dia wara', berakhlak mulia dan bertaqwa. Isterinya juga berperibadi mulia serta wara'. Isterinya berasal dari Bani Abu Qurah. Dengan isteri pertamanya ini, Ahmad Al-Banna memperolehi tujuh orang anak iaitu lima lelaki dan 2 perempuan. Anak anaknya itu bernama Hasan Al-Banna (yang sulung), Abdur-Rahman Al-Banna, Fatimah Al-Banna, Muhammad Al-Banna, Abdul Basit Al-Banna, Jamal Al-Banna dan Fauziah Al-Banna. Syeikh Ahmad Al-Banna mempunyai seorang lagi isteri. Dengan isteri kedua ini, dia memperolehi seorang anak perempuan yang bernama Faridah Al-Banna.

Kelahiran dan Pendidikan Imam Hasan Al Banna.

Imam Hasan Al-Banna adalah anak sulung di dalam keluarganya. Beliau dilahirkan di Mahmoodiah pada bulan Oktober, 1906 M. Takdir Allah telah menentukan tarikh kelahirannya itu supaya dapat mengisi kekosongan akibat kematian pemimpin Muslim Mesir yang berwibawa dan tercinta iaitu Mustafa Kamal.

Mahmoodiah bersuasana kedesaan dan merupakan sebuah perkampungan petani. Para penduduknya menjalani kehidupan corak lama (tradisional). Keluarga Imam Hasan Al-Banna sangat 'alim dalam ilmu Islam dan Sejarah Islam. Keluarganya juga mengamalkan cara hidup Islam.

Imam Hasan Al-Banna mendapat pendidikan awal daripada bapanya sendiri. Dalam usahanya menghafal Al-Quran, bapanya telah memberi banyak bantuan. Bapanya juga memberi galakan kepadanya untuk mempelajari ilmu Islam. Tidak lama kemudian, beliau dimasukkan ke sebuah sekolah bernama Madrasah Ar-Rasyad As-Diniyyah. Di sekolah ini beliau berguru dengan seorang ulamak terpelajar yang bernama Muhammad Zahran.

Apabila pengurusan sekolah tersebut bertukar tangan dan pengasasnya iaitu Syeikh Muhammad Zahran membuat kerja lain, maka Imam Hasan Al-Banna pun berpindah ke sekolah lain yang bernama Madrasah A'adadiyah.

Tahap pengajian sekolah ini adalah lebih tinggi daripada sekolah rendah. Kerajaan Mesir menghapuskan sistem pengajian sekolah A'adadiyah dan menyerahkannya kepada Kementerian Pelajaran. Kini cuma ada dua pilihan saja bagi Hasan Al-Banna. Salah satu daripada pilihan itu ialah memasuki Maahad-i-Dini; iaitu sebuah pusat.pengajian yang berhubung terus dengan Universiti Al-Azhar. Langkah ini boleh menjadikannya salah seorang ulamak Al-Azhar. Pilihan yang satu lagi ialah memasuki Pusat Latihan Guru Damanhur untuk mendapat Ijazah Perguruan. Hasan Al-Banna memilih memasuki Pusat Latihan Guru Damanhur. Selepas itu tiga tahun berkursus di situ, beliau mendapat pangkat pertama di dalam peperiksaan. Selesai sahaja kursus perguruan tersebut, beliau telah ditawarkan jawatan guru oleh Pejabat Pelajaran Daerah tetapi beliau memilih untuk menyambung pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi iaitu ke Universiti Kaherah (Darul Ulum). Ketika itu beliau berusia 16 tahun. Mengikut peraturan, beliau tidak layak memasuki Universiti itu (yakni tidak layak dari segi umur) tetapi peraturan itu dilonggarkan kerana bakat dan keilmuannya yang luar biasa itu. Waktu itu, Darul Ulum terkenal dengan gelaran 'Al-Azhar kecil'. Di sini kursus di beri dengan cara atau kaedah moden. Diantara kursus-kursus yang disediakan ialah Perguruan, Saikologi, Falsafah, Politik,Ilmu Kemasyarakatan, Matematik dan Ilmu Bahasa. Sebaik sahaja diterima masuk, Imam Hasan Al-Banna dan keluarganya pun berpindah ke Kaherah.

Pada bulan Julai, 1927 M., Imam Hasan Al-Banna lulus peperiksaan diplomanya dari Darul Ulum (kini terkenal dengan Universiti Kaherah) dengan mendapat pangkat pertama. Hasan Al-Banna membahagikan masanya itu ditumpukan kepada pengajiannya dan sebahagian lagi dihabiskan untuk dakwah Islamiah dan membantu bapanya membaiki jam. Setelah beliau menamatkan pengajiannya, beliau terpaksa pula membuat pilihan sama ada beliau patut mengambil biasiswa luar negeri dan meneruskan pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi ataupun bekerja dengan Jabatan Pelajaran sebagai seorang guru. Jika beliau bekerja dengan Jabatan Pelajaran, beliau akan mengajar kanak-kanak pada siang hari dan masa lapangnya pula akan dihabiskan untuk.mengajar ibu bapa mereka. Kemudian, Darul Ulum mengumumkan bahawa Biasiswa luar negeri tidak akan ditawarkan kepada mana-mana pelajar kerana negara Mesir sedang mengalami kekurangan guru waktu itu. Selepas pengumuman tersebut, beliau tidak ada pilihan lain kecuali menjadi guru. Apabila beliau mula bertugas sebagai guru di sekolah kerajaan, umurnya baru menjangkau dua puluh satu tahun. Beliau tinggal di Ismailiah schingga tahun 1933 M.

Tugas Hasan Al-Banna Sebagal Seorang Guru dan Peristiwa Penubuhan Al-Ikhwanul Muslimin.

Imam Hasan Al-Banna tiba di Ismailiah pada tahun 1927 untuk memulakan tugasnya sebagai seorang guru. Beliau menggunakan masa lapangnya untuk mengkaji dengan teliti corak hidup masyarakat Ismailiah agar usaha dakwahnya dapat dilancarkan dengan lebih berkesan. Imam Hasan Al-Banna berusaha untuk menjadi seorang guru yang baik dan juga seorang pendakwah yang berjaya. Beliau memulakan

usaha dakwahnya di kedai-kedai makan dan kedai-kedai kopi dan bukannya di masjid. Dalam masa yang singkat sahaja, ramai telah menjadi pengikutnya.

Dalam bulan Mac, 1928 M., enam orang penting telah berkumpul di rumah Imam Hasan Al-Banna. Mereka telah bersumpah untuk hidup dan mati kerana memperjuangkan Islam. Perjuangan mengejut ini telah menghasilkan satu pertubuhan yang terkenal dengan nama 'Al-Ikhwan Muslimin'. Batu asas pusat gerakan dan masjid Ikhwan Muslimin telah diletakkan di Ismailiah pada tahun 1929 M. Selepas itu, cawangannya dibuka di kawasan Suez dan Iskandariah. Semenjak itu, Ikhwanul Muslimin pun berkembang dengan pesat menuju ke matlamatnya.

Pada bulan Oktober, 1933 M. Imam Hasan Al-Banna telah ditukarkan ke Kaherah. Tempoh enam tahun yang dihabiskan di Ismailiah merupakan titik permulaan keberkesanan gerakan Ikhwanul Muslimin pada masa depan. Ketika itu, ada satu pertubuhan dakwah di Kaherah yang terkenal dengan nama 'Jami'atu-Tahzib-al-Islami'. Pertubuhan ini terdiri daripada belia-belia yang ikhlas terhadap Islam. Para belia ini sangat tertarik dengan kegigihan Ikhwan memperjuangkan Islam sehingga akhirnya mereka turut menjadi ahli Ikhwan agar mereka juga melibatkan diri dalam kegiatannya. Berikutan itu, pertubuhan Jami'atu-Tahzib-al-Islami dan kesemua cawangan-cawangannya telah diserapkan ke dalam pertubuhan Ikhwanul Muslimin. Apabila Imam Hasan Al-Banna melawat Kaherah dalam tahun 1933 M., beliau dapati usaha Ikhwanul Muslimin di situ telah mencapai kemajuan yang pesat. Lantaran itu, beliau terpaksa meninggalkan jawatan gurunya dan memberi penumpuan sepenuh masa kepada Gerakan Ikhwanul Muslimin.

Perkabwinan Hasan Al Banna dan Anak-anaknya.

Hasan Al-Banna sangat disayangi oleh para penduduk Ismailiah. Kehadirannya itu telah menyirami hati mereka dengan kesedaran rohani. Haji Hussin as-Soli adalah seorang yang berperibadi mulia dan beliau sangat tertarik dengan peribadi Hasan Al-Banna serta kegiatannya. Hubungan antara Haji Hussin as-Soli dan Hasan Al-Banna begitu rapat dan kukuh sekali. Haji Hussin membantu Hasan Al-Banna dengan berbagai cara. Anak-anak lelakinya menjadi pengikut Hasan Al-Banna. Hubungan ini menjadi semakin kuat dari sehari ke sehari sehingga akhirnya Haji Hussin as-Soli mengambil Hasan Al-Banna sebagai menantunya. Latifah, anak perempuan Haji Hussin as-Soli, menjadi isteri Imam Hasan Al-Banna. Latifah juga seorang wanita yang berakhlak mulia dan bertakwa. Perkahwinan ini bertepatan dengan ayat Al-Quran yang bermaksud:

> *... dan wanita wanita yang baik adalah untuk laki laki yang baik dan laki laki yang baik adalah untuk wanita wanita yang baik (pula).*
>
> (Surah An-Nur, ayat 26.)

Latifah sangat setia kepada suaminya dalam berbagai keadaan. Perkongsian hidup mereka telah menghasilkan enam orang anak iaitu lima orang perempuan dan seorang lelaki. Kelima orang anak perempuan mereka bernama Sana'a, Wafaa, Raja'a, Hajir dan Istisy'had. Anak perempuan yang bongsu itu dinamakan Istisy'had oleh Latifah kerana beliau dilahirkan dihari Imam Hasan Al-Banna mati syahid.

Nama anak lelakinya ialah Ahmad Saiful Islam. Beliau juga tabah dan berwibawa seperti bapanya. Ahmad Saiful Islam berkelulusan di bidang ilmu perubatan dari sebuah Kolej Perubatan. Beliau ditahan daripada memegang apa-apa jawatan dan dihukum penjara selama dua puluh lima tahun ketika pemerintahan Jamal Abdul Nasir. Ada pepatah Arab yang bermaksud: ‘Anak seekor singa adalah singa juga’. Ahmad Saiful Islam memiliki segala sifat bapanya.

Hasil Tulisan Imam Hasan Al-Banna.

Imam Hasan Al-Banna adalah seorang pendakwah Islam dan juga tokoh pembaharuan. Beliau tidak menurut cara-cara Syed Rasyid Ridha. Hasan Al-Banna himpunkan sekumpulan orang-orang Islam yang berwibawa serta mempunyai kesanggupan untuk hidup dan mati dalam memperjuangkan Islam. Bellau ingin menegakkan cara hidup Islam di Mesir. Lantaran itu, beliau menumpukan lebih banyak masanya di sudut amali gerakannya, iaitu memberi latihan akhlak dan rohani kepada para anggota Ikhwan. Pernah beliau ditanya, ‘Mengapakah awak tidak mengarang buku?’ Imam Hasan Al-Banna menjawab, ‘Saya ‘menulis’ manusia.’ Ini bermakna beliau melatih manusia dari segi akhlak dan ilmu untuk perjuangan Islam. Walau bagaimanapun beliau ada menulis beberapa buah buku berikut:

I ‘Muzakirat ad-Da’awah wa-Dai’yiah’ (Catatan Dakwah dan Pendakwah).

Inilah hasil karyanya yang terulung. Buku ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama menyentuh kehidupan peribadinya dan bahagian kedua pula ialah mengenai kegiatan Ikhwanul Muslimin.

II ‘Risaail-Al-Imamu-Syahid.’

Buku ini ialah himpunan beberapa makalah yang disusunnya pada waktu waktu tertentu sepanjang hayatnya. Buku ini terbahagi kepada tajuk-tajuk yang berikut:

1) 'Risalatu Ta'alim.'

Buku kecil ini mengandungi arahan-arahan yang diberinya kepada orang-orang yang memasuki gerakan Ikhwanul Muslimin. Ia ditunjukkan kepada para ahli Ikhwanul yang telah berbai’ah. Dalam buku kecil ini, dia menjelaskan sepuluh dasar bai’ah:

Seterusnya Imam Hasan Al-Banna menerangkan segala kewajipan ahli-ahli Ikhwan di dalam semua bidang kehidupan selepas sahaja melakukan bai’ah. Beliau juga menetaplcan peraturan-peraturan yang perlu di ikuti dan yang patut ditinggalkan.

2) ‘Risalah Jihad’

Makalah ini menerangkan kewajipan, kepentingan dan kelebihan Jihad. Imam Hasan Al-Banna menulis makalah ini ketika para sukarelawan ‘Ikhwanul Muslimin’ melancarkan Jihad terhadap Yahudi Palestin. Manakala ini merupakan panduan untuk para mujahidin Islam.

3) ‘Da’watuna Fi Taauri Jadid’:

Makalah ini bermaksud ‘Dakwah kami di tahap baru’. Makalah ini ditulis ketika gerakan Ikhwanul Muslimin sedang pesat berkembang dan ramai para belia sedang menganggotainya. Para penentang juga menyatakan keraguan mereka terhadapnya. Imam Hasan Al-Banna juga menjelaskan, setiap kecaman yang ditunjukkan kepada Ikhwan oleh para penentangnya. Beliau menerangkan bahawa gerakan Ikhwan ini tidak terhad kepada mana-mana kumpulan tertentu tetapi ia sebenarnya adalah bercorak sejagat dan merangkumi seluruh umat manusia. Beliau juga menerangkan bahawa gerakan Ikhwan berdasarkan Iman dan akal.

Makalah ini juga menerangkan pendapat Ikhwan mengenai fahaman kebangsaan Mesir, fahaman kebangsaan Arab, fahaman Orientalisme (Ketimuran) dan fahaman Universalisme (kesejagatan) yang sedang melanda Mesir. Berhubung dengan perkara ini, Ikhwan berpendapat seperti berikut:

‘Kami ingin menegakkan sebuah negara Islam di Mesir. Negara Islam ini akan mengamalkan dasar-dasar Islam; menyatukan orang-orang Arab dan memelihara kebajikan mereka dan menyelamatkan umat Islam di seluruh dunia daripada penindasan dan kekejaman. Di samping itu, negara Islam ini akan menyebarkan Islam dan menguatkuasakan undang-undang Allah.’

Di akhir makalah ini, Hasan Al-Banna menyatakan hasratnya hendak membina sebuah masyarakat yang terdiri daripada orang-orang perseorangan dan keluarga keluarga yang berpegang teguh kepada Islam.

4) ‘Ar-Risail Ats-Tsalaasah’:

Karya Hasan Al-Banna yang ini pula terdiri daripada tiga makalah. Tajuk makalah yang pertama ialah ‘Apakah tugas kita?’. Tajuk makalah yang kedua ialah ‘Ke arah mana kita menyeru manusia?’. Tajuk makalah yang ketiga pula ialah ‘Risalah Cahaya’. Sebenarnya makalah yang ketiga itu ialah surat Hasan Al-Banna kepada Raja Mesir Shah Faruq, Perdana Menteri Mesir Nihas Pasya dan para pemimpin Negara-negara Muslim yang lain. Surat tersebut ditulis dalam tahun 1936.

Surat ini menerangkan dengan panjang dasar-dasar Islam, kebudayaan dan tamadun Islam. Beliau menyatakan kesalnya kerana orang-orang Islam telah mengamalkan cara hidup Barat sedangkan mereka mempunyai dasar fahaman (ideologi) mereka sendiri yang lebih hebat. Beliau juga membuat perbandingan antara cara hidup Islam dengan cara hidup Barat. Sebagai kesimpulan, beliau menegaskan bahawa hanya Islam sahajalah yang merupakan penyelesaian kepada segala masalah dan ia juga boleh menjamin kemajuan dan kebahagian kepada sesebuah negara. Akhir sekali beliau memberi lima puluh cadangan. Sepuluh cadangan berkaitan dengan politik, perundangan dan pentadbiran. Tiga puluh cadangan menyentuh dasar-dasar kemasyarakatan dan pendidikan. Sepuluh cadangan yang terakhir itu berhubung dengan masalah ekonomi.

5) ‘Perbandingan di antara yang dahulu dan sekarang'.

Makalah ini ialah yang pertama sekali ditulis oleh Imam Hasan Al-Banna. Ianya ditulis sejurus sebelum meletusnya Perang Dunia Pertama. Dalam makalah ini, beliau menerangkan dasar-dasar Islam dan ciri ciri pembaharuan ummah. Pada peringkat awal, beliau membincangkan negara Islam pertama yang berlandaskan Al-Quran di bawah pimpinan baginda Rasulullah (s.a.w.) sendiri. Berikutnya, beliau menyentuh sebab-sebab kejatuhan umat Islam. Akhirnya, beliau mengatakan bahawa Ikhwanul Muslimin mengajak manusia kepada kesejahteraan yang berkekalan.

6) 'Risalatul Mu’tamarul Khamis’.

Makalah ini merupakan syarahan Hasan Al-Banna di dalam Muktamar Kelima Ikhwanul Muslimin. Dalam syarahannya ini beliau menilai kembali pencapaian Ikhwanul Muslimin sepanjang sepuluh tahun yang lepas. Tiga perkara telah dibincangkan:

i) Matlamat Ikhwanul Muglimin dan corak (uslub) dakwahnya;
ii) Dasar dasar dan cara-cara Ikhwanul Muslimin;
iii) Sikap dan dasar Ikhwanul Muslimin terhadap berbagai pertubuhan dan dasar-dasar fahaman lain di Mesir.

7) ‘Ikhwanul Muslimin di bawah panji-panji Al-Quran’.

Makalah ini merupakan syarahan Imam Hasan Al-Banna pada 4hb April, 1939 M., di perhimpunan agung Ikhwanul Muslimin yang diadakan di ibu pejabat Ikhwan di Kaherah. Dalam syarahan ini, matlamat dan tujuan Ikhwan telah dijelaskan. Beliau juga membincangkan tugas serta kewajipan para belia. Makalah ini juga mengemukakan saranan supaya dilakukan pemberontakan terhadap kuasa-kuasa penjajah yang sedang menghancurkan masyarakat Mesir.

8) ‘Persoalan persoalan negara dari segi kaca mata Islam’.

Imam Hasan Al-Banna manulis makalah ini selepas tertubuhnya negara Pakistan. Beliau membincangkan masalah masalah politik negara Mesir dan negara-negara Islam yang lain. Turut dibincangkan ialah negara baru Pakistan yang sedang diancam oteh India dengan bantuan pihak Kornunis. Beliau membahagikan masalah yang dihadapi oleh negara Mesir kepada dua bahagian. Di samping itu, beliau juga membentangkan cara-cara untuk menyelesaikan masalah tersebut. Dalam bahagian pertama, beliau membincangkan segala keburukan yang ada corak kerajaan waktu itu dan kemudian beliau Memberi penyelesaian kepada masalah tersebut menurut dasar dasar Islam. Dalam bahagian kedua, dasar ekonomi diperbincangkan. Seterusnya, beliau menghuraikan sistern ekonomi Islam dan penyelesaian kepada masalah ekonomi Barat.

III Syarahan syarahan Imam Hasan AI Banna.

Buku ini mengandungi syarahan syarahan dan kuliah-kuliah Hasan Al-Banna. Ia merupakan satu khazanah ilmu.

IV Maqalat Hasan Al-Banna.

Buku ini ialah himpunan nasihat nasihat dan arahan arahan Imam Hasan Al-Banna kepada sahabat-sahabat dan para anggota Ikhwanul Muslimin

V Al-Ma'thurat.

Buku ini ialah himpunan do'a-do'a dan zikir yang disusun oleh Imam Hasan Al-Banna sendiri. la dibaca beramai-ramai oleh para anggota Ikhwan sebelum solat Maghrib. Ia merupakan pembaharuan ikrar mereka kepada Allah dalam.menjalankan dakwah Islamiah.

Syahidnya Imam Hasan Al-Banna.

Imam Hasan Al-Banna menjalani kehidupan yang penuh cabaran semenjak kecil sehinggalah beliau menemui ajainya. Beliau tiada mempunyai rehat langsung. Keseluruhan hidupnya ditumpukan kepada perjuangan Islam dan kebajikan orang-orang Islam. Beliau khusyu' beribadat kepada Allah dan selalu mengkaji Al-Quran serta Hadith. Tokoh Islam yang hebat ini mati syahid ditembak pada 12hb Februari, 1949 di Kaherah. Umurnya ketika itu ialah 43 tahun.

Dalam umurnya yang begitu singkat, Imam Hasan Al-Banna telah melancarkan satu gerakan Islam yang benar yang mempengaruhi seluruh Dunia Islam. Gerakan ini membawa perubahan hebat kepada Dunia Arab. Ia telah menegakkan semula kebenaran dan kekuatan Islam. Hasan Al-Banna adalah seorang yang berwibawa dan berhati tabah. Beliau memiliki peribadi Muslim sejati. Setiap tindakannya melambangkan eiri-ciri hidup Islam. Syeikh Muhammad Al-Ghazali, seorang ulamak besar Mesir, telah memuji Hasan Al-Banna dengan berkata demikian:

'Peluru telah menembusi jasad Hasan Al-Banna yang kurus dan lemah kerana banyak bersolah dan berzikir kepada Allah. Jasadnya itu juga penuh dengan debu lantaran pengembaraannya di jalan Allah. Dahinya melambangkan kebiasaannya dalam memberi pengorbanan-pengorbanan yang besar. Rasulullah (s.a.w.) telah bersabda yang bermaksud;

"Apabila seorang Mukrnin meninggal dunia, dia dibebaskan dari dunia dan dipindahkan ke dunia lain yang penuh nikmat dan kegembiraan."

Peranan keluarga Hasan Al-Banna dalam membina ketokohannya.

Seseorang yang dipilih Allah untuk menegakkan agama (ad-Din)-Nya akan diberi-Nya nilai-nilai peribadi yang melayakkan orang itu melaksanakan tugas berat tadi. Nilai-nilai peribadi itu akan dipupuk semenjak peringkat kanak-kanak lagi. Di antara contoh terbaik di zaman kebelakangan ini ialah As-Syahid Imam Hasan Al-Banna. Semenjak beliau kanak-kanak lagi, beliau sudah memiliki peribadi yang mulia dan wara'. Nilai peribadi ini semakin matang setelah beliau meningkat dewasa. Beliau benci kepada maksiat dan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan Islam sejak di peringkat awal lagi.

Imam Hasan Al-Banna dilahirkan dalam sebuah keluarga yang mulia. Keluarganya hidup dalam keadaan serba sederhana dan mengamalkan Islam di segenap sudut kehidupan mereka. Mereka hidup bebas daripada gejala maksiat yang

terdapat di bandarayanya. Bapanya berkelulusan Universiti Al-Azhar dan sangat alim dalam Hadith dan ilmu Fiqh. Imarn Hasan Al-Banna menerima pendidikan bercorak agama dan moden. Adiknya, Abdur-Rahman Al-Banna menyebut mengenainya seperti berikut:

‘Abangku yang dihormati. Ketika kau berumur sembilan tahun, saya baru menjangkau umur tujuh tahun. Kita mengaji Al-Quran dan belajar menulis di sekolah. Apabila kau berjaya menghafal dua pertiga Al Quran saya mampu menghafal sehingga Surah At-Taubah. Ketika kita pulang dari sekolah, bapa kita menyambut dengan penuh kasih sayang. Bapa kita yang dikasihi mengajar kita sirah (riwayat hidup) Rasulullah (s.a.w.), ilmu Fiqh dan nahu. Bapa kita telah menyediakan jadual pengajian kita ketika di rumah. Kau belajar ilmu Fiqh Imam Abu Hanifa manakala saya belajar ilmu Fiqh Imam Malik. Di segi ilmu nahu, kau belajar kitab ‘Alfiyah’ dan saya pula belajar kitab ‘Malhamatul Arab’.

Corak pengajian kita itu memerlukan kita mengulangkaji pelajaran bersama-sama dan bekerja keras. Justeru itu, kita terpaksa menyediakan jadual dan senarai kerja harian. Duhai abangku! Dalam hidupku, tidak pernah saya melihat orang yang begitu banyak berpuasa dan bersolah seperti kau. Kau bangun waktu sahur dan bersolah. Kemudian kau mengejutkan saya daripada tidur untuk menunaikan solah subuh. Selepas solah, kau membaca senarai kerja harian. Suara kau yang manis dan penyayang itu masih bergema di telinga saya. Kau pernah berkata, ‘Pukul lima hingga enam pagi ialah masa mengaji Al-Quran; pukul enam hingga pukul tujuh pagi ialah masa untuk belajar tafsir Al-Quran dan Hadith; pukul tujuh hingga lapan pagi ialah masa untuk belajar Fiqh dan Usul Fiqh.’ Itulah kerja rumah kita. Selepas itu kita pun pergi ke sekolah.

‘Terdapat banyak buku di dalam perpustakaan bapa kita. Kita telah sama-sama meneliti buku-buku tersebut sendiri. Nama buku-buku tersebut dicetak dengan huruf-huruf berwarna emas. Kadangkala kita meneliti kitab ‘Nisapur’; kitab ‘Qustalani’; dan kitab ‘Nail Al-Authar’. Bukan saja bapa kita telah membenarkan kita membaca buku buku diperpustakannya, bahkan beliau juga menggalakkan kita berbuat demikian. Kau selalu mengatasi saya dari segi ini. Saya cuba mengikut jejak langkahmu tetapi saya tidak mampu. Kau adalah seorang yang luar biasa. Walaupun perbezaan umur kita hanya dua tahun, tetapi Allah telah menyediakan engkau untuk pencapaian yang luar biasa.’

‘Bapa kita selalu mengadakan majlis-majlis perbincangan ilmiah. Kita kerap mengikuti dengan teliti perbahasan ilmiah antara beliau dengan para ulama yang lain. Majlis-majlis tersebut dihadiri olch Syeikh Muhammad Zahran dan Hamid Muhsin. Pernah kita mendengar perbahasan mereka mengenai ‘Arasyh Allah’ di langit tinggi. Di antaranya ialah adakah ‘Istiwa’ bermaksud duduk atau tinggal? Apakah pendapat Imam Ghazali dalam hal ini? Apa pula kata Zamakhshari mengenai perkara ini? Apakah pula tafsiran Imam Malik bin Anas? Kita mendengar perbahasan-perbahasan ini dengan penuh minat. Segala apa yang kita fahami telah bersemadi di dalam ingatan kita. Segala masalah dan perkara yang sukar difahami telah kita rujuk kepada bapa kita ataupun kepada kitab-kitab tafsir dan As-Sunnah.’

‘Saya tidak lupa hari di mana halaman rumah kita dipenuhi kanak-kanak kecil. Mereka adalah penuntut-penuntut sekolah yang diiringi oleh ketua darjah dan guru

mereka. Isteri guru mereka juga turut sama sambil mendukung anaknya. Setiap kanak-kanak membawa ranting-ranting kurma sambil bersyair:

‘Berselawatlah kepada Rasulullah (s.a.w.).’ Guru mereka pula bersyair demikian:

‘Kami tidak akan bergerak sehingga kami menerima kepingan perak di dalam pinggan yang bersih dan berkilat.’

‘Selepas syair ini, kanak kanak tadi mengulangi rangkap pertama semula. Ibu kita pun keluar membawa kepingan perak di dalam sebuah pinggan yang bersih dan berkilat. Dia mengisi beg isteri guru tersebut dengan kek dan kuih-kuih manis. Guru itu pun pulang ke rumah selepas acara tersebut. Acara itu diadakan kerana kau telah habis menghafal Al-Quran.’ (Petikan daripada buku Al-Imam as-Syahid Hasan al-Banna.)

Yang di Pertua pertama 'Jamiat-usy-Syubbanul Muslimin’ Mesir, Jeneral Muhammad Saleh Harb Pasya, menulis mengenai suasana di rumah Imam Hasan Al-Banna:

‘Saya berpendapat suasana di rumah memainkan peranan penting dalam memina peribadi Imam Hasan Al-Banna. Beliau dilahirkan di dalam sebuah keluarga yang ‘alim, wara’ dan berpegang kuat kepada agama dan ini memberi kesan yang ketara kepada peribadi Imam Hasan Al-Banna.’

‘Pendidikan yang diterimanya telah mencorakkan roh dan akhlak Islam yang sebenar ke dalam dirinya. Beliau terlibat di dalam amalan Sufi di peringkat awal lagi. Guru rohaniahnya (atau guru Sufinya mahir dalam ilmu Al-Quran, as-Sunnah dan Fiqh. Ilmunya seumpama sungai yang mengalir tanpa halangan untuk selama-lamanya. Ilmunya ini telah banyak membantunya ketika beliau menyampaikan syarahan dan ceramah. Dengan demikian, beliau berjaya memuaskan dirinya sendiri dan juga orang lain.’ (Al Imam-As-Syahid Hasan Al-Banna.)

Hasan Al-Banna sebagai pendakwah keell di kampungnya.

Allah telah menyemai ke dalam Hasan Al-Banna kecintaan dan kesungguhan untuk menjalankan usaha dakwah Islamiah, membawa pembaharuan kepada mesyarakat dan melancarkan jihad. Setiap sudut hidupnya dipenuhi ciri-ciri tadi. Walaupun Hasan Al-Banna menubuhkan Al-Ikhwanul Muslimin dalam bulan Mac, 1928, namun begitu, beliau telah menunjukkan ketokohannya sejak kanak-kanak lagi. Mutu peribadinya melambangkan ketokohan yang ada padanya. Akhirnya beliau berjaya menjadi Imam bagi seluruh Dunia Arab.

Ketika Imam Hasan Al-Banna menuntut di sekolah kampungnya, beliau telah menubuhkan sebuah persatuan yang bernama ‘Jami’atul Akhlaqui Adabiyah’. Beliau telah dipilih menjadi Yang Di Pertuanya. Persatuan tersebut bertujuan memupuk akhlak yang baik di kalangan para penuntut. Walau bagaimanapun, beliau tidak puas hati dengan kegiatan persatuan tersebut yang terhad itu. Lantaran itu beliau menubuhkan sebuah persatuan lain di luar sekolah. la diberi nama ‘Jami’at Insidad Muharramat’.

Persatuan ini berusaha melarang para penduduk kampung daripada terlibat di dalam amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam. Di antara kegiatan mereka ialah menulis surat kepada orang-orang kampung supaya mengamalkan cara hidup Islam agar mereka bahagia di dunia dan akhirat. Suatu hari, ketika Hasan Al-Banna masih menjadi penuntut di Mahmoodiah, beliau telah berjalan di tepi.sungai. Ada sebuah kapal berlabuh, di situ. Sebuah patung kayu bogel terpaku di tiang kapal tersebut. Tempat itu merupakan kawasan lalu lalang kaum wanita. Apabila beliau melihat patung tersebut, hatinya tidak dapat bersabar lagi. Beliau terus pergi ke balai polis untuk membuat pengaduan mengenai perkara tersebut. Pegawai Polis tadi pergi bertemu kelasi itu dan menyuruhnya menurunkan patung bogel tersebut dari tiang kapal. Pada hari berikutnya, pegawai polis tadi melawat sekolah Hasan Al-Banna dan memujinya di hadapan pengetua sekolah.

Berdakwah di Sekolah Latihan Perguruan Damanhur.

Imam Hasan Al-Banna berpeluang melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Latihan Perguruan Damanhur. Berkobar di dalam dirinya semangat ingin membawa pembaharuan. Tumpuan pertamanya ialah masjid. Beliau menyusun solah berjamaah di masjid. Di sinilah beliau bertemu para anggota Tariqat Hasafiyah dan turut menghadiri majlis mereka. Penglibatan ini memberi galakan kepadanya untuk berusaha menyebar kebaikan dan mencegah kemungkaran. Allah memberinya peluang untuk mendalami ilmu rohani.

Imam Hasan Al-Banna berkenalan dengan seorang saudagar ahli sufi, Syeikh Muhammad Abu Syousya. Saudagar ini menjadi kawan rapatnya. Dia membawa Imam Hasan Al-Banna dan rakan-rakannya menziarahi tanah perkuburan seminggu sekali untuk mengingatkan mereka kepada maut. Dia menceritakan kepada mereka kisah-kisah orang Islam yang saleh dan wara'. Kisah-kisah ini membuat mereka menangis dan mendorong mereka mematuhi Allah dan Rasul-Nya. Akhirnya mereka menubuhkan sebuah persatuan yang diberi nama 'Jamia'tul Hissafiyah Khairiyyah'. Persatuan ini mempunyai dua tujuan. Yang pertama ialah mengajak manusia supaya membina akhlak mulia dan menjauhkan diri daripada amalan yang bertentangan dengan Islam. Yang kedua ialah menyekat kegiatan dakyah (zending) Kristian yang berusaha menyebarkan agama mereka dengan berlagak sebagai pendidik dan pekerja-pekerja kebajikan masyarakat.

Di Damanhur, tanggung jawab Imam Hasan Al-Banna kian bertambah. Beliau bangun sebelum subuh dan menunaikan solah Tahajjud di masjid. Selepas itu, beliau membangunkan para muazzin daripada tidur mereka. Apabila para muazzin ini melaungkan azan, Imam Hasan Al-Banna begitu gembira sekali mendengar suara mereka yang sayup-sayup memecah kesepian waktu subuh.

Di Damanhur juga, Imam Hasan Al-Banna belajar mengawal diri dan bersabar. Nilai-nilai peribadi ini banyak membantunya ketika beliau menjalankan usaha dakwahnya.

Imam Hasan Al-Banna di Kaherah.

Apabila Imam Hasan Al-Banna memasuki Darul Ulum, Kaherah, beliau dapati struktur masyarakat di sini lebih rumit daripada yang pernah dihadapinya sebelum ini. Keadaan hidup di Kaherah berbeza daripada di Mahmoodiyah dan Damanhur. Kaherah ialah pusat kegiatan politik, pendidikan dan kebudayaan. Keadaan manusia yang berbagai ragam di Kaherah menguatkan cara hidup Islam walaupun terpaksa menghadapi kesukaran yang hebat.

Imam Hasan Al-Banna menganggotai sebuah pertubuhan yang bernama 'Jamaiatul Makarimul Akhlaq'. Inilah satu satunya pertubuhan yang sanggup menentang kemungkaran dan membawa pembaharuan kepada masyarakat Kaherah. Imam Hasan Al-Banna selalu menghadiri mesyuarat atau perjumpaan yang diadakan oleh pertubuhan tersebut.

Dakwah Islamiah di Kedai-kedai Kopi.

Keruntuhan akhlak, kekacauan dan kebudayaan Barat telah merebak di Kaherah. Imam Hasan Al-Banna sedar mengenai perkara ini. Beliau berpendapat ceramah dan khutbah di masjid sahaja tidak cukup untuk menyekat arus kemungkaran yang kian menular itu. Beliau pun menubuhkan sebuah pertubuhan yang menggabungkan tenaga para penuntut Darul Ulum dan Al-Azhar dan menyusun satu rancangan dakwah. Mereka yang terlibat ini menjalankan usaha dakwah Islamiah di kedai-kedai kopi dan tempat-tempat awam. Beliau sendiri, sebagai ketua pertubuhan tersebut dan dengan bermodalkan Ilmu Al-Quran dan Hadith yang ada padanya, telah menyampaikan ceramah di kedai-kedai kopi. Beflau menasihati para pelanggan yang mengunjungi tempat tempat itu supaya meninggalkan kegiatan yang sia-sia dan mengajak mereka menunaikan kewajipan agama. Cara dakwahnya ini mendapat tentangan daripada para ulamak. Namun begitu, usahanya ini mendapat kejayaan. Bahkan cara berdakwah itu telah merebak ke Bandar-bandar dan kampong-kampung. Pertubuhan tersebut telah melantik satu jawatankuasa untuk menguruskan kegiatan dakwah Islamiah.

Pertubuhan tersebut memperhebatkan kegiatannya apabila tiba cuti musim panas. Sebaik saja cuti musim panas bermula, para anggotanya pun melawat Bandar-bandar dan kampong-kampung untuk berdakwah. Imam Hasan Al-Banna mendapat dua keuntungan daripada cara berdakwah tadi. Yang pertama ialah beliau dapat membina keyakinan diri sendiri dan yang kedua ialah beliau dapat mengkaji sifat dan corak pemikiran orang awam.

Seruan kepada para ulamak dan pemimpin.

Hasan Al-Banna mendapati gerakannya itu lebih lemah jika dibandingkan dengan gerakan sekular Turki yang mempunyai pengaruh yang kuat di Mesir. Hasan Al-Banna pun mula merancang untuk melancarkan satu gerakan yang lebih kuat, yang mampu menghadapi kegiatan gerakan-gerakan yang menggugat Islam. Beliau mendekati para ulamak dan mengingatkan mereka kepada kewajipan-kewajipan mereka terhadap Islam. Beliau menemui Syed Rasyid Ridha dan ulamak Al-Azhar yang terkenal, Syeikh Yusuf as-Dajwi. Dia mengingatkan mereka kepada kewajipan yang perlu mereka lakukan untuk Islam. Hasan Al-Banna menekankan betapa perlu diterbitkan sebuah majalah Islam yang berkesan untuk membalas serangan daripada majalah-majalah golongan mulhid (atheis) yang menghentam Islam. Seterusnya beliau

menghubungi pemilik syarikat penerbitan ‘Al-Maktaba-tus-Salfiyah’; membuat pengaduan kepada Canselor Universiti Al-Azhar dan menghadiri majlis-majlis perjumpaan yang diadakan oleh Farid Wajdi. Mereka ini semua adalah orang-orang alim terkemuka Mesir. Beliau menemui mereka seorang demi seorang tetapi hasilnya kurang memuaskan. Namun begitu, Muhibuddin Al-Khatib menerbitkan majalah mingguan bernama ‘Al Fatah’ yang memainkan peranan penting dalam menghadapi kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan Islam.

Imam Hasan Al-Banna mempunyai nilai peribadi yang melayakkan beliau menjadi seorang pendakwah dan tokoh pembaharuan yang baik. Syeikh Muhammad Al Ghazali iaitu salah seorang sahabatnya, menulis mengenai beliau seperti berikut:

‘Seorang pemimpin yang mampu menggunakan segala sumber bahan yang ada dengan teratur adalah seorang pemimpin yang berjaya. Seorang pemimpin yang lebih berjaya adalah seorang pernimpin yang berupaya mengadakan sumber bahan. Imam Hasan Al-Banna termasuk di dalam golongan pemimpin yang boleh mengadakan sumber bahan.’

Di dalam peperiksaan di Darul Ulum, Imam Hasan Al-Banna pernah diminta menulis sebuah karangan bertajuk, ‘Apa yang akan anda buat selepas menamatkan pengajian dan apakah cara yang anda gunakan?’ Imam Hasan Al-Banna menulis seperti berikut:

'Saya ingin menjadi seorang guru dan pendakwah. Saya akan mendidik para pemuda pada waktu siang, malam dan waktu cuti. Saya akan mengajak keluarga mereka mengamalkan cara hidup Islam dan menunjukkan kepada mereka jalan untuk mendapatkan kegembiraan dan kebahagiaan hidup yang sebenar. Saya akan menggunakan cara-cara yang paling baik yang termampu oleh saya untuk mencapai tujuan ini melalui syarahan, penulisan dan pengembaraan di jalan raya dan lorong-lorong.’

Begitulah semangat yang ada pada seorang pendakwah muda bernama Hasan Al-Banna. Adiknya, Abdur-Rahman Al-Banna menulis mengenainya:

‘Ketika kami masih kanak-kanak, Hasan Al-Banna memegang tangan saya sambil berkata: “Bukankah kita telah menghafal suruhan Allah di dalam ayat 104, Surah ketiga (Ali Imran)?”

Maksudnya:

> *“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan ummat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang maaruf dan mencegah daripada yang munkar, merekalah orang-orang yang beruntung.”*

Penjelasan:

‘Ma’ruf; segala perbuatan yang mendekatkan kita kepada Allah, sedangkan munkar ialah segala perbuatan yang menjauhkan kita daripada-Nya.

Penubuhan Ikhwanul Muslimin di Ismailiah.

Sebaik sahaja Imam Hasan Al-Banna menamatkan pengajiannya di Darul Ulum, Kaherah, beliau telah dilantik menjadi guru di sebuah sekolah di Ismailiah (iaitu pada tahun 1927). Di Ismailiah, beliau mula mencari peluang untuk melancarkan usaha dakwahnya. Selepas mengkaji suasana di Ismailiah dengan teliti, beliau pun mengambil keputusan tidak akan berdakwah kepada para pengunjung rnasjid. Beliau memilih kedai-kedai kopi dan tempat-tempat lain yang seumparna itu sebagai sasaran dakwahnya.

Dalam masa yang singkat sahaja, Imam Hasan Al-Banna telah berjaya menawan hati para penduduk Ismailiah. Beliau juga berpeluang melihat sendiri kebiadapan penjajah ketika memerintah Ismailiah. Ismailiah ialah kubu tentera British. Hasan Al-Banna benci dengan keadaan politik yang wujud di Ismailiah ketika itu. Ada dua tugas penting menunggunya. Pertama, beliau. perlu menghilangkan pengaruh kuasa penjajah. Yang kedua pula beliau harus berdakwah untuk menjelaskan dasar-dasar Islam kepada para penduduk Ismailiah. Kebanyakkan masanya adalah di dalam. melaksanakan tugas tadi. Usahanya itu telah inendatanglcan hasil yang baik. Akhir sekali, ‘Al Ikhwan Muslimin’ pun ditubuhkan di rumahnya. Ikhwanul Muslimin bertujuan membawa pembaharuan Islam kepada kehidupan perseorangan dan masyarakat Ismailiah. Penekanan Al Ikhwanul Muslimin ialah kepada pengislaman masyarakat Mesir seluruhnya.

Hasan Al-Banna menggunakan empat cara dalam melaksanakan tugasnya di Ismailiah. Langkah pertama ialah menjadikan setiap orang perseorangan itu Muslim yang sebenar. Langkah kedua ialah mewujudkan keluarga Muslim yang sebenar. Langkah ketiga pula ialah mendirikan sebuah Ummatul Muslimin (masyarakat Islam sebenar). Manakala langkah keempat ialah menegakkan sebuah negara Islam sejagat di Mesir. Selepas penubuhan Al Ikhwan Muslimin, Imam Hasan Al-Banna tinggal di Ismailiah selama lima tahun. Beliau telah membawa perubahan yang besar kepada masyarakat Ismailiah sepanjang tempoh tersebut. Sebuah pusat gerakan dan masjid yang diberi nama ‘Darul Ikhwan’ telah didirikan di Ismailiah dalam tempoh dua tahun sahaja. Cawangan-cawangan Ikhwanul Muslimin telah dibuka di Abu Suwair, Pelabuhan Sa’id, Balah dan Syabrakhit. Sebuah cawangan telah dibuka di Suez pada tahun ketiganya. Pada tahun keempat, sepuluh cawangan lagi telah dibuka. Sebuah sekolah lelaki yang diberi nama ‘Sekolah Hira’ dan sebuah sekolah perempuan yang diberi nama ‘Sekolah Ummatul Mu’minin’ telah didirikan di Ismailiah. Setiap cawangan Ikhwan membina masjid sendiri dan kadang kala kelab Ikhwan juga didirikan.

Penukaran Imam Hasan Al-Banna ke Kaberah.

Dalam tahun 1933, Imam Hasan Al-Banna meminta ditukarkan ke Kaherah. Beliau ingin menjadikan Kaherah sebagai gerakan Ikhwanul Muslimin. Oleh itu, beliau menjalankan usaha yang gigih untuk mencapai tujuan itu. berikut ini ialah kata kata Hasan Al-Banna sendiri yang ditulisnya dalam tahun 1934:

‘Risalah dan fahaman Ikhwan telah merebak ke lebih lima puluh tempat di Kaherah. Penubuhan cawangan-cawangan ini telah diikuti oleh pelancaran rancangan-rancangan yang berfaedah. Contohnya di Ismailiah, sebuah masjid telah dibina beserta pusat gerakan Ikhwan. Di samping itu, sebuah kelab dan sekolah Latihan Kemahiran

(Vokesyenal) telah didirikan di Syabrakhit. Para penuntut yang tidak berupaya menamatkan pengajian mereka dibenarkan masuk ke sekolah Latihan Kemahiran. Berikutan itu, sebuah kilang kain dan sebuah kilang permaidani telah dibina di Mahmoodiyah. Di samping itu, sebuah Madrasah untuk mengajar Al-Quran dan A-Sunnah juga telah dibuka di Mahmoodiyah. Madrasah yang serupa juga telah dibuka di Daqahliyah.'

Gerakan yang berjaya.

Pada mulanya kegiatan pimpinan Imam Hasan Al-Banna terhad kepada usaha pembaharuan masyarakat umum sahaja. Tetapi dalam tahun 1935, Imam Hasan Al-Banna mula bergiat dalam politik. Beliau memberi syarahan-syarahan dan menulis surat menyeru pihak kerajaan agar menumpukan perhatian kepada usaha pembaharuan masyarakat. Isi surat-surat tersebut membayangkan keinginannya hendak membawa perubahan menyeluruh dalam corak pendidikan, ekonomi, masyarakat dan politik agar bertepatan dengan dasar dasar Islam. Hasan Al-Banna meneruskan perjuangannya semenjak zaman Muhammad Mahmood Pasya sehinggalah ke detik pecahnya Perang Dunia Kedua. Al Ikhwanul Muslimin menjadi sebuah gerakan revolusi sepenuhnya dalam tahun 1938. Pada tahun yang sama, Hasan Al-Banna pernah berkata:

'Gerakan ini berlandaskan rancangan-rancangan yang mencakupi setiap sudut pembaharuan masyarakat. Ikhwan ialah sebuah gerakan keagamaan kerana ia mempertahankan Al-Quran dan As-Sunnah. Ia bertujuan membentuk masyarakat menurut dasar-dasar Islam dan merupakan satu sistem Sunnah di mana setiap ahlinya berusaha dengan gigihnya untuk mengikuti Sunnah Rasulullah (s.a.w.). Ikhwan juga adalah satu rangkaian tasawwuf kerana ia tahu bahawa setiap perkara yang baik itu berdasarkan taqwa dan kecintaan kepada Allah. Ikhwan juga ialah sebuah pertubuhan politik kerana ia ingin pembaharuan politik berlaku di dalam dan di luar negeri. Ia ingin melatih negara (Mesir) supaya mendapat tempat yang mulia dan tinggi di dunia. Ia merupakan satu kumpulan latihan jasmani di mana para anggotanya menjalani latihan jasmani secara berpasukan untuk memelihara kesihatan mercka. Mereka juga mengadakan pertandingan dengan pasukan pasukan lain. Ikhwan juga ialah sebuah pertubuhan yang terlibat dalam pendidikan dan kebudayaan yang sihat. Ikhwan Muslimin merupakan Bank Kerjasama Kewangan kerana Islam juga mampu menyelesaikan masalah kewangan. Al-Ikhwanul Muslimin berusaha membuka bank-bank Islam dan mengukuhkan ekonomi negara. Ikhwan juga merupakan satu pertubuhan kemasyarakatan kerana para anggotanya menjalankan usaha mengesan kemungkaran-kemungkaran di dalam masyarakat dan mengemukakan cara-cara untuk mengatasi atau menyelesaikan masalah tersebut.'

Kemajuan Gerakan Ikhwanul Muslimin.

Muhammad Syauqi Zaki menulis seperti berikut: 'Dari tahun 1939 sehinggalah tahun 1945, Ikhwanul Muslimin telah memasuki satu tahap baru dalam arena politik. Kegiatan dan rancangannya telah berkembang luas dengan kadar yang luarbiasa sekali. Ramai penuntut Universiti Al-Azhar dan Universiti Kaherah memasuki Al Ikhwanul Muslimin. Di samping itu, buruh-buruh, para saudagar, guru guru. Para doktor dan peguam juga turut menyertai gerakan Ikhwanul Muslimin. Justeru itu, Al Ikhwanul Muslimin merupakan satu: gerakan yang mewakili hampir

semua peringkat masyarakat. Di samping usaha membaiki keadaan ekonomi negara, Ikhwanul Muslimin juga terlibat di dalam kegiatan sukan dan latihan jasmani. Semua cawangan Ikhwan di Mesir mempunyai jentera pentadbiran yang tersusun rapi dan berjalan lancar. Akhirnya, Al Ikhwanul Muslimin menjadi satu gerakan yang disegani.' (Al Ikhwanul Muslimin Wal Mujtami' Al Misri).

Dalam tempoh ini juga (1939-1945), Ikhwan terpaksa menghadapi berbagai kesukaran. Ianya bermula di zaman pemerintahan Sirri Pasya. Kedutaan British dan Pemerintahan Tertinggi British mengenakan tekanan terhadap Kerajaan Mesir agar mengawal pertumbuhan pesat gerakan Ikhwan. Berikutan itu, dua majalah mingguan Ikhwan, iaitu 'Al Syua'ra' dan 'At Ta'aruf' telah diharamkan. Alat pereetakannya dirampas dan semua akhbar telah dilarang menerbitkan sebarang berita mengenai kegiatan Ikhwan. Pihak kerajaan juga tidak membenarkan Ikhwan mengadakan sebarang mesyuarat atau perjumpaan di seluruh negara. Akhirnya pihak kerajaan menyusun rancangan untuk mengasing-asingkan para pemimpin Ikhwan. Imam Hasan Al-Banna yang masih bertugas sebagai guru itu telah ditukarkan (dari Kaherah) ke Qina. Setiausaha Asung Ikhwan telah ditukarkan ke Damyat. Apabila Parlimen Mesir membantah, mereka pun dipanggil semula. Mereka telah ditangkap sebaik sahaja mereka tiba di Kaherah. Namun begitu, suasana ketika itu memaksa pihak berkuasa membebaskan mereka selepas beberapa waktu.

Apabila Nihas Pasya memegang teraju pemerintahan, beliau menunjukkan sikap yang lembut terhadap Ikhwan. Dalam tahun 1944, Nihas Pasya telah dipecat dan kekuasaan telah beralih ke tangan Ahmad Mahir Pasya. (Ahmad Mahir Pasya gerakan Ikhwan.) Beliau juga mengisytiharkan perang terhadap Itali dan Jerman atas desakan British. Ikhwan membangkang keputusan tersebut dan meminta ianya ditarik balik. Tidak lama kemudian, scorang lelaki bernama Alyeeswi telah membunuh Ahmad Mahir Pasya. Nuqrasyi Pasya menggantikan tempat Ahmad Mahir Pasya. Beliau menangkap Imam Hasan Al-Banna, Setiausaha Agung Ikhwan dan para pemimpin Ikhwan yang lain.

Gerakan Menentang Penjajahan British.

Sebaik saja Perang Dunia Kedua berakhir dalam tahun 1945 pihak Ikhwan terpaksa menghadapi beberapa masalah yang genting. Kerajaan British berjanji hendak memberi kemerdekaan kepada Mesir jika ia menyebelahi British di dalam Perang Dunia Kedua. Selesai saja Perang Dunia Kedua, Ikhwan. Muslimin menjalankan usaha besar-besaran menentang pihak British dan mendesaknya supaya menunaikan janji yang telah dibuatnya. Disamping itu, Ikhwan juga memulakan kegiatannya di dalam keadaan baru di Mesir.

Pada 8hb Oktober, 1945, Ikhwan telah mengadakan satu mesyuarat agung. Beberapa pindaan perlembagaan telah dibuat untuk menyesuaikannya dengan keadaan yang telah berubah itu. Ikhwan juga telah menubuhkan beberapa syarikat baru dan hal ini telah menambahkan lagi pendapatannya. Pihak Ikhwan juga menerbitkan akhbar harian bernarna 'Al Ikhwan'. Pasukan sukarelawan Ikhwan juga telah disusun. Pusat latihan ketenteraan telah dibuka di berbagai tempat di Mesir. Pihak Ikhwan telah menjalankan usaha yang ikhlas untuk menyatupadukan Negara-negara Arab. Tugas dan tanggungjawab telah dibahagi-bahagikan. Para anggota Ikhwan memperbaharui

baiah (sumpah setia) mereka dengan Hasan Al-Banna dan memilihnya sebagai pemimpin seumur hidup.

Ikhwan Muslimin kian maju.

Kemajuan Al Ikhwan Muslimin telah dicatitkan oleh Muhammad Syauqi Zaki seperti berikut:

'Di Mesir saja, jumlah anggota, lkhwan yang betul betul bergiat (aktif) menjangkau angka setengah juta (yakni 500,000) orang. Jumlah penyokong dan pembantu pula melebihi setengah juta orang. Terdapat dua ribu cawangan di Mesir dan lima puluh cawangan di Sudan. Banyak lagi cawangan dibuka di Negara-negara Arab yang lain.'

Penglibatan Al Ikhwan dalam Perang Palestin.

Imam Hasan Al-Banna mengisytiharkan jihad terhadap British ketika Nuqrasyi Pasya memerintah Mesir. Hal ini membangkitkan semangat kemerdekaan di seluruh negara. Kerajaan Nuqrasyi Pasya tidak mampu menghadapi gerakan Ikhwan dan terus meletak jawatan. Teraju kerajaan seterusnya diambil abh oleh Ismail Sidqi Pasya. Beliau juga menzalimi dan menindas Al Ikhwanul Muslimin. Akhirnya, Ismail Sidqi Pasya juga meletak jawatan. Sekali lagi Nuqrasyi Pasya mengambil alih kerajaan pada 10hb Disember, 1946. Berlakulah pertentangan antara pihak Ikhwan yang memperjuangkan kebebasan dengan Nuqrasyi Pasya dan pihak British. Pertentangan antara kedua pihak ini memakan masa yang lama dan merumitkan lagi masalah Palestin.

Ikhwan ialah pembela Palestin yang utama. Ikhwan telah mengadakan satu perarakan besar-besaran pada 12hb Disember, 1947. Perarakan itu bermula di Universiti Al-Azhar di bawah pimpinan Imam Hasan Al-Banna. Beliau menaiki sebuah kereta sambil membawa satu pembesar suara untuk memberi arahan. Dalam satu mesyuarat pada 6hb Mei, 1948, pihak Ikhwan telah mendesak Mesir dan Negara-negara Arab lain supaya mengisytihar jihad terhadap Israel serta menggunakan apa saja cara yang mungkin untuk menyelamatkan Palestin daripada kepupusan.

Al Ikhwan telah menghantar beribu-ribu mujahidin (sukarelawan) ke Palestin tanpa menunggu pihak lain berbuat demikian. Mereka telah berjuang dengan berani sekali sehingga dapat memberi tentangan yang sangat hebat kepada Yahudi dan British. Keadaan ini membimbangkan Nudrasyi Pasya. Beberapa kedutaan asing telah mengadakan mesyuarat di kubu tentera British di Mesir dan sebulat suara mendesak Nuqrasyi Pasya mengharamkan Ikhwan kerana hebatnya kemampuan Ikhwan menentang Yahudi. Imam Hasan Al-Banna selalu menghantar kumpulan-kumpulan pejuang (mujahidin) ke Palestin untuk berjihad. Akhirnya Nuqrasyi Pasya mengharamkan Al Ikhwan Muslimin di bawah Undang-undang Tentera nombor 73 lantaran tekanan dan desakan daripada kuasa-kuasa asing.

Syahidnya Imam Hasan AI Banna.

Selepas pengharaman itu, para anggota Ikhwan di seluruh Mesir telah dikenakan tindakan kejam. Seluruh cawangan dan pusat-pusat kegiatannya telah

dirampas. Beribu-ribu belia terpelajar telah dipenjarakan. Para pemuda dan pemudi tersebut ditindas ketika berada di dalam penjara. Semasa kekecohan ini berlaku, Nuqrasyi Pasya naik menjadi Perdana Menteri Mesir. Ketika inilah Hasan Al-Banna telah dibunuh. Imam Hasan Al-Banna mati syahid pada 15hb Februari 1949 di hadapan ibu pejabat Ikhwanul Muslimin. Hari kematiannya disambut meriah oleh Yahudi, pihak British dan pihak-pihak lain yang bermusuh dengan Islam.

Pencapaian Hasan Al-Banna.

Hasan Al-Banna yang dilahirkan daripada keluarga miskin di sebuah kampung sunyi bernama Mahmoodiyah, telah syahid di jalanraya terbesar di Kaherah. Pembunuhannya telah dirancang oleh pihak British, Yahudi dan kerajaan Mesir sendiri. Beliau hidup hanya selama 43 tahun. Al Ikhwan Muslimin telah ditubuhkan pada tahun 1928 M. oleh Hasan Al Banna di mana dalam masa dua puluh tahun sahaja, beliau telah membawa pembaharuan kepada masyarakat Mesir yang sedang mengalami kemerosotan budaya, politik dan agama. Beliau telah mengembalikan masyarakat Mesir ke landasan Islam semula. Maka berkumandanglah cogan-cogan kata seperti: ‘Mencari keredhaan Allah ialah matlamat kami’, ‘Al-Quran ialah perlembagaan kam’, ‘Jihad ialah jalan kami’ dan ‘Syahid di jalan Allah ialah cita-cita kami’.

Adiknya, Abdur-Rahman Al-Banna menulis mengenai Hasan Al-Banna, ‘Hassan Al Banna suka bersolah dan berpuasa semenjak kecil lagi. Kami selalu ke masjid untuk menunaikan solah Isya’. Selepas itu beliau menghadiri majlis Tariqat Hasafiyah.. Kami beribadat di situ agak lama juga. Ketika itu, tiada seorang pun orang luar di situ. Waktu malam di situ selalunya sunyi senyap. Yang kedengaran hanyalah suara orang beribadat.’

‘Berkali-kali Hasan Al-Banna berkata, ‘Jika kau ingin mencapai kesempurnaan sembahlah Allah sahaja dan jauhkan daripada menyembah benda-benda lain. Jika kau mencari kebenaran, maka kau dapati setiap benda lain tidak kekal. Yang kekal hanyalah Allah.’

Imam Hasan Al-Banna suka kepada orang-orang yang warak dan soleh. Semenjak kecil lagi beliau suka bergaul dengan mereka. Beliau pernah berkata, ‘Nikmat hidup yang sebenar boleh didapati melalui pergaulan dengan orang yang soleh. Merekalah raja, ketua dan bangsawan yang sebenar.’

Imam Hasan Al-Banna adalah seorang yang sangat pemurah. Amin Ismail seorang anggota Ikhwan telah menyebut sifat pemurah Hasan Al-Banna:

‘Suatu hari beliau membawa saya menemui seorang tukang jahit. Beliau telah menyerahkan jubahnya kepada tukang jahit tersebut untuk dijahit. Kami berjalan melalui sebuah lorong yang sempit dan gelap di kawasan Al Maghrabeen. Tukang jahit itu bangun dan menyerahkan jubah Hasan Al-Banna tanpa mengalu-alukan kedatangan kami. Dia terus meminta upah sebanyak tiga paun. Imam Hasan Al-Banna memberinya lima paun, mengambil jubah tadi dan bersedia untuk beredar dari situ. Terfikir saya hendak mengambil baki wang dua paun itu tetapi Hassan Al-Banna menahan saya. Sedarlah saya bahawa Imam Hasan Al-Banna tidak mahu saya mengambil baki wang: dua paun itu. Dalam perjalanan pulang, kami bertemu seorang pengemis, Imam Hasan Al-Banna menyuruh saya memberi satu riyal kepada

pengemis tersebut. Baru saya tahu bahawa Imam Hasan Al-Banna ada wang sebanyak lima paun saja dan kesemua wang itu telah diberikan kepada tukang jahit tadi. Kini dia tidak berwang lagi. Imam Hasan Al-Banna bersifat pemurah sehingga ke akhir hayatnya.'

Seorang anggota Ikhwan terkenal, Bahi Al Khouli ada menyebut mengenai Hasan Al-Banna:

'Dalam tahun 1932, beberapa tahun selepas tertubuhnya Al Ikhwanul Muslimin, Hasan Al-Banna telah ditawarkan satu jawatan tinggi oleh pihak kerajaan. Tawaran itu dibuat untuk memesongkan fikiran Hasan Al-Banna daripada usaha dakwah Islamiahnya. Hasan Al-Banna menolak tawaran itu secara kasar dan pegawai kerajaan yang mengemukakan tawaran tersebut berasa malu. Jika beliau menerima tawaran tersebut, anak-anaknya sudah tentu akan hidup mewah sehingga menimbulkan iri hati orang lain. Namun begitu, Imam Hasan Al-Banna tidak inginkan keuntungan duniawi.'

'Pihak British juga menawarkan kepadanya beribu ribu paun ketika bermulanya Perang Dunia Kedua. Wakil British memberitahu Hasan Al-Banna bahawa pihak British bersedia memberi wang yang diperlukannya. Hasan Al-Banna menghalau wakil British tadi yang cuba membeli maruahnya. Akhirnya British membuat kesimpulan bahawa Hasan Al-Banna tidak dapat dipengaruhi emas atau perak.'

'Al Ikhwanul Muslimin menubuhkan banyak syarikat perdagangan. Imam Hasan Al-Banna menjadi ahli Lembaga Pengarah kesemua syarikat-syarikat tersebut. Lantaran itu, beliau juga bersusah payah dalam kerja-kerja pengurusan syarikat-syarikat tersebut agar semuanya berjalan licin. Pihak Ikhwan cuba menawarkan gaji dan saguhati kepadanya tetapi beliau selalu menolak sambil berkata, 'Saya tidak akan menerima sebarang ganjaran daripada manusia. Saya akan menerima ganjaran daripada Allah sahaja.' Beliau menunjukkan satu contoh yang ulung dalam bidang perdagangan dan perniagaan.'

'Pihak musuh telah melemparkan berbagai tuduhan terhadap Imam Hasan Al-Banna. Di antara tuduhan tuduhan tersebut ialah:

i) Dia adalah seorang pengintip upahan dan perasuah;
ii) Dia menerima bantuan asing berjumlah beribu-ribu paun;
iii) Dia memiliki banyak kereta dan saham di dalam banyak syarikat-syarikat.'

'Begitu hebat sekali tuduhan mereka. Tetapi apabila beliau mati dibunuh oleh musuh-musuhnya, beliau miskin sekali sehingga beliau tidak mampu memiliki sebuah rumah pun di Kaherah. Beliau menyewa sebuah rumah dengan membayar 1 paun 80 Qursh sebulan. Ketika beliau syahid, anak-anaknya tidak mempunyai sumber pendapatan langsung.' (Al Imam-us-Syahid)

Mufti Besar Palestin, Haji Amin Al Hussaini memberi pandangannya:

'Saya menemui Imam Hasan Al-Banna buat pertama kalinya pada tahun 1946, ketika saya kembali ke Mesir dari Eropah. Saya berbual dengannya dan dapati beliau seorang manusia yang berhati bersih. Hubungan kami pun semakin erat. Beliau memiliki sifat dan akhlak yang mulia. Di samping itu, beliau juga seorang yang lemah lembut, bijaksana dan berazam kuat. Kesemua ciri-ciri peribadi ini berakar umbi di dalam dirinya lantaran kuat imannya terhadap Allah. Beliau juga seorang juga sangat tabah dan mampu berkorban. Nilai-nilai peribadi yang unggul ini menjadikannya seorang pemimpin Islam yang terkenal dan diminati. Saya pernah menziarahinya dan mendapati rumahnya sangat sederhana sekali.'

'Saya pernah bertemu Hasan Al-Banna dalam satu majlis. Majlis itu dianjurkan oleh bekas Setiausaha Negara, Abdur-Rahman Azzam untuk meraikan Muhammad Ali Jinnah. Muhammad Ali Jinnah diiringi oleh Nawabzada Liaquat Ali Khan. Saya dan Hasan Al-Banna merupakan orang yang pertama sampai ke majlis. Kami berbual dengan para pernimpin Pakistan agak lama juga. Kemudian para jemputan lain pun tiba seorang demi seorang. Saya lihat Hasan Al-Banna mempelawakan tempat duduknya kepada setiap tetamu yang baru tiba dan beliau beredar ke belakang. Hal ini berterusan sehingga akhirnya beliau mendapat tempat duduk yang berdekatan dengan pintu masuk dewan makan. Apabila semua tetamu sudah tiba, Abdur-Rahman Azzam menjemput mereka masuk ke dewan makan, Imam Hasan Al-Banna yang duduk di hujung sekali berada berdekatan dengan dewan makan. Saya terus mernerhatikan dan sedarlah saya bahawa beliau adalah seorang yang berperibadi mulia. Beliau juga mempunyai kepandaian luar biasa dalam menyelesaikan masalah-masalah sukar. Setiap kali saya terkenangkannya, saya akan menyuarakan kata-kata berikut:

'Alangkah baiknya jika masa dapat menghasilkan orang yang seperti itu sekali lagi. Tetapi masa terbukti terlalu kedekut untuk berbuat demikian.'

Abdur-Rahman Al-Banna menulis mengenai peribadi Imam Hasan Al-Banna seperti berikut:

'Jika mesyuarat diadakan di atas tanah, Hasan Al-Banna akan duduk di atas guni. Hasan Al-Banna suka duduk di kerusi belakang. Wajahnya selalu kelihatan riang dan berseri-seri. Biasanya beliau memakai jubah dan kepalanya berserban. Beliau menggunakan bahasa yang mudah dan fasih ketika berbual dengan orang lain. ketika berbincang, beliau kerap menyebut ayat-ayat Al-Quran. Beliau telah menghafal seluruh Al-Quran dengan baik sekali dan membaca Al-Quran dengan suara yang merdu.'

Bahi al Khouli menulis mengenai Hasan Al-Banna seperti berikut: 'Imam Hasan Al-Banna menjalani kehidupan dengan penuh kemuliaan. Beliau berpuas hati dengan makanan yang didapatinya dan juga pakaian yang mampu dimilikinya. Rumahnya kecil dan tidak mencukupi untuk menampung keluarganya yang ramai itu.

Corak hidupnya sederhana sekali. Behau tidak pernah terfikir untuk meninggalkan harta pesaka yang banyak untuk isteri dan anak-anaknya. Beliau menyampaikan risalah Allah kepada orang ramai dan hal ini menyejukkan matanya dan menyenangkan hatinya.'

‘Imam klassan Al-Banna adalah seorang yang berfikiran luas. Beliau mengajak manusia mencintai Allah dan melakukan kebaikan. Satu hari, beliau telah melawat ke kawasan hulu Mesir. Sekumpulan paderi Kristian dan para pengikut mereka telah datang menemui Hasan Al-Banna. Ketika berbual, Hasan Al-Banna telah menyebut ayat-ayat Al-Quran yang menyentuh Nabi Isa (a.s.) dan Siti Mariam (a.s.). Mula-mula beliau mernbaca ayat-ayat tersebut, kemudian barulah mentafsirkannya. Orang-orang Kristian itu menyangka pertemuan tersebut diatur khas untuk mereka kerana tidak disentuh langsung masalah orang-orang Islam. Mereka begitu tertarik sekali dengan Imam Hasan Al-Banna kerana beliau tidak menunjukkan sikap prasangka atau sikap buruk terhadap mereka seperti kebanyakan ulamak Islam yang lain.’

Imam Hasan Al-Banna sangat baik dan sayang kepada rakan-rakan sepejabatnya Amin Ismail, salah seorang sahabatnya telah berkata, ‘Beliau selalu rnenyemak kerja-kerja saya di pejabat dan membetulkan sebarang kesilapan yang ada. Ketika beliau membetulkan kesilapan saya, saya tidak berasa diri saya telah melakukan kesilapan. Ketika itu saya berasa segala kata-katanya adalah betul. Apabila beliau mengambilkan surat-surat yang telah disemak dan diperbetulkannya, beliau pun berkata dengan penuh kasih sayang, ‘Awak boleh menyemak pembetulan yang saya lakukan. Awak juga bolch menambah atau memotong yang mana awak suka. Saya bersumpah bahawa saya tidak suka menambah atau memotong sesuatu.’

Beliau selalu menziarahi rumah saya setiap kali saya mendapat cahaya mata. Beliau merawat saya ketika saya jatuh sakit. Ketika saya berada di dalam kesusahan beliau mententeramkan saya walaupun saya hanya seorang kerani biasa di pejabat. Beliau adalah seorang yang sangat sibuk dan hanya tidur beberapa jam sahaja pada waktu malam. Beliau makan dua kali sehari dan makanannya pun sedikit sahaja.

Ketika membuat lawatan, beliau mengucapkan salam kepada setiap anggota rombongan sambil bertanya khabar anak-anak mereka dengan menyebut nama-nama mereka dan mengenai pelajaran anak-anak mereka. Bahkan saya telah melihat beliau bertanya khabar keadaan binatang-binatang yang mereka miliki. Daya ingatannya sangat kuat hingga mampu mengingati butir-butir yang terperinci.’

‘Saya sangat sayang pada Imam Hasan Al-Banna. Saya pernah mengadu kepadanya, ‘Ya sayyidi, Allah belum memaafkan saya dan tidak sukakan saya. Buktinya ialah saya telah berusaha menghafal satu muka surat kitab suci Al-Quran sepanjang malam tetapi gagal. Ini bermakna saya masih tidak diberkati Allah.’ Melihat keadaan saya yang sedih itu, Imam Hasan Al-Banna menepuk belakang saya sambil menyapu air mata saya yang sedang mengafir itu, lalu berkata, ‘Apabila seorang manusia menangis kerana Allah, maka Allah sentiasa bersedia untuk memaafkannya. Saidina Umar Al-Khattab (r.a.) sendiri tidak dapat menghafal seluruh Al-Quran.’ Saya puas hati dengan jawapannya itu.’

‘Beliau pernah menjemput saya ke rumahnya. Sebaik sahaja beliau nampak saya, beliau terus memegang tangan saya sambil berkata. ‘Mari kita memperbaharui bai’ah (sumpah setia kita.)’ Saya pun meletakkan tangan saya atas tangan Imam Hasan Al-Banna dan kami pun memperbaharui sumpah setia kepada Allah dan Rasul-Nya. Selepas itu beliau berkata, ‘Saya melantik awak menjadi anggota Majlis Tertinggi.’

‘Imam Hasan Al-Banna telah mengetuai tunjuk perasaan mengenai masalah Palestin yang dianjurkan olch Ikhwan di Kaherah. Ketika kami tiba di ‘Al Mutabatul Khizra’, pihak polis pun menyerang para penunjuk perasaan. Imam Hasan Al-Banna tampil ke hadapan dan meminta polis jangan melepaskan tembakan. Namun begitu, pihak polis terus melepaskan tembakan dan Hasan Al-Banna mengangkat tangannya. Kedua dua tangannya itu cedera parah kena tembakan. Beliau menenteramkan kami dengan mengatakan tidak ada apa yang perlu dibimbangkan tapi kami sedar bahawa kedua tangannya telah cedera kena peluru.’

‘Imam Hasan Al-Banna menyampaikan ceramah mengenai Al-Quran pada setiap hari Rabu di kawasan ‘Al Hilmiyah’. Pernah seorang pemuda mengemukakan satu soalan yang menarik, seperti berikut; ‘Adakah bercinta itu halal atau haram?’

Hasan Al-Banna tersenyum lama dan kemudian menjawab, .Cinta yang halal itu halal dan cinta yang haram itu haram.’

‘Imam Hasan Al-Banna sangat kasih kepada para anggota bawahan Ikhwan. Orang lain pulang ke rumah untuk makan tengahari tetapi beliau makan dengan orang bawahannya.’

Kata Abdur-Rahman Al-Banna; Imam Hasan Al-Banna sangat gigih berdakwah. Kami menghadiri ceramah ceramahnya. Kami begitu tertarik dengan kegigihan dan kesungguhannya sehingga kan kami lupa kepada dunia. Beliau pernah berkata, “Duhai manusia, datanglah kepada kami. Sesiapa yang tidak boleh menziarahi Rasulullah (s.a.w.) datanglah kepada kami. Kami adalah pengemis di pintu Rasulullah (s.a.w.). Sesiapa yang tidak pernah mendengar kisah hidup Rasulullah (s.a.w.), patut sekali datang mendengarnya daripada kami.”

‘Baginda Rasulullah (s.a.w.) hidup di dalam hati kami dan baginda mendengar segala-galanya. Rasulullah (s.a.w.) hidup di dalam hati-hati yang mempertahankan Islam dan juga di dalam hati yang penuh dengan kasih sayang serta iman yang datang daripada ajarannya.’

‘Setiap kali Imam Hasan Al-Banna melakukan lawatan kerana kerja dakwahnya, beliau tinggal di masjid. Kerap kali beliau melakukan lawatan tersebut pada bulan Ramadhan. Beliau tinggal di masjid dan juga berpuasa di situ. Beliau berbuka puasa dengan buah tamar dan air. Apabila orang datang ke masjid untuk bersolah, mereka melihat ada orang baru di situ. Imam Hasan Al-Banna pun menyampaikan ceramahnya selepas saja bersolah. Tidak lama kemudian, barulah orang sedar bahawa penceramah tersebut adalah Imam Hasan Al-Banna.’

‘Apabila Imam Hasan Al-Banna melawat Ismailiah, beliau dapati para penduduk di situ terlibat di dalam pertikaian agama. Mereka terbahagi kepada dua kumpulan. Satu kumpulan bernama ‘Salafi’ dan yang satu lagi ialah ‘Soofi’. Ketika bersolah, anggota salah satu kumpulan tidak mahu berimamkan anggota daripada kumpulan yang satu lagi. Dalam suasana beginilah Imam Hasan Al-Banna memulakan tugas dakwah Islamiahnya. Tempat beliau memulakan tugas dakwahnya bukanlah di masjid tetapi di kedai-kedai kopi. Dasar dasar dakwahnya ialah:

1) Perpaduan ummah mesti dikekalkan;
2) Kesernua kumpulan perlu sepakat di dalam perkara-perkara dasar Islam;
3) Kata-kata Imam Syafi'e yang ini perlu menjadi dasar: 'Setiap kali saya bertikai dengan seseorang, saya sentiasa berharap agar Allah menjelaskan kebenaran melalui lidah lawan saya itu';
4) Tujukan segala saranan yang baik kepada orang lain dan tujukan segala kesilapan kepada diri sendiri;
5) Orang lain perlu dihormati ketika berlaku perbezaan pendapat;
6) Sebarang perbalahan perlu dielakkan;
7) Perlulah diingat bahawa usaha yang baik itu boleh berbeza-beza (caranya);
8) Sebarang persefahaman harus menghasilkan kerjasama. Dalam sebarang perselisihan, kita hendaklah menganggap pihak yang satu lagi itu berkemungkinan melakukan kesilapan;
9) Perlu bersatu ketika menentang musuh bersama;
10) Ruang lingkup tindakan perlu diperluaskan;
11) Perlu ada rasa kasihan dan sedih kepada orang yang menyimpang dari jalan kebenaran. Janganlah dia dikecam dan disindir.'

Imam Hasan Al-Banna adalah seorang yang benar-benar beriman. Allah telah melimpahkan berkat kasih-Nya kepada Hasan Al-Banna. Beliau telah menunjukkan arah perjuangannya kepada para sahabatnya semenjak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Ketika itu, perjuangan Al Ikhwanul Muslimin masih di peringkat awal dan belum lagi melalui ujian dan cabaran yang hebat. Berikut ialah kenyataannya ketika itu, yang ditujukan kepada para sahabatnya:

'Wahai anggota Ikhwan, ramai daripada kamu semua masih belum menyedari sepenuhnya perjuangan Al Ikhwan. Ketika tiba hari kamu menyedari dan memahami perjuangannya, maka kamu akan menghadapi banyak penentangan dan permusuhan. Kamu dapati diri kamu diselubungi oleh kesukaran dan kesusahan. Perjalanan kamu akan dirintangi oleh banyak halangan. Apabila kamu berjaya mengatasi halangan-halangan ini barulah kamu akan menjadi pembawa panji-panji Islam yang sebenar. Hari ini kamu tidak dikenali, tetapi kamu akan merintis jalan perjuangan Ikhwan. Perjuangan ini memerlukan banyak pergorbanan. Oleh itu, kita haruslah bersedia. Kejahilan orang terhadap Islam juga merupakan halangan perjalanan kamu. Para ulamak rasmi akan menunjukkan rasa terkejut apabila melihat cara kamu berdakwah. Jihad yang kamu lancarkan atas nama Allah tidak akan dihargai. Para pemerintah, pemimpin dan golongan kaya akan berasa iri hati terhadap kamu. Kerajaan akan menentang kamu dan akan berusaha menyekat segala kegiatan kamu serta melempar onak dan duri di sepanjang perjalanan perjuangan kamu. Pihak yang berkepentingan akan menggunakan segala cara yang mungkin untuk menggagalkan perjuangan kamu. Pihak yang lemah dan pengecut akan menggunakan kerajaan untuk tujuan tersebut. Orang-orang yang berakhlak buruk akan sentiasa menentang kamu. Ada pula golongan yang meragui perjuangan kamu lalu melemparkan berbagai tuduhan. Mereka akan memberi gambaran yang salah terhadap perjuangan kamu dan di samping itu, mereka juga memiliki kuasa, kekayaan dan pengaruh. Dalam keadaan beginilah kamu dikira benar-benar telah memasuki gelanggang pengalaman dan ujian. Kamu akan dipenjarakan, dibuang dan dihalau dari rumah kediaman. Harta kamu akan dirampas, rumah kamu digeledah dan tempoh ujian ini mungkin memakan masa

yang lama. Namun begitu, Allah telah berjanji bahawa Dia akan membantu para Mujahidin dan memberi ganjaran kepada para mukmin.’

(Risaail Imam Al-Banna)

Kenangan-Kenangan Al-Syahid Hasan Al-Banna

Kenangan di Madrasatur Rasyad ad-Deeniyah

Pemilik dan mudir Madrasatur-Rasyad-ad-Deeniyah ialah Syeikh Muhammad Zahran. Beliau adalah seorang ulama yang wara, bertakwa dan cerdik. Sepanjang hayatnya, ia berusaha menyebarkan ilmu pelajaran dan pendidikan di merata-rata tempat. Sistem pengajarannya tidaklah sampai ke tahap (martabat) ulamak yang resmi. Kecerdikan dan kesungguhannya itu telah dapat mengatasi mereka yang lain di segi pengetahuan dan pengalaman.

Beliau menyusun kuliah kuliah pengajian Al-Quran dan As-Sunnah di masjid masjid untuk kaum lelaki dan di rumah rumah untuk kaum wanita. Pada tahun 1915, beliau mengasaskan Madrasatur-Rasyad-ad-Deeniyah untuk faedah pendidikan para pemuda. Sekolah ini diasaskan menurut corak sekolah-sekolah yang wujud di kampong-kampung. Sekolah-sekolah ini ditadbir atas pembiayaan sumbangan derma dari rakyat. Namun begitu, sekolah Syeikh Muhammad Zahran mempunyai mutu pengajian yang setaraf dengan pusat-pusat pengajian bermutu yang lain. Madrasatur – Rasyad-ad-Deeniyah adalah pusat pengajian dan pendidikan (tarbiyyah).

Cara-cara mengajar dan menyusun pelajarannya sangat menarik. Pengajiannya dimasukkan pelajaran menghafal dan mentafsir hadith-hadith Rasulullah sebagai tambahan kepada pelajaran yang telah ada. Semua penuntut diwajibkan mempelajari satu hadith pada setiap hari Khamis. Hadith diterangkan secara meluas agar mereka dapat menanggap tujuan serta maksudnya. Para penuntut mempelajari hadith secara kumpulan dan dengan demikian mereka berupaya menghafal hadith itu. Mereka sentiasa mengulang kaji hadith yang dipelajari seminggu sebelum itu. Dengan cara ini, seorang penuntut boleh mempelajari jumlah hadith yang banyak sebelum tahun berakhir. Hadith-hadith yang saya pelajari ketika menuntut di Madrasatur-Rasyad-ad-Deeniyah masih segar dalam ingatan. Mata-mata pelajaran lain yang diajar ialah karang-mengarang, nahu, latihan amali, kajian kesusasteraan, latihan bacaan dan kajian sajak serta pepatah. Sekolah-sekolah jenis ini yang lain tidak mengajar mata-mata pelajaran tadi.

Cara Syeikh Muhammad Zahran mengajar dan mendidik adalah sangat berkesan dan begitu berhasil sekali. Walaupun beliau tidak pernah terlatih dalam ilmu psikologi atau menjalani latihan ilmu pendidikan, namun begitu beliau selalu berusaha menjalin hubungan yang selesa dengan para penuntutnya. Dia mengawasi para penuntutnya tanpa mereka merasa diawasi. Dia memberi galakan dan sokongan

kepada para penuntut yang melakukan kebajikan. Dia memberi ganjaran kepada mereka yang berbuat baik. Dia juga menghukum mereka yang melakukan kesalahan.

Syeikh Muhammad Zahran juga adalah seorang ahli sajak. Beliau akan berdo'a untuk para penuntutnya yang baik atau pun dihadiahkannya sebuah sajak. Saya masih ingat satu sajak yang dihadiahkan kepada seorang penuntutnya. Penuntut tersebut telah menulis satu jawapan yang sangat disukainya. Syeikh itu pun menyuruh penuntut tadi menulis sajak berikut di akhir jawapannya yang berbunyi berikut:

'Kau memberi jawapan yang baik.
Jawapan mu menunjukkan kesempurnaan.
Semoga Allah meredhai dan memberi petunjuk kepada mu.'

Kepada seorang penuntut lain yang memberi jawapan yang tidak memuaskan hatinya, dia menulis sajak berikut:

'Duhai genggaman Allah,
Percepatkan cengkaman-Mu terhadap lelaki ini.'

Sajak itu kemudian menjadi buah mulut dan penuntut tersebut pun digelar 'Gharatullah' sejak hari itu. Kami selalu mengusik penuntut tadi dengan gelaran tersebut. Syeikh Muhammad Zahran adalah seorang yang buta, namun begitu, aqalnya bersinar dengan kebijaksanaan dan keilmuan. Dia selalu. menyuruh para penuntutnya mencatit pelajaran yang diajarkannya secara lisan itu. Walaupun matanya buta, kefahamannya adalah lebih baik dari orang yang tidak buta tetapi 'tidak boleh melihat' (yakni tidak faham). Sesungguhnya penglihatan itu tidak buta tetapi yang buta itu ialah hati yang terletak di dalam dada.

Kini saya sedar bahawa hubungan rohani mendatangkan kesan yang positif antara para penuntut dan guru. Saya sangat sayang pada guru saya walaupun dia membuat saya bekerja keras. Syeikh Muhammad Zahran membina semangat saya. Dia mengajar saya bersikap suka belajar dan mengkaji. Kerap kali dia membawa saya ke perpustakaannya. Perpustakaannya mengandungi himpunan buku-buku yang sangat berfaedah. Sayalah yang memilih buku-buku yang dia perlukan dan membaca bahagian bahagian yang berkaitan dengan masalah yang sedang dikaji. Kadang kala beberapa orang ulama datang dan kami semua pun mengadakan perbincangan yang berfaedah. Saya selalu mengikuti perbincangan-perbincangan itu dengan penuh minat. Hubungan mesra dan rapat antara guru dan murid yang begini meninggalkan kesan yang begitu indah. Para guru dan penaung yang menitik beratkan hubungan begini ketika mendidik murid-murid akan memberi banyak kebaikan. Saya menuntut di sekolah ini dari umur lapan sehingga umur dua belas tahun.

Beberapa tahun kemudian, Syeikh Muhammad Zahran meninggalkan Madrasah tersebut kerana terlibat dalam kerja lain. Pengurusan sekolah itu diserahkan kepada satu Lembaga Pengurus yang baru. Malangnya lembaga pengurus yang baru ini tidaklah sebaik yang lama. Saya pun berdamping dengan guru-guru baru. Saya masih tidak menghafal keseluruhan kitab Al-Quran sedangkan ibu bapa ingin saya berbuat demikian. Namun begitu saya telah menghafal surah Al-Baqarah sehinggalah surah Al-Isra iaitu lebih kurang separuh dari kitab Al-Quran.

Pernah saya nyatakan kepada ibu bapa saya bahawa saya tidak tahan lagi menuntut di sekolah tersebut dan ingin melanjutkan pengajian ke sekolah menengah. Waktu itu, sekolah menengah ditadbir menurut corak sekolah rendah. Perbezaannya ialah bahasa asing tidak diajar di sekolah rendah. Dimasukkan juga ilmu perundangan dan pertanian disamping meluaskan lagi pengajian agama dan bahasa kebangsaan.

Bapa saya menentang cadangan saya itu kerana dia ingin saya menjadi hafiz (penghafal al-Quran). Setelah saya berjanji akan menghafal Al-Quran di rumah barulah bapa saya memberi kebenaran. Minggu itu juga saya mendaftarkan diri ke sekolah menengah. Lepas kembali dari sekolah, saya belajar membaiki jam sehingga waktu Isya. Saya sangat gemar dengan kerja ini. Lepas solah Isya, saya mengulang kaji pelajaran sehingga waktu tidur. Selepas menunaikan solah subuh sehinggalah waktu hendak ke sekolah, saya menghafal Al-Quran.

Jam'iyyah Akhlaqul Abadiah (Pertubuhan Membina Akhlaq).

Salah seorang guru sekolah kami ialah Muhammad Afandi Abdul Khaliq. Dia mengajar kami Ilmu Hisab dan latihan jasmani. Beliau adalah seorang yang berilmu tinggi dan berakhlak baik. Ia menyuruh penuntut tahun tiga mengasaskan di kalangan mereka satu persatuan sekolah yang di namakan 'Jam'iyyatul Akhlak al-Abadiah'. Beliau sendiri merangka undang-undang persatuan tersebut dan juga menjadi setiausahanya. Beliau mengarah penuntut penuntut melantik Jawatankuasa Kerja. Tujuan dan peraturan tersebut ialah seperti berikut:

'Sesiapa yang menyakiti saudaranya, dia akan didenda satu Milyam. Sesiapa yang memburukkan bapanya sendiri akan didenda dua Milyam. Sesiapa yang kurang sopan terhadap ibunya sendiri akan didenda satu Qursh. Sesiapa yang bercakap bertentangan dengan agama didenda dua Qursh. Sesiapa yang bertengkar dengan sahabatnya sendiri didenda dua Qursh. Denda yang dikenakan kepada Yang Dipertua dan ahli-ahli jawatankuasa adalah dua kali ganda lebih dari ahli biasa. Penuntut yang melanggar peraturan persatuan akan dipulau oleh para anggota yang lain sehinggalah dia patuh semula. Jumlah denda yang dikumpulkan digunakan untuk kebajikan orang ramai. Setiap ahli persatuan dikehendaki menasihati sesama mereka supaya berpegang teguh pada agama, menunaikan solah pada waktunya, mematuhi Allah, mentaati ibu bapa dan menghormati orang orang tua.'

(Pengalamannya semasa di Madrasatur-Rasyad ad-Deeniyah dulu telah membuat Hasan al Banna terpilih sebagai ketua oleh para penuntut. Dia menjadi tumpuan para penuntut sehingga akhirnya dia terpilih sebagai Yang Dipertua Jam'iyyah Akhlak al-Abadiah).

Persatuan ini terus menjalankan kerja. Banyak penuntut dipanggil untuk menjelaskan sebab mereka tidak patuh kepada peraturan persatuan. Mereka didenda dan banyak wang yang terkumpul. Sebahagian dari wang tersebut dibelanjakan untuk jamuan perpisahan seorang sahabat bernama Labib Iskandar. Beliau adalah adik seorang doktor di Kementerian Kesihatan. Apabila doktor itu ditukar ke tempat lain, dia terpaksa ikut. Sebahagian lagi dari wang itu digunakan untuk membiayai pengkebumian seorang lelaki miskin yang mati lemas di Sungai Nil dan mayatnya terdampar dekat pagar sekolah. Tidak dapat dinafikan bahawa persatuan seperti ini lebih berjaya dalam pembentukan akhlak daripada pelajaran-pelajaran yang semata-

mata teori. Pusat pusat pendidikan dan agama patut sangat memberi perhatian yang lebih kepada persatuan persatuan begini.

Di Tebing. Sungai Nil

Persatuan ini banyak mempengaruhi golongan belia. Saya masih ingat saya pernah berjalan di tebing Sungai Nil di tempat para buruh membuat kapal layar. Perusahaan ini banyak dijalankan di pelabuhan Mahmoodiyah. Di situ, saya dapati seorang pelaut telah menggantung sebuah patung kayu bogel di tiang kapalnya. Perkara itu menggambarkan ketiadaan akhlak lebih-lebih lagi kerana kaum wanita dan para gadis mengambil air sungai di situ. Saya merasa sangat tersinggung. Saya terus pergi ke pusat kawalan (ketika itu) dan menceritakan hal tersebut. Seterusnya dia (pelaut) dipanggil ke balai polis. Pegawai polis yang bertugas tadi mendengar lapuran saya dan terus pergi ke tempat kejadian. Beliau memarahi pelaut tadi dan mengarahnya menurunkan patung bogel tersebut. Pelaut tadi mematuhi arahan dan menurunkan patung itu. Bukan saja pegawai polis tersebut menyokong saya, bahkan pada keesokan harinya, dia menemui pengetua sekolah saya dan menyatakan penghargaannya terhadap tindakan saya.

Pengetua sekolah saya bernama Mahmood Rusydi. Beliau adalah seorang yang alim. Kini dia adalah seorang yang berjawatan tinggi di Kementerian Pelajaran. Beliau amat gembira mendengar berita mengenai tindakan saya itu. Pada keesokan paginya, beliau menceritakan hal tersebut kepada para penuntut dalam satu perhimpunan dan menekankan agar mereka semua mencontohi saya. Mereka juga patut turut menghapuskan kemungkaran dari masyarakat. Kini, zaman menitikberatkan tugas nampaknya telah berlalu. Ketua-ketua jabatan dan para pegawai polis telah mengabaikan kewajipan mereka. Keadaan ini sangat menyedihkan sekali.

Di Atas Tikar Masjid Kecil.

Adalah menjadi kebiasaan para penuntut sekolah saya menunaikan solah lebih lebih lagi solah zohor di masjid kecil. Masjid tersebut terletak berhampiran kawasan sekolah. Setelah makan tengahari, mereka akan duduk di dalam masjid pada masa rehat. Masjid itu tidak berada di bawah pengawasan Jabatan Wakaf. Saya masih ingat satu kejadian lucu yang menarik. Imam masjid tersebut ialah Syeikh Muhammad Sa’id. Satu hari, beliau datang ke masjid setelah seorang penuntut melaungkan azan. Kemudian solah berjemaah pun dilakukan dengan diimamkan oleh salah seorang yang berada di situ. Para penuntut yang bersolah ketika itu berjumlah tiga atau empat barisan semuanya. Dia tidak mahu mengganggu para penuntut yang.bersolat itu kerana pada fikirannya, jika mereka diganggu, air yang mereka guna akan sia-sia dan tikar masjid akan tercemar. Oleh itu, dia menunggu sehingga mereka selesai sembahyang. Kemudian dia pun memaksa para penuntut tadi bersurai. Dia juga memarahi dan mengancam mereka sebagai satu ingatan.

Sebahagian penuntut lari dan sebahagian lagi tidak lari dari situ. Saya pun mengambil keputusan hendak bertindakbalas terhadap Syeikh Muhammad Sa’id. Saya menulis sepucuk surat kepadanya dan menyebut ayat Quran berikut yang maksudnya:

> “Dan janganlah kamu mengusir orang-orang yang menyeru Tuhannya di pagi hari dan di petang hari, sedang mereka menghendaki keredhaan-Nya. Kamu tidak memikul tanggungjawab sedikit pun terhadap perbuatan mereka dan mereka pun tidak memikul tanggungjawab sedikitpun terhadap perbuatan mu, yang menyebabkan kamu (berhak) mengusir mereka, (sehingga kamu termasuk orang-orang yang zalim)
>
> (Al-Anaam: 52)

Penjelasan:

Ketika Rasulullah s.a.w. sedang duduk-duduk bersama beberapa orang Mu’min yang dianggap rendah dan miskin oleh kaum Quraisy, datanglah beberapa pemuka Quraisy hendak berbicara dengan Rasulullah s.a.w., tetapi mereka enggan duduk bersama-sama dengan orang Mu’min itu, dan mereka mengusulkan supaya orang-orang Mu’min itu diusir saja, sehingga mereka dapat berbicara dengan Rasulullah, lalu turunlah ayat ini.

Saya poskan surat tersebut dan menetapkan denda sebanyak satu Qursh sebagai hukuman kesalahan beliau itu. Apabila dia menerima surat itu, serta merta dia dapat mengagak orang yang menghantarnya. Beliau menemui bapa saya dan membuat pengaduan mengenai tindakan saya itu. Walau bagaimanapun, bapa saya menasihatinya supaya berlemah lembut dan berbuat baik kepada para penuntut. Selepas itu, beliau berubah sikap dan melayani kami dengan lemah lembut dan kasih sayang. Namun begitu, beliau telah meletakkan syarat kepada kami mengenai penggunaan masjid tersebut. Iaitu kami mesti mengisi air ke dalam kolah sebelum meninggalkan masjid dan mengutip derma membeli tikar baru apabila tikar masjid telah koyak. Kami setuju dengan syarat tersebut. Semenjak itu, hubungan kami dengan beliau tidak menghadapi kekeruhan lagi.

Jamiyyatul Man’i Al-Muharramat (Persatuan Mencegah Perkara Haram)

Beberapa pemuda nampaknya tidak berpuas hati dengan kegiatan kebajikan yang terhad di sekolah saja. Mereka berpakat untuk meluaskan kegiatan tersebut. Mereka ini ialah Ustaz Muhammad Ali Budayyar (seorang guru di Jabatan Pelajaran), Ustaz Abdul Rahman Sa’ati (Pegawai Jabatan Keretapi) dan Ustaz Sa’id Budayyar (jurutera). Dalam satu mesyuarat, mereka bersepakat untuk menubuhkan satu persatuan Islam yang bernama Jam’iyyatul Man’i Muharrammat’. Yuran keahliannya ialah 5 hingga 10 Milyam seminggu. Tugas-tugas persatuan pun dibahagi-bahagikan di kalangan ahli-ahli persatuan. Sebahagian dari mereka ditugaskan untuk menyediakan perkataan dan khutbah-khutbah. Sementara yang lain pula ditugaskan untuk menulis khutbah-khutbah itu dengan jelas dan terang (edit). Selain itu mereka juga ditugaskan untuk mencetaknya dan selebihnya ditugaskan untuk mengedar pada yang lain. Seorang ahli lagi bertugas dalam kerja-kerja penerbitan. Ahli-ahli yang bakinya bertugas menghantar surat-surat yang telah siap disusun. Surat-surat ini dihantar kepada orang-orang yang pihak persatuan dapati telah terlibat dalam kegiatan maksiat atau pun melakukan ibadat dengan tidak sempurna lebih-lebih lagi solah.

Apabila ada ahli yang melihat orang tidak berpuasa ketika bulan Ramadhan, dia akan memberitahu pihak persatuan dan akan menghantar sepucuk surat mengingatinya tentang kesalahan itu. Begitu juga bagi mereka yang

mempermudahkan solah serta tidak khusyuk dan tenang ketika melakukan ibadat itu. Orang lelaki yang memakai perhiasan emas juga dinasihati melalui surat kerana Islam melarang lelaki memakai perhiasan emas. Apabila seseorang wanita meratap sesuatu kematian dengan memukul mukanya sendiri atau dia mengeluarkan kata-kata yang berlawanan dengan dasar-dasar Islam, maka suaminya atau penjaganya akan menerima surat supaya bertindak melarang wanita tersebut dari terus melakukan kesalahan itu. Ringkasnya, pihak persatuan menghantar surat kepada orang-orang yang begini tanpa mengira tua atau muda.

Ahli-ahli persatuan adalah muda-muda belaka, oleh itu mereka dapat mengelakkan diri dari disyaki atau dikesan. Orang ramai pun tidak mengambil hirau terhadap mereka. Bahkan orang ramai menyangka kegiatan ini dijalankan oleh Syeikh Muhammad Zahran. Mereka pun pergi menemuinya dan menyatakan betapa tersinggungnya mereka. Mereka meminta Syeikh Zahran menasihati mereka secara lisan dan bukannya melalui surat. Walaubagaimanapun Syeikh tersebut menafikan sebarang penglibatan dalam kegiatan itu dan dia cuba memberi alasan yang memuaskan hati mereka.

Mereka hamper-hampir tidak mempercayainya apabila pada satu hari Syeikh Muhammad Zahran sendiri menerima sepucuk surat dari persatuan tersebut. Beliau dikatakan menunaikan solah zohor antara dua tiang dan amalan ini dianggap makruh. Oleh sebab beliau seorang ulama’ terkenal, maka dia sepatutnya menjauhkan amalan makruh agar orang ramai dapat menjauhi perkara perkara yang haram.

Saya masih ingat lagi di mana Syeikh Zahran telah memanggil saya ketika itu. Saya masih lagi berhubung dengannya dalam pengajian umum walaupun saya telah pun meninggalkan sekolah atau perpustakaannya, untuk sama-sama menyelesaikan masalah tadi. Beliau mengesyorkan agar saya dapat bekerjasama mencari jawapan kepada masalah tadi di dalam kitab ‘Fathul Bari’. Tajuk perbahasan ini masih segar lagi dalam ingatan saya hingga kini. Saya pun membaca rangkap-rangkap dari kitab ‘Fathul Bari’ sambil tersenyum. Sementara itu Syeikh tersebut terus bertanya saya mengenai orang yang menghantar surat teguran kepada beliau. Selepas bertungkus-lumus membaca kitab tersebut akhirnya didapati bahawa nasihat yang diberi dalam surat teguran tersebut adalah betul. Saya kemudian memberitahu hal ini kepada para anggota persatuan dan mereka sangat sukacita mendengarnya.

Persatuan tersebut meneruskan kegiatan mereka selama lebih dari enam bulan. Orang ramai berasa terkejut dan takut dengan kegiatan ini. Akhirnya, rahsia kegiatan persatuan itu telah terdedah melalui seorang pemilik kedai kopi. Dia telah menjemput seorang penari dan penyanyi ke kedai kopinya untuk mengadakan tarian dan nyanyian. Lantaran itu, dia menerima surat dari persatuan. Surat-surat ini tidak dihantar melalui pos untuk menjimatkan wang. Surat-surat begini diletakkan di tempat tempat yang mudah dilihat dan diambil orang yang berkenaan.

Pemilik kedai kopi itu ialah seorang Muallim. Dia sangat bijak kerana berjaya menangkap pembawa surat tersebut. Pembawa surat itu dicela di hadapan khalayak ramai dalam kedai kopi itu. Dengan demikian, terbongkarlah rahsia kegiatan persatuan tersebut. Berikutan peristiwa itu, para anggota persatuan tadi mengambil keputusan mengurangkan kegiatan mereka yang berbentuk surat menyurat itu. Mereka

berusaha mencari cara-cara lain untuk menghadapi kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan Islam.

Di Maktab Perguruan Damanhur.

Saya telah menunaikan janji saya kepada bapa dengan menghafal kitab Al-Quran sehingga ke surah Yasin. Lembaga Pengarah Mahmoodiyah mengambil keputusan memansuhkan sistem Madrasah Adadiyah dan menggantikannya dengan sistem sekolah rendah. Selepas keputusan ini dibuat, saya hanya ada dua pilihan. Iaitu sama ada memasuki pusat pengajian agama di Iskandariah dan menjadi seorang Syeikh Al-Azhar atau memasuki Maktab Perguruan Damanhur dan menjadi seorang guru selepas tiga tahun. Saya memilih pilihan kedua iaitu memohon memasuki Maktab Perguruan Damanhur. Ada dua halangan yang perlu saya atasi. Yang pertama ialah had umur paling rendah ialah 14 tahun sedangkan saya berumur tiga belas setengah tahun ketika itu. Yang kedua ialah bakal calon ke Maktab itu perlu menghafal seluruh Al-Quran dan ujian lisan mengenai hal ini adalah wajib. Pengetua Maktab Perguruan Damanhur ialah Basyir ad-Dusuqi Moosa. Kini beliau adalah seorang pesara. Beliau adalah seorang yang baik dan bersopan. Permohonan saya diberi pertimbangan yang baik olehnya. Dia menerima juga permohonan saya dengan melonggarkan had umur dan setelah saya berjanji akan menghafal seluruh kitab suci al-Quran secepat mungkin. Beliau membenarkan saya mengambil ujian lisan dan ujian bertulis. Saya berjaya dalam kedua-dua ujian itu dan jadilah saya seorang penuntut di Maktab Perguruan Damanhur.

Minat Saya Di Dalam Tariqat Sufi Hasafiyah

Saya telah lihat ahli-ahli Tariqat Hasafiyah di dalam sebuah masjid kecil. Setiap hari selepas solah Isya’, mereka terus berzikir kepada Allah. Saya selalu menghadiri kuliah-kuliah Syeikh Muhammad Zahran antara solah Maghrib dan Isya’. Halaqah zikir yang diadakan itu disertai pula dengan nasyid yang merdu, menarik minat saya. lanya dihadiri oleh ulamak-ulamak dan pemuda-pemuda yang soleh. Mereka juga memberi layanan yang baik kepada kanak-kanak di situ untuk menyertai dalam halaqah zikir itu.

Lama-kelamaan hubungan saya dengan ‘Ikhwan Al-Hasafiyah’ semakin erat. Di antara orang-orang yang paling kuat mempengaruhi saya ialah Syeikh Syalbi Ar-Rijal, Syeikh Muhammad Abu Syousyah dan Syeikh Syed Uthman. Begitu juga dengan pendakwah-pendakwah muda seperti Muhammad Afandi Dimyatee, Sowi Afandi as-Sowi, Abdul Mut’al Afandi Sankal dan yang lain-lain lagi adalah hampir sebaya umur mereka dengan saya. Di sinilah saya bertemu dengan Ustaz Ahmad Sakri buat pertama kali, Beliau adalah wakil Ikhwanul Muslimun waktu itu. Pertemuan tersebut meninggalkan kesan yang hebat kepada kehidupan kami. Sejak itu, nama Syeikh Hasafi terus mempengaruhi saya dan saya berasa sangat gembira bila mendengar nama itu. Saya pun semakin kempunan hendak bertemu Syiekh itu dan mendapat faedah dari kuliah yang diberinya. Saya mula mengamal ‘Wazifah ar-Ruzooqiyyah’ di waktu subuh dan petang. Saya mula berminat dengan wazifah ini apabila bapa saya memberitahu bahawa kalimah di dalam wazifah tersebut diambil dari hadith-hadith sahih. Risalah ini dinamakan risalah (menerangkan hati untuk menjadi suci dengan zikir Ruzooqiyyah). Wazifah ini tidak melebihi dari ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith. Walaupun begitu tidak kedapatan padanya perkataan-

perkataan yang ganjil, fahaman-fahaman dan ibadat-ibadat yang bertentangan dengan Islam.

Ketika ini saya berjumpa dengan sebuah kitab bertajuk 'Almanhal as-Safi fi Manaqib Hasnain al-Hasafi'. Hasnain al-Hasafi adalah pengasas dan pemimpin pertama Tariqat Hasafiyah (Ikhwan Al-Hasafi). Kini pemimpin Tariqat tersebut ialah Syeikh Abdul Wahab Hasafi, iaitu anak Syeikh Hasnain al-Hasafi. Semoga Allah merahmati Syeikh Abdul Wahab dan memberi kejayaan kepada segala usahanya. Saya tidak sempat menemui Syeikh Hasnain Al-Hasafi kerana dia telah meninggal dunia pada hari Khamis, 17 Jamadil Akhir, 1328 Hijrah. Saya berumur 4 tahun ketika itu. Walaupun dia kerap melawat negeri saya, tetapi saya tidak berpeluang menemuinya.

Melalui kitab tersebut, saya mendapat tahu bahawa Syeikh Hasnain adalah seorang ulamak Universiti al-Azhar yang alim. Beliau pakar dalam Ilmu Fiqh Mazhab Syafi'e dan Ulumud Din. Dia juga seorang ulamak yang luas pembacaannya. Beliau bersolat tepat pada waktunya dan banyak masanya habis dalam berzikir kepada Allah. Dia adalah seorang yang wara' dan bertakwa. Dia juga menunaikan umrah dan Haji banyak kali. Para sahabatnya tidak dapat mencari orang lain yang lebih bertakwa yang mematuhi ajaran Allah, menunaikan segala perkara perkara yang wajib serta sentiasa memelihara perkara-perkara sunat.

Syeikh Hasnain Al-Hasafi tidak lalai dari mematuhi dan melaksanakan perkara-perkara tersebut sehinggalah ke akhir hayatnya. Beliau berumur 60 tahun tetapi umurnya yang tua itu tidak menyekat dia dari menjalankan dakwah Islamiah. Dia menentang amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam dan menggalakkan amalan-amalan yang berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Beliau selalu menentang bida'ah-bida'ah yang menyusup masuk ke dalam amalan-amalan Tariqat Sufi. Dia menyeru manusia kepada perbuatan maaruf dan melarang manusia dari melakukan perbuatan yang haram. Beliau membawa perubahan yang hebat kepada masyarakatnya dengan membanteras banyak amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam. Pemikiran dan amalannya mengagumkan saya. Dalam usaha menegakkan yang maaruf dan mencegah yang mungkar, beliau tidak takut kepada sesiapa pun. Ada banyak peristiwa yang menggambarkan keberaniannya.

Pernah Syeikh Hasnain pergi menemui Perdana Menteri Mesir, Riyadh Basya. Pada waktu yang sama seorang ulama lain telah datang menemui Riyadh Basya. Ulama tersebut telah tunduk memberi hormat kepada Riyadh Basya. Syeikh Hanain naik radang dan terus menampar ulamak tadi sambil berkata, 'Berdiri tegaklah engkau! Tidak dibenarkan ruku' dalam Islam melainkan di hadapan Allah S.W.T. Janganlah engkau mencemar Islam dan ilmu yang ada padamu, nanti kelak Allah akan mencemarmu.' Perdana Menteri Riyadh Basya dan ulamak tadi pun terpegun. Tidak seorang pun yang berani mengambil tindakan terhadap Syeikh Hasnain.

Apabila Syeikh Hasnain duduk, seorang pembesar pun tiba. Beliau adalah sahabat Riyadh Basya. Salah satu jarinya tersarung sebentuk cincin emas dan di samping itu dia juga membawa sebatang tongkat yang berkepala emas. Syeikh Hasnain pun menasihatinya, 'Saudara ku! Kaum wanita diharuskan memakai perhiasan emas dan kaum lelaki diharamkan memakai emas. Lebih baik kau serahkan barang-barang emas yang ada padamu itu kepada kaum wanita di dalam keluargamu.

Jauhkan dirimu dari bertindak bertentangan dengan sunnah Rasulullah s.a.w. Sebelum pembesar tadi membangkang, Riyadh Basya masuk campur dan memperkenalkan mereka berdua. Namun begitu, Syeikh Hasnain masih bertegas supaya cincin emas dan emas di hujung tongkat ditanggalkan agar amalan yang bertentangan dengan Islam dapat dihentikan.

Satu hari Raja Mesir, iaitu Taufiq Pasya, telah menghadiri satu perhimpunan khas para ulamak. Syeikh Hasnain juga turut hadir di majlis itu. Apabila Syeikh Hasnain bertemu Taufiq Pasya, dia pun mengucap ‘Assalaamu’alaikum’ dengan kuatnya. Taufiq Pasya hanya membalas salam itu dengan mengangkat tangan saja. Tanpa rasa gentar, Syeikh Hasnain pun dengan lantang berkata, ‘Jawablah salam dengan cara yang sama atau dengan cara yang lebih baik lagi. Menurut Islam, tidak harus menjawab salam dengan tangan. Jawapan salam perlulah diberi dengan sepenuhnya iaitu ‘Wa a’laikumus-Salaam wa rahmatullahi wa barakatuh’. Taufiq Pasya berterima kasih pada Syeikh Hasnain kerana pendiriannya dan pegangannya dalam hal agama.

Satu hari Syeikh Hasnain pergi berjumpa salah seorang muridnya di Jabatan Ukur. Beliau lihat ada patung kecil di atas meja dalam pejabat muridnya itu. Syeikh Hasnain bertanya, ‘Apakah benda ini?’ Muridnya menjawab, ‘Patung ini perlu untuk kerja-kerja kami’. Syeikh itu menjawab, ‘Benda ini dilarang (diharamkan) Allah.’ Beliau pun mematahkan leher patung tersebut dengan tangannya sendiri. Di waktu itu, seorang Inspektor bangsa Inggeris masuk ke dalam pejabat itu. Dia bertanyakan Syeikh Hasnain mengenai perkara patung tadi. Dengan sopan santun, Syeikh itu menerangkan bahawa Islam datang untuk menegakkan Tauhid (Keesaan Allah) di atas muka bumi dan juga untuk menghapuskan berbagai bentuk penyembahan berhala. Islam telah mengharamkan patung agar ia tidak menjadi sumber penyembahan. Penerangan dasar-dasar Islam yang diberi oleh Syeikh Hasnain begitu elok sehingga dapat menyakinkan Inspektor tadi. Dia sangat tertarik dengan hujah-hujah Syeikh Hasnain sebab selama ini dia sangka penyembahan berhala wujud di dalam Islam. Dia menerima kebenaran Islam dan memuji Syeikh Hasnain.

Satu hari Syeikh Hasnain dan murid muridnya menziarahi Masjid Saidina Hussain (r.a.). Dia berdiri di hadapan kubur dan mengucapkan kalimah berikut:

Maksudnya: “Sejahtera ke atas mu ahli kubur yang Mu’min.”

Sementara itu seorang dari muridnya memohon, ‘Tuan! Beritahu Saidina Hussain agar dia memberkati aku.’ Syeikh Hasnain Al-Hasafi memandangnya dengan penuh marah dan berkata, “Semoga Allah memberkati kita dan dia (yakni Saidina Hussain). Kemudian dia, meminta semua murid-muridnya berhimpun di situ kerana dia hendak memberi syarahan. Dalam perhimpunan tersebut beliau menghurai secara terperinci adab dan peraturan menziarahi kubur. Beliau juga menjelaskan perbezaan antara bidaah dan syara’ dalam persoalan menziarahi kubur.

Bapa saya pernah menceritakan bahawa dia, Syeikh Hasnain dan para anggota Tariqat Hasafiah yang lain telah berkumpul di rumah Hasan bin Abu Syed Hasnain. Seorang pelayan wanita yang masih muda masuk ke dalam majlis untuk menghidangkan kopi. Kepala dan tangannya terdedah. Syeikh Hasnain memandang wanita tadi dengan marahnya dan dia menyuruh wanita itu keluar. Syeikh Hasnain

juga enggan minum kopi yang dihidangkan. Beliau telah berjumpa dengan tuan rumah itu dan memberinya satu pengajaran mengenai kewajipan terhadap gadis-gadis walaupun mereka merupakan pelayan, tidak seharusnya dipamerkan kepada lelaki ajnabi.

Inilah di antara nilai-nilai akhlak Syeikh Hasnain Al-Hasafi yang banyak mempengaruhi saya. Para anggota Tariqat Hasafiah selalu memuji ajaran Syeikh Hasnain, tetapi saya lebih tertarik dengan ajaran-ajaran yang diamalkannya. Saya yakin Allah telah memberinya kuasa istimewa untuk menyebarkan Islam. Beliau telah berusaha mencegah kemungkaran dan menegakkan kebenaran dengan tabahnya. Saya mula mengenal Syeikh Hasnain Al-Hasafi ketika saya berumur 12 tahun. Pengenalan saya dengan Syeikh itu kian teguh lantaran satu peristiwa aneh. Saya telah membaca buku beliau berulang kali. Satu hari saya telah bermimpi. Dalam mimpi itu, saya sedang berada di sebuah tanah perkuburan. Saya lihat salah satu kubur bergegar dan bergerak. Gegaran berterusan untuk tempoh waktu yang lama. Akhirnya kubur tadi pecah. Api memancut keluar darinya dan menjulang ke langit. Api itu bertukar membentuk satu lembaga manusia lelaki. Lembaga itu adalah satu lembaga panjang yang menggerunkan. Orang ramai berkumpul di sekelilingnya. Gergasi itu berteriak sambil berkata kepada orang ramai yang berkumpul di sekelilingnya, 'Wahai manusia! Perkara perkara yang diharamkan Allah kepada kamu kini telah dihalalkan. Sekarang kamu buatlah apa yang kamu suka.' Saya pun muncul dari khalayak ramai dan berkata, 'Kau pendusta.' Orang ramai pun berpaling melihat saya dan saya memberitahu mereka, 'Wahai manusia yang dikasihi! Dia adalah syaitan yang dilaknat. Dia telah datang untuk menyesat dan menghasutkan kamu. Jangan dengar kata katanya! Jika tidak, kamu akan sesat.' Gergasi tadi naik marah dan berkata, 'Sekarang kita akan berlumba lari di hadapan orang ramai. Jika kau menang, kau dianggap benar. Jika aku menang, akulah yang benar.' Saya menerima cabarannya itu. Saya pun berlari sepantas yang saya mampu. Malangnya kaki saya tidak dapat bersaing dengan kaki gergasi yang besar itu. Belum sempat gergasi tersebut menangkap saya, Syeikh Hasnain Al-Hasafi muncul dan memeluk saya. Beliau memegang saya dengan tangan kirinya sambil tangan kanannya diangkat dan dihalakan kepada gergasi yang sedang pantas bergerak itu. Beliau berteriak dengan kuat, 'Nyahlah engkau wahai syAltan yang terkutuk!' Gergasi tadi cabut lari dan menyembunyikan dirinya. Syeikh Hasnain pun turut lesap.

Saya pergi bertemu orang ramai tadi dan berkata, 'Awak semua telah saksikan sendiri usaha syaitan hendak menyesatkan awak dari jalan kebenaran yang ditunjukkan Allah.' Selepas itu saya pun terkejut jaga. Semenjak hari itu, saya pun begitu kempunan hendak bertemu Syed Abdul Wahab Al-Hasafi, iaitu putera Syeikh Hasnain Al-Hasafi kerana hendak belajar dasar dasar Akhlak Islam darinya tetapi dia tidak muncul.

Berhubung dengan peristiwa di perkuburan itu, saya teringat kepada saudara seagama saya, iaitu Syeikh Muhammad Abu Syousya, seorang saudagar di Mahmoodiyah. Saya terhutang budi kepadanya kerana dia banyak memberi bimbingan rohani kepada saya. Dia mengumpul lapan hingga sepuluh orang budak lelaki termasuk saya dan membawa kami ke tanah perkuburan. Kami menziarahi kubur sambil berzikrullah di masjid Syeikh Najeeli. Syeikh Muhammad Abu Syousya menceritakan kisah kisah para wali dan orang-orang soleh kepada kami dengan cara yang begitu menarik sehingga air mata kami mengalir. Kemudian dia menunjuk

kepada kami kubur-kubur yang terbuka dan mengingatkan kami bahawa satu hari nanti kami juga akan berada di tempat yang gelap dan mengerikan itu (yakni kubur). Syeikh Muhammad Abu Syousya menangis teresak-esak dan kami juga turut menangis. Kami semua pun bertaubat dan memohon keampunan Allah atas segala kesalahan yang kami lakukan. Kadangkala dia mengikat benang di pergelangan tangan kami Sebagai lambang peringatan taubat yang telah kami lakukan. Beliau menerangkan bahawa jika fikiran kami diselubungi kejahatan atau syaitan cuba menghasut kami, maka hendaklah kami menyentuh benang tersebut sambil mengingati janji yang telah kami buat untuk mematuhi Allah serta menjauhi perbuatan mungkar. Kami mendapat banyak faedah dari nasihat serta tunjuk ajar beliau yang baik dan berguna itu. Semoga Allah melimpahkan rahmat ke atas beliau.

Hati saya sentiasa teringat Syeikh Hasan sehinggalah saya memasuki Maktab Perguruan Damanhur. Makam Syeikh Hasan berada di Damanhur. Masjid beliau yang belum siap itu juga berada di Damanhur. Ketika itu hanya asas masjid saja yang siap. Masjid itu dapat disiapkan kemudiannya. Saya menziarahi makam Syeikh Hasan setiap hari. Saya bergaul rapat dengan para anggota Tariqat Hasafiyah. Setiap malam saya menghadiri syarahan-syarahan yang diberi di Masjid At-Taubah. Saya bertanya berkenaan ketua Tariqat Hasafiyah di situ dan mendapat tahu namanya ialah Syeikh Basiyooni Alatt. Beliau adalah seorang peniaga yang bertaqwa dan wara'. Saya memohon kepada beliau supaya memperkenaikan saya dengan Syeikh Syed Abdul Wahab Al-Hasafi. Syeikh Basiyooni pun berjanji hendak memperkenalkan saya dengan Syeikh tersebut apabila dia melawat Damanhur. Sebelum ini saya belum pernah menyatakan bai'ah (sumpah setia) dengan sesiapa pun. Menurut para anggota Tariqat Hasafiyah, saya masih di peringkat 'Muhib' (orang yang kasih kepada orang orang wara' dan soleh) dan bukannya murid (pengikut).

Satu hari Syed Abdul Wahab melawat Damanhur. Para anggota Tariqat Hasafiyah menyampaikan berita kedatangannya itu kepada saya. Alangkah gembiranya saya. Saya pergi bertemu Syeikh Basiyooni dan meminta beliau membawa saya kepada Syeikh Abdul Wahab Al-Hasafi pada hari Ahad, 4 haribulan Ramadhan, 1341 Hijrah, lepas solat Asar. Saya pun menyatakan bai'ah saya dengan meletakkan tangan saya di atas tangan Syeikh Syed Muhammad Abdul Wahab. Dengan demikian, rasmilah saya sebagai salah seorang anggota Tariqat Hasafiyah. Syed Muhammad Abdul Wahab membenarkan saya menggunakan segala kemudahan kemudahan yang dikhaskan kepada para anggota Tariqat Hasafiyah.

Semoga Allah merahmati Syeikh Syed Muhammad Abdul Wahab. Saya beruntung banyak dapat bergaul dengannya. Setiap usaha beliau adalah kebaikan semata. Beliau adalah seorang yang wara' dan berakhlak mulia. Beliau tidak mengejar pangkat dan kekayaan orang lain. Setiap masalah dihadapinya dengan penuh bijaksana. Hayatnya habis dalam mengajar orang dan beribadat kepada Allah. Beliau memimpin para anggota Tariqat Hasafiyah dengan penuh kebaikan dan kejayaan.

Di antara ajarannya yang menarik ialah Syeikh Syed Abdul Wahab tidak membenarkan para anggota Tariqatnya yang terpelajar berbincang masalah-masalah khilaf dan meragukan dan menyebut-nyebut percakapan orang-orang Mulhid dan Zindiq di hadapan para anggota Tariqat biasa. Katanya kepada mereka, 'Berbincanglah perkara perkara itu di dalam perjumpaan perjumpaan khas awak. Ketika berdakwah kepada orang awam, hendaklah menyentuh perkara-perkara yang

mudah dan berkesan yang dapat mengarahkan mereka kepada taat kepada Allah. Jika perkara-perkara yang rumit tadi dibincangkan, mungkin mereka tidak memahami kamu dan hal ini boleh membuat mereka ragu terhadap agama mereka sendiri. Lantaran itu awaklah yang menjadi punca salah faham mereka terhadap Islam.' Saya masih ingat kata katanya kepada saya dan Ahmad Sakri. Saya lihat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa Allah akan membuka hati orang ramai kepada kamu. Ramai dari mereka yang akan menyertai gerakan kamu. Fahamilah bahawa Allah akan menyoal kamu mengenai orang-orang yang mendatangi kamu sama ada kamu telah menggunakan masa mereka dengan baik atau tidak. Jika masa mereka digunakan dengan baik, maka Allah akan memberi ganjaran baik kepada mereka dan kamu. Andainya masa mereka tidak digunakan dengan baik, maka kamu akan dihukum. Dengan cara inilah Syeikh tersebut mendorong kami menjalankan kewajipan kami kepada Allah. Kami dapati peribadi beliau dipenuhi kebaikan.

Pada waktu itu, kami berpakat hendak menubuhkan satu pertubuhan di Mahmoodiyah. Pertubuhan itu digelar 'Persatuan Kebajikan Hasafiah'. Seorang peniaga/saudagar Mahmoodiyah terkenal yang bernama Ahmad Afandi as-Sakri telah dilantik Sebagai yang Di Pertua dan saya pula dilantik Sebagai Setiausaha. Kegiatan persatuan tertumpu kepada dua bidang yang penting. Bidang pertama menyebarkan dakwah untuk pembinaan akhlak orang ramai dan membanteras kemungkaran di kalangan masyarakat. Bidang kedua melibatkan usaha menentang kegiatan risalah Kristian. Para anggota ini yang paling gigih terdiri dari tiga orang wanita. Mereka berusaha menyebar agama Kristian dengan bertopengkan kursus jahitan serta tekat menekat dan juga dengan memberi perlindungan kepada anak-anak yatim dan rawatan perubatan.

Persatuan Kebajikan Hasafiyah 'menghadapi gerakan Kristian' ini habis-habisan. Usaha ini mendapat penghargaan dari orang ramai. Kemudiannya, usaha ini diteruskan oleh Ikhwanul Muslimin.

Hubungan kami dengan Syed Abdul Wahab Al-Hasafi tetap baik sehinggalah tertubuh dan berkembangnya gerakan Ikhwanul Muslimin di seluruh negara Mesir. Selepas itu, pendapat beliau dan pendapat kami mengenai Ikhwanul Muslimin berubah. Namun begitu, kami masih menyimpan rasa terhutang budi dan rasa hormat kepadanya. Beliau adalah seorang ahli ibadat yang baik dan wara'.

Pendapat Saya Mengenai Tasawwuf.

Saya rasa sangat berfaedah jika saya mencatit di dalam diari (buku harian) ini beberapa aspek mengenai peranan tasawwuf dan tariqat di dalam sejarah dakwah Islam. Bagaimana tasawwuf boleh wujud? Apakah kesan dan hasilnya? Sejauh manakah ia memberi faedah kepada masyarakat Islam? Saya tidak bercadang hendak membincangkan perkara ini secara ilmiah dan mendalam. Saya hanya ingin mencatit apa yang saya ingat berkenaan persoalan itu. Jika pendapat saya terbukti benar, ianya diperolehi dengan rahmat Allah jua. Puji-pujian bagi Allah andainya saya benar. Jika pendapat saya terbukti salah, maka kebaikanlah yang saya cari. Bagi Allah segala sesuatu.

Pada awal abad pertama, sempadan negara Islam telah kian meluas dan juga mencapai banyak kemenangan. Manusia memeluk Islam dari berbagai tempat. Orang

Islam menjadi pemilik kekayaan dan harta yang banyak. Orang Islam pun mula cenderung kepada dunia dan segala ciri-cirinya yang menarik itu. Apabila masyarakat Islam telah meninggalkan kesederhanaan hidup dan kerajinan yang pernah wujud di zaman Rasulullah s.a.w.; apabila mereka mula terlibat di dalam keburukan dan kemewahan duniawi, maka muncullah tokoh-tokoh Islam yang wara' dan berperibadi mulia untuk membawa peringatan dan pembaharuan kepada mereka. Tokoh-tokoh ini berusaha membersihkan masyarakat dari cintakan kebendaan. Mereka memperingati masyarakat supaya bersedia untuk kehidupan akhirat. Di antara tokoh-tokoh yang terkemuka ini ialah Imam Hasan al-Basri. Banyak lagi para pendakwah lain yang menjejaki beliau. Orang-orang ini menyeru manusia agar mencintai dan mengingati Allah, takutkan Hari Perhitungan dan bersikap berpuas hati dengan apa yang dapat. Mereka menekankan betapa pentingnya tarbiyah diri, kepatuhan kepada Allah dan bersifat taqwa. Cara mereka bertindak dan berfikir berkembang seperti caban-cabang ilmu Islam serta corak pemikiran Islam yang lain. Ianya melalui proses yang sama. Jadilah ia ilmu yang menekankan pembinaan akhlak dan corak hidup tertentu. Tahap-tahap ilmu tassawuf ini ialah zikrullah, ibadat dan ilmu ketuhanan (makrifat). Matlamat mereka ialah mencari keredhaan Allah dan mendapat syurga. Saya menggelar ilmu tasawwuf Sebagai ilmu pendidikan dan akhlak. Sebenarnya ilmu tasawwuf adalah intisari pengajian Islam. Para ahli sufi mencapai tahap yang tinggi rnelalui ilmu (yakni ilmu tasawwuf) ini dalam mendekati Allah. Orang lain tidak boleh mencapai sebagaimana yang dicapai oleh golongan sufi. Mereka memimpin manusia agar menta'ati dasar dasar Islam dan menjalankan kewajipan mereka kepada Allah. Dari masa ke semasa, berlaku keterlaluan dalam ilmu tasawwuf.

Hal ini berlaku di dalam amalan berdiam diri, puasa, menahan diri dari tidur dan beruzlah (yakni berseorangan kerana hendak (beribadat). Islam telah meletakkan peraturan-peraturan yang jelas mengenai perkara perkara (amalan amalan) ini. Tujuan berdiam diri (tidak bercakap) ialah mengelakkan diri dari perkara sia-sia. Tujuan berlapar ialah berpuasa sunat. Tujuan mengurangkan tidur ialah untuk memudahkan beribadat di waktu malam. Tujuan beruzlah ialah menjauhkan diri dari perkara perkara yang merosakkan diri sendiri. Jika amalan-amalan ini dilaksanakan sepenuhnya menurut dasar-dasar Islam, maka hasilnya adalah berfaedah sekali.

Walau bagaimanapun, ilmu permikiran tasawwuf ini tidak terhad setakat yang tersebut tadi. Andainya ilmu sufi terhad setakat itu, ianyakan akan berguna pada manusia dan juga dirinya sendiri. Namun begitu, ilmu tasawwuf telah melewati sempadan itu dan telah bercampur aduk dengan ciri-ciri khayalan (intuition), falsafah, logik dan warisan daripada umat-umat terdahulu. Dengan cara ini ilmu tassawuf tadi tidak dapat mengekalkan ketulenannya. Ia pun menjadi satu campuran berbagai bida'ah yang asing dari Islam. Ia membuka peluang yang tidak terhad kepada kaum kafir, kaum murtad dan para ahli bidaah untuk menyelewengkan Islam atas nama atau laungan Islam tulen. Ilmu tasawwuf begini membolehkan kegiatan-kegiatan menentang Islam dijalankan dengan bertopengkan kerohanian. Oleh itu, apa yang diperkatakan mengenai tasawwuf ini perlu dikaji oleh para pengkaji dan orang-orang yang cintakan kemurnian agama agar dapat dipisahkan kepalsuan dari kebenaran.

Kemudian datang pula zaman pemeringkatan ilmu tasawwuf. Wujudlah berbagai kempulan sufi. Setiap ahli sufi mempunyai cara tarbiyah tersendiri dan mencipta kumpulan (tarikat sufi) sufi baru. Selepas itu ciri politik mula masuk ke dalam gelanggang tasawwuf. Ahli-ahli politik menggunakan ahli-ahli tasawwuf untuk

tujuan politik mereka. Kumpulan-kumpulan sufi ini disusun menurut susunan para pejuang dan kadang kala disusun Sebagai persatuan-persatuan yang tertutup (atau persatuan-persatuan sulit). Dengan cara ini amalan sufi tulin telah melalui berbagai peringkat perubahan. Akhirnya, ia begitu berbeza sekali dari rupa asalnya. Amalan sufi sekarang telah hilang ketuhanannya. Bentuknya kini telah bercampur baur sehingga hari ini. Ini semua kesan dari sejarahnya yang panjang. Contoh yang dapat kita lihat ialah di Mesir sendiri dari segi ketua ketua tariqat sufi dan murid-muridnya.

Tidak dapat dinafikan bahawa ilmu tasawwuf dan tariqat telah memainkan peranan penting dalam menyebarkan Islam di pelusok dunia yang jauh. Penyebaran Islam tidak mungkin tercapai tanpa semangat berdakwah ahli-ahli sufi ini. Islam tersebar luas lantaran usaha usaha mereka ini. Bahkan Islam masih tersebar di pelbagai bandar Afrika dan di kawasan tengah Afrika melalui ahli-ahli sufi. Begitu juga halnya dikebanyakan kawasan Asia. Memang benar amalan sufi mempunyai pengaruh yang besar terhadap hati dan batin seseorang, namun begitu, percampurannya dengan fahaman-fahaman lain telah menjadikannya mendatangkan kerosakan lebih banyak dari kebaikan bahkan kadang-kadang boleh menghancurkan terus.

Adalah menjadi tanggungjawab Muslimin untuk membuat satu rancangan bagi memulihkan kumpulan-kumpulan sufi yang telah menyeleweng. Mereka boleh dipulihkan dengan senang kerana mereka mempunyai kemampuan untuk berbuat demikian. Bahkan merekalah yang paling mudah menerima pemulihan dan pembetulan jika pendekatan yang sesuai digunakan.

Para ulamak dan pendakwah perlu meluangkan masa untuk menumpukan perhatian kepada usaha memulihkan kumpulan-kumpulan sufi ini. Para ulamak ini sepatutnya meneliti segala kitab-kitab berkenaan ilmu tasawwuf yang ada. Mereka sepatutnya mengkaji segala masalah dan keadaan yang menyentuh ilmu ini kemudian menapis pencemaran dan kepalsuan yang ada di dalamnya. Kemudian mereka perlu memberi kepimpinan yang penuh ketaqwaan kepada golongan sufi tersebut. Saya teringat kepada Syed Taufiq Al-Bahri (r.a.) yang begitu bersusah payah mengkaji masalah-masalah dan hal ehwal golongan sufi ini. Kemudian beliau menulis buku yang menyentuh perkara tersebut. Tetapi rancangan beliau tidak terlaksana kerana sesiapa pun tidak memberi perhatian mengenai perkara tersebut selepasnya.

Syeikh Abdullah Afifi juga sangat berminat dalam perkara ini. Tetapi minatnya hanyalah dari segi teori dan bukan amali. Andainya ketiga kekuatan ini iaitu kekuatan ilmiah Al-Azhar, kekuatan rohani para sufi dan kekuatan amali gerakan Islam dapat bertindak secara berpadu, maka satu ummat Islam yang sempurna akan wujud di seluruh dunia. Umat begini menjadi pemandu dan bukan pengikut. Umat begini akan menjadi contoh kepada kaum-kaum lain. Umat begini boleh menyelamatkan manusia dari kegelapan jahiliah. Tetapi semua perkara ditentukan oleh Allah SWT.

Hari-hari Di Damanhur

Kehidupan saya di Damanhur adalah dalam kehidupan beribadat dan amalan sufi (tasawwuf). Kehidupan manusia terbahagi kepada beberapa peringkat (tahap). Salah satu peringkat itu ialah zaman selepas pemberontak Mesir iaitu dari tahun 1920

sehingga 1923 M. Saya berumur tidak lebih dari 14 tahun ketika itu. Ia merupakan tahap kehidupan di mana saya tenggelam dalam ibadat dan amalan sufi. Namun begitu hal ini tidak menyekat saya dari terlihat dalam kegiatan yang menyentuh kepentingan negara.

Apabila saya tiba di Damanhur, saya terpengaruh dengan Tariqat Sufi Hasafiah. Kubur pengasasnya, iaitu Syed Hasnain Al-Hasafi berada di Damanhur. Ketua kami di situ adalah Haji Hilmi Sulaiman, seorang yang bertaqwa dan wara'. Kerana itulah di antara saya dan beliau ada satu hubungan rohani yang khas. Sahabat Haji Hilmi ialah Syeikh Hasan Khiz Bik, seorang guru di Damanhur. Syeikh Hasan mengadakan majlis-majlis ilmu agama di rumahnya. Beliau memberi kuliah mengenai kitab Ihya' Imam Ghazali di masjid Al-Jaisy sebelum solat subuh, dalam bulan Ramadhan. Haji Hilmi selalu membawa saya ke majlis-majlis tersebut. Saya mendapati diri saya seorang yang kerdil dibandingkan dengan mereka yang hadir di majlis itu kerana mereka terdiri daripada alim ulamak.

Usia saya yang sangat muda tidak menghalang saya dari selalu mendampingi para ulamak terkemuka termasuklah guru guru Maktab saya dan juga beberapa ulamak lain. Para ulamak terkemuka ini selalu mendorong para pemuda seperti saya ini supaya jalan kebenaran Islam dan supaya sentiasa bertawakkal kepada Allah. Inilah di antara sebab-sebab yang menimbulkan minat dan mendorong saya kepada amalan amalan sufi.

Saya tidak lupa perbincangan-perbincangan panjang lebar antara kami dengan guru kami, Syeikh Abdul Fattah Abu Alam. Beliau kami ilmu Fiqh, tafsir Al-Quran dan Hadith. Perbincangan berlaku apabila ada bangkangan terhadap amalan-amalan sufi. Syeikh Abdul Fattah akan senyum apabila sesuatu perbincangan sudah selesai. Beliau selalu mengesyorkan supaya mendalami ilmu Fiqh, sejarah dan ilmu Tasawwuf agar saya sendiri dapat memahami kebenaran. Kebenaran tidak bolch didapati tanpa perbincangan dan pengajian. Walaupun pendapat saya dan Syeikh Abdul Fatah kerap kali berbeza, namun begitu beliau tetap baik kepada saya dan membimbing saya dengan ikhlas. Perbincangan perbincangan kami terhad kepada sudut mencari kebenaran dan mengemukakan dalil-dalil yang logik (munasabah).

Bermalam di Masjid Al-Jaish (atau Surau Khathathibah).

Peristiwa bermalam di Masjid Al-Jaish (di Damanhur) atau Masjid Khathathibah (di kawasan Fulaqah) tetap abadi dalam kenangan. Saya menghadiri ceramah-ceramah yang disampaikan sebelum solat subuh, oleh Syeikh Hasan Khazdak di dalam bulan Ramadhan di masjid tersebut. Di masjid itu, kami menghabiskan banyak waktu malam kami dalam beribadah dan berzikir kepada Allah bersama-sama para anggota Tariqat Hasafiyah. Lepas solat Isya, kami makan bersama Syeikh Muhammad Amir atau Hussain Fauzee Afandi yang sekarang ini berada di Kaherah. Selepas itu, kami pun beribadat dan berzikir dalam separuh waktu malam dan kami tidur untuk tempoh waktu yang sedikit sahaja. Apabila waktu sudah sampai tengah malam, kami pun bangun untuk menunaikan solat Tahajjud. Hal ini berterusan sehingga waktu solat subuh tiba. Selepas amalan-amalan tertentu, dan juga berzikrullah, kami pun pergi Maktab. Para penuntut menumpukan masa mereka untuk menuntut ilmu dan sibuk dengan urusan masing-masing.

Kerap kali kami bangun sebelum waktu subuh, bahkan sebelum pintu masjid Al-Jaish dibuka. Oleh itu, kami pun pergi ke surau Khathathibah yang terletak di tebing tali Air Khathathibah. Di sini kami menghabiskan masa dalam ibadat. Kemudian kami akan kembali ke Masjid Al-Jaish untuk menunaikan solat subuh secara berjemaah.

Berziarah Berhubungan.

Apabila kami berada di Damanhur pada setiap kali hari Jumaat, kami akan menziarahi kubur-kubur para wali Allah. Kadang-kadang kami melawat Dasuk. Selepas solat subuh, kami berjalan kaki ke Dasuk dan sampai di sana pada pukul 8.00 pagi. Jaraknya ialah dua puluh kilometer dan memakan masa tiga jam untuk sampai. Kami menghadiahkan Fatihah di kubur wali di situ. Selepas itu, kami menunaikan solat Jumaat. Kemudian kami makan dan berehat sebentar. Selepas solat Asar, kami pun memulakan perjalanan pulang dan sampai ke Damanhur ketika hampir waktu Maghrib. Kadangkala kami pergi ke Azbatul Nawam untuk menziarahi makam Syeikh Syed Saniar. Beliau adalah seorang anggota Tariqat Hasafiyah yang terkemuka. Dia terkenal sebagai seorang yang bertaqwa dan wara'. Kami berada di sana seharian dan pulang pada waktu malam.

Hari Untuk Berdiam Diri (Mengasingkan Dirl)

Kami menetapkan beberapa hari tertentu untuk kami bersenyap dan menjauhkan diri dari manusia. Dalam tempoh tersebut, kami tidak akan bercakap antara satu sama lain kecuali untuk berzikir atau membaca ayat-ayat suci al-Quran saja. Ketika amalan ini berjalan, para penuntut lain mengambil peluang mengusik kami. Kerap kali mereka pergi bertemu Pengetua atau beberapa orang guru lain untuk melaporkan bahawa ada penuntut telah menjadi bisu. Guru yang menerima laporan akan datang untuk menyiasat keadaan kami Sebagai jawapan, kami pun membaca beberapa ayat suci al-Quran. Beliau pun berpuas hati dan beredar dari situ. Guru kami, Syeikh Farhat Salim menghormati tindakan kami bersenyap diri dan beliau memarahi penuntut-penuntut yang cuba mengusik kami. Dia juga mengarah guru-guru lain supaya jangan mengganggu kami dengan soalan-soalan ketika kami sedang bersenyap diri. Para guru sedar bahawa kami melakukannya bukan untuk mengelakkan diri dari pengajian atau peperiksaan kerana kami selalu berjaya mengatasi para penuntut lain ketika menuntut dan dalam menghadapi peperiksaan. Kami menjalankan amalan itu untuk beberapa waktu tanpa menyiasat pendapat Syara' mengenainya. Kami melaksanakan amalan tersebut untuk tempoh tertentu kerana hendak mengelakkan diri perkara sia-sia dan untuk membina kecekalan diri.

Kadangkala perkara ini meruncing dan menimbulkan kebencian di kalangan manusia sehingga mendorong kami untuk bersendirian. Saya sendiri menerima banyak pucuk surat dari rakan-rakan semaktab tetapi saya tidak berani membaca surat surat itu. Saya bimbang nanti surat-surat itu mengandungi sesuatu yang boleh melukakan hati saya. Seorang ahli sufi sepatutnya bebas dari kebimbangan sedemikian rupa. Dia berkewajipan memutuskan hubungan dari semua benda kecuali Allah. Dia mesti berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan dasar ini.

Bentuk-bentuk Syi'ar di Maktab.

Saya selalu bersemangat dalam usaha menyebarkan Islam. Ketika waktu solat Zohor dan Asar, saya akan melaungkan azan di surau Maktab. Saya terpaksa meminta kebenaran guru apabila hendak melaungkan azan kerana waktu itu bertembung dengan jadual waktu pelajaran. Sebenarnya saya sangat hairan dengan perkara ini. Sekolah-sekolah seperti Maktab kami ini adalah sekolah Islam, memiliki nama-nama berciri Islam tetapi tidak ada peruntukan waktu untuk solat di dalam jadual waktu mereka. Sebahagian guru memberi kebenaran untuk bersolat dengan senang tetapi sebahagian lagi begitu tegas sekali dengan jadual waktu yang telah ditetapkan. Kepada guru-guru yang bertegas (tidak begitu setuju membenarkan para penuntut pergi bersolat ketika waktu solat telah tiba) dengan jadual waktu, saya ingatkan mereka bahawa tidak ada kepatuhan terhadap makhluk terhadap perkara yang melibatkan penderhakaan terhadap Allah. Saya kerap kali terlibat dalam perbincangan hangat dengan mereka mengenai perkara tersebut. Para guru tadi akhirnya membenarkan saya bersolat agar saya cepat beredar dari situ.

Ketika waktu Zohor, saya tidak pulang ke rumah. Saya duduk di surau atau di perkarangan maktab. Saya selalu mengajak para penuntut menunaikan solat. Selepas solat Zohor, kami duduk bersama guru kami, Muhammad Syarif untuk membaca Al-Quran. Apabila saya membaca, dia mendengar. Apabila dia membaca, saya pula mendengar. Kami meneruskan amalan ini sehingga waktu pengajian Maktab berjalan semula.

Masalah Pakaian Sekolah.

Saya masih ingat, satu hari saya pergi berjumpa pengetua kerana hendak memberi senarai nama-nama penuntut yang tidak hadir ke kuliah. Saya bertugas dalam kelas itu. Saya dapati Pengarah Pelajaran, iaitu Syed Raghib berada di pejabat Pengetua. Syed Raghib merenung pakaian saya. Ketika itu saya sedang memakai baju tup (baju labuh) dan kepala saya berserban. Kasut yang saya pakai ialah jenis sepatu yang dipakai oleh orang yang menunaikan fardhu Haji. Pengarah tersebut menyoal saya, ‘Mengapa awak memakai pakaian yang begini?’ Saya menjawab, ‘Kerana pakaian ini menepati sunnah.’ Dia bertanya lagi, ‘Adakah awak telah mengamalkan sunnah-sunnah yang lain dan hanya sunnah ini saja yang tetap dilakukan?’ Saya membalas, Tidak, sunnah-sunnah lain saya masih tidak amalkan kerana saya sangat cetek dalam perkara ini. Namun begitu, ini adalah usaha saya untuk mengikuti sunnah.’ Pengarah Pelajaran itu pun berkata, ‘Awak telah melanggar peraturan tata tertib Maktab dengan berpakaian begitu.’ Saya pun menyoal kembali, ‘Bagaimana tuan boleh menuduh saya melanggar peraturan tatatertib? Tatatertib Maktab menghendaki saya hadir ke kelas tepat pada waktunya. Dari segi ini, saya tidak pernah ponteng pun. Tatatertib mewajibkan para penuntut berakhlaq baik. Di segi ini pun semua guru berpuas hati dengan saya, Insya Allah. Sementara dalam kemajuan pelajaran dan kerajinan saya selalu mendapat nombor satu dalam kelas. Kalau begitu, bagaimanakah saya boleh dituduh melanggar peraturan tatatertib Maktab?’ Pengarah itu pun berkata, ‘Jika awak bertegas hendak memakai pakaian itu apabila awak menamatkan pengajian di Maktab ini, maka Jabatan Pelajaran tidak akan melantik awak sebagai guru atas alasan awak berpakaian tidak senonoh di hadapan para penuntut.’ Saya menjawab, ‘Walaubagaimanapun, masa itu belum tiba lagi. Apabila ia tiba, Jabatan Pelajaran bebas mengambil tindakannya dan saya juga bebas membuat keputusan saya. Rezeki saya tidak berada di tangan Pengarah Pelajaran atau pun di tangan Kementerian Pelajaran.’ Pengarah Pelajaran senyap tidak menjawab. Pengetua

Maktab pun mencelah dan memperkenalkan saya kepada Pengarah tersebut. Kemudian dia menyuruh saya kembali ke kelas. Peristiwa itu pun berakhir dengan baik.

Munculnya Gerakan Pembebasan Kebangsaan.

Tahun 1919 M merupakan berlakunya pemberontakan di dalam sejarah Mesir. Ketika itu saya adalah penuntut sekolah rendah di Mahmoodiyah dan berumur 13 tahun. Saya masih ingat di hadapan mata saya tunjuk perasaan, mogok dan perarakan-perarakan yang berlaku di awal sehingga akhir. Begitu juga para pernimpin terkemuka yang terlibat di dalam gerakan penentangan tersebut. Merekalah yang memegang panji-panji perjuangan dan mereka juga berebut rebut dalam melaksanakan jihad. Di antara lagu-lagu (nasyid-nasyid) yang dinyanyikan oleh para penunjuk perasaan itu ialah:

‘Cinta pada tanah air ialah kehendak Islam,
Ianya seruan malaikat Allah,
Jika kita gagal membawa kemerdekaan,
Pasti bertemu kita di Syurga.’

Saya juga teringat kegiatan askar-askar British. Mereka di berbagai tempat di Mesir. Adalah menjadi kebiasaan askar-askar ini sering bertengkar dengan orang tempatan. Askar British akan mengejar orang-orang yang dimarahi dengan tali pinggang kulitnya. Apabila askar itu sampai ke satu tempat sunyi, orang tempatan tadi akan menyerang dan memukulnya kembali. Pulanglah dia ke perkhemahannya dalam keadaan rugi.

Orang-orang tempatan juga menubuhkan Pasukan Kawalan di kalangan mereka. Sukarelawan-sukarelawan di dalam pasukan ini bergilir-gilir berjaga di waktu malam kerana mengawal kediaman-kediaman dan para penghuninya dari serangan tentera British. Sebagai penuntut, peranan kami di dalam gerakan ini sangatlah terhad. Kadang kala kami juga turut menyertai mogok dan tunjuk perasaan serta mendengar syarahan-syarahan para pemimpin gerakan tersebut. Mereka bersyarah berkenaan masalah-masalah, perubahan dan perkembangan yang berlaku di dalam negara

Beberapa Kenangan Dan Sajak Yang Saya Karang.

Saya masih ingat lagi, pada satu hari guru kami, Syeikh Khalaf Nuh datang menemui kami. Air matanya sedang mengalir. Kami bertanya sebab dia menangis. Dia menjawab, ‘Farid Bik telah meninggal dunia hari ini.’ Lepas itu dia menceritakan riwayat hidup dan pengorbanan Farid Bik kepada negara. Gaya dia bercerita begitu terharu sekali sehingga kami semua menangis. Saya begitu terpengaruh dengan peristiwa ini sehingga saya menulis satu sajak mengingati Farid Bik. Kini saya masih ingat rangkap awal dan ayat pertama rangkap kedua sajak itu:

‘Farid, tidurlah engkau dalam aman dan Iman;
Janganlah engkau terpinga dengan tanah air mu;
Farid, semoga setiap ujian adalah pengorbanan untuk mu.’

Saya juga teringat perbincangan perbincangan dan pendapat-pendapat mengenai 'Suruhanjaya Milner'. Seluruh negara memulau Suruhanjaya tersebut. Semangat yang kuat membangunkan seorang penuntut berumur 13 tahun, menulis satu sajak mengecam 'Suruhanjaya Milner' lantaran dorongan semangat cintakan tanah air yang tersemai di dalam dirinya. Sajak itu ialah seperti berikut:

> 'Milner! Kembalilah kau mendapatkan pendapat sebenar dari perwakilan di Paris;
> Kembalilah kau kepada rakyat negara mu dan beritahu mereka;
> Duhai manusia kejam! Usah menipu rakyat Mesir.'

Sajak itu panjang tetapi saya mampu ingat dua rangkap itu saja. Saya menulis banyak sajak akibat dari kebangkitan semangat kenegaraan yang tiba-tiba itu. Kesemua sajak-sajak itu saya himpunkan ke dalam bentuk sebuah buku. Buku sajak itu kemudiannya saya bakar. Ketika itu saya telah terlibat di dalam amalan sufi semasa di Maktab Perguruan. Saya juga telah menulis beberapa buku mengenai ilmu Fiqh keempat-empat Mazhab Sunni. Saya juga turut menyumbangkan beberapa cereka (cerita rekaan). Saya menulis kesemuanya ini dengan kerjasama guru saya, Muhammad Ali Budair. Kesemua hasil penulisan tersebut hilang dan musnah dalam satu tempoh waktu yang digelar 'zaman bertindak' lantaran kelalaian saya sendiri. Ketika itu, saya yakin bahawa kecintaan kepada ilmu yang meluas menjadi rintangan kepada amalan yang membuahkan hasil dan juga amal ibadat untuk mengingati Allah (atau yang ditujukan kepada Allah). Sudah memadai bagi manusia memahami dasar dasar agama dan mencari sara hidupnya. Selepas itu, dia sepatutnya menumpukan sepenuh masanya mengingati serta beribadat kepada Allah dan juga disamping itu melakukan amal soleh.

Mogok Dan Tunjuk Perasaan.

Apabila saya memasuki Maktab Perguruan, kehangatan kegiatan gerakan pembebasan telah reda. Namun begitu, orang ramai cuba menghidupkan gerakan tersebut dengan melancarkan mogok, tunjuk perasaan dan pertempuran dengan pihak polis. Keseluruhan waktu kami di Damanhur berlalu di dalam suasana demikian. Di dalam keadaan begini, tanggungjawab terletak di atas bahu para pemimpin pelajar. Walaupun fikiran saya tenggelam di dalam alam sufi, namun begitu saya tetap yakin bahawa berkhidmat kepada negara adalah satu jihad yang dituntut. Oleh sebab saya adalah seorang ketua pelajar, maka menjadi kewajipan saya memainkan peranan utama di dalam gerakan pembebasan tanah air.

Saya tidak lupa pada pengetua Maktab kami, iaitu Syeikh Dusuki Moosa. Dia selalu bimbang akan kegiatan kegiatan kami. Pernah di satu ketika dia membawa kami bertemu Pengarah waktu itu, iaitu Syeikh Mahmood Pasya Abdur-Razzaq. Dia menganggap kamilah yang bertanggungjawab dan kamilah juga yang mampu menahan para penuntut dari terlibat di dalam tunjuk perasaan dan mogok. Mahmood Pasya gagal menasihati para penuntut menjauhkan diri dari terlibat di dalam kegiatan-kegiatan tersebut. Di dalam usahanya itu, dia menggunakan daya tarikan dan juga ancaman. Akhirnya dia membiarkan kami berfikir sendiri. Berikutan itu, kami pun menasihati para penuntut supaya bersurai di ladang-ladang pada 18 Disember yang merupakan 'Hari Hitam' pihak penjajah British di Mesir. Kemudian kami pergi ke Maktab dan menyerah diri kepada pihak berkuasa Maktab. Saya dan pihak Maktab

menunggu kedatangan para penuntut tetapi seorang pun tidak muncul. Tidak lama kemudian, kami juga meninggalkan Maktab itu. Oleh itu, usaha melancarkan mogok telah berjaya dan Hari Hitam disambut dengan aman. Ada ketikanya para penuntut terlibat di dalam mogok waktu kekacauan berlaku. Jawatan Kuasa Pelajar telah mengadakan mesyuarat di rumah Hajjah Khizrah Sya'eerah di Damanhur. Tiba-tiba rumah itu diserbu polis. Mereka menyoal Hajjah Khizrah mengenai orang-orang yang terlibat. Hajjah menjawab, 'Orang-orang itu telah keluar pada waktu pagi dan mereka tidak pulang lagi.' Ketika itu, Hajjah sedang sibuk. Saya tidak puas hati dengan jawapan yang diberi oleh Hajjah. Saya mendekati pegawai polis yang sedang menyoal itu dan menceritakan perkara yang sebenar. Hajjah Khizrah jadi serba salah. Saya terus memberitahu pegawai tadi dengan penuh semangat bahawa kewajipannya pada negara ialah dengan memberi kerjasama kepada kami dan bukannya menggugat rancangan kami serta menahan kami. Rayuan saya itu telah berjaya. Pegawai polis tadi meminta kesemua anggota polis lain kembali ke balai. Dia pun turut meninggalkan tempat itu. Saya pun kembah memberitahu sahabat-sahabat yang sedang bersembunyi bahawa mereka telah selamat kerana kebenaran. Kita mestilah benar ketika memikul tanggungjawab. Kita tidak perlu berdusta walau apa pun cabaran yang datang.

Di antara Mahmoodiyah dan Damanhur.

Telah menjadi kebiasaan saya untuk tinggal di Damanhur pada hari hari persekolahan dan pulang ke Mahmoodiyah pada hari Khamis ketika waktu Zohor. Saya menghabiskan malam Jumaat dan malam Sabtu di Mahmoodiyah. Pada pagi Sabtu, saya kembali ke Damanhur untuk menghadiri kuliah pertama tepat pada waktunya. Banyak kerja yang dapat saya lakukan selama dua hari di Mahmoodiyah. Di samping itu, saya dapat juga bertemu anggota keluarga dan tinggal bersama mereka untuk beberapa waktu. Ahmad Afandi Sakri adalah sahabat baik saya. Kasih sayang antara kami begitu kuat sekali sehingga kami mesti bertemu sekurang-kurangnya sekali seminggu. Satu perhimpunan juga diadakan di rumah Syeikh Syalabi Ar-Rijal pada setiap malam Jumaat. Di dalam perhimpunan tersebut, kami mengkaji kitab tasawwuf iaitu Al Ihya', mendengar cerita-cerita nabi dan sebagainya. Selepas itu, kami pun menghabiskan masa di dalam beribadat dan bersembahyang sehinggalah ke pagi. Kegiatan kegiatan ini merupakan sebahagian dari jadual hidup kami.

Saya juga menceburkan diri dalam bidang membaiki jam dan jilid buku. Pada waktu siang hari, saya menghabiskan masa membaiki jam di kedai dan pada waktu malam saya beribadat bersama-sama para anggota Tariqat Hasafiyah. Saya masih sempat melawat Mahmoodiyah pada setiap hari Khamis walaupun sibuk dengan kegiatan-kegiatan tadi. Saya turun dari keretapi mel dan terus ke kedai. Saya bekerja di kedai sehingga hampir waktu Maghrib. Kemudian saya pulang ke rumah kerana hendak berbuka puasa. Memang kebiasaan kami pada setiap hari Isnin dan Khamis. Kemudian saya mengikuti kuliah di masjid Sagheen. Selepas itu saya pergi ke rumah Syeikh Syalabi Ar-Rijal atau rumah Muhammad Afandi Sakri untuk rnengkaji dan berzikir. Kemudian saya bersolat subuh di masjid. Setelah itu, saya menunaikan solat Jumaat, makan tengahari dan terus ke kedai semula. Apabila Maghrib tiba, saya ke masjid dan kemudian pulang ke rumah. Saya kembali ke Maktab Perguruan Damanhur pada pagi esoknya. Inilah jadual mingguan saya. Sepanjang ingatan saya,

tidak pernah saya gagal melawat Mahmoodiyah melainkan atas sebab-sebab atau tugas-tugas yang sangat mustahak.

Cuti Musim Panas.

Cuti musim panas sangat sesuai untuk melaksanakan jadual harian yang tersebut tadi. Di samping itu, kami ada kegiatan tambahan iaitu menghadiri majlis perbincangan ilmiah dari terbit matahari sehingga waktu Dhuha tua di rumah Syeikh Muhammad Khalaf Nooh. Di dalam majlis tersebut, kami menghafal kitab ‘Alfiya’ karangan Ibnu Malik dan juga kitab Syarah Ibn ‘ukail. Kami juga mengkaji ilmu Fiqh dan Hadith. Pengajian ilmiah tambahan telah banyak membantu saya melayakkan diri untuk memasuki Darul Ulum. Saya mungkin gagal memasuki Darul Ulum tanpa daya usaha ini.

Azan Subuh

Sambil menghabiskan cuti musim panas di Mahmoodiyah, kami telah menjalankan satu kegiatan khas pada setiap pagi hari Jumaat. Pada setiap pagi Jumaat, kami membahagi-bahagikan bandar Mahmoodiyah kepada beberapa kawasan. Kami berjumlah tiga orang tetapi kadangkala lebih dari itu. Saya bersama-sama dengan Muhammad Affandi Dimyati dan Abdul Mut’al Sankal pergi ke kawasan masing-masing untuk membangunkan orang ramai khasnya para anggota Tariqat Hasafiyah, lebih awal sikit dari waktu subuh. Saya mendapat kepuasan apabila dapat membangunkan para muazzin dari tidur untuk melaungkan azan subuh. Selepas membangunkan mereka, saya pun duduk di tebing Sungai Nil untuk menunggu laungan azan.

Masjid-masjid di Mahmoodiyah berdekatan antara satu sama lain. Azan yang dilaungkan dari masjid-masjid itu seolah olah berbunyi senada saja. Saya telah membangunkan banyak orang untuk menunaikan solat, lantaran itu saya akan mendapat ganjaran yang setimpal dengan orang-orang yang melakukan solat tadi. Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

Maksudnya:

“Sesiapa yang mengajak manusia ke jalan Allah akan mendapat ganjaran. Dia juga akan mendapat ganjaran manusia yang telah rnengikut jalan kebenaran itu sehinggalah ke Hari Perhitungan. Ganjaran itu tidak akan berkurangan walau sedikit.”

Kegembiraan saya berganda apabila saya dapati diri saya adalah orang yang termuda sekali menunaikan solat di masjid. Ini semua lantaran rahmat Allah. Segala puji bagi Allah.

Kemasukan ke Darul Ulum.

Tempoh tiga tahun di Maktab Perguruan merupakan satu termpoh yang penuh dengan ibadat dan kegiatan sufi. Di samping itu, saya juga berkesempatan menuntut ilmu-ilmu yang lain. Dua perkara telah banyak membantu saya. Yang pertama ialah perpustakaan bapa saya. Bapa saya juga menggalakkan saya supaya gemar menuntut ilmu. Banyak buku yang dihadiahkannya kepada saya. Buku-buku yang banyak

mempengaruhi saya ialah ‘Al Anwarul Muhammadiyyah’ oleh Nabhani, kitab Mukhtadarul Mawahib Al-Ddiniyyah oleh Qastalani dan ‘Noorul Yaqeen fi Seeratus Sayyidul Mursaleen’ oleh Syeikh Khudari. Tunjuk ajar dari bapa saya dan minat saya dalam menuntut ilmu telah mendorong saya menubuhkan perpustakaan saya sendiri. Saya telah mengumpul majalah-majalah lama, makalah makalah dan buku-buku untuk memenuhi perpustakaan saya. Saya berminat menuntut ilmu semenjak berada di Sekolah I’dadiyah rendah di Mahmoodiyah lagi. Saya sentiasa ternanti-nanti untuk meminjam beberapa buah buku dari Syeikh Hasan al-Kitabi. Tempoh pinjaman ialah seminggu dengan dikenakan sedikit bayaran. Selepas membaca buku-buku itu, saya pun mengembalikannya dan meminjam buku-buku lain pula. Hal ini berterusan begitu.

Saya sangat terpengaruh dengan cerita yang bertajuk ‘Puteri Yang Berani’. Buku itu mengingatkan saya kepada corak buku-buku cerita waktu itu. Buku-buku cerita waktu itu bersekitar mengenai rintihan, keberanian, sikap sanggup mempertahankan tanah air, berpegang kepada agama Islam, jihad pada jalan Allah dan perjuangan untuk mencapai kehidupan yang mulia. Sebaliknya, buku-buku cerita serta novel-novel sekarang penuh dengan kelucahan dan kekosongan. Terdapat perbezaan yang jelas antara perkembangan kebudayaan dahulu dan sekarang. Saya rasa sudah sampai masanya untuk menyiasat mengapa para penerbit menerbitkan bahan-bahan bacaan lucah yang berbentuk buku cerita, majalah dan akhbar dan kemudian dipaparkan kepada masyarakat lapis baru.

Perkara kedua yang mendorong saya berminat untuk menuntut ilmu ialah adanya para guru terpilih dan terkemuka di Maktab Perguruan Damanhur. Mereka ini ialah Abdul Aziz Atiya iaitu Pengetua Maktab Perguruan di Iskandariah dan Ketua Ikhwan di sana, Syeikh Farhat Salim, Syeikh Abdul Fattah Abu Alam, Haji Ali Sulaiman dan Syeikh Al Basiyooni. Mereka ini semua adalah orang orang yang wara’ dan bertaqwa. Semoga Allah merahmati mereka. Mereka sentiasa menggalakkan para penuntut mengkaji ilmu. Saya mempunyai hubungan rohani dengan mereka. Hubungan ini sentiasa menjadi satu dorongan kepada saya.

Abdul Aziz Atiya mengajar kami pendidikan amali. Setiap bulan dia mengadakan ujian untuk kami. Dia sangat suka kepada jawapan yang saya beri di dalam ujian tersebut. Dia menulis kata-kata berikut di dalam buku jawapan saya: ‘Awak telah memberikan jawapan yang baik. Jika boleh, saya akan memberi markah yang lebih tinggi dari yang tertinggi. Dia mengembalikan buku jawapan tadi sambil memberi kata kata pujian, nasihat dan galakan. Tidak lama kemudian, dia telah memilih saya untuk membaca proof buku bertajuk ‘al-Mu’alim’. Buku tersebut dicetak di Syarikat Percetakan Al-Mustaqbil, Damanhur.

Hal ini semua terbukti sangat berfaedah di dalam menambah ilmu dan membina peribadi saya. Di samping mengikuti kursus yang telah ditetapkan, saya juga mengkaji buku-buku umum yang lain. Saya berjaya menghafal kitab-kitab berikut:

i) Mulhatul ‘Airab oleh Hariri,

ii) Alfiyah ibni Malik

iii) Al-Yaqootiyah

iv) Al-Jauhara

v) kitab Ar Rajbiyah

Saya juga menghafal sebahagian besar kitab-kitab

i) Fiqh Mazhab Hanafi yang bernama Qadoori, Matan Qadoori dalam Fiqh Mazhab Abi Hanafi.

ii) Matan Al Ghayat wail Taqreeb oleh Abu Syuja dalam Fiqh Mazhab Syafie.

iii) Matan Manzooma oleh ibni Amir dalam Mazhab Maliki.

Saya masih ingat lagi nasihat bapa saya: ‘Sesiapa yang mengkaji matan, maka dia akan menguasai ilmu.’ Nasihat ini mempengaruhi saya. Saya cuba menghafal matan Asy-Syatibiyah dalam ilmu Qiraat. Walaupun saya tidak berapa kenal istilah istilahnya, namun begitu saya berupaya menghafal muqaddimah-muqaddimahnya. Saya masih lagi ingat sebahagian dari rangkap-rangkap di dalam kitab itu.

Satu hari, Inspektor Pelajaran telah melawat kelas kami ketika bahasa Arab sedang diajar. Waktu itu saya berada di dalam tahun Ketika itu saya hanya menghafal kitab ‘Milhatul Alrab’ oleh Hariri. Dia menyoal para penuntut mengenai tanda ‘isim’ (nama) dan ‘Fi’il’ (perbuatan) dalam ilmu nahu. Kemudian dia bertanya mengenai tanda huruf. Guru saya, Syeikh Muhammad Ali Al-Najar memilih saya untuk menjawab soalan itu. Sebagai jawapan, saya telah membaca serangkap dari Milhatul: ‘Huruf tidak mempunyai tanda/alamat. Sesiapa yang dapat berfikir mengenai penjelasan saya ini akan mendapat alamatnya/tandanya.’ Inspektor itu tersenyum sambil berkata: ‘Baiklah saya akan memikirkannya dan mendapat tandanya/alamatnya.’ Kemudian dia mengucap terima kasih kepada guru kami dan terus beredar dari situ.

Minat saya yang mendalam di segi menuntut ilmu telah menarik ramai kawan kami yang sedang membuat persiapan untuk masuk ke Darul Ulum. Mereka semua adalah guru-guru sekolah rendah yang sedang menuntut di Maktab Perguruan. Mereka mencadangkan diadakan pengajian secara bersama agar semua dapat masuk Darul Ulum. Syeikh Ali Naufal yang mencadangkan supaya berbuat demikian. Waktu itu, Darul Ulum terbahagi kepada dua Bahagian. Bahagian Tajheezi [Persediaan] terbuka kepada para penuntut Al-Azhar dan Maktab Perguruan. Bahagian Al-‘Ali al-Mu-aqit [Bahagian Pengajian Tinggi] menerima para penuntut yang lulus Sijil Pelajaran Menengah dari Al-Azhar. Jabatan Aali telah ditutup pada tahun akademik 1923-1924. Sebagai ganti, satu Jabatan yang lebih tinggi telah dirancangkan, yang akan diterima hanya para penuntut yang telah habis pengajian mereka di Jabatan Tajheezi. Sebahagian dari rakan-rakan kami dari Maktab Perguruan membuat keputusan memasuki Jabatan Tajheezi. Tetapi kebanyakan mereka memilih untuk memasuki Jabatan Aali Aarzi kerana ia merupakan peluang terakhir. Syeikh Ali Naufal mahu berbincang dengan saya. Syeikh Ali Naufal adalah seorang guru di Maktab Perguruan Pelajaran dan saya pula dalam tahun tiga dikehendaki mengambil peperiksaan untuk mendapat Diploma Perguruan Pelajaran Rendah. Lantaran itu saya pun tidak dapat

menyertai kumpulan pengajian itu. Syeikh Ali Naufal dapat masuk menyambung pengajiannya melalui jalan persahabatan dan bantuan dari sahabat. Dia berkata kepada saya, 'Persahabatan Mempunyai beberapa keistimewaan. Oleh itu adalah perlu sekali bekerjasama dengan para sahabat dan menerima nasihat mereka.' Saya pun tidak ada pilihan lain selain dari menurut desakannya.

Pendapat Saya Mengenai Pendidikan dan Ijazah.

Saya mempunyai pendapat sendiri mengenai ilmu, pengajian ilmu dan ijazah. Ini adalah kesan dari kajian saya mengenai kitab Ihya'. Saya sangat minat terhadap ilmu. Saya terlalu cenderung kepada pembacaan dan dalam usaha untuk menambah ilmu. Saya yakin pada faedah ilmu secara perseorangan dan juga kumpulan. Saya juga rasa berkewajipan menyebarkan ilmu pada manusia. Saya pernah berusaha menerbitkan sebuah majalah bulanan bernama 'Asy Syams'. Saya berjaya menyusun dua keluaran. Dari segi ini, saya menurut dasar-dasar Syeikh Muhammad Zahran yang menerbitkan majalah bulanan 'Al-As'ad'. Corak yang serupa digunakan untuk majalah kegemaran saya, 'Al-Manar'. Walaubagaimanapun saya sangat terpengaruh dengan pendapat dan gaya Imam Ghazali mengenai ilmu, dan usaha menuntut ilmu (adab menuntut ilmu). Saya begitu ingin meningkatkan pengajian saya tetapi saya dalam keadaan yang serba salah. Berlaku pertarungan antara keinginan menuntut ilmu dan pendapat Imam Ghazali. Menurut Imam Ghazali, manusia hanya perlu mendapat pendidikan setakat yang perlu untuk menunaikan kewajipan agama dan mencari nafkah hidup, kemudian membuat amal-amal ibadat dan jangan membuang waktu. Hal ini membuat saya bersikap menuntut ilmu setakat yang perlu saja. Timbul dalam fikiran saya hendak memasuki Darul Ulum dan pusat-pusat pengajian yang berkaitan dengannya. Para penuntut yang mendapat diploma pendidikan tinggi berpeluang dihantar ke luar negeri. Perkara ini semua membuat fikiran saya jadi serba salah. Saya selalu menyoal diri saya, 'Mengapa awak hendak memasuki Darul Ulum? Adakah awak inginkan pendidikan yang lebih tinggi kerana mengejar kekayaan? Mungkin awak ingat dengan cara ini awak boleh mendapat banyak wang yang dapat membantu awak memakan makanan yang lazat, memakai pakaian yang mahal dan memandu kereta kereta yang mahal dan mewah?' Tetapi sekali lagi saya diperingatkan bahawa fikiran begini sangat teruk dan manusia yang berfikir begitu sangat teruk dan manusia yang berfikir begitu tidak akan ke mana-mana. Allah berfirman di dalam Al-Quran (3:14) maksudnya:

> *"Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak*[1] *dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia; dan di sisi Allah lah tempat kembati yang baik (syurga)."*

Saya menyoal diri saya 'Adakah kerana kemegahan? Sehingga orang berkata engkau guru berijazah dan bukan guru sekolah rendah (ini haram). Menuntut kemegahan adalah penyakit dari penyakit-penyakit hati. Ia adalah keinginan nafsu yang perlu ditentang. Ini adalah satu kejahatan yang dilakukan manusia.

[1] Yang dimaksudkan dengan binatang ternak di sini ialah binatang binatang yang termasuk jenis unta, lembu, kambing dan biri biri.

Sabda Rasulullah s.a.w; maksudnya;

> "Celakalah hamba dinar, celakalah hamba dirham, celakalah hamba pakaian, celaka dan binasa."

Saya menyoal diri saya, 'Adakah awak hendak mendapatkan Khazanah ilmu kerana hendak menandingi para ulamak terkenal; atau kerana hendak bertengkar dengan orang-orang jahil; atau kerana hendak mengatasi orang lain agar hak-hak awak tertegak?' Teringatlah saya bahawa sesiapa yang menuntut ilmu bukan kerana mencari keredhaan Allah dan dia juga tidak mengamalkan ilmu itu, maka dia akan menerima balasan api neraka. Allah akan mengenakan siksaan yang berat kepada para ulamak yang memiliki ilmu tetapi tidak beramai dengan ilmunya dan Allah tidak memberi manfaat ilmunya itu pada dirinya.

Saya juga berkata kepada diri saya sendiri, 'Awak ingin menuntut ilmu kerana hendak menjadi berguna kepada orang lain. Allah dan para malaikat-Nya merahmati orang yang mengajar ilmu yang baik kepada orang lain. Rasulullah s.a.w. dihantar ke bumi sebagai pendakwah. Sekiranya awak hendak menuntut ilmu itu adalah ikhlas kerana Allah dan untuk faedah manusia, maka mengapa awak bertegas hendak memasuki Darul Ulum? Ilmu tersembunyi di dalam buku-buku dan di dalam hati para ulamak dan ulamak-ulamak sufi. Sijil (ijazah) ialah satu benda yang menimbulkan keburukan. Ia merupakan satu tunggangan kepada kehidupan dan kekayaan duniawi. Hasutan dunia mcrupakan racun yang membunuh rohani seseorang. la memusnahkan amalan amalan baik dan merosakkan hati kita. Oleh itu, jika awak hendak mendapatkan ilmu, maka kajilah buku-buku dan janganlah mengejar diploma serta sijil dari pusat pengajian.'

Fahaman ini telah menguasai saya. Lantaran itu, saya tidak belajar bersama-sama Ali Naufal, seorang guru. Tetapi guru saya, Syeikh Farhat Salim sangat menyayangi saya dan bersimpati dengan saya dalam berbagai keadaan dan saya pula sangat menyeganinya. Katanya, 'Awak sudah hampir dengan diploma. Ilmu bukanlah sesuatu yang mencederakan. Persediaan peperiksaan Darul Ulum ialah satu ujian untuk merintis jalan kepada peperiksaan yang lebih tinggi. Jika awak lepaskan peluang ini, ia tidak akan kembali lagi di masa hadapan. Sertailah dan bertenang. Saya yakin awak akan berjaya. Lagi pun saya ada kaitan rapat dengan kemasukan serta pengajian awak. Awak bebas membuat keputusan menolak atau masuk.' Syeikh Farhat Salim telah menggalakkan saya memasuki Darul Ulum. Ujian kemasukan dijangka diadakan sebaik saja selesai peperiksaan Diploma.

Dua Peribadi Yang Hebat.

Saya ingin mencatitkan ingatan saya kepada dua peribadi hebat yang bersemadi di dalam hati dan fikiran serta mempengaruhi saya untuk tempoh waktu yang lama. Yang pertama ialah Syeikh Ahmad Asy-Syarqawi Al-Huriyani. Saya berpeluang menemuinya hanya sekali sahaja. Dia telah datang ke Damanhur untuk menemui anak-anak lelakinya, para penuntut dan para pengikutnya. Dia melawat rumah rumah mereka untuk bertanya khabar. Dia sempat bersama dengan kami untuk satu malam. Sifat-sifatnya yang unggul itu mengagumkan saya. Dia sangat mencintai ilmu, oleh itu dia menasihati orang ramai mendapatkan pendidikan. Sesiapa yang tidak mampu menuntut ilmu kerana masalah pembiayaan, maka Syeikh Ahmad Asy-

Syarqawi akan menanggung perbelanjaan itu sehingga tamat pengajiannya. Kemudian dia hendaklah pula membiayai pengajian pelajar miskin yang lain sehinggalah sempurna pengajiannya.

Usahanya ini mendapat kejayaan besar. Di Huriyan, semua orang, termasuk yang miskin, berpeluang mendapatkan pendidikan. Kerjasama bentuk ini membantu semua orang mendapatkan pendidikan. Di samping itu, hal ini menjalinkan hubungan silaturrahim yang erat di antara mereka.

Hiburan Syeikh Ahmad Asy-Syarqawi di waktu musim panas ialah mengumpulkan para penuntut dari berbagai pusat pengajian untuk mengadakan perbincangan (muzakarah). Di dalam perbincangan tersebut, dia suka bercerita, mengemukakan teka teki, mendengar bangkangan bangkangan dari para penuntut dan kemudian membasuh fikiran mereka dengan ceramah-ceramahnya yang bernas itu.

Kegiatannya ini telah mengakibatkan kebanyakan penuntut di Maktab Perguruan terdiri dari mereka yang datang dari Huriyan. Dia datang untuk memberi galakan dan menaikkan semangat mereka. Dia menghabiskan lawatannya yang pendek itu membincangkan masalah-masalah mengenai pendidikan. Saya juga mendapat perhatiannya. Semoga Allah mengasihani dan menempatkannya di Syurga.

Orang yang kedua yang sangat saya ingati ialah Syeikh Sawi Daraz. Beliau merupakan seorang pemuda yang wara'. Syeikh Sawi Daraz seorang petani. Ketika itu umurnya lebih kurang 25 tahun. Tidak lama kemudian dia meninggal dunia. Beliau adalah seorang yang cerdik dan berpandangan jauh. Pernah di satu ketika kami berbincang kisah beberapa orang wali dan ulamak. Di antara tokoh-tokoh yang turut dibincangkan ialah Syed Ibrahim ad-Dasuqi yang dikuburkan di Damanhur dan Syed Ahmad Al-Badwi yang dikuburkan di Thantha. Syeikh Sawi Daraz bertanya, 'Awak tahukah kisah Syed Ahmad Al-Badwi?' Saya menjawab, 'Ya, dia adalah seorang ulamak besar yang wara' dan bertaqwa.' Syeikh itu menyoal lagi, 'Setakat itu saja yang awak tahu mengenainya?' Saya menjawab, 'Ya, setakat itu saja yang saya tahu.' Syeikh itu berkata, 'Dengarlah! Saya akan menceritakan lebih lanjut mengenainya. Syed Badwi meninggalkan Mekah, tempat asalnya dan datang menetap di Mesir. Beliau sebenarnya adalah rakyat Maghribi dan datang ke Mesir ketika di bawah kerajaan Mamalik. Mamalik berketurunan hamba dan pemerintahannya ialah sah. Syed Ahmad Al-Badwi pula berketurunan dari Saidina Ali r.a.. Syed Badwi berketurunan mulia, berilmu tinggi dan mempunyai hak dari segi pemerintahan. Golongan 'Ahli Bait', (yakni keturunan keluarga Rasulullah s.a.w.) menganggap jawatan Khalifah itu hak mereka. Daulah Abbasiah telah berakhir di Baghdad. Masyarakat Islam telah berpecah-belah kepada beberapa wilayah kecil yang diperintah oleh pemerintah-pemerintah yang telah berjaya merampas kuasa.

Salah seorang dari mereka itu ialah Mamalik, pemerintah Mesir waktu itu. Syed Badwi hendak memperjuangkan dua perkara. Yang pertama ialah menegakkan pemerintahan berkhalifah semula. Yang kedua ialah menggulingkan pemerintahan Mamalik yang dianggapnya tidak sah itu. Untuk menjayakan perjuangannya, dia telah mengatur satu rancangan khas. Dia telah mengumpul beberapa sahabat dan penasihat termasuk Syed Mujahid dan Syed Abdul 'Aaal. Mereka mengambil keputusan untuk menyebarkan dakwah dan mengumpul orang ramai untuk membaca Al-Quran dan berzikrullah. Mereka juga menetapkan beberapa lambang untuk majlis anjuran

mereka itu. Lambang-lambang itu ialah sebilah pedang-pedang dari kayu tongkat yang dianggap sebagai paksi perhimpunan mereka. Sehelai bendera khas dan sebuah perisai kulit diisytihar sebagai Syiar Ahmadiah. Apabila orang ramai berkumpul dan mempelajari perundangan Islam, mudahlah mereka menyedari bahawa masyarakat telah rosak lantaran kemungkaran kemungkaran yang ada di dalam kerajaan dan juga kerana pemerintahan secara berkhalifah telah berakhir. Dengan cara ini orang ramai akan berasa lebih bertanggungjawab kepada Islam. Hal ini juga akan mendorong mereka supaya melancarkan jihad untuk menghapuskan kemungkaran dan menegakkan kebaikan.

‘Para pengikut Syed Badwi mengadakan perhimpunan besar mereka setahun sekali. Tanta terpilih sebagai pusat kegiatan mereka kerana tempat itu terletak di tengah tengah kawasan yang mengandungi segala bandar-bandar termasyhur di Mesir, dan jauh dari pusat pemerintahan. Di dalam perhimpunan tahunan inilah Syed Badwi dapat mengukur kemajuan usahanya. Syed Badwi tidak muncul di hadapan khalayak ramai. Dia memencilkan dirinya di bilik atas dan menutup mukanya dengan serban kerana hendak menimbulkan kegerunan di kalangan orang ramai. Perkara ini adalah perkara biasa di waktu itu. Para pengikutnya menyebarkan khabar angin kononnya sesiapa yang melihat Syed Badwi akan menemui maut. Dengan demikian, gerakan Badwi kian terkenal dan banyaklah orang mendampinginya. Tetapi, keadaan di waktu itu tidak membantu kejayaan gerakan Syed Badwi kerana Az-Zahir Baibris Al-Band Qadari telah menaiki takhta kerajaan Mesir. Raja Az-Zahir telah berjaya mengalahkan tentera Salib di dalam banyak pertempuran. Dia juga berjaya mengalahkan kaum Monggol (Tartar) dengan bantuan Muzaffar Qataz. Kejayaan-kejayaannya ini telah membawanya ke kemuncak kemasyhuran. Banyaklah orang yang mendampinginya. Di samping itu, dia telah menjemput seorang putera Bani Abbasiah ke Mesir dan berbai’ah di tangannya. Tindakan Az-Zahir Baibris telah menggagalkan rancangan Syed Badwi.

Perkara ini tidak habis setakat ini saja. Az-Zahir telah memperbaiki hubungan politiknya dengan Syed Badwi. Dia masih lagi berhubung dengan Syed Badwi dan menaikkan pangkat serta kedudukan Syeikh tersebut. Az Zahir melantik Syed Badwi sebagai orang yang bertanggungjawab membahagi bahagikan tawanan perang di kalangan keluarganya. Tugas ini dianggapnya mulia. Hal ini wujud sekian lama sebelum Syed Badwi sempat menyempurnakan cita-citanya. Kerajaan terus berada di tangan Mamalik dan peranan sistem berkhalifah tetap kecil saja. Hal ini berterusan untuk tempoh yang lama.’

Saya terus mendengar kisah riwayat hidup Syed Badwi dari Syeikh Sawi. Saya sungguh kagum dengan kecerdasan Syeikh Sawi Daraz, seorang petani muda yang hanya mendapat pendidikan rendah di kampungnya. ‘Berapa banyakkah terdapat orang-orang yang bijak di Mesir seandainya ada orang yang boleh mencari dan menggerakkan mereka.’ Kata-kata Syeikh Sawi masih lagi bergema di telinga saya hingga sekarang. Kata-katanya itu sungguh mulia dan penuh dengan pengajaran. Nasib seluruh manusia berada di tangan Allah. Allah berfirman:

Maksudnya:

> "Sesungguhnya bumi ini diwarisi kepada sesiapa yang dikehendaki di kalangan hamba-hambanya. Kesudahan yang baik itu bagi orang-orang yang bertaqwa."

Menuju Kaherah.

Saya telah menghantar borang permohonan untuk memasuki Darul Ulum. Berikutan dari itu, saya menerima surat menyuruh saya menjalani pemeriksaan doktor dan menduduki ujian kemasukan. Justeru itu, saya pun berangkatlah ke Kaherah. Waktu itu ialah bulan Ramadan. Bapa saya ingin menemani saya ke Kaherah tetapi saya mengatakan tidak perlu dia berbuat demikian. Doa restunya sudah cukup untuk saya. Dia menerangkan cara-cara untuk sampai ke Kaherah sambil memberi sepucuk surat yang dialamatkan kepada seorang sahabatnya di sana. Sahabatnya ini adalah seorang penjual buku yang mewah. Bapa saya pernah memberi khidmat yang besar kepadanya dan menganggapnya seorang sahabat yang wara' dan setia.

Saya tiba di.Kaherah buat pertama kalinya dalam hidup saya. Saya berumur 16 tahun ketika itu. Saya turun di Babul Hadid hampir waktu Asar. Dari situ saya naik keretapi ke Utba. Dari Utba, saya ke Saidina Al-Hussain. Dari situ saya menuju ke kedai saudagar sahabat bapa saya dan memberi surat tadi kepadanya. Dia tidak peduli surat itu. Bahkan membacanya pun tidak. Dia menyuruh seorang pekerjanya menjaga saya. Dia (pekerja itu) adalah seorang yang baik. Dia telah pun mengenali saya dan bapa saya. Dia mengalu-alukan kedatangan saya. Dia banyak memberi galakan kepada saya dan membawa saya ke rumahnya. Kami berbuka puasa di situ. Selepas itu, kami pergi ke bandar (mengisi masa lapang) dan pulang untuk bersahur. Saya terus tidur sebentar sebaik saya selesai menunaikan solat subuh. Setelah bangun, saya bertanya jalan ke Darul Ulum. Setahun yang lalu, seorang sahabat karib saya dan Muhammad Syarif Hujjaj, seorang guru pernah berbuat demikian. Oleh itu saya bercadang hendak berjumpa Muhammad Syarif Huj¬jaj untuk mengetahui cara cara hendak menjalani pemeriksaan doktor dan juga cara-cara hendak menduduki ujian kemasukan. Sebelum itu, tuan rumah telah memberitahu saya jalan ke Darul Ulum. Saya menaiki 'tum-tum' ke Utba. Dari Utba, saya menaiki keretapi ke Jalan Qasrul 'Ainee bertentangan dengan Bangunan Darul Ulum. Saya menunggu para penuntutnya keluar. Tidak lama kemudian, muncullah sahabat saya. Kami berpelukan dan dia membawa saya ke asramanya di Mohallah Abdul Baqi. Dia tinggal di tingkat dua bersama sekumpulan penuntut lain. Pada hari keduanya, setelah sahabat saya pergi ke Darul Ulum, maka saya pun kembali bertemu penjual buku untuk mengetahui alamat seorang pakar mata. Saya ingin mata saya diperiksa sebagai persediaan untuk pemeriksaan doktor. Tetapi penjual buku itu sekali lagi tidak mempedulikan saya. Saya tidak berlengah masa lagi dan terus pergi ke Al-Azhar. Inilah lawatan saya yang pertama kali ke situ. Saya terpegun melihat keluasan dan kesederhanaannya. Berbagai kumpulan penuntut sedang sibuk belajar. Saya mendekati satu kumpulan penuntut demi satu kumpulan penuntut. Akhirnya, saya bertemu satu kumpulan yang sedang berbincang mengenai cara-cara hendak memasuki Darul Ulum. Rupanya, para penuntut ini sedang menyediakan diri mereka untuk menduduki ujian kemasukan yang akan diadakan dalam masa sepuluh hari lagi. Saya juga dapat tahu bahawa mereka akan menjalani pemeriksaan doktor dalam masa tiga hari lagi. Oleh itu, saya pun menyertai kumpulan mereka dan menyatakan hasrat saya kepada mereka. Saya memberitahu mereka bahawa saya sedang mencari seorang kawan yang boleh

membawa saya kepada seorang pakar mata yang baik. Seorang penuntut setuju hendak membawa saya berjumpa seorang pakar mata.

Dia telah membawa saya ke klinik seorang pakar mata berbangsa Yunani (Greek). Doktor itu ialah seorang wanita yang telah menjadi rakyat Mesir. Teman saya tadi telah memuji kelayakan dan pengalaman doktor tersebut. Dia memberitahu saya bahawa matanya sendiri diperiksa olch doktor tersebut. Cermin matanya pun elok dan harganya pun berpatutan.

Sebaik saja kami sampai ke klinik, doktor tadi memeriksa mata saya dan mengenakan bayaran sebanyak 50 Qursh. Dia memberi nombor cermin dan menyuruh kami pergi berjumpa seorang pakar cermin mata. Pakar cermin mata tadi memberi saya sepasang cermin mata dan mengenakan bayaran 150 Qursh. Kini tidak ada kerja yang hendak dibuat lagi melainkan menunggu pemeriksaan doktor dalam masa dua hari lagi.

Pemeriksaan Doktor

Tidaklah keterlaluan jika saya katakan bahawa saya telah lulus pemeriksaan doktor dengan cemerlangnya. Pada hal ada di antara yang gagal. Puji-pujian bagi Allah yang menentukan segala ganjaran. Kini saya tidak lagi bersungut atau tersinggung. Pemeriksaan itu dijalankan oleh tiga orang doktor. Saya adalah calon terakhir bagi doktor yang pertama. Doktor ini baik hati dan lemah lembut. Ustaz Ali Naufal diperiksa oleh doktor yang ketiga, Doktor ini tegas dan memeriksa mereka dengan begitu sekali. Peratus calon yang lulus di tangan doktor yang pertama adalah lebih tinggi dari doktor yang ketiga. Saya telah berjaya di dalam pemeriksaan tersebut walau pun pada mulanya saya merasa ragu. Ali Naufal pula gagal di dalam pemeriksaan itu walaupun dia telah mernbuat persediaan yang baik dan begitu yakin dengan kesihatan mata dan jasmaninya. Doktor itu menasihatinya supaya memeriksa cermin matanya dahulu dan selepas itu barulah datang untuk menjalani pemeriksaan sekali lagi. Namun begitu, doktor yang berperangai buruk itu menggagalkannya sekali lagi. Justeru itu, beliau telah kehilangan satu peluang keemasan. Walau bagaimanapun, Ali Naufal memasuki Jabatan Kesusasteraan Arab di Maktab Sastera dan lulus ujian sarjana muda dengan cemerlang. Memang benar, tidak ada apa yang dapat mengalahkan seorang manusia yang berazam kuat.

Seminggu Di Al-Azhar

Keputusan pemeriksaan doktor telah keluar dan saya dapati nama saya berada di dalam senarai calon-calon yang lulus. Saya pun terus bersedia untuk menduduki ujian kemasukan. Hanya seminggu yang tinggal dan saya perlu tumpukan perhatian kepada pelajaran. Saya membawa barang-barang dan buku-buku saya dan pergi ke Al-Azhar. Di Al-Azhar, saya tinggal di dekat pintu pintu gerbang lama. Saya diperkenalkan kepada beberapa orang penuntut lain yang sedang berusaha untuk memasuki Darul Ulum. Kami mengambil keputusan menumpukan perhatian kepada mengkaji ilmu dan mencari keredhaan Allah bersama-sama.

Kami bergilir-gilir keluar untuk makan dan juga tidur. Kami tidak tidur kecuali dalam keadaan yang memaksa saja.

Ilmu Aruud (Ilmu Kiasan Bahasa) tidak dapat saya fahami langsung kerana ia adalah satu perkara baru dari segi makna perkataannya. Saya pun mempelajarinya bersungguh-sungguh. Itulah saja caranya. Saya tidak gentar dengan ilmu Hisab dan ilmu Kemasyarakatan. Tetapi di dalam ilmu Nahu, saya khuatir nanti gagal. Saya mula merasa tidak mampu bersaing dengan para penuntut dari Darul Ulum. Mereka ini telah lulus kursus sijil di Al-Azhar dan kini saya sedang menghafal kitab Alfiyah Ibni Malik dan huraiannya mengenainya oleh Ibnu Aqeel. Sementara itu bapa saya bersama-sama dengan saya dalam setengah-setengah keadaan. Walaupun begitu dia mengajar mata-mata pelajaran yang berlainan dari susunan mata mata pelajaran yang perlu untuk memasuki Darul Ulum. Saya merasa tidak puas hati.

Hari peperiksaan tiba. Saya menghadapinya dengan tenang. Saya masih lagi ingat Bait Aruud (rangkap ilmu bahasa) yang kami hadapi dalam peperiksaan itu. Soalan itu menghendaki kami untuk memisahkannya dan mencari sebab-sebab serta pengenalannya dan juga syair yang berkaitan dengannya iaitu:

“Jika aku menjadi sesuatu yang lain dari manusia. (Akulah menerangi malam purnama).”

Mimpi Yang Benar

Allah, dengan sifat ar-Rahman dan ar-Rahim-Nya, memberi ketenangan dan kepuasan kepada hamba-Nya yang beriman. Apabila Dia mahukan sesuatu urusan atau perkara Dia akan mempermudahkan kepada hamba-Nya itu untuk mencapainya. Pada malam sebelum ujian nahu, saya telah bermimpi. Di dalam mimpi terserbut, saya sedang berada di dalam sebuah perahu bersama-sama ulamak yang terkenal. Perahu itu sedang belayar di Sungai Nil. Salah seorang ulamak itu menghampiri saya. Dia memakai pakaian orang-orang di pendalaman Mesir. Dia menyoal saya, ‘Di mana syarah (huraian) Ibnu Aqeel mengenai Al-Afiyah?’ Saya menjawab, ‘Ini dia!’ Katanya, ‘Mari kita ulang kaji sebahagian darinya. Buka ke muka surat sekian sekian.’ Saya pun membuka ke muka surat-muka surat yang disebutkannya dan mula mengulangkaji. Kemudian lalu saya terjaga. Saya merasa sangat gembira. Pagi esoknya, saya menduduki ujian. Saya dapati kebanyakan soalan datang dari muka surat-muka surat yang saya baca di dalam mimpi tersebut. Ini semua adalah rahmat Allah. Allah telah memberi rahmat istimewa kepada saya. Mimpi yang benar merupakan sumber maklumat kepada seorang mu‘min. Segala puji-pujian bagi Allah, Tuhan Semesta Alam.

Sekolah Khartaba Buhairah

Saya kembali dari Kaherah selepas ujian kemasukan. Selepas beberapa hari, saya mengambil peperiksaan Diploma Maktab Perguruan. Apabila keputusan peperiksaan diumumkan, saya telah mendapat nombor satu di Maktab saya dan nombor lima di seluruh Mesir. Tidak lama kemudian, keputusan ujian kemasukan Darul Ulum di umumkan dan saya juga telah lulus di dalam ujian tersebut. Kejayaan ini adalah di luar dugaan saya. Teringat saya kepada guru saya, Ahmad Badwi. Beliau adalah salah seorang pemeriksa bahagian ujian lisan. Dia juga seorang yang alim dan lemah lembut. Kita dapat merasa keilmuannya. Apabila saya duduk dihadapannya untuk menduduki ujian, dia bertanya, ‘Adakah awak berniat memasuki peringkat atasan di Darul Ulum?’ Saya menjawab, ‘Ya, tuan.’ Dia melihat saya dengan penuh

kehairanan sambil bertanya lagi, ‘Adakah Darul Ulum ini terlalu kecil untuk awak? Berapa umur awak?’ Saya menjawab, ‘Enam belas tahun enam bulan.’ Dia menyoal lagi, Mengapa awak tidak menunggu sehingga umur awak meningkat?’ Saya menjawab, ‘Saya takut terlepas peluang ini.’ Dia berkata, ‘Baiklah, bacakan kepada saya bab Jama Takseer. Sudahkah awak menghafal kitab Alfiyah?’ Saya menjawab ‘Ya, saya telah mempelajari kitab itu.’ Katanya lagi, ‘Kalau begitu, bacalah.’

Pemeriksa lain yang berada di situ bernama Abdul Fateh Asyoor. Saya tidak biasa berseloroh begini dengan orang yang baru saya kenali. Umur saya yang muda itu telah menjadi perhatian para penuntut di situ. Sebahagian dari mereka menegur saya seperti berikut: ‘Saudara, di sini adalah tempat ujian untuk peringkat atasan. Tempat ujian untuk peringkat bawahan adalah di situ.’ Apabila saya memberitahu mereka saya hendak mengambil ujian peringkat atasan, mereka semua merenung tajam dan kemudian beredar dari situ.

Saya mula bimbang dengan sikap berseloroh Ahmad Badwi dan bersedia hendak berhenti menjawab segala soalan-soalannya. Tiba-tiba Abdul Fateh Asyoor mencelah dan memarahi Ahmad Badwi. Ahmad Badwi pun berhenti berseloroh dan mula mendengar bacaan saya dengan teliti. Saya membaca dengan pantasnya. Kemudian saya disoal mengenai pengetahuan umum, kesusasteraan Arab dan ujian lisan. Akhirnya, Ahmad Badwi memberi galakan dan mendo’akan saya sebelum saya keluar. Berikutnya ialah ujian Al-Quran yang di jalankan oleh Syeikh Ahmad Bik Zanati. Beliau merupakan seorang alim yang riang. Saya tidak sangka mendapat kejayaan walaupun kejayaan itu telah menjadi kenyataan.

Satu lagi perkara yang ketiga terduga telah berlaku iaitu saya telah dilantik menjadi guru sekolah rendah Khartaba oleh Lembaga Pelajaran Buhairah. Saya diarah memulakan tugas sebaik saja cuti musim panas berakhir. Hal ini membuat hati saya berbelah bagi. Keputusan yang perlu saya ambil ialah bertugas sebagai guru atau menyambung pengajian ke Darul Ulum, Kaberah. Saya tertarik dengan Darul Ulum dan di samping itu, kediaman Syeikh Abdul Wahab Hasafi juga berada di Kaherah. Hanya satu perkara yang membimbangkan saya, iaitu saya terpaksa meninggalkan Mahmoodiyah untuk tempoh yang lama. Saya selalu teringat kepada sahabat saya, Ahmad Afandi Sakri yang sememangnya menetap di Mahmoodiyah. Namun demikian, saya tetap berazam melanjutkan pengajian saya ke Darul Ulum. Menuntut ilmu ialah satu jihad, maka saya tidaklah boleh teragak-agak untuk mengorbankan sesuatu yang sangat saya sayangi.

Tahun Pertama Di Darul Ulum

Cuti musim panas pun berakhir. Saya kembali ke Kaherah dan tinggal bersama-sama beberapa orang kawan di rumah bernombor 18, Mohallah Sayyidah Zainab di Syare Maraseenah. Inilah rumah yang pertama saya ketika tinggal di Kaherah.

Saya tiba di Darul Ulum pada hari ia dibuka. Saya ternanti-nanti dengan penuh minat pengajian yang akan diikuti. Saya masih ingat kuliah pertama yang saya ikuti. Ketika itu, saya masih belum menyediakan buku-buku dan lain-lain bahan yang berkenaan. Guru kami, Syeikh Muhammad Abdul Muttalib adalah seorang yang berbadan tinggi. Dia masuk ke bilik kuliah dan naik ke pentas di hadapan papan

hitam. Dia mengalu-alukan kedatangan para penuntut baru, mengucapkan tahniah serta mendo'akan kejayaan mereka. Kemudian dia menulis dua rangkap sya'ir Arab Ubaid Ibnu Abras di atas papan hitam. Setelah itu dia memegang bahagian atas jubahnya seperti biasa dan membaca kedua rangkap sya'ir yang membawa tema kebanggaan dan kemegahan dengan suara yang kuat. Kemudian dia menyuruh kami mengisi tanda-tanda di syair tersebut. Saya berkata di dalam hati, 'Dia telah mula mengajar di hari pertama lagi.' Saya juga sedang memikirkan maksud 'Alqadmoos'. Mengapa penya'ir tidak menggunakan perkataan 'inhu'? Dia boleh juga menggunakan perkataan 'Ussah'. Kami sedang sibuk mengisi tanda-tanda pada rangkap sya'ir tersebut apabila perbincangan bertukar menyentuh peribadi Ubaid ibnu Abras dan keadaan hidup orang-orang Arab waktu itu. Perang dan alat senjata yang digunakan oleh orang-orang Arab untuk berperang turut diperbincangkan. Sedang perbincangan ini berjalan, Syeikh Muhamad Abdul Muttalib membaca satu sya'ir terkenal mengenai seni memanah seperti berikut: 'Kekasihku telah menjadikan aku sasaran sebilah panah yang bermata celak. Panah itu tidak mencederakan, tetapi ia melukai hati ku.'

Syeikh Muhammad Abdul Muttalib melukis jenis panah di papan hitam. Saya begitu ghairah mengikuti perbincangan tersebut. Saya menumpukan perhatian kepada kuliah itu. Cara mengajar begini menimbulkan lagi minat saya untuk belajar. Hal ini juga menimbulkan rasa kasih dan keseganan kepada Darul Ulum dan para gurunya.

Satu Cara Yang Lain

Nama Syeikh Abdul Mutallib mengingatkan saya kepada pekerja penjual buku yang memberi saya tempat menginap dulu. Dia memberitahu saya bahawa dia mempunyai hubungan yang baik dengan para guru Darul Ulum termasuklah Syeikh Alam Salamah. Dia dapat bercakap dengan Syeikh Abdul Mutallib dan Syeikh Alam Salamah mengenai saya agar mereka boleh menolong saya di dalam ujian lisan dan pemeriksaan doktor. Malam itu dia hendak pergi ke rumah Syeikh Abdul Mutallib untuk memberi beberapa buah buku. Tiada halangan bagi saya untuk menemaninya.

Syeikh Abdul Mutallib tinggal di Jalan Sanjarul Khazin di Hilmiyah. Inilah pertama kali saya mendengar nama itu. Saya bertanya diri saya sendiri, 'Siapakah Sanjarul Khazin? Adakah dia golongan Mamalik atau Turki?' Namun begitu, saya dapati diri saya belum bersedia untuk meminta pertolongan Syeikh Abdul Mutallib. Saya mengucapkan terima kasih dan saya merasa puas. Walau bagaimanapun perbualannya itu mengingatkan saya pada Syeikh Moosa Abu Qamar. Dia ada hubungan keluarga dengan saya dan merupakan salah seorang guru di Darul Ulum. Saya memperolehi alamatnya dari tuan rumah saya. Syeikh Moosa Abu Qamar tinggal di Jalan Al-Khalijul Misri. Ada dua hari sebelum saya menghadapi pemeriksaan doktor. Saya pun mengambil kesempatan ini untuk pergi ke rumah Syeikh Moosa Abu Qamar. Sebaik saja saya tiba di hadapan rumahnya, saya pun mengetuk pintu. Tiba-tiba saya dilanda satu perasaan berat sehingga saya terus pulang tanpa menunggu jawapan. Saya berpatah balik kerana terfikir saya sedang meminta pertolongan dari makhluk dan bukannya dari Allah. Saya merasa diri saya sedang tunduk kepada makhluk. Lantaran itu saya pun mengambil sikap untuk meyakini pertolongan dari Allah semata-mata. Saya mengambil keputusan hendak bertemu Syeikh Moosa Abu Qamar selepas pemeriksaan doktor nanti.

Selepas pemeriksaan doktor, saya pergi berjumpa beliau. Dia memarahi saya kerana tidak bertemu dengannya tempoh hari. Semoga Allah mengasihaninya. Beliau bersikap baik dan pemurah kepada saya. Rumahnya sentiasa dipenuhi tetamu dan orang-orang yang memerlukannya. Saya menceritakan kepadanya bahawa saya telah pergi ke rumahnya tetapi telah berpatah balik. Setelah mendengar penjelasan selanjutnya, dia pun ketawa sambil memuji keimanan dan sikap saya itu. Semoga Allah menerima amal solehnya dan menempatkannya di syurga.

Kediaman Baru Saya

Teringat saya ketika berusaha mencari tempat kediaman yang baru. Rumah kediaman kami mempunyai keluarga A'kif. Dia telah menjual rumah tersebut kepada seorang peniaga kertas dan alat tulis yang bernama Ibrahim Bik. Ibrahim Bik meminta kami mengosongkan rumah itu dalam masa 3 hari atau kurang dari itu kerana dia hendak menggunakannya selepas diperbaiki dan diperelok. Oleh itu, kami pun terpaksa tergesa-gesa mencari rumah lain. Akhirnya kami berjumpa sebuah rumah yang terletak di Jalan Al Dahdaerah. Kami tinggal di rumah tersebut sepanjang tahun itu.

Kegiatan Umum

Sepanjang tahun di Kaherah habis di dalam suasana baik dan gembira. Saya lulus dalam peperiksaan. Saya menerima wang saguhati dari Darul Ulum sebanyak satu Junaih (duit Mekah) sebulan. Saya belanjakan wang itu untuk membeli buku-buku yang bukannya buku sekolah. Perpustakaan yang saya ada kini adalah hasil dari biasiswa bulanan saya itu. Perpustakaan tersebut merupakan teman hidup saya.

Saya menziarahi rumah Syeikh Hasafi setiap minggu selepas solat Jumaat pada tiap-tiap minggu. Saya menghabiskan kebanyakan malam minggu di rumah Ali Afandi Ghalib. Semoga Allah merahmatinya. Hampir setiap hari saya menulis surat kepada Ahmad Afandi Sakri dan dia pun berbuat begitu. Ketika cuti, saya pulang ke Mahmoodiyah dan menemui Ahmad Afandi Sakri serta para anggota Tariqat Hasafiyah yang lain. Masa lapang saya habis bersama mereka. Begitulah saya menghabiskan masa saya sebagai seorang penuntut. Tidak ada masalah pun.

Satu Kemalangan

Pada hujung tahun, ketika itu saya sedang menduduki peperiksaan akhir yang telah pun berlangsung dua hari lalu. Saya telah mengalami satu kemalangan. Walau bagaimanapun Allah Taala telah melindungi saya dari kesan kemalangan itu. Kemalangan itu juga merupakan satu rahmat pula kepada saya kerana seluruh keluarga saya turut berpindah ke Kaherah ekoran dari peristiwa itu.

Kisahnya ialah seperti berikut:

Saya mempunyai seorang rakan sedarjah yang juga merupakan rakan sebilik tetapi berlainan tempat asal. Dia sangat iri hati kepada saya. Dia lebih tua dari saya dan telah menuntut di berbagai pusat pengajian lain sebelum datang ke Darul Ulum. Dia tidak suka orang lain mengatasinya di dalam peperiksaan. Lantaran itu dia membuat satu rancangan untuk menyekat saya dari menghadiri peperiksaan.

Satu malam, ketika kami semua sedang tidur, dia telah menuang air api (asid) ke atas tengkok dan muka saya. Saya terkejut jaga. Dia pun pura-pura tidur. Saya tidak dapat mengenalinya sebab gelap. Saya meluru ke bilik air untuk mencuci muka dan tengkuk saya dari bahan yang membakar itu. Sementara itu, saya terdengar azan dari Masjid Salibah. Saya pun berlari ke Masjid tersebut untuk menunaikan solat subuh. Setelah selesai solat subuh, saya pun kembali tidur semula kerana terlalu letih lantaran berjaga malam untuk belajar. Apabila saya bangun di waktu pagi, barulah saya melihat kesan tindakan musuh itu. Orang yang bertanggungjawab itu telah keluar lebih awal lagi. Salah seorang kawan memberitahu dia melihat orang tersebut membawa botol di tangannya. Apabila dia pulang, saya menyoalnya dan akhirnya dia pun mengaku melakukannya kerana terlalu iri hati terhadap saya.

Sebaik saja mendengar jawapannya, rakan rakan sebilik yang lain menerkam dan membelasahnya dengan teruk. Mereka menghalaunya dan melempar keluar begnya. Sebahagian dari kawan-kawan saya mengesyorkan supaya saya melaporkan perkara itu kepada pihak polis atau pihak pentadbir Darul Ulum. Pada mulanya saya bersetuju, tetapi kemudian satu ilham lain menusuk fikiran saya. Saya telah diselamatkan oleh Allah tetapi masih tidak bersyukur kepada-Nya. Oleh itu saya seharusnya bersyukur kepada Allah dengan memaafkan orang, dan berbaik-baik nescaya Allah memberi ganjaran kepadanya.' Saya menyerahkan perkara ini kepada Allah dan tidak mengambil sebarang tindakan terhadap penyerang saya tadi. Berita peristiwa tadi sampai ke Mahmoodiyah begitu cepat sekali. Saya pergi ke Mahmoodiyah selepas peperiksaan tamat. Apabila keputusan diumumkan, saya mendapat pangkat pertama. Di dalam kelas, saya mendapat nombor tiga. Ayah dan ibu saya memberikan 2 pilihan sama ada saya berhenti belajar dan mencari kerja atau ayah dan ibu bercadang berpindah ke Kaherah bersama saya.

Berpindah ke Kaherah

Adik saya, Abdur-Rahman telah tamat persekolahan rendahnya dan akan memasuki sekolah menengah. Adik saya yang lain, iaitu Muhammad juga telah tamat persekolahan rendahnya dan ayah ingin dia memasuki Al-Azhar. Persekolahan adik-adik lelaki yang lain juga perlu diurus. Pusat-pusat pengajian yang seperti itu tidak ada di Mahmoodiyah. Lantaran itu, kami pun terpaksa berpindah ke Kaherah. Walaupun perjalanannya jauh, kami tidaklah merasa sukar.

Sebelum cuti terakhir, bapa saya telah dating ke Kaherah untuk mencari rumah dan kerja. Allah telah menolongnya dan dia berjaya di dalam usahanya itu. Sesudah itu, dia kembali ke Mahmoodiyah dan membawa kami ke Kaherah. Abdur-Rahman memasuki sekolah Perdagangan dan Muhammad memasuki Maahadul Kaherah, iaitu satu cawangan dari Al-Azhar. Adik-adik lelaki yang lain semuanya memasuki pusat-pusat pengajiab lain.

Jiwa Saya

Saya gembira kerana semua anggota keluarga ada bersama-sama saya. Hanya satu perkara menyinggung hati saya. Iaitu perpisahan daripada Ahmad Afandi Sakri, seorang sahabat yang sangat saya kasihi. Sebelum ini, saya merasa lega apabila menyangka kami boleh bertemu pada waktu cuti dan akhirnya akan tinggal di dalam

Bandar yang sama. Tetapi, keadaan telah berubah. Saya mungkin tidak berpeluang melawat Mahmoodiyah lagi. Oleh itu, saya pun mula memikirkan cara untuk menyelesaikan masalah itu.

Saya dan Ahmad Afandi kerap berjumpa pada waktu malam kerana berbincang untuk menyelesaikan masalah tadi. Terfikir saya bahawa Ahamd Afandi adalah seorang peniaga dan seorang peniaga tidak mempunyai tempat tinggal tetap. Oleh itu, dia seharusnya berpindah bersama saya ke Kaherah. Kemudian terfikir pula bahawa dia mempunyai keluarga. Patutkah dia berpindah? Kami pun berfikir berulang kali dan akhirnya bersetuju untuk melakukan tempoh ujian selama setahun. Tahun itu ialah tahun ujian. Kami mengenepikan keputusan untuk masa depan. Akhirnya kami pun berpindah ke Kaherah. Kemudian dia pun kembali ke Mahmoodiyah. Selepas itu kami kerap berutus surat sepanjang tahun tersebut. Kemudian cuti musim panas pun tiba.

Kedai Membaiki Jam di Mahmoodiyah

Cuti musim panas yang kedua pun tiba. Saya merasa perlu melawat Mahmoodiyah dan menghabiskan cuti saya di sana. Tetapi saya terpaksa mencari alas an untuk menghabiskan masa cuti saya di sana. Saya memberitahu bapa saya bahawa saya bercadang hendak bekerja sendiri dengan membuka kedai membaiki jam di Mahmoodiyah. Saya ingin menjadi pakar dalam bidang tersebut. Bapa saya tahu tujuan sebenar saya hendak ke Mahmoodiyah. Namu dia membenarkan saya kerana dia yakin dengan kegiatan yang ingin saya lakukan. Sikapnya ini telah memupuk sifat berdikari di dalam diri saya. Dia membenarkan saya ke Mahmoodiyah dengan iringan nasihat dan do’a restunya.

Saya pun pergi ke Mahmoodiyah dan membuka sebuah kedai membaiki jam. Kerja ini memberikan keuntungan kepada diri saya. Yang pertama ialah saya mendapat keyakinan diri dan menyara hidup saya sendiri. Yang kedua ialah saya berpeluang bersama-sama dengan Ahmad Afandi Sakri dan lain-lain anggota Tariqat Hasafiyah. Saya menghabiskan waktu malam saya dengan berzikrullah bersama-sama mereka. Kami mengadakan banyak perbincangan di dalam masjid, di rumah-rumah kediaman dan di tempat-tempat lapang. Saya juga berpeluang mandi di sungai Nil pada waktu siang hari. Saya mengadakan perjumpaan-perjumpaan khas dengan sahabat saya, Ahmad Afandi Sakri. Sepanjang musim cuti tersebut saya tinggal di rumahnya. Kami sibuk dengan ibadat dan amalan serta kajian ilmu tasawwuf. Kesibukan ini tidak mengurangkan kasih sayang antara kami berdua. Kami benci sifat munafik kerana ianya bertentangan dengan Islam. Kami selalu menegur pengikut-pengikut Tariqat Sufi yang menyimpang dari jalan sebenar. Walaupun kami menghormati perjalanan dan falsafah Tariqat Hasafiyah, namun begitu fikiran kami bebas dari kekeliruan.

Satu Contok Peribadi Yang Baik

Pada 1 hingga 12 Rabiulawal, kami telah berkumpul di rumah salah seorang anggota Hasafiyah dan berarak menyambut Maulud Nabi. Satu malam, secara kebetulan, kami telah berkumpul di rumah Syeikh Syilbi Ar-Rijal selepas waktu Isyak. Saya dapati seluruh rumah terang benderang dengan cahaya lampu. Rumah itu teratur, bersih dan terhias dengan baik. Dia pun memberi air kopi dan minyak wangi

kepada mereka yang ada di situ. Selepas itu, perarakan pun dimulakan. Kami bersyair memuji baginda Rasulullah s.a.w. dengan riang sekali.

Selepas saja perarakan, kami pun kembali ke rumah Syeikh Syilbi ar-Rijal. Kami duduk bersamanya untuk seketika. Ketika kami hendak pulang, dia berkata sambil tersenyum. Insya Allah, kamu menziarahi saya awal-awal pagi untuk kita mengkebumikan Ruhiyah. 'Ruhiyah adalah anak perempuan tunggalnya yang telah dikurniakan Allah kepadanya sebelas tahun yang lalu. Dia sangat mengasihinya sehingga dia tidak berpisah darinya walaupun ketika melakukan kerja-kerja harian. Kini dia telah besar dan memasuki alam remaja. Dia menamakannya Ruhiyah kerana dia berada di dalam hatinya seumpama roh berada di dalam jasad.'

Kami terkejut dengan kenyataan Syeikh ini. Kami bertanya, 'Bilakah Ruhiyah meninggal dunia?' Dia menjawab, 'Hari ini, ketika hampir waktu solat maghrib.' Kami pun berkata, 'Mengapa tidak beritahu kami awal awal lagi? Sudah tentu kami akan membatalkan perarakan tadi.' Katanya, 'Segala yang berlaku adalah takdir (penentuan) Allah.' Jawapannya ini mengurangkan rasa sedih kami. Kemudian perbualan kami pun bertukar kepada sudut tasawwuf. Syeikh Syilbi sendiri memberi nasihat-nasihat. Beliau menyifatkan kematian anak perempuannya yang dikasihi itu adalah kerana kehendak Allah. Allah tidak ingin hambanya menumpukan perhatian kepada orang lain melainkan kepada-Nya saja. Kemudian dia pun menceritakan kisah Nabi Ibrahim (a.s) yang cintakan Allah itu diuji oleh Allah. Allah memerintahkan Nabi Ibrahim supaya menyembelih anaknya, Nabi Ismail (a.s) sebagai korban. Seterusnya, Syeikh Syilbi menceritakan kisah Nabi Ya'akob (a.s) yang sangat sayangkan anaknya, Nabi Yusuf (a.s). Allah telah memisahkan Nabi Yaakob dari anaknya selama bertahun tahun. Oleh itu, manusia perlu menjauhkan dirinya dari berhubungan dengan makhluk melainkan dengan Allah saja. Jika tidak, dia akan termasuk di kalangan orang-orang yang tidak beriman dan kasih sayangnya kepada Allah adalah palsu.

Lepas itu, Syeikh Syilbi menceritakan pula kisah Fudail bin Iyadh seperti berikut: 'Fudail memegang tangan anak perempuannya dan menciumnya. Anak perempuannya itu bertanya, 'Bapa sayang saya tak?' Fudail menjawab, 'Ya, anakku.' Anaknya pun berkata, 'Demi Allah, saya tak sangka bapa seorang pendusta.' Fudail bertanya, 'Apakah sebabnya? Apakah perkara yang dibohongi bapa itu?' Anaknya menjawab, 'Saya sangka hubungan bapa dengan Allah adalah sedemikian rupa sehingga tiada orang lain yang lebih bapa kasihi melainkan Allah.' Setelah mendengar kata-kata anaknya itu, dia pun menangis dan berteriak, 'Ya Allah, kanak-kanak pun tahu rahsia hambamu ini.'

Syeikh Syilbi cuba menenteramkan kami dengan menceritakan kisah-kisah yang tersebut tadi. Dia ingin mengurangkan kesedihan kami lantaran kematian anak perempuannya itu. Namun begitu, kami memohon maaf kerana tidak dapat bermalam di situ. Kami pulang juga pagi itu ketika pengkebumian Ruhiyah. Walau bagaimanapun Syeikh Syilbi cuba meyakinkan kami bahawa perkara itu bukanlah satu kesalahan.

Salah seorang guru kami yang dimuliakan iaitu Syeikh Muhammad Zahran telah meninggal dunia. Walaupun begitu beliau berjaya menghapuskan keburukan itu dengan memberikan nasihat-nasihat serta pengajarannya sepanjang tiga hari berturut-

turut. Beliau juga telah menunjukkan satu pimpinan yang baru untuk memerangi kemungkaran dan menghapuskan perkara-perkara bid'ah serta adat-adat yang melampaui batas. Hasil dari usaha beliau inilah kita dapat hidup dalam suasana yang aman.

Datang Ke Kaherah Dan Meneruskan Pengajian Di Sana

Saya telah pulang ke Kaherah dan mendapati pusat pengajian Islam belum wujud sepertimana sekarang ini. Hanya terdapat satu pusat pengajian iaitu 'Makarimal Akhlak al-Islamiyyah' yang diketuai oleh Al-Ustaz as-Syeikh Mahmud Mahmud. Kuliah-kuliah pengajian Islam itu disampaikan di Darus-Sadat seminggu sekali. Tempat tersebut sentiasa sibuk dengan orang yang melarat di situ. Kuliah-kuliah yang disampaikan itu mengandungi banyak tajuk yang berfaedah. Misalnya as-Syeikh 'Abas iaitu 'Qari al Mukaram' dapat menarik hari para pendengar dengan suaranya yang lemak. Saya berpeluang menghadiri perhimpunan 'Al-Mukaram' dan bergabung di situ selama saya masih menetap di Kaherah.'

Pemikiran Untuk Membentuk Pendakwah-Pendakwah Islam

Saya mendapati kesan dari apa yang saya perhatikan di Kaherah. dan maksiat yang jauh dari akhlak Islam di kebanyakan tempat. Begitulah keadaannya di pedalaman Mesir. Begitu juga dengan pengaruh daripada setengah akhbar-akhbar menyiarkan berita-berita yang tidak ada kaitan langsung dengan ajaran Islam seterusnya menyebabkan penduduk jahil dengan hokum-hukum agama. Masjid saja tidak mampu (memadai) untuk sampaikan ajaran Islam kepada manusia. Terdapat sebilangan ulamak saja yang rela untuk menyebarkan nasihat di masjid Kamal itu. Walaupun begitu mereka dapat memberikan kesan yang baik kepada jiwa-jiwa yang kotor. Di antaranya ialah Al-Ustaz 'Abdul 'Aziz al Khouli rahmatullah, Al Ustaz As-Syeikh Muhammad Mahfudz dan As-Syeikh Muhammad Al-Alwi. Oleh itu saya berfikir untuk membentuk satu kumpulan yang terdiri daripada pelajar-pelajar Al-Azhar dan Darul Ulum untuk melatih mereka memberi nasihat dan panduan (petunjuk) di masjid-masjid, kemudian di kedai-kedai kopi seterusnya masyarakat umum. Kemudian menjadikan mereka itu satu kumpulan yang bergerak ke kampong-kampung dan bandar-bandar penting untuk menyebarkan dakwah Islamiah. Saya cuba menyeimbangkan percakapan dengan perbuatan.

Oleh itu saya telah menyeru segolongan daripada sahabat-sahabat saya untuk bergabung tenaga dalam rancangan yang mulia ini. Di antara mereka ialah Ustaz Muhammad Madkur (lepasan Al-Azhar), Ustaz As Syeikh Hamid 'Askariyyah, Ustaz Ahmad Abdul Hamid - anggota pengasas Ikhwan Muslimin sekarang dan lain-lain lagi. Kami berhimpun di tempat penginapan pelajar di Masjid Syaikhoon di Solibah. Kami berbincang mengenai kepentingan rancangan ini dan menyiapkan diri dengan ilmu dan amal. Saya telah mengkhaskan satu juz daripada buku-buku saya seperti kitab Ihya' oleh Al-Ghazali, Kitab 'Al-Anwar Al-Muhammadiyah' oleh An-Nabahani, kitab Tanwir al-Qulub fi muamalah Allam al-Guyub oleh As-Syeikh Al-Kurdi dan sebahagian daripada buku-buku sejarah dan untuk dijadikan perpustakaan (Maktabah) bergerak di kalangan mereka dan untuk meminjam tajuk-tajuk tersebut, serta membaca tajuk-tajuk khutbah dan kuliah-kuliah yang ada di situ.

Dakwah Di Kedai-Kedai Kopi

Setelah melengkapkan diri dengan ilmu maka hendaklah dilengkapkan pula dengan ilmu perbuatan (amal). Saya mencadangkan kepada mereka untuk keluar memberi nasihat di kedai-kedai kopi pula. Mereka berasa ganjil dan hairan serta berkata, 'Orang-orang yang berada di kedai kedai kopi itu tidak akan membenarkan kita berbuat demikian dan akan menentang kerana mengganggu keseronokan mereka.' Sepertimana diketahui, mereka ini adalah satu puak yang suka berfoya-foya tentulah sukar bagi mereka untuk menerima nasihat kita. Bagaimana kita hendak bercakap mengenai agama dan akhlak bagi kaum yang tidak memikirkan selain daripada keseronokan saja. Tetapi saya berpendapat sebaliknya pula. Saya percaya mereka itu merupakan satu golongan yang sanggup dan bersedia untuk mendengar sebarang nasihat daripada golongan yang lain bahkan lebih daripada golongan-golongan yang ada di masjid sendiri, kerana bagi mereka, ini adalah satu perkara yang baru. Kita hendaklah bijak memilih tajuk-tajuk yang sesuai dan janganlah mendedahkan sesuatu yang boleh melukakan perasaan mereka. Kita hendaklah menyampaikannya dengan cara yang lembut dan tidak memanjang-manjangkan percakapan serta dalam waktu yang singkat saja. Perbincangan mengenai perkara ini berlanjutan di antara kami. Saya berkata kepada mereka: 'Kenapa kita tidak menjadikan percubaan ini sebagai satu tahap (had) dalam urusan kita?' Mereka semua setuju lalu kami keluar dan memulakannya dengan kedai kopi yang terletak di Medan Solahuddin. Pertama di kedai kopi As-Sayyidah 'Aisyah dan dari situ ke kedai kedai kopi yang berselerak di kawasan Toulon. Seterusnya dari Thariq al-Jabal ke Syare'i Salamah. Tidak ketinggalan juga kedai kopi As-Saiyyidah Zainab. Saya merasakan pada malam itu saja lebih 20 khutbah telah saya sampaikan kepada mereka. Setiap satu khutbah mengambil masa di antara 5 hingga 10 minit.

Mereka yang ada di situ mendengar dengan rasa hairan serta mendiamkan diri untuk menumpukan perhatian untuk mendengar. Pada mulanya mereka merasa sesuatu yang ganjil. Lama-kelamaan mereka meminta untuk menambahkan lagi percakapan itu. Kami tidak minum atau meminta sesuatu pun. Kami hanya memohon sedikit waktu untuk mengingatkan mereka kepada Allah. Keadaan ini memberi kesan kepada mereka. Tidak hairanlah sesungguhnya Allah tidak mengutuskan nabi atau rasul kecuali untuk menyampaikan yang pertama iaitu 'Katakanlah aku tidak menghendaki upah'. Cara ini merupakan satu kesan yang mendalam ke atas jiwa orang yang diseru itu. Dalam ujian ini saya berjaya sepenuhnya. Kami kembali semula ke tempat kami di Syaikhoon. Kami berasa gembira atas kejayaan ini. Kami berazam untuk meneruskan lagi usaha seperti itu.

Di Bilik Kuliah

Setakat ini, sistem pelajaran Darul Ulum tidaklah beku. Para penuntut menghormati guru. Kerap kali kami berbincang mengenai politik dan kemasyarakatan di dalam bilik kuliah. Waktu itu semagat politik sedang memuncak di Mesir. Ada perselisihan antara Parti Wafd dan Parti Dastoor. Oleh itu, banyaklah peristiwa-peristiwa suka-duka yang berlaku di antara keduanya. (Ahli-ahli politik kadang-kadang bersatu, kadang-kadang berselisih. Kemudian mereka berbincang dan bersatu dan berbalah semula. Keadaan ini berterusan untuk tempoh waktu yang lama. Kadang-kadang perbincangan itu berjaya dan kadang-kadang gagal. Kejadian-kejadian ini menjadi tajuk perbincangan para penuntut. Para penuntut dan guru berbincang tajuk-tajuk ini dalam suasana yang selesa. Mereka memberi pendapat

dengan bebas dan terbuka. Ketika berbincang antara guru dan pelajar, para penuntut memberi pendapat dan para guru pula memberi kupasan. Kadang kala para penuntut tidak setuju dengan pendapat guru. Namun begitu, para penuntut tetap menjaga adab dan menghormati guru mereka. Setiap orang diberi kebebasan untuk menyuarakan pendapat. Walau bagaimanapun tidak terdapat sebarang kebiadapan. Kami mempunyai hubungan rohani yang baik dengan guru kami dan kami juga menghormati mereka dengan hati serta jiwa kami.

Kadangkala kami mengusik guru guru kami ketika di dalam bilik darjah. Mereka membalas usikan kami dengan kemarahan atau dengan kelakar. Pernah salah seorang rakan sekuliah kami menyoal guru kami seperti berikut: ‘Sudahkah tuan berkahwin?’ Guru itu menjawab, ‘Belum.’ Rakan kami bertanya lagi, ‘Mengapa tuan tidak kahwin? Tuan sudah cukup dewasa.’ Guru itu menjawab, ‘Saya sedang menunggu gaji saya naik agar saya mampu menyara sebuah keluarga dengan baik.’ Penuntut tadi berkata, ‘Jika tuan terus menangguhkan perkahwinan dengan cara begini, maka tidak ada jaminan bahawa tuan boleh hidup untuk menyara isteri dan anak-anak. Rezeki dan hidup itu berada di tangan Allah.’ Guru tersebut merasa tersinggung. Guru itu pun bertanya penuntut tadi, ‘Awak sudah kahwin?’ Penuntut itu menjawab, ‘Ya, dan anak saya mengiringi saya setiap hari kerana dia hendak pergi ke sekolah rendah. Dia pergi ke sekolahnya dan saya datang ke sekolah saya.’ Para penuntut lain pun ketawa dan perbincangan itu berakhir di situ.

Pakalan Seragam Diubah

Gerakan mengubah pakaian seragam kian hebat di tahun empat iaitu tahun akhir di Darul Ulum. Kesemua penuntut mengalu-alukan perubahan pakaian seragam mereka. Langkah ini juga dipersetujui oleh kebanyakan bekas penuntut Darul Ulum. Tetapi saya dan sekumpulan keeil penuntut tidak setuju. Perubahan anih dapat dilihat di Darul Ulum. Setengah penuntut baru memakai pakaian seragam baru cara Barat dan setengahnya pula memakai pakaian ulamak.

Hari demi hari, jumlah penuntut yang memakai serban kian berkurang sementara para penuntut yang memakai tarbus bertambah. Akhirnya, dua orang saja yang masih memakai serban iaitu saya sendiri dan Syeikh Ibrahim. Syeikh Ibrahim kini menjadi guru di Jabatan Pelajaran. Sementara itu, latihan amali (latihan mengajar) dimulakan.

Pengetua Darul Ulum ialah Muhammad Bek As-Sayyid. Beliau adalah seorang yang alim. Dia memanggil kami berdua ke pejabatnya dan menyuruh kami pergi ke sekolah sekolah pengajian tertentu untuk menjalani latihan mengajar. Dia meminta kami menjalani latihan di dalam pakaian seragam yang baru. Dia tidak ingin melihat kami di hadapan para penuntut dengan memberatkan (memihak kepada) samada pakaian serban atau tarbus. Nasihatnya itu sangat berkesan. Lantaran hormat kepada arahannya, kami pun berjanji hendak menukar pakaian seragam kami. Kami memberitahunya bahawa kami akan melaksanakan janji-janji kami itu. Kami akan menanggalkan jubah serta serban dan menggantikannya dengan pakaian Barat dan tarbus. Kami akan melakukan hal itu hanya beberapa hari sebelum pengajian kami di Darul Ulum berakhir.

Gelombang Fahaman Mulhid (Atheisma) Dan Maksiat Di Mesir

Sebaik saja lepas Perang Dunia Pertama (1914-1918), ketika saya berada di Kaherah, Mesir dilanda arus gelombang fahaman Atheisma (mulhid) dan maksiat. Ianya bermula dengan kemusnahan agama dan akhlak pada jiwa, pendapat dan fikiran atas nama kebebasan fikiran. Apa pun tidak dapat menyekat taufan ini. Hasil darinya lagi merbahaya.

Mustaffa Kamal melancarkan revolusi di Turki dengan memansuhkan pemerintahan berkhalifah. Dia memisahkan negara dari agama (mengasingkan pemerintahan atau politik dari agama). Perubahan-perubahan ini dilakukan kepada sebuah negara yang merupakan pusat pemerintahan berkhalifah di Dunia Islam ketika itu. Revolusi kerajaan Turki itu telah membawa perubahan-perubahan besar kepada segala sudut kehidupan. Universiti-universiti di Mesir yang didirikan oleh rakyat telah diambil alih oleh kerajaan dan banyak maktab-maktab telah diletakkan di bawah pengawasan secara langsung dari kerajaan. Kini satu bentuk baru mengenai penyelidikan dan kehidupan universiti telah muncul. Intisari kandungannya itu ialah sesebuah universiti tidak akan menjadi sebagai universiti sekular (hanya untuk pelajaran saja) melainkan apabila ia telah melancarkan perang terhadap agama dan adat resam masyarakat (tradisi sosial). Lantaran itu, pihak universiti mengamalkan dasar pemikiran dan kebudayaan Barat yang berciri kebendaan itu. Para guru dan murid pula membebaskan diri mereka dari sebarang ikatan. Ketika ini juga asas Parti Demokrat ditegakkan. Tetapi ia berkubur sebelum ia dilahirkan kerana tidak mempunyai sistem. Tujuan parti itu ialah untuk memupuk demokrasi dan fahaman fikiran bebas (liberal). Ia sebenarnya bermaksud menyebar kekacauan dan kemaksiatan.

Satu Persatuan Pemikiran (Ilmu Ketuhanan) telah ditubuhkan di Jalan Al-Manakh. Mereka ini cenderung kepada ilmu ketuhanan (Theosophy). Persatuan ini menganjurkan ceramah-ceramah yang mengecam agama-agama lama dan menyebarkan satu agama baru. Para penceramahnya terdiri dari orang-orang Islam, Yahudi dan Kristian. Mereka bercakap mengenai fahaman baru ini dari berbagai sudut yang berlainan.

Sejumlah besar buku, majalah dan akhbar yang menyentuh perkara ini yang tidak ada tujuan hanya untuk melemahkan agama-agama yang lain saja telah diterbitkan. Bahan-bahan penulisan ini telah melemahkan lagi pemikiran orang-orang Islam kepada Islam dan mendorong mereka ke arah fahaman ketuhanan yang baru itu.

Saloon telah dibuka di rumah-rumah besar terutama di Kaherah. Saloon-saloon (kedai kedai arak) ini juga memupuk fahaman yang serupa lebih-lebih lagi di kalangan para belia.

Tindak Balas

Terdapat tindak balas pada kalangan mereka yang tertarik dengan fahaman kebaratan dan atheisma (mulhid). Mereka ini termasuklah dari kalangan Al-Azhar dan di pusat-pusat pengajian yang lain. Mereka ini terbahagi kepada dua kumpulan. Satu kumpulan terdiri dari pada pemuda yang terpengaruh dengan fahaman-fahaman moden. Kumpulan yang satu lagi terdiri dari orang-orang yang tidak berpelajaran. Golongan ini tidak mampu berfikir untuk diri mereka sendiri dan mereka juga tidak

diberi perhatian yang sepatutnya. Saya sangat sedih melihat keadaan ini berlaku di Negara Mesir. Saya nampak negara Mesir sedang terawang-awang di antara dua fahaman. Saya melihat negara Mesir yang saya sanjung itu sedang dibelah dua oleh dua fahaman yang bertentangan. Di satu pihak ialah aqidah Islam yang mereka pusakai dan pelihara habisan-habisan. Islam telah membawa kegemilangan di masa lepas dan ia masih mampu memberi kemuliaan dan keagungan kepada para penganutnya selama 14 kurun. Di satu pihak lain pula ialah serangan ganas pemikiran dan kebudayaan Barat yang bertujuan menghancurkan nilai-nilai hidup yang telah lama bertapak. Ianya bersenjatakan kekayaan dan tarikan-tarikan (dorongan-dorongan) hidup lahiriah. Ia juga memiliki kuasa propaganda (kuasa mendakyah).

Saya menenangkan diri dari rasa sedih ini melalui perbincangan perbincangan dengan para penuntut dan para sahabat di Al-Azhar, Darul Ulum dan pusat-pusat pengajian yang lain serta beberapa orang anggota Tariqat Hasafiyah Kaherah. Mereka berpendapat bahawa mereka perlu menubuhkan gerakan Islam untuk menentang gelombang anti Islam yang sedang melanda Mesir dan mengancam segala nilai-nilai akhlak. Para penuntut Maktab Perundangan itu ialah: Syeikh Hamid Askariyah, Syeikh Hassan Abdul Hamid, Hassan Afandi Fadhliyyah, Ahmad Afandi Ameen, Syeikh Muhammad Basyar, Muhammad Salim Atiya dan Kamal Afandi Labban. Para anggota Tariqat Hasafiyah Kaherah itu ialah: Yusuf Afandi Labban, Abdul Fatah Keersyah, Ibrahim Afandi Madkoor, Syed Afandi Nisar Hijazi dan Muhammad Afandi Sarnoobi.

Mereka mengadakan perjumpaan dan menyatakan pendapat mereka kepada orang ramai. Kegiatan orang-orang Islam yang baik dan sejati ini sedikit sebanyak melegakan kesedihan dan kepahitan yang saya alami.

Kunjungan saya ke Perpustakaan Salfiya juga memberi sedikit kelegaan. Waktu itu Perpustakaan Salafiyyah terletak dekat Mahkamah Rayuan. Di Perpustakaan Salafiyyah, saya bertemu seorang wartawan Islam yang gigih, iaitu Syed Muhabuddin Al-Khateed dan juga beberapa orang ulamak Islam ternama. Di antara mereka itu ialah Muhammad Al-Khudri Hussain, Muhammad Ahmad Al-Ghunirawi, Ahmad Taimoor Pasya dan Abdul Aziz Pasya Muhammad. Abdul Aziz Pasya Muhammad adalah seorang penasihat undang-undang di Mahkamah Rayuan. Pendapat mereka ini juga dapat melegakan hati kami. Kami juga melawat Darul Ulum dan menghadiri perjumpaan-perjumpaan yang dianjurkan okh Syed Rasyid Ridha dan bertemu Syeikh Muhammad Al-Adwi serta Syeikh Abdul Aziz Khauli di situ. Mereka berbincang mengenai masalah yang dihadapi okh negara (Mesir). Syed Rasyid Ridha menyusun satu rancangan yang baik untuk mengatasi kegiatan-kegiatan yang menentang Islam.

Satu Pendekatan Yang Membina (Perbuatan Yang Positif)

Tetapi usaha-usaha ini sahaja tidak mencukupi untuk menghadapi arus keadaan yang merbahaya itu. Saya sedang mengkaji dan meneliti kedua-dua belah kumpulan (atau kedua-dua belah pihak). Golongan yang berfahaman Atheisma dan Barat meniadi semakin kuat. Sebaliknya, golongan Islam pula menjadi semakin lemah. Keadaan ini menambahkan lagi kebimbangan dan kesedihan saya. Selama separuh bulan Ramadhan pada tahun itu saya merasa gelisah dan tidak dapat tidur. Saya pun berazam untuk mengorak langkah yang positif. Saya berkata di dalam hati,

‘Mengapa tidak diletakkan tanggungjawab ini ke atas pemimpin-pemimpin Islam? Saya patut menyeru mereka supaya bersatu dan menentang rancangan jahat golongan Mulhid (atheis). Jika mereka bersetuju dengan pendapat saya, maka itu adalah baik sekali. Andainya mereka tidak setuju, maka saya mencari jalan lain.’ Saya telah berazam untuk melaksanakan tugas ini dengan bersungguh-sungguh.

Perbincangan Dengan Syeikh Yusuf ad-Dajwi

Saya selalu membaca tulisan Syeikh Yusuf ad-Dajwi Beliau adalah seorang lelaki yang berperibadi baik. Lantaran minat saya kepada sufi, maka wujudlah hubungan rohani dan ilmu antara kami berdua. Kerap kali saya menziarahinya. Saya juga mengetahui banyak ulamak yang ada hubungan rapat dengan Syeikh Dajwi. Beliau sangat disegani oleh mereka. Saya pun mengambil keputusan hendak berjumpa beliau dan menyuarakan pendapat saya. Saya berharap beliau dapat membantu saya menyekat arus perubahan yang sedang mengancam Islam. Satu hari, selepas saja berbuka puasa, saya pun menziarahi Syeikh Dajwi yang terkemuka itu. Ketika itu dia sedang dikerumuni okh sejumlah orang-orang alim yang terkemuka. Salah seorang dari mereka ialah Ahmad Bik Kamil. Itulah kali terakhir saya bertemu dengan Ahmad Bik Kamil.

Saya pun menceritakan keadaan dan perubahan yang sedang melanda negara kepada Syeikh Dajwi dan para hadirin yang lain. Beliaupun menampakkan kesedihannya dan memberi pandangannya mengenai perkara tersebut. Dia juga menyebut akibat yang bakal berlaku. Dia menyentuh mengenai kelemahan golongan Islam untuk menghadapi gejala buruk itu. Dia juga menceritakan kelemahan Al-Azhar untuk menentang ancaman baru itu. Dia juga menyentuh mengenai Persatuan Nahdatul Islam, iaitu satu pertubuhan yang diasaskan oleh beliau sendiri dengan bantuan beberapa ulamak terkenal. Usaha-usaha pertubuhan, itupun terbukti tidak berhasil. Beliau juga menceritakan usaha Al-Azhar dalam menentang para pendakyah agama Kristian dan Atheis (Mulhid). Disentuhnya juga mengenai Persidangan Agama-agama yang diadakan di Jepun. Beliau telah menghantar majalah-majalah Islam ke persidangan tersebut. Kesimpulan perbincangannya itu ialah untuk menunjukkan bahawa setiap usaha telah menemui kegagalan. Menurutnya, dalam keadaan begini, sudah memadai seseorang itu memelihara dirinya dengan menyelamatkan dirinya dari zaman kebendaan yang tidak bertuhan itu. Saya masih ingat lagi pepatah yang disebutnya untuk memperkuatkan hujahnya. Kerap kali dia menyebut pepatah tersebut di dalam perbincangan. Pernah satu ketika dia menulis pepatah itu diatas kad yang dihantarkannya kepada saya. Pepatah itu berbunyi seperti berikut:

> “Jika roh didalam diriku sudah sedia untuk mencapai kebahagiaan, ku tak peduli siapa yang mati dan siapa yang terbunuh.”

Syeikh Dajwi menasihati saya supaya meneruskan usaha saya dengan cara yang sebaik mungkin dan serahlah hasil dan keputusannya kepada Allah. Allah tidak akan membebankan seseorang dengan bebanan yang di luar kemampuannya. Saya tidak suka dengan penjelasan Syeikh Dajwi itu. Saya rasa menyesal. Terbayanglah oleh saya kegagalan yang bakal berlaku. Jika setiap ulamak memberi jawapan yang begitu, maka hasilnya nanti ialah kekecewaan dan kegagalan.

Saya berkata kepada Syeikh Dajwi, 'Tuan, saya membangkang pendapat tuan itu. Pendapat itu melambangkan azam yang lemah. Pendapat itu ialah satu alasan untuk mengelakkan diri dari tanggungjawab. Tuan takutkan siapa? Adakah tuan takutkan Al-Azhar atau kerajaan? Pencen tuan sudah mencukupi. Tuan boleh duduk di rumah dan bekerja untuk Islam. Sesungguhnya, rakyat bersama tuan. Hadapilah mereka. Mereka itu merupakan rakyat Islam. Saya melihat mereka di kedai-kedai kopi, di masjid-masjid, di jalan-jalan dan di lorong-lorong. Saya dapati hati mereka ini penuh dengan kecintaan Iman dan Islam. Sebenarnya tenaga hebat yang ada pada rakyat ini tidak dipedulikan. Para pengikut fahaman lucah dan Mulhid (Atheis) tidak akan mampu berhadapan dengan seorang Muslim sejati. Mereka berjaya menerbitkan majalah dan akhbar kerana kita telah lalai dan cuai. Mereka ini akan lenyap jika kita semua ada kesedaran politik.'

'Tuan yang saya segani, jika tuan tidak mahu melakukan sesuatu untuk Allah, maka sekurang-kurangnya lakukan sesuatu untuk dunia tuan. Berusahalah untuk mendapatkan roti harian tuan. Andainya Islam lenyap dari rakyat, maka Al-Azhar juga turut lenyap dan para ulamaknya akan terkapai-kapai, tidak tahu hendak ke mana. Lantaran itu, tuan pun turut tidak mendapat makanan dan pakaian. Jika tuan tidak dapat mempertahankan Islam, sekurang-kurangnya berusahalah untuk mempertahankan diri tuan. Berusahalah mendapat keuntungan duniawi jika tuan tidak ingin berusaha mendapatkan keuntungan di Akhirat. Jika tidak, tuan akan rugi kedua-duanya sekali. Yakni rugi dunia dan juga Akhirat.'

Kata-kata saya itu saya lahirkan dengan penuh rasa kesal dan bersungguh-sungguh. Kata-kata saya itu keluar dari hati yang luka. Salah seorang ulamak yang hadir telah hilang kesabarannya. Dia bangun dan membangkang kata-kata saya. Dia menuduh saya menghina Syeikh Dajwi dan kurang sopan. Dia juga menuduh saya mengecam para ulamak dan Al-Azhar. Baginya, tindak-tanduk saya itu samalah dengan menghina Islam. Menurutnya, Islam tidak akan lemah kerana Allah sendiri memeliharanya.

Sebelum sempat saya menjawab tuduhan itu, Ahmad Bin Kamil pun bangun dan berkata, 'Ya Ustaz, pemuda ini berkata benar. Adalah menjadi kewajipan awak sekarang untuk maju ke depan. Lama manakah lagi awak hendak membeku diri? Pemuda ini ingin awak semua bersatu untuk memperjuangkan islam. Jika awak perlu tempat untuk bermesyuarat, maka rumah saya sentiasa terbuka untuk dimiliki dan diguna oleh pihak tuan. Jika awak perlu wang, maka orang-orang Islam yang pemurah tidak pernah berkurangan. Awak semua adalah para pemimpin negara. Keluarlah dan kami akan menurut kamu. Perbahasan yang kosong ini tidak mendatangkan apa-apa.'

Saya bertanya kepada orang sebelah saya, 'Siapakah orang itu?' Dia memberitahu nama orang itu ialah Ahmad Bin Kamil. Itu kali pertama dan terakhir saya melihatnya.

Para hadirin di dalam majlis itu telah terbahagi kepada dua kumpulan. Satu kumpulan memihak ulamak yang membangkang pendapat saya dan satu kumpulan lagi memihak Ahmad Bin Kamil. Syeikh Dajwi hanya berdiam diri. Kemudian barulah terfikir olehnya hendak menyelesaikan pertikaian itu. Katanya, 'Saya berdo'a kepada Allah agar memberi kita kekuatan untuk melaksanakan kehendak-Nya. Sesungguhnya kita semua memang ingin berbuat demikian. Hal ini terserahlah kepada

Allah. Saya rasa masanya sudah tiba untuk kita bertemu Syeikh Muhammad Saad. Marilah kita pergi menemuinya.'

Kami semua pun pergi ke rumah Syeikh Muhammad Saad. Rumahnya berdekatan dengan rumah Syeikh Dajwi. Saya mengambil tempat berhadapan Syeikh Dajwi agar saya dapat berbincang perkara perkara penting dengannya. Syeikh Muhammad Saad menghidangkan gula-gula (halwa) kepada para hadirin. Hidangan begini memang adat ketika bulan Ramadhan. Syeikh Muhammad Saad mendekati hidangan dan saya pula mendekatinya. Sebaik saja dia sedar saya berada di sisinya, dia pun bertanya, 'Awak ni siapa?' Saya menjawab, 'Nama saya Hassan Al-Banna.' Dia bertanya lagi, 'Awak juga bersama kami?' Saya menjawab, 'Ya tuan. Saya tidak akan pergi selagi kita tidak mencapai satu kesimpulan.' Dia mengambil segenggam gula-gula dan memberi kepada saya sambil berkata, 'Ambillah gula-gula ini. Insya Allah kita akan mencapai satu penyelesaian.' Saya menjawab, 'Puji-pujian bagi Allah. Tuan, kita tidak mahu membuang masa lagi berfikir mengenai perkara ini. Perkara ini memerlukan tindakan. Jika saya gemarkan gula-gula ini, sudah tentu saya akan membelinya sendiri dan berehat di rumah. Saya tidak akan bersusah payah datang ke sini untuk menemui tuan. Tuan, Islam sedang diserang hebat oleh musuh-musuhnya tetapi para penganut dan pemimpinnya membuang masa memakan gula-gula. Adakah tuan fikir Allah tidak akan mempersoalkan sesiapa pun? Jika ada para pemimpin lain selain tuan untuk bekerja demi agama Islam, tunjukkanlah mereka kepada saya. Saya akan pergi kepada mereka. Mungkin saya akan mendapat sesuatu di dalam diri mereka yang tidak dimiliki oleh tuan.'

Suasana di rumah Syeikh Muhammad Saad menjadi sunyi senyap. Syeikh Dajwi menangis teresak-esak sehingga airmatanya membasahi janggutnya. Beberapa orang yang lain turut menangis. Syeikh Muhammad Saad memecah kesunyian dengan kata katanya yang bernada sedih, 'Saudara, apa yang patut saya lakukan?' Saya menjawab, 'Tuan, senang saja,' Allah berfirman yang maksudnya:

> *"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. Ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya. (Mereka berdoa): "Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana Engkau bebankan kepada orang-orang yang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tak sanggup kami memikulnya. Beri ma'aflah kami; ampunilah kami; dan rahmatilah kami. Engkaulah Penolong kami, maka tolonglah kami terhadap kaum yang kafir".*
>
> (Al-Baqarah: 286)

'Saya inginkan tuan cadangkan nama-nama ulamak yang cintakan Islam. Mereka ini akan bertemu dan sama-sama mencari jalan untuk menghadapi keadaan seperti ini. Satu akhbar mingguan boleh diterbitkan untuk menentang unsur-unsur Barat dan Atheis (Mulhid). Kita juga boleh menerbitkan bahan-bahan kesusasteraan Islam untuk mengubati penyakit-penyakit yang disebarkan okh musuh-musuh Islam. Kita juga boleh menubuhkan berbagai persatuan dan menggalakkan para pemuda Islam memasukinya. Kita sepatutnya mempercepatkan usaha kebangkitan Islam. Kita boleh melancarkan banyak rancangan serentak.'

Syeikh Muhammad Saad berkata, ‘Sungguh baik sekali cadangan itu.’ Kemudian dia mengarahkan supaya dibawa keluar segala pinggan mangkuk yang berisi gula-gula. Kertas dan pena pun dibawa masuk. Dia berkata, ‘Sekarang kita akan mencatitkan sebarang keputusan yang diambil.’ Banyak nama-nama telah kami bincangkan. Satu senarai panjang yang berisi nama-nama ulamak terkemuka pun disediakan. Di antara nama-nama yang termasuk di dalam senarai itu ialah Syeikh Dajwi, Syeikh Muhammad Al-Khizr Hussain, Syeikh Abdul Aziz Jawish, Syeikh Abdul Wahab Najjar, Syeikh Muhammad Ahmad Ibrahim dan Syeikh Abdul Aziz al Khauli. Semoga Allah limpahkan rahmat ke atas mereka. Nama Syeikh Muhammad Rasyid Ridha telah dicadangkan dan Syeikh Dajwi menyokong. Syeikh Dajwi berkata, ‘Tiada perselisihan di dalam perkara ini. Perkara ini melibatkan Islam menentang gejala bukan Islam.’ Syeikh Dajwi pernah berselisih pendapat dengan Syeikh Syed Rashid di dalam beberapa perkara. Namun begitu, apabila nama Syeikh Rashid Ridha dicadangkan, sokongan telah diberi oleh Syeikh Dajwi. Di antara nama orang-orang yang dihormati dan berpengaruh yang telah dicadangkan ialah Ahmad Taimoor Pasya, Naseem Pasya, Abu Bakar Yahya Pasya, Mutawalli Bek Ghaneem, Abdul Aziz Bek Muhammad (kini dipanggil Abdul Aziz Pasya Muhammad), Abdul Hameed Bek Sa’id dan lain-lain lagi.

Kemudian Syeikh Muhammad Saad berkata, ‘Sekarang awak berkewajipan menghubungi orang-orang yang awak kenal rapat dan saya pula akan menghubungi orang-orang yang saya kenal rapat. Insya Allah, kita akan bertemu lagi selepas seminggu.’

Kami terus mengadakan perjumpaan demi perjumpaan sehingga akhirnya kami berjaya menubuhkan satu gerakan Islam dengan bantuan para ulamak yang terkemuka. Para ulamak ini mengadakan berbagai perjumpaan selepas Hari Raya Aidil Fitri. Sebuah majalah bergelar ‘Al- Fatah’ telah diterbitkan. Syeikh Abdul Baqi Sawwar Na’im menjadi ketua pengarang dan Syed Muhibuddin Al-Khatib bertugas sebagai pengurus majalah tersebut. Tidak lama kemudian, tugas ketua pengarang dan pengurus majalah itu dijalankan oleh Syed Muhibuddin al-Khatib. Majalah itu menjadi terkenal lantaran usahanya. Majalah ‘Al- Fatah’ berperanan sebagai panduan untuk para belia terpelajar.

Kumpulan para ulamak terkemuka ini terus memberi sumbangan mereka untuk perjuangan Islam selepas saya meninggalkan Darul Ulum kerana tamat pengajian. Usaha-usaha ini telah membawa kepada penubuhan ‘Jami’atu-sy-Syubban-ul-Muslimin’.

Tajuk Karangan

Guru kami, Syeikh Ahmad Yusuf Najati sangat gemar memilih tajuk-tajuk karangan yang menarik. Dia menghibur kami dengan kelakarnya yang menarik itu. Apabila dia merasa penat memeriksa karangan kami, dia pun berkata, ‘Ambillah karangan-karangan awak ini wahai para ulamak dan sebarkan. Duhai kaum ku, hendaklah kamu mempunyai maksud atau tujuan. Bunga-bunga bahasa yang elok ialah yang ringkas (yakni sesuatu karangan itu elok apabila ia pendek, padat dan berisi penterjemah). Demi Allah, saya tidak menilai karangan awak berdasarkan panjang

atau pendeknya. Kami pun ketawa mendengar kata-katanya itu. Kemudian, kami pun membahagi-bahagikan karangan-karangan di kalangan para penuntut.

1927 ialah tahun akhir pengajian saya di Darul Ulum. Salah satu tajuk karangan yang Syeikh Najati beri kepada kami ialah ‘Apakah cita-cita awak selepas tamat pengajian nanti? Dan cara cara yang awak hendak gunakan untuk mencapai cita cita awak itu.’ Berikut ialah jawapan yang saya beri:

'Saya berpendapat seorang yang baik akan mencari kebahagiaan dan panduan dengan berkhidmat kepada manusia. Dia merasa seronok apabila dia berupaya menghilangkan kesusahan orang dan membuat orang lain gembira. Dia sanggup berkorban untuk pembaharuan masyarakat sebagai keuntungan hakiki bagi dirinya. Dia berjihad bagi menghadapi kesukaran dan kesusahan dengan tabah dalam menegakkan kebenaran dan hidayat. Dia cuba menyelamatkan hati manusia dengan merasai penyakitnya. Dia mengkaji ciri-ciri yang mengakibatkan kemerosotan akhlak dan masyarakat. Dia berusaha untuk menegakkan peraturan masyarakat Islam yang lebih baik. Dia bersifat kasih sayang kepada manusia. Dia berusaha sebanyak mungkin untuk meringankan penderitaan manusia dan mencipta suasana yang boleh membantu mereka menjalani kehidupan yang bahagia. Dia juga berusaha memimpin mereka yang telah sesat ke jalan yang benar.

'Saya yakin tindakan yang tidak bermanafaat kepada orang lain dan juga dirinya ialah tindakan yang salah dan tidak berguna. Tindakan yang paling baik ialah tindakan yang bermanafaat kepada diri sendiri, saudara mara, rakan taulan dan juga negara. Tindakan yang memberi manafaat kepada umum ialah tindakan yang hebat dan mulia. Pendapat-pendapat saya ini telah mendorong saya memilih kerjaya di bidang pendidikan kerana para pendidik adalah sumber cahaya (keilmuan) bagi rakyat. Mereka menghapuskan kejahilan dan menyebarkan cahaya ilmu di seluruh dunia. Para pendidik ini seumpama lilin yang sedang menyala sambil memberi cahaya kepada orang lain. Saya yakin cita-cita tertinggi yang dapat dicapai manusia ialah mencari keredhaan Allah dengan cara yang diterima dan dirahmati Nya. Seorang manusia yang ingin mencapai cita-cita tertinggi ini akan mendapati dirinya berada di persimpangan jalan. Setiap jalan mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Dia bolehlah memilih salah satu dari keduanya.

'Jalan yang pertama ialah falsafah sufi yang sebenar. Dasar jalan ini ialah keikhlasan amalan dan menjauhkan diri dari kesibukan sebarang makhluk yang baik dan tidak baik. Jalan ini lebih dekat dan selamat dari jalan-jalan yang lain. Jalan yang satu lagi ialah pendidikan (tarbiyah) dan dakwah. Jalan ini sama seperti jalan pertama tadi di segi keikhlasan dan amalan. Perbezaan jalan ini dari jalan pertama tadi ialah:

i) di segi hubungannya dengan manusia;
ii) di segi kajian terhadap manusia dan institusi-institusi manusia;
iii) di segi penglibatannya di dalam kegiatan-kegiatan masyarakat;
iv) dan di segi menyediakan penawar untuk penyakit-penyakit masyarakat.

‘Inilah jalan yang lebih mulia di sisi Allah. Al-Quran menggelarnya jalan yang terpuji. Rasulullah s.a.w. sendiri menyebut kepentingan dan kelebihan jalan ini, Selepas merantau di dalam alam sufi, saya kini memilih jalan yang kedua kerana ia

lebih mulia dan lebih penting. Saya juga yakin bahawa seseorang yang telah mencapai ketinggian ilmu dan berpandangan jauh sudah tentu memilih jalan yang kedua.

‘Saya dapati kaum ku sudah tidak mempedulikan agamanya lantaran pergolakan politik yang sedang dilaluinya dan juga kerana keadaan masyarakatnya yang torpengaruh dengan Barat. Mereka telah lupa kepada pencapaian-pencapaian gemilang nenek moyangnya. Berbagai aliran fahaman bukan Islam telah bercampur baur dengan agama Islam yang tulin itu sehingga menghasilkan fahaman-fahaman yang penuh kekeliruan Islam, di dalam bentuknya yang jelas, tulen dan mudah itu telah hilang dari pandangan. Di samping itu, terdapat pula tabir khurafat yang menyekat pertumbuhan flkiran kita. Ringkasnya, umat Islam sedang meraba-raba di dalam kegelapan jahiliyah. Golongan terpelajar dan para belia pula tenggelam di dalam jurang keraguan. Sikap ini merosakkan mereka. Iman mereka menjadi lemah dan mereka pun cenderung ke arah fahaman atheisma (mulhid).

‘Saya yakin manusia, di segi fitrahnya, adalah saling berkasih sayang. Dia akan mencari sesuatu yang menjadi sasaran kasih sayangnya. Tumpuan kasih sayang saya ialah seorang sahabat. Dia bersemadi di dalam diri saya seumpama roh saya sendiri. Saya menumpukan kasih sayang saya kepadanya (yakni Ahmad Afandi Sakri). Dia begitu berkesan dalam persahabatan saya.

‘Keyakinan saya di dalam perkara ini semua adalah mendalam dan jelas. Hanya yang perlu ialah untuk meRhat ia menjadi kenyataan. Cita cita saya terbahagi kepada dua bahagian:

1. **Cita-cita khas:** Kebahagiaan keluarga dan saudara mara serta kesetiaan kepada para sahabat tercinta sentiasa mendapat keutamaan di dalam hati saya.

2. **Cita-cita umum:** Saya ingin menjadi guru dan pemimpin. Saya ingin mendidik kanak-kanak pada siang hari dan mendakwah ibu bapa mereka pada waktu malam melalui perbincangan dan syarahan di sekitar agama. Ini boleh juga dilakukan dengan mengarang buku-buku dan melawat berbagai tempat.

'Untuk mencapai cita-cita yang pertama (yakni cita-cita khas), saya telah meneliti sesuatu itu dengan baik. Untuk melaksanakan cita-cita yang kedua, saya telah menyediakan dua senjata akhlak iaitu ketegasan dan pengorbanan. Kedua senjata ini perlu bagi seorang tokoh pembaharuan. Bahkan rahsia kejayaan berada pada kedua senjata ini. Tokoh pembaharuan yang ada dua senjata ini tidak akan menghadapi kegagalan yang mungkin menjejaskan maruah atau mendatangkan malu kepadanya. Di samping itu, ia juga memerlukan kepada cara praktik (amali) iaitu meneruskan pengajian. Saya juga telah menghubungi peribadi-peribadi yang sependapat dengan saya dan menyokong orang-orang yang berpendapat demikian. Badan saya lemah, namun begitu saya sudah biasa dengan kerja keras yang berterusan. Saya telah menyerahkan kehidupan saya kepada Allah. Saya berdo’a kepada Allah agar Dia menerima usaha saya ini dan memberi saya kekuatan untuk melaksanakan tugas saya. Semoga jasmani dan rohani saya mendapat bantuan Allah agar saya menjalankan tugas saya ini. Semoga Allah memberi saya keberkatan dan rahmat seperti yang terdapat di dalani firman-Nya: (Muhammad: 7)

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, jika kamu menolong (agama) Allah, nescaya Dia akan menolongmu dan meneguhkan kedudukanmu. “

‘Ini adalah satu perjanjian di antara saya dan Allah dan guru saya menjadi saksi kepada perjanjian ini. Saya membuat keputusan ini seorang diri. Tiada sesiapa yang mempengaruhi saya kecuah perasaan saya sendiri. Keputusan ini adalah hasil dari kesungguhan saya kepada Allah Yang mengetahui rahsia hati manusia..’

Guru saya, Hasan Yusuf Najati memeriksa karangan saya itu dan memberi markah yang sangat baik iaitu tujuh setengah daripada sepuluh.

Dalam karangan tersebut, saya menyebut sahabat saya, Ahmad Afandi Sakri yang sama-sama berkongsi perasaan dengan saya. Dia telah berhenti berniaga dan menutup kedainya kerana hendak sama-sama bergiat dengan saya. Dia masuk berkhidmat dengan Lembaga Pelajaran Buhairah agar saya dapat bersamanya apabila saya tamat pengajian nanti. Tidak lama kemudian cita-cita ini berjaya dilaksanakan. Saya mendapat kerja di Kementerian Pelajaran dan Ahmad Afandi Sakri pun ditukar ke sana. Kami pun dapat bersama-sama semula di Kaherah selepas beberapa lama.

Kenangan di Darul Ulum

Kini saya berada di tahun akhir. Saya sedang tekun belalar untuk menduduki peperiksaan diploma. Tidak lama lagi saya akan meninggalkan pusat pengajian ini. Satu perasaan ganjil telah timbul di dalam hati saya lantaran cinta saya kepada Darul Ulum. Perasaan saya terganggu dengan rasa kasih sayang kepada rakan-rakan kadang saya berdiri di antara Masjid Muneerah dan Darul Ulum atau di sudut bilik darjah dan merenung Darul Ulum dan para penghuninya dalam perasaan dukacita sambil berfikir. Memang benar sabda baginda Rasulullah s.a.w.:

Maksudnya:

“Sesiapa pun yang kamu kasihi, kamu akan meninggalkannya (satu hari nanti).”

Saya tidak dapat melupakan kenangan manis bersama guru saya, Badir Bik. Saya tidak boleh lupa jasanya kepada kami. Pihak Darul Ulum telah mengarahnya mengajar Sastera Arab dan Karangan. Ketika itu kami dalam Tahun 3. Dia masuk ke dalam kelas kami muka yang sedih sambil berkata, ‘Adakah awak tahu, awak semua sedang menghadapi satu peristiwa yang sangat menyedihkan,’ Kami bertanya, ‘Apakah peristiwa sedih itu?’ Dia pun menjelaskan, ‘Saya telah ditugaskan mengajar Sastera Arab dan Karangan bagi Tahun 3 – lebih-lebih lagi Sastera Arab di zaman Abbasiah yang merupakan sebahagian dari sejarah Sastera Arab. Saya tidak tahu pun mengenai mata pelajaran ini. Saya akan memberitahu nama guru yang bijak di dalam mata pelajaran ini. Beliau ialah Syeikh Najati. Pergilah berjumpa dengannya. Mintalah pihak Darul Ulum meringankan saya dari bebanan ini dan menyerahkan tugas ini ada Syeikh Najati. Percayalah, saya sedang memberi nasihat yang benar. Nasihat yang benar mestilah diikuti.’

Kemudian kami pun mula berkelakar dengan Syeikh Badir bagaimana yang biasa dilakukan oleh para penuntut kepada guru mereka. Tetapi dia menjawab, ‘Jangan cuba menipu saya mengenai saya sendiri. Saya lebih tahu mengenai diri saya sendiri. Saya fahami tujuan awak semua. Saya inginkan kebaikan untuk awak semua.’

Selepas mendengar nasihatnya itu, kami pun pergi berjumpa Pengetua dan mengemukakan cadangan kami. Pengetua menerima cadangan kami dengan senang hati.

Banyak manafaat yang kami dapat dari guru kami, Syeikh Najati. Kami mengucap terima kasih kepada Syeikh Badir keraana nasihat dan bantuannya itu. Semoga Allah merahmati beliau.

Saya tidak boleh melupakan kediaman guru kami, Farid Bik Wajdi. Saya adalah pembaca ‘Majallah Al-Hayat’. Saya juga telah membaca beberapa buku Farid Wajdi mengenai Islam dan kebudayaan Islam. Saya juga adalah salah seorang peminat karyanya, ‘Daariatul Maarif Al-Islamiyah’. Saya menziarahi rumahnya sebaik saja saya telah menetap di Kaherah. Bapa saya mempunyai hubungan rapat dengan Farid Wajdi. Rumah Farid Wajdi menjadi tumpuan para ulamak dan cendekiawan Islam. Manusia dari berbagai peringkat berkumpul di rumahnya selepas solah Asar dan berbincang mengenai berbagai perkara. Selepas itu mereka berjalan-jalan makan angin dan bersiar-siar. Saya juga melibatkan diri di dalam perbincangan ilmiah para ulamak ini dengan penuh minat. Pernah sekali saya berselisih pendapat dengan Farid Bik Wajdi mengenai satu perkara. Sahabatnya, Ahmad Bik Abu Sateet telah menyebelahinya. Perkara ini berkaitan dengan ‘Syakhsiah Roh-roh’. Farid Bik Wajdi berpendapat bahawa roh-roh yang menghadirkan diri mereka itu adalah roh-roh orang-orang yang mati. Tetapi pendapat saya berbeza dari pendapatnya. Kami berbincang mengenai masalah ini dengan panjang lebar. Akhirnya, kami mengakhiri perbincangan kami tanpa mencapai sebarang persetujuan kerana seorang pun tidak berganjak dari pendiriannya. Saya mendapat banyak faedah dari perjumpaan-perjumpaan itu.

Berikut ialah senarai kegiatan kegiatan saya di bandaraya Kaherah:

1) Penglibatan di dalam perjumpaan perjumpaan Syeikh Hasafi (Ketua Tariqat Hasafiah) atau Ali Afandi Ghalib;

2) Lawatan-lawatan ke perpustakaan Salafiyah;

3) Perjumpaan-perjumpaan dengan Syed Muhibuddin Al-Khateeb;

4) Lawatan-lawatan ke Darul Manar dan Rasyeed Ridha;

5) Lawatan-lawatan ke rumah Syeikh Dajwi;

6) Penglibatan di dalam perbincangan-perbincangan ilmiah di rumah Farid Bik Wajdi;

7) Kadangkala berada di sekitar Darul Kutub;

8) Kadangkala berada di Masjid Syaikhoon.

Penganugerahan diploma

Peperiksaan pun tiba dan berlalu. Keputusan peperiksaan pun diumumkan. Saya telah lulus peperiksaan Diploma dalam bulan Jun tahun 1927 (Masihi). Saya masih ingat ujian lisan yang saya ambil. Saya menghadirkan diri di hadapan Lembaga Ujian Lisan yang terdiri dari Syeikh Abdul Fatah al-Faqi dan Syeikh Najati. Saya telah menghafal lapan belas ribu rangkap sajak dan sebuah buku sajak. Saya juga telah menghafal seluruh kitab 'Muallaqah' karya Turfa bin Labid. Dalam ujian lisan itu saya hanya dikehendaki menjawab soalan-soalan mengenai satu rangkap sajak dari kisah Napoleon Bonaparte.

Mereka juga berbincang dengan saya mengenai riwayat hidup Umar Khayyam. Itulah saja ujian lisan saya yang saya hadapi. Saya tidak menyesal dengan apa yang telah saya pelajari untuk menghadapi ujian lisan tersebut kerana saya belajar bukan untuk lulus peperiksaan. Tujuan saya belajar ialah untuk mendapat ilmu.

Di antara biasiswa dan khidmat

Beberapa orang sahabat saya sedang berusaha mendapatkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke seberang laut. Mengikut peraturan, penuntut yang mendapat pangkat pertama di dalam peperiksaan Diploma layak mendapat biasiswa tersebut. Namun begitu, saya teragak-agak hendak membuat permohonan kerana dua sebab. Sebab pertama ialah kerana keinginan saya hendak menambah ilmu walau pun ke negeri Cina atau Eropah dan kerana pepatah 'Kebijaksanaan ialah kekayaan orang Mukmin yang telah hilang dan layak dituntut semula.' Sebab kedua ialah kerana keinginan saya untuk meninggalkan lahiriah dan mengamalkan ajaran Islam. Saya juga tidak mahu mengikut Barat secara membuta tuli. Saya ingin menubuhkan satu gerakan Islam yang tersusun rapi untuk menentang pengaruh kebudayaan Barat yang merbahaya itu. Masalah ini diselesaikan dengan cepat apabila pihak Darul Ulum tidak memilih seorang penuntut pun untuk menerima biasiswa tersebut.

Oleh itu, tiada pilihan lain yang tinggal untuk saya pada tahun ini ialah untuk bekerja dengan kerajaan. Saya sangka perkhidmatan ini ialah untuk bekerja dengan sekolah di Kaherah saja. Tetapi, pada tahun ini, jumlah calon yang berjaya melebihi jumlah guru yang diperlukan oleh Kementerian Pelajaran. Nasib calon-calon yang lebih itu terpulanglah kepada budi bicara Lembaga Wilayah. Keadaan ini tidak memberi peluang langsung kepada seorang pun dari kami untuk kekal di Kaherah. Saya telah diarah pergi ke Ismailiah dan Ibrahim Madkoor (kini Dr. Ibrahim Madkoor) pula disuruh pergi ke Iskandariah. Tetapi permainan politik di dalam jabatan telah menyebabkan beliau dihantar ke Adfonja. Walau bagaimana pun Ibrahim Madkoor telah meletakkan jawatan dan pergi ke Eropah untuk melanjutkan pelajaran atas perbelanjaan sendiri. Tidak lama kemudian dia termasuk di dalam senarai orang-orang yang menerima biasiswa. Rakan rakan kami yang masih tinggal terpaksa pergi ke Selatan Mesir.

Saya rasa terkejut dengan perlantikan saya sendiri. Saya tidak tahu dimana Ismailiah. Saya pergi ke pejabat Jabatan Pelajaran dan bertengkar dengan mereka di situ mengenai Ismailiah. Saya bertemu Syeikh Abdul Hamid Bik Hassani. Syeikh

Abdul Hamid Bik Hassani menyejukkan saya dengan kata-katanya yang lucu. Di samping itu, dia juga cuba mendapatkan bantuan Syeikh Abdul Hamid Al-Khauli yang telah datang bertemunya. Ali Hasbullah, seorang guru di Ismailiah juga berada di situ. Syeikh Abdul Hamid Bik Hassani mengambil kedua orang ini sebagai saksi bahawa Ismailiah ialah salah satu bandaraya pilihan Allah. Menurutnya, saya akan berasa gembira dan selesa di situ. Menurutnya lagi, Ismailiah ialah sebuah bandaraya yang tenang dan penuh dengan pemandangan-pemandangan semula jadi yang indah. Katanya lagi, Ismailiah terkenal dengan hasil pengeluarannya. Saya meninggalkan pejabat itu dan pulang ke rumah. Akhirnya saya bertanya bapa saya mengenai perkara tersebut. Katanya, ‘Serah saja kepada Allah dan pergilah ke sana. Apa yang Allah takdirkan adalah lebih baik untuk kau.’

Nasihat itu memberi galakan kepada saya. Saya pun bersiap sedia untuk berangkat ke Ismailiah. Pemergian ini menampakkan akan hikmat Allah menghantar saya ke Ismailiah. ‘Allah lebih mengetahui di Mana Dia hendak menurunkan risalah Nya.’ Dengan nama Allah, saya pun berangkat ke Ismailiah. Saya pun memikirkan cara-cara berdakwah yang perlu digunakan di Ismailiah. Keputusannya kini ialah saya bertanggungiawab berdakwah dan membawa pembaharuan di Ismailiah dan Ahmad Afandi Sakri pula menjalankan tugas itu di Mahmoodiyah. Saya meninggalkan dua sahabat Kaherah iaitu Syeikh Ahmad Askariya dan Syeikh Abdul Hamid. Syeikh Ahmad Askariah telah dilantik sebagai penasihat Zaqazeeq selepas beliau mendapat ijazah sarjana dari Universiti Al Azhar. Behau menjalankan peranan dakwah di tempatnya. Syeikh Abdul Hamid pula menjalankan kerja sendiri di bidang pertanian lepas mendapat ijazah dari Universiti Al-Azhar. Beliau juga menjalankan kewajipannya di dalam bidang dakwah Islamiah. Lantaran itu, kami pun menepati perumpamaan seorang penyajak yang berbunyi demikian:

‘Keluargaku di Syria dan hatiku di Baghdad;

Aku duduk di Raqmateen dan jiran jiran ku berada di Fastat.’

Setiap orang daripada kami telah memperjuangkan Islam sedaya upaya dengan caranya sendiri yang dipersetujui oleh Allah. Selepas hampir satu tahun saya berada di Ismailiah, Al Ikhwanul Muslimin tubuhkan dan cawangan-cawangannya pun dibuka.

Menuju Ismailiah

Pada hari Isnin, 19 September, 1927 (maaf, saya tidak ingat tarikh Hijrahnya), saudara mara dan kawan-kawan telah berkumpul untuk mengucapkan selamat jalan kepada saya. Saya telah ditugaskan menjadi guru di sebuah sekolah rendah kerajaan di Ismailiah. Saya tidak ada pengetahuan langsung mengenai Ismailiah. Setakat yang saya tahu, ia adalah nama satu dataran di persisiran Mesir. Terdapat padang pasir luas yang memisahkan di antara Kaherah dan Ismailiah. Ia terletak di tebing Tasik At Timsah dan bertentangan Pelabuhan Suez. Para sahabat dan saudara mara pun mengucapkan selamat jalan dan saya mengucap selamat tinggal kepada mereka. Saya berbual dengan para sahabat mengenai beberapa perkara. Salah seorang sahabat saya itu ialah Muhammad Afandi As Syarnoobi. Ketika berbual dia telah berkata, ‘Ke mana saja seorang yang soleh pergi, dia meninggalkan kesan yang baik. Kami harap saudara kami ini akan meninggalkan kesan-kesan yang baik di bandaraya Ismailiah yang merupakan tempat baru untuknya.’ Kata-katanya itu sangat memberi kesan

kepada saya. Akhirnya, semua saudara mara dan sahabat saya pun bersurai. Saya naik keretapi waktu pagi agar saya sempat sampai ke Ismailiah ketika waktu Zohor. Inilah kali pertama saya menghadapi perjuangan hidup. Keretapi pun bertolak ke tempat tujuannya. Saya bertemu dengan beberapa orang yang telah mendapat kerja yang serupa dengan saya. Mereka juga dilantik sebagai guru di sekolah yang sama dengan saya. Kalau tak salah saya nama-nama mereka ialah Muhammad Bahiuddin Afandi, Ahmad Hafiz Afandi, Abdul Majeed Izzat Afandi dan Mahmood Abdul Nabi Afandi.

Saya bertemu seorang rakan yang merupakan seorang guru Sekolah Rendah Suez. Dia seorang ahli Tariqat Hamidiyah Syazlijah. Saya menceritakan kepadanya cita-cita hidup saya iaitu berjuang untuk menyebarkan Islam. Saya mencatitkan ingatan saya mengenainya ke dalam buku harian (diari) saya seperti berikut:

‘Waktu yang singkat ini tidak cukup untuk menyelami pemikiran dan jiwa orang ini. Setakat yang saya tahu, dia hidup untuk menjaga kehidupannya dengan amalannya. Dia bangga dengan keyakinannya kepada Allah, Islam dan Syeikhya. Dia suka melihat para sahabatnya berada di sekelilingnya. Dia tidak mahu atas tindakan semata-mata. Dia tidak ingin fahamannya terhad kepada dirinya seorang saja. Dia tidak suka menonjolkan kebanggaan yang dilahirkan oleh para sahabatnya terhadap dirinya. Ada perkara lain lagi yang dari penghormatan kawannya kepadanya.

Keretapi pun tibalah ke stesen Ismailiah. Para penumpang pun bersurai untuk menuju ke matlamat masing masing. Saya merenung bandaraya yang indah itu. Ia begitu cantik sekali jika dilihat dari jambatan stesen keretapi. Saya tertarik dan terpegun dengan kecantikan bandaraya Ismailiah. Saya menunggu sebentar di situ sambil mula berfikir dengan mendalam. Saya tertanya tanya apakah nasib masa depan saya di bandaraya suci ini, Saya pun berdo’a kepada Allah:

‘Ya Allah, berilah saya segala yang baik dan selamatkan saya dari segala kemungkaran.’ Di sebelah hotel saya tiba ke sebuah hotel dan menyerahkan beg saya kepada pengurusnya. Hanya beg itulah saja barang yang saya bawa. Saya pergi bertemu Pengetua dan guru-guru sekolah yang saya ditugaskan mengajar. Saya berbual dengan mereka mengenai berbagai perkara. Kemudian saya telah bertemu dengan seorang sahabat lama yang menjadi guru di sekolah tersebut. Beliau bernama Syeikh Ibrahim al-Bonhawi Afandi. Saya ingin berkongsi tempat tinggal dengannya di Bansiyun. Oleh itu, saya pun mengajaknya tinggal di sebuah hotel biasa. Dia bersetuju dengan cadangan saya itu. Kami pun tinggal bersama-sama di dalam sebuah bilik. Pada mulanya kami menyewa sebuah bilik di rumah seorang wanita Inggeris yang bernama Puan Jeemy. Kemudian kami berpindah pula ke rumah seorang wanita Itali yang bernama Puan Babina.

Antara sekolah dan masjid.

Saya menghabiskan masa saya di masjid, sekolah dan di dalam bilik penginapan saya. Saya tidak pun bergaul dengan sesiapa. Saya tidak berkenalan dengan orang baru kecuali rakan-rakan sekerja. Ketika masa lapang, saya sibuk dengan berbagai kerja tertentu. Saya mengkaji rupa bentuk bandaraya Ismailiah, para penduduknya, suasana dan pemandangannya. Saya juga mengkaji Al-Quran dan buku-buku pengetahuan lain. Hanya itulah kegiatan saya untuk selama empat puluh hari. Kata-kata sahabat saya masih lagi bergema di telinga saya, ‘Ke mana saja

seorang soleh pergi, dia meninggalkan kesan yang baik. Kami harap sahabat kami ini juga meninggalkan kesan-kesan yang baik di Ismailiah.’

Perselisihan agama

Kebanyakan maklumat mengenai keadaan agama dan masyarakat di Ismailiah saya dapati di dalam masjid. Saya lihat kebudayaan Eropah sangat ketara di Ismailiah. Tempat tinggal orang-orang British berada di Baratnya dan masyarakat pekerja-pekerja Terusan Suez berada di Timurnya pula. Bandaraya Ismailiah dilingkungi oleh mereka. Kebanyakan penduduk bandaraya ini menjalankan perniagaan mereka dengan kedua tempat tadi. Hubungan mereka dengan cara hidup Eropah begitu rapat sekali kerana di mana-mana saja terdapat contoh kebudayaan Barat di hadapan mereka. Namun begitu, kecintaan rakyat Ismailiah kepada Islam masih jelas walaupun kebudayaan Eropah begitu ketara sekali. Mereka berkumpul di sekeliling para ulamak untuk mendengar kuliah dengan penuh minat. Saya juga mendapat tahu bahawa seorang ulamak yang cintakan Islam telah memberi pendapat-pendapat yang ganjil mengenai Islam. Pandangannya ini telah ditentang oleh beberapa orang ulamak lain. Berikutan itu orang ramai pun terbahagi kepada dua kumpulan. Pendapat pendapat yang memecah belahkan umat Islam tidak ada penghujungnya.

Di kedai kopi.

Saya pun mula memikirkan cara-cara untuk menghadapi pertikaian yang sedang berlaku di kalangan orang ramai itu. Saya sedar bahawa sesiapa yang cuba bercakap mengenai Islam akan menghadapi tindak balas dari berbagai kumpulan. Setiap kumpulan akan cuba menariknya masuk ke dalam kumpulan masing-masing atau sekurang-kurangnya mereka ingin menganggap dia sebagai termasuk di dalam sesuatu kumpulan tertentu sama ada pihaknya atau musuhnya. Walaupun orang itu cuba menghubungi semua kumpulan untuk menyatukan mereka, namun begitu mereka tetap tidak menyukainya.

Saya memikirkan perkara ini sedalam-dalamnya. Akhirnya saya mengambil keputusan menjauhkan diri dari semua kumpulan dan jika boleh, menjauhkan diri dari berbincang dengan orang-orang di dalam masjid. Saya berpendapat orang-orang di masjid suka bercakap dan berbincang mengenai perkara-perkara khilafiah di dalam agama. Apabila ada saja peluang, mereka akan mengapi-apikan perkara itu. Saya mengambil keputusan tidak menjadikan mereka ini sasaran dakwah saya. Saya mula memikirkan cara-cara lain untuk menghubungi orang ramai dalam rangka usaha dakwah saya. Kemudian terlintas satu soalan di flkiran saya, ‘Mengapa kedai-kedai kopi tidak dijadikan sasaran dakwah saya?’ Pendapat ini menghantui fikiran saya untuk tempoh waktu yang agak lama juga. Akhirnya, saya pun melaksanakan pendapat itu. Saya memilih tiga kedai kopi utama yang selalu melimpah ruah dengan beribu para pelanggan. Saya mengatur rancangan ceramah untuk kedai kedai kopi tersebut. Saya memberi dua ceramah di setiap kedai kopi pada setiap minggu.

Saya menyampaikan ceramah di kedai-kedai kopi ini mengikut jadual. Pada mulanya orang ramai terpegun dengan cara saya berdakwah itu. Lama kelamaan, mereka pun menjadi biasa dengan cara itu dan terus meminatinya. Saya menjalankan dakwah dengan uslub (cara) yang tersendiri. Saya terpaksa bersusah payah

menyiapkan ceramah-ceramah tersebut. Saya memilih tajuk-tajuk ceramah yang mampu saya sampaikan dengan baik. Saya tidak melewati sempadan-sempadan tajuk-tajuk dakwah yang berbentuk nasihat umum. Oleh itu, saya menghadkan diri saya kepada tajuk-tajuk yang berkaitan dengan Allah, Hari Perhitungan, amalan-amalan soleh dan larangan-larangan melakukan perbuatan mungkar. Saya tidak tegur (mengkritik) atau mempekatakan sesuatu yang boleh menyinggung perasaan mereka. Saya hanya mencuit pemikiran mereka. Bentuk ceramah yang saya sampaikan itu adalah mudah tetapi berkesan. Saya juga menggunakan bahasa harian untuk ceramah. Saya menghiasi ceramah saya dengan peribahasa dan cerita.

Dengan cara ini, saya telah berusaha sedaya upaya untuk menarik hati orang ramai kepada saya. Saya mengelak diri dari menyampaikan ceramah yang panjang kerana hal ini biasanya membosankan para pendengar. Ceramah saya memakan masa kurang sepuluh hingga lima belas minit (10-15 min.). Saya cuba menyentuh semua perkara-perkara penting di dalam masa yang singkat agar ceramah saya itu meninggalkan kesan kepada para pendengar. Saya memilih ayat ayat Al-Quran dan hadith yang sesuai dengan keadaan di situ. Saya membaca ayat-ayat dan hadith-hadith tadi dan kemudian menghurai isinya dengan ringkas kepada mereka dan memberi kesimpulannya.

Orang ramai di Ismailiah suka dengan cara saya berdakwah dan mereka mula berbincang mengenai ceramah-ceramah yang telah saya sampaikan. Jiwa mereka telah tercuit dan mereka pun memenuhi kedai-kedai kopi kerana hendak mendengar ceramah. Saya dapati kesedaran mula meresapi para pendengar yang kerap pergi ke situ. Segala nasihat dan pendapat saya diamati oleh mereka dengan bersungguh sungguh. Lama kelamaan, mereka pun menerima pendapat-pendapat dan nasihat nasihat yang saya berikan. Timbullah keinginan di dalam diri mereka untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan kepada Allah; kepada akidah Islam dan kepada umat Muslimin agar selamatlah mereka di Akhirat kelak. Saya menjawab segala soalan mereka dengan cara yang tidak berterus terang. Saya sengaja berbuat begitu kerana hendak menghidupkan minat mereka agar mereka mahu berfikir mengenai masalah-masalah yang sedang mereka hadapi.

Ajaran Amali

Para pendengar menghujani saya dengan soalan demi soalan. Jawapan-jawapan saya tidak memuaskan mereka sepenuhnya. Beberapa orang sahabat mengesyorkan agar saya merancangkan satu tindakan yang boleh meniadikan orang-orang yang didakwah itu Muslim sejati. Dengan demikian, mereka akan memiliki jiwa dan semangat Islam yang tulin. Kecintaan mereka kepada Islam telah mengukuhkan lagi keinginan mereka untuk mempelajari hukum-hukum Islam. Saya menasihati mereka supaya mencari tempat yang sesuai untuk tujuan itu. Mereka boleh berkumpul di tempat tersebut sebelum atau selepas ceramah di kedai kopi untuk sama sama mempelajari hukum hukum Islam secara mendalam. Mereka pun menemui satu sudut di sebuah bangunan yang boleh digunakan jika diperbaiki.

Syukur kepada Allah! Betapa suci dan bersihnya hati umat Muslimin ini! Betapa mudah sekali mereka tertarik dengan ketakwaan dan kebaikan. Yang mereka perlu ialah seorang pemimpin yang bertakwa dan ikhlas.

Para sahabat, termasuklah beberapa orang yang mahir di dalam kejuruteraan awam segera memperbaiki bangunan yang kami pilih untuk kegiatan kami. Mereka sendiri mencari dan mengumpul bahan yang perlu untuk memperbaiki rumah tersebut. Rumah siap diperbaiki di dalam tempoh dua malam dan kami pun mengadakan perjumpaan yang pertama di dalam rumah tersebut.

Orang-orang yang hadir di dalam perjumpaan itu terdiri dari muka muka baru di dalam kumpulan kami. Saya menggunakan cara yang betul-betul berbentuk amali dengan mereka ini. Saya tidak menggunakan ibarat-ibarat lagi. Saya juga tidak bersyarah mengenai masalah-masalah yang berkaitan dengan aliran-aliran fahaman (ideological problems). Saya membawa mereka ke pancur air dan menyuruh mereka duduk di dalam satu barisan. Saya berperanan sebagai guru mereka. Saya mengajar mereka cara-cara mengambil wudhuk (air sembahyang) dengan terperinci. Selepas kumpulan pertama habis mengambil wudu', saya mengajar kumpulan kedua pula dan kemudian kumpulan ketiga dan begitulah seterusnya. Latihan amali begini membolehkan mereka memahami asas wuduk sepenuhnya. Lepas itu saya menerangkan pula faedah-faedah wuduk dari segi rohani, jasmani dan keduniaan (duniawi). Saya menyebut hadith-hadith yang berkaitan dengan wudu' agar mereka berminat mencari ganjaran yang dijanjikan Allah. Di antara hadith-hadith yang saya sebut ialah:

i) Maksudnya:

"Barangsiapa menyempurnakan wudhu'nya maka terkeluarlah dosa-dosa daripada jasadnya walaupun yang terdapat di bawah kukunya (iaitu yang kecil sekali)."

ii) Maksudnya:

"Barangsiapa yang menyempurnakan wudhu'nya lalu bersembahyang dua rakaat dengan penuh perhatian akan dimasukkan ke dalam syurga,"

Beginilah caranya saya melatih saudara-saudara Islam saya untuk mencintai dan menjalani corak hidup Islam.

Selepas itu saya membawa mereka ke tempat solah dan memberi huraian terperinci mengenai solah. Saya menyuruh mereka bersolah di hadapan saya agar saya dapat melihat sebarang kesilapan yang mereka lakukan. Saya juga menerangkan kepentingan dan faedah solah. Saya memperingatkan mereka kepada hukuman yang bakal diterima oleh orang-orang yang lalai di dalam solahnya. Saya membaca berulang ulang kali surah Al-Fatihah dan surah-surah pendek di hadapan setiap orang dari mereka. Kemudian saya pula mendengar setiap orang dari mereka membaca surah-surah tadi berulang kali dan memperbaiki mereka jika perlu. Saya menghadkan penyampaian saya kepada isi-isi yang boleh menimbulkan rasa takut dan harapan di dalam diri mereka. Dengan mereka ini, saya tidak menghuraikan segala permasalahan dengan secara terperinci. Mereka pun mula berminat kepada Islam kerana mereka telah memahami dengan jelas mengenainya. Pendekatan dari sudut fiqh semata-mata ini nampaknya tidak membosankan mereka.

Penumpuan kepada akidah (Iman)

Ketika menyampaikan ceramah atau kuliah, saya juga menyentuh mengenai Iman dan membetulkan akidah. Di samping itu, saya juga menguatkan dengan ayat ayat Al-Quran dan hadith-hadith yang berkaitan dengan perkara tadi. Saya juga tidak ketinggalan menyebut contoh-contoh dari riwayat hidup para wali dan orang-orang soleh. Saya tidak menggunakan pendekatan yang berciri falsafah. Saya hanya membawa perhatian orang kepada keagungan Allah; kepada kebesaran sifat-sifat-Nya yang ada di alam sejagat ini; dan kepada Hari Perhitungan kelak. Saya menghadkan diri saya kepada isi-isi yang menampakkan kegemilangan Al-Quran. Selepas menyemai gambaran Islam yang sebenar di dalam pemikiran para pendengar, saya pun terus membidas fahaman-fahaman palsu yang ada pada mereka. Fahaman-fahaman palsu ini saya gantikan dengan fahaman Islam yang sebenar. Cara ini, pada umumnya tidak dipedulikan oleh para pendakwah Islam kerana ia tidak begitu mudah sebelum menempuhinya.

Di rumah Haji Mustafa

Kami ada sebuah rumah lagi untuk kegiatan kami. Haji Mustafa membina rumah itu untuk mencari keredaan Allah. Para pencinta Islam berkumpul di rumah itu untuk mengkaji Al-Quran dalam suasana penuh persaudaraan.

Dalam masa yang singkat saja, berita perhimpunan ini telah tersebar luas. Biasanya, kami menyampaikan ceramah antara solah Maghrib dan Isya'. Manusia dari berbagai golongan berhimpun di situ. Selepas itu barulah saya pergi ke kedai-kedai kopi untuk memberi ceramah.

Satu malam, saya merasakan ada satu perkara anih berlaku. Saya dapati para pendengar berada di dalam keadaan kelam kabut. Mereka telah berpecah kepada beberapa kumpulan berlainan. Sebaik saja saya mula berceramah, satu soalan telah dikemukakan oleh salah seorang pendengar. Dia menyoal, 'Apakah pendapat tuan mengenai at-tawasul?' Saya menjawab, 'Saya agak bukan perkara ini saja yang awak ingin tahu. Awak akan bertanya begitu dalam sembahyang dan salam selepas azan. Awak akan bertanya sama ada surah Al-Kahfi dibenarkan dibaca pada hari Jumaat atau tidak. Awak juga akan bertanya sama ada perkataan 'Saidina' patut disatukan dengan nama Rasulullah s.a.w. atau tidak. Awak akan bertanya di manakah ibu bapa Rasulullah s.a.w. ditempatkan selepas mereka mati dan dimanakah mereka berada sekarang. Awak akan bertanya sama ada pahala membaca Al-Quran sampai kepada orang mati atau tidak. Awak akan bertanya sama ada perhimpunan ahli-ahli sufi dan ahli-ahli Syariah merupakan satu dosa atau satu jalan menuju Allah.'

Kata-kata saya itu merangkumi semua persoalan-persoalan yang telah memecah-belahkan mereka selama ini. Orang yang bertanya terpegun mendengar kata-kata saya itu. Dia berkata, 'Ya, saya tahu jawapan kepada semua persoalan itu.'

Saya menjawab, 'Saudaraku, saya bukanlah seorang ulamak. saya hanya seorang guru. Saya telah mempelajari beberapa ayat Al-Quran dan juga hadith.. Saya juga mengkaji beberapa tajuk yang menyentuh Islam dan mengetahui sedikit sebanyak mengenai Syariat Islam. Saya menjalankan dakwah Islamiah secara sukarela. Apabila kamu keluar (meninggalkan) dari perbincangan ini, sesungguhnya kamu telah melukakan saya. Silalah memberi perhatian andainya awak suka

mendengar ceramah saya dan menganggapnya berfaedah. Jika awak ingin mengetahui lebih banyak, awak bebas berjumpa para ulamak lain. Awak akan mendapat jawapan kepada soalan-soalan tadi dari para ulamak yang mampu menolong awak. Saya telah menyampaikan segala yang saya tahu kepada awak. Awak memberi tanggungjawab kepada seseorang menurut kemampuannya.' Orang yang menyoal saya tadi kagum dengan kata-kata saya itu. Sepatah perkataan pun tidak keluar dari mulutnya. Dengan cara ini, saya telah berupaya mengelak kekecohan dari berlaku. Kebanyakan para hadirin berpuas hati dengan penjelasan saya. Tanpa melepaskan peluang, saya pun berkata kepada mereka:

"Saudara-saudara ku yang dikasihi. Saya sedar penyoal tadi dan kebanyakan awak semua ingin tahu saya menyebelahi aliran yang mana satu. Awak semua ingin tahu sama ada saya menyebelahi aliran Syeikh Moosa atau aliran Syeikh Abdus-Sami. Pertanyaan begini tidak mendatangkan apa-apa keuntungan. Awak semua telah mensia-siakan lapan tahun di dalam pertikaian dan politik kepartian. Sekarang awak semua perlu berhenti dari kegiatan tersebut. Orang-orang Islam berbeza pendapat di dalam perkara-perkara tadi selama berabad abad dan perbezaan-perbezaan itu masih berterusan. Allah suka kita semua berkasih sayang dan bersatu. Allah tidak suka semua bertikai dan berselisih. Saya berharap awak semua sekarang sanggup berjanji kepada Allah untuk menjauhkan diri dari perbincangan-perbincangan yang merosakkan. Berusahalah mempelajari dasar-dasar Islam. Kemudian ikutilah dasar-dasar itu dengan cara yang sebenar benarnya. Ambillah dasar-dasar Islam dan laksanakanlah. Tinggalkanlah amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam dan ikutilah kitab suci Al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. agar hati awak semua menjadi terang dan jernih. Tujuan kita yang sepatutnya ialah mengikuti dasar-dasar Islam. Kita tidak menekankan kepada sesuatu aliran pemikiran tertentu."

"Kita akan berupaya menyuarakan pendapat-pendapat kita di dalam suasana yang penuh keyakinan dan persefahaman jika terpupuk sifat kasih sayang dan amanah di kalangan kita. Saya yakin awak semua akan menerima dan berpegang dengan nasihat saya ini."

Rayuan saya ini sangat berkesan. Kami bersurai setelah berikrar untuk bekerjasama antara satu sama lain di dalam usaha menyebarkan Islam dan di dalam usaha menjauhi perkara perkara khilafiah. Setiap orang bebas berpegang dengan pendapat masing-masing schinggalah Allah yang Maha Besar sendiri memberi keputusan muktamad. Selepas perbincangan tersebut, kami pun meneruskan usaha dakwah Islamiah dengan aman. Kini saya menekankan perkara-perkara yang berkaitan dengan persaudaraan dan kerjasama di kalangan orang-orang beriman. Saya berusaha memupuk ciri-ciri persaudaraan Islam (ukhuwwah Islamiah) di kalangan mereka. Kadang kala saya menyentuh perkara perkara khilafiah yang tidak menjadi punca perbalahan di kalangan mereka. Saya bertindak begitu untuk menunjukkan kepada mereka cara orang-orang bertakwa di zaman dahulu bertolak ansur di antara satu sama lain walau pun mereka berbeza pendapat.

Satu contoh

Teringat saya kepada satu peristiwa yang berkaitan dengan masalah khilafiah. Masalah itu saya bentangkan kepada para hadirin. Saya bertanya mereka, 'Siapakah di antara kamu ini bermazhab Hanafi?' Seorang lelaki pun bangun dan mendekati saya.

Kemudian saya bertanya lagi, ‘Siapakah di antara kamu ini bermazhab Syafi’e?’ Bangun lagi seorang lelaki dan mendekati saya setelah mendengar soalan itu. Kemudian saya memberitahu para hadirin bahawa kedua orang lelaki tadi akan bersolah dengan berimamkan saya sendiri. Kemudian saya menyoal lelaki Hanafi tadi, ‘Wahai Hanafi, apakah amalan awak mengenai pembacaan surah Al- Fatihah?’ Lelaki Hanafi itu menjawab, ‘Saya berdiam diri dan tidak membaca Al-Fatihah’. Seterusnya saya bertanya lelaki Syafi’e pula, ‘Wahai Syafi’e, apa pula yang kamu buat?’ Jawabnya, ‘Saya membacanya.’ Seterusnya saya bertanya, ‘Apakah pendapat awak mengenai solah yang dilakukan oleh saudara yang bermazhab Hanafi itu?’ Dia menjawab, ‘Solahnya tidak sah kerana dia tidak membaca Fatihah bersama Imam. Membaca Fatihah ialah salah satu rukun solah.’

Kemudian saya menyoal lelaki Hanafi pula, ‘Apakah pendapat awak mengenai saudara awak yang bermazhab Syafi’e tadi?’ Dia menjawab, ‘Dia telah melakukan satu perkara yang Makrooh-i-Tahrim. Membaca Fatihah bersama Imam adalah perbuatan Makrooh-i-Tahrim’. Seterusnya saya bertanya mereka berdua, ‘Sanggupkah awak memusnahkan akidah masing-masing lantaran perbezaan taddi?’ Kedua mereka menjawab serentak, ‘Sudah tentu tidak’. Kemudian saya bertanya para hadirin, ‘Adakah awak semua akan menegur (mengkritik) mereka?’ Mereka menjawab, ‘Tidak’. Saya menyambung, ‘Puji-pujian bagi Allah. Awak semua kini boleh berdiam diri di dalam persoalan penting mengenai sah atau tidak sahnya solah seseorang. Tetapi awak tidak boleh bertolak ansur apabila seseorang ahli solah mengucap Allahumma Salli A’la Muhammadin atau Allahumma Salli A’1a Sayyidina Muhammadin. Perkara kecil ini awak jadikan punca pertikaian sehingga menyebabkan kekecohan besar.’

Cara saya berdakwah ini terbukti berkesan. Orang ramai mula memperbaiki sikap mereka terhadap satu sama lain. Mereka telah sedar bahawa Islam itu mudah dan luas. Dalam Islam, seseorang tidak boleh mengongkong seseorang lain. Pusat penumpuan di dalam Islam ialah Allah dan Rasul-Nya. Kemudian para anggota Ummah dan para pemimpinnya pula menjadi tumpuan.

Masyarakat Ismalliah

Separuh dari tempoh tahun akademik di Ismailiah (iaitu dari akhir tahun 1927 sehingga permulaan tahun 1928) saya telah habiskan di dalam kegiatan-kegiatan yang telah saya sebutkan sebelum ini. Saya memang bertujuan hendak mengkaji bandaraya ini (yakni bandaraya Ismailiah) dan para penduduknya secara mendalam agar saya berupaya mengetahui ciri-ciri yang mempengaruhi kehidupan mereka. Setelah mengkaji, saya membuat kesimpulan bahawa ada empat ciri yang mempengaruhi kehidupan di bandaraya Ismailiah. Iaitu:

i) para ulamak;

ii) para Syeikh Tariqat (para pemimpin kumpulan Tariqat Sufi);

iii) golongan atasan (elite);

iv) dan kelab-kelab.

Saya mengambil sikap menghormati para ulamak di situ dan mengelak diri saya dari bertelingkah dengan mereka ketika saya menyampaikan ceramah atau syarahan. Jika seseorang ulamak muncul ketika saya menyampaikan ceramah, saya akan berundur diri dan memperkenalkannya kepada para hadirin. Sikap saya ini membawa kesan yang baik kepada para ulamak tersebut sehingga mereka selalu memuji saya.

Teringat saya kepada satu peristiwa yang berkaitan dengan perkara ini. Ada seorang Syeikh Al-Azhar (yang bernama Syeikh Abdus Salaam) yang telah menghabiskan banyak tahun di dalam sistem pengajian Al-Azhar yang lama. Dia gemar berbincang dan selalu memberi masalah kepada para penceramah dengan menimbulkan persoalan-persoalan luar biasa. Dia gemar berbincang tajuk-tajuk dan huraian-huraian yang diambil dari bahan-bahan rujukan lama. Satu hari dia cuba melibatkan saya di dalam perbincangannya itu. Ketika itu saya sedang menceritakan kisah Nabi Ibrahim a.s. kepada para hadirin. Dia bertanya kepada saya nama bapa Nabi Ibrahim a.s. Saya senyum dan menjawab, “Maulana Syeikh Abdus Salaam. Adalah dipercayai nama bapanya ialah Tarikh dan nama bapa saudaranya ialah Azar. Tetapi di dalam Al-Quran, nama bapa Nabi Ibrahim disebut Azar. Tidak salah jika Azar dianggap bapa saudaranya kerana di dalam kamus Arab, bapa saudara kerap kali dianggap bapa. Setengah pentafsir berpendapat bahawa Azar adalah nama berhala. Yakni Azar bukanlah nama bapanya atau bapa saudaranya. Huraian ayat Al-Quran: (s. An-An’aam .74)

Maksudnya:

> *“Dan ingatlah ketika Ibrahim berkata kepada bapanya Azar. Mengapakah engkau mengambil berhala-hala sebagai tuhan-tuhan?”*

Yang di mana ayat ini boleh membawa erti ‘Dan ingatlah ketika Ibrahim berkata kepada bapanya tinggalkan Azar. Mengapakah engkau mengambil berhala berhala sebagai tuhan-tuhan?”.

Syeikh itu tidak ingin perkara itu berakhir begitu saja. Dia berkata, ‘Nama bapa Nabi Ibrahim ialah Tarukh, tetapi awak menyebut Tarikh.’

Saya membalas, ‘Namanya mungkin juga Tarukh. Walau bagaimanapun, nama itu bukanlah nama Arab. Sebutan nama yang betul tertakluk kepada sejauh mana kita mengetahui bahasa itu. Apa yang penting ceramah ini bertujuan memberikan nasibat dan gambaran.’

Syeikh itu terus mengganggu saya dengan cara itu setiap kali saya memberi ceramah. Tujuannya ialah hendak menyuraikan para hadirin dengan tajuk-tajuk perbincangan yang beku agar medan dakwah terletak di tangan para ulamak saja. Saya pun menyusun satu rancangan untuk menyekat kegiatan Syeikh itu. Saya menjemput dia ke rumah dan mengalu-alukan kedatangannya. Saya menghadiahkan dua buah buku mengenai ilmu Fiqh dan ilmu Tasawwuf. Saya memberitahunya saya sedia menghadiahkan sebarang buku yang dia suka. Dia sangat gembira mendengar kata-kata saya itu. Semenjak itu dia menghadiri majlis ceramah saya dan mendengar dengan penuh perhatian. Di samping itu, dia juga menasihati orang ramai supaya

datang mendengar ceramah saya. Betapa indahnya sabda baginda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

> "Hendaklah kamu bertukar-tukar hadiah antara satu sama lain kerana hal ini akan mewujudkan kasih sayang di antara kamu."

Cara ini begitu berkesan untuk tempoh waktu yang agak lama juga. Tetapi perangai manusia berterusan mengalami perubahan. Lihatlah contoh para Syeikh dan kumpulan Tariqat Sufi mereka. Di dalam bandaraya Ismailiah, jumlah mereka agak banyak juga. Sejumlah dari mereka melawat Ismailiah berulang kali. Saya tidak akan lupa majlis-majlis perjumpaan Syeikh Hasan Abdullah Al-Muslimi, Syeikh Abood As-Syazli, Syeikh Abdul Wahab ad-Dandrawi dan lain-lain lagi. Waktu inilah Syeikh Abdur-Rahman Saad melawat Ismailiah. Dia ialah salah seorang Khalifah Tariqat Hasafiyah. Caranya ialah dengan memberi ceramah dahulu kemudian baru mengepalai majlis zikir. Dia datang ke masjid. Kami tidak mengenali antara satu sama lain. Mula-mula dia berceramah, kemudian dia menjemput para hadirin menyertai majlis zikirnya. Saya dapati caranya itu bertepatan dengan peraturan Tariqat Hasafiyah. Akhirnya saya memperkenalkan diri saya kepadanya.

Sebenarnya saya tidak tertarik dengan mana-mana cara (sistem) tertentu untuk menyebarkan Islam. Saya ada berbagai alasan kerana bersikap demikian. Sebab utama ialah saya tidak mahu mewujudkan perselisihan di kalangan orang-orang yang mengikuti cara-cara lain. Saya juga tidak.terkongkong kepada sesuatu golongan Muslimin tertentu saja atau menumpukan kegiatan saya kepada salah satu sudut Islam saja. Sebaliknya, saya berusaha sedaya upaya agar dakwah saya sampai kepada rakyat biasa berdasarkan ilmu, pengalaman, latihan dan usaha-usaha yang berterusan. Ini merupakan rukun dakwah. Orang ramai patut diberi kebebasan memilih cara yang mereka suka. Namun begitu, saya mengalu-alukan kedatangan Syeikh Abdur-Rahman Saad walaupun saya tidak terikat secara langsung dengan kumpulannya. Dia juga menasihati orang ramai supaya mendengar ceramah saya dengan penuh minat. Selepas beberapa hari, Syeikh Abdur-Rahman pun meninggalkan Ismailiah.

Ketika ini juga saya bertemu dengan Syed Muhammad Al-Hafiz At-Tijani. Tujuannya datang ke Ismailiah kerana hendak memberi amaran kepada orang ramai mengenai rancangan jahat golongan yang menganut fahaman Bahai. Waktu itu, penyokong-penyokong Bahai sangat giat menjalankan dakyah mereka di Ismailiah. Syed Muhammad Al-Hafiz memainkan peranan penting dalam menyedarkan orang ramai kepada komplot orang Bahai. Dia mendedahkan kepalsuan dan penipuan orang Bahai terhadap agama. Saya begitu tertarik kepada Syed Muhammad Al-Hafiz di segi ilmu; di segi kemuliaan dan kealimannya terhadap Islam. Saya mengemukakan kepadanya segala pandangan yang pernah disuarakan oleh masyarakat terhadap amalan Tariqatnya yang bergelar Tijaniyah itu. Banyak malam telah saya habiskan untuk perbincangan-perbincangan ini. Syed Al-Hafiz menerangkan pendapatnya mengenai Tariqat sufinya itu. Namun begitu, dia menolak pendapat-pendapat yang bertentangan dengan Islam.

Memang menjadi dasar saya untuk menurut ragam dan bahasa mereka setiap kali saya menghadiri majlis-mailis Syeikh Tariqat Sufi. Tetapi, apabila saya bertemu mereka secara berasingan, saya pun menceritakan kepada mereka nasib umat Islam yang begitu menyedihkan sekali sehingga dasar-dasar Islam yang paling asasi pun

tidak dikenali. Saya menceritakan kepada mereka bahawa rakyat telah berpecah kepada berbagai kumpulan dan hal ini telah melemahkan perpaduan ummah. Mereka lalai terhadap, kepentingan mereka untuk ukhrawi (agama) dan duniawi mereka. Agama mereka sedang berada di dalam tahap bahaya kerana diancam oleh fahaman Atheis (Mulhid) dan pemikiran bebas (free thinking). Dunia kebendaan mereka pun turut musnah kerana orang-orang asing sedang merampas sumber kekayaan negeri mereka. Saya memberitahu ahli-ahli Tariqat Sufi tadi bahawa perkhemahan tentera British berada di barat Ismailiah dan pejabat Syarikat Suez pula terletak dipersisiran timur Ismailiah. Saya memperingatkan mereka kepada pengaruh yang mereka ada terhadap para pengikut mereka. Pengikut mereka menaruh keyakinan sepenuhnya kepada mereka. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan mereka untuk memimpin para pengikut mereka kepada jalan sebenar yang telah ditetapkan Allah. Mereka bertanggungjawab memimpin para pengikut mereka kepada kebahagiaan duniawi dan juga ukhrawi. Mereka sepatutnya memperkayakan pemikiran para pengikut mereka dengan ilmu yang ada pada mereka. Mereka mestilah bersatu demi untuk kegemilangan Islam dan umat Islam.

Saya masih ingat pertemuan saya dengan Syeikh Abdul Wahab ad-Dandrawi. Dia adalah seorang pemuda yang sebaya umur dengan saya. Dia mungkin berumur dua puluh atau dua puluh satu waktu itu. Saya dapati beliau termasuk di kalangan orang-orang yang benar dan berakhlak mulia. Saya menghadiri majlisnya dengan penuh tertib. Apabila majlisnya itu berakhir, saya memohon berjumpa dengannya secara tertutup di dalam sebuah bilik. Sebaik saja saya masuk ke dalam biliknya, saya pun menanggalkan tarbus saya dan meletakkannya di atas sebuah kerusi. Lantas saya pun menanggalkan serbannya dan meletakkannya berdekatan dengan tarbus tadi. Dia terkejut metihat perbuatan saya itu. Belum pernah dia mengalami peristiwa seperti itu. Saya berkata kepadanya, ‘Saudara, janganlah menegur sikap saya.ini. Saya lakukan ini untuk menghilangkan perbezaan antara kita berdua. Saya ingin bercakap dengan seorang pemuda Islam yang bernama Abdul Wahab ad-Dandrawi. Saya telah pun meninggalkan Syeikh Abdul Wahab di majlis tadi. Saudara, umur awak baru menjangkau dua puluh tahun. Dengan rahmat Allah, awak kini berada di kemuncak keremajaan hidup. Perhimpunan-perhimpunan manusia berada di hadapan awak. Orang ramai mengerumuni awak kerana Allah inginkan demikian. Mereka menghabiskan malam mereka di dalam ibadat dan zikir tanpa melakukan kegiatan-kegiatan lain. Kebanyakan mereka juga turut jahil mengenai dasar-dasar Islam. Mereka juga tidak sedar tentang keagungan dan kegemilangan Islam. Adakah awak sanggup membiarkan perkara ini berlaku?’

Dia menjawab, ‘Apa yang boleh saya buat?’ Saya pun terus berkata, ‘Cubalah awak sedarkan mereka melalui ilmu, penyusunan dan pengawasan dan satukan mereka. Semaikan ke dalam diri mereka kesedaran bahawa mereka akan dihisabkan oleh Allah kelak. Ceritakan kepada mereka sejarah para Mujahidin Islam dan kisah riwayat hidup tokoh-tokoh Islam terkemuka yang wara’ dan bertakwa.’ Syeikh ad-Dandrawi berbincang mengenai perkara-perkara ini dengan saya agak lama juga.

Behau tertarik dengan percakapan saya. Akhirnya kami berdua pun berjanji untuk bekerjasama dalam kegiatan dakwah Islamiah. Sesungguhnya, kami telah menjadi saudara di dalam Islam dan sama-sama berazam untuk berkhidmat kepada Islam. Kami mengambil keputusan bahawa setiap orang dari kami akan bergiat di bidang masing-masing dan menyampaikan Risalah Islamiah kepada rakyat. Saya

menjadi saksi kepada keputusan ini. Setiap kali Syeikh Abdul Wahab melawat Ismailiah, beliau bertemu dengan saya dan menyakinkan saya bahawa beliau masih berpegang kepada janjinya. Syeikh Abdul Wahab ad-Dandrawi meneruskan usahanya itu sehingga dia meninggal dunia. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atasnya.

Bersama para penduduk Ismailiah yang berpengaruh

Golongan atasan (atau golongan berpengaruh) di Ismailiah mewakili dua aliran pemikiran. Terdapat perbezaan pendapat mengenai perkara agama. Hal ini adalah hasil perbezaan pendapat yang wujud di kalangan berbagai kumpulan ulamak. Keluarga dan orang perseorangan memainkan peranan yang sangat penting di dalam menghangatkan lagi perbezaan ini. Hal ini adalah perkara biasa di dalam masyarakat Mesir. Apabila ada saja pegawai kerajaan dari luar datang ke Ismailiah, maka perlulah baginya menziarahi rumah-rumah para penduduk berpengaruh di situ. Lantaran, itu para pegawai kerajaan yang bergaul dengan golongan atasan di Ismailiah terbahagi kepada dua kumpulan. Setiap pegawai kerajaan ada hubungan dengan salah satu dari kumpulan orang atasan tersebut. Saya mengambil keputusan menghubungi kedua dua kumpulan tersebut demi kepentingan dan tujuan dakwah Islamiah yang sedang saya jalankan dengan menyeluruh. Saya juga ingin mengekalkan hubungan dengan kedua-dua kumpulan tersebut. Apabila saya menziarahi rumah pemimpin salah satu kumpulan tersebut, saya menyebut beberapa perkara yang ada kaitan dengan kumpulan yang bertentangan dengannya. Dalam perbualan saya itu, saya memberi gambaran bahawa kumpulan yang bertentangan dengannya itu tidak menaruh sebarang sangkaan buruk terhadap diri dan kumpulannya. Saya juga memberitahunya bahawa kumpulannya dan kumpulan yang menyainginya itu patut bekerjasama antara satu sama lain demi untuk kebaikan penduduk Ismailiah. Saya memperingatkannya bahawa Islam menekankan kerjasama yang boleh memberi faedah yang lebih besar kepada ummah.

Begitulah tindakan saya. Saya selalu berbincang perkara-perkara yang boleh mewujudkan kesefahaman dan kasih sayang di kalangan orang-orang yang mempunyai perbezaan pendapat antara satu sama lain. Jika saya dapati ada orang mengecam kumpulan lain, saya melarangnya berbuat demikian. Saya terus menasihatinya supaya bercakap mengenai perpaduan seluruh umat Islam. Sepatutnya mereka menjauhkan diri dari mengecam antara satu sama lain kerana amalan ini tidak mendatangkan faedah bahkan ia menyemai sikap permusuhan di kalangan saudara saudara se-Islam. Ini adalah satu dosa besar. Hendaknya mereka berusaha menjadi orang-orang yang memupuk kasih sayang dan keamanan. Mereka perlu berelak dari mengumpat kerana dalam Islam, amalan itu mendatangkan dosa besar.

Jelas sekali apa saja yang saya cakap kepada kumpulan tadi telah sampai kepada kumpulan yang satu lagi dan hal ini terbukti memuaskan hati mereka. Dengan cara ini saya telah berjaya mendapat sokongan dari kedua dua kumpulan tadi. Apabila ‘Al-Ikhwanul Muslimin’ ditubuhkan, saya terus mengamalkan cara tadi.

Dunia kelab-kelab

Di waktu itu ada sebuah Kelab Buruh yang ditubuhkan oleh Persatuan Kerjasama. Ia menjalankan kegiatannya di kawasan buruh. Di situ ada sekumpulan pemuda terpelajar yang terpilih. Para pemuda tersebut sedia mendengar dan

mempelajari perkara-perkara yang baik untuk kehidupan mereka. Terdapat juga cawangan Persatuan Mencegah Dadah di Ismailiah. Persatuan ini mengadakan ceramah dan perbinangan mengenai dadah beracun. Saya mengambil peluang menghubungi kedua-dua persatuan tersebut. Saya mula menyampaikan ceramah ceramah mengenai agama, ilmu kemasyarakatan dan sejarah. Ceramah-ceramah itu terbukti berguna sebagai pembuka jalan bagi usaha dakwah saya di masa depan.

Kembah ke Kaherah

Saya menumpukan perhatian kepada usaha membentuk pemikiran orang ramai di Ismailiah. Saya juga berusaha memenangi hati mereka agar mahu menyokong kegiatan dakwah saya. Walau bagaimanapun saya masih tidak mengetahui mengenai perkembangan kebangkitan Islam di Kaherah. Saya selalu berhubung dengan majalah ‘Al-Fatah’ dan saya berusaha sedaya upaya menambahkan bilangan pelanggannya di Ismailiah. Majalah tersebut merupakan cahaya harapan yang pertama bagi para pemimpin gerakan Islam yang ingin melancarkan kegiatannya.

Jam'iat-us Syubban Al-Muslimin

Saya ada hubungan dengan sekumpulan pemuda yang saya pernah temui di Kaherah dan kami telah berazam untuk bekerjasama antara satu sama lain dalam memperjuangkan Islam. Saya merasa gembira apabila mendapat tahu dari akhbar bahawa mesyuarat pertama telah diadakan untuk menubuhkan sebuah persatuan yang bernama ‘Syubban Al-Muslimin’. Abdul Hamid Bik Sa’id telah dipilih sebagai Yang Dipertua persatuan tersebut. Ini semua adalah hasil usaha para pemuda yang saya sebutkan tadi. Saya menulis surat kepada Abdul Hamid Bik Sa’id dan menyatakan hasrat saya hendak menjadi ahli persatuan tersebut. Selepas diterima menjadi ahli, saya selalu menghantar yuran keahlian kepada Abdul Hamid Bik Sa’id. Saya sentiasa mengambil tahu segala kegiatan persatuan itu. Saya memerhati dengan penuh minat segala kemajuan dan kemunduran yang dihadapi oleh persatuan tadi dari semasa ke semasa. Saya menyampaikan ceramah pertama saya di kelab Syubban Al-Muslimin di Jalan Majlisun Nawab. Tajuk ceramah saya ialah ‘Perbandingan Antara Dua Kebudayaan’. Saya sentiasa menghargai sumbangan kepada Islam yang diberikan oleh para pengasas dan ahli ‘Syubban Al-Muslimin’. Saya masih ingat nama-nama seperti Dr Yahya ad-Darderi, Mahmood Ali Fadli, Muhammad Al-Ghamrowi dan Syed Muhibuddin Al-Khateeb. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas mereka semua.

Kami terpaksa menghadapi satu keadaan yang sukar. Kami telah habiskan empat puluh hari di Ismailiah. Kami dapati sukar untuk terus tinggal di hotel-hotel kecil yang kami gelar ‘Benseunat’. Bilik kami berada di tingkat yang paling atas di bangunan tersebut. Tingkat tengah bangunan itu didiami oleh orang-orang Kristian Mesir. Mereka telah menubuhkan sebuah kelab dan sebuah gereja di situ. Tingkat yang paling bawah pula didiami oleh orang-orang Yahudi. Mereka juga menubuhkan sebuah kelab dan tempat ibadat mereka.

Ya, kami berada di tingkat paling atas di bangunan tersebut. Kami juga menyediakan sebuah tempat sebagai surau dan selalulah kami menunaikan solah di situ. Bangunan tersebut mewakili tiga agama iaitu Islam, Kristian dan Yahudi. Saya masih ingat kepada wanita tua Yahudi yang menjaga tempat ibadat mereka di tingkat

bawah bangunan itu. Namanya Ummi Syaloom. Setiap malam Sabtu, dia meminta kami menolongnya menutup lampu dan memasang dapur gas kerana orang-orang Yahudi tidak suka melakukan sebarang kerja pada malam Sabtu.

Kami selalu mengusiknya dengan berkata, ‘Berapa lama lagi awak hendak berpura-pura dan menipu kami? Perbuatan ini tidak akan di terima Allah. Awak yakin Allah mengharamkan awak menggunakan cahaya dan api pada hari Sabtu. Adakah Allah juga mengharamkan awak mengambil faedah dari cahaya dan api.’ Sampai di peringkat ini, dia selalu meminta maaf dan perbincangan itu pun berakhir dengan baik.

Kenangan di Ismailiah

Ismailiah mencetuskan perasaan aneh di dalam hati saya. Perkhemahan tentera British di barat Ismailiah mempengaruhi bandaraya itu. Setiap umat Islam yang mempunyai harga diri berasa sedih dengan keadaan ini. Keadaan ini menyedarkannya kepada latar belakang sejarah Ismailiah. Keadaan ini juga menyedarkannya kepada kegiatan kegiatan untuk menyekat orang-orang Islam dari mendapat pelajaran tinggi dan keuntungan kebendaan yang sedang berjalan di Ismailiah. Hal ini menghalang kemajuan Mesir dan juga menyekat umat Islam dari bersatu dan bersaudara selama lebih dan enam puluh tahun.

Bangunan cantik bagi pejabat Syarikat Terusan Suez masih lagi tertegak di situ. Orang-orang Mesir bekerja di dalam pejabat Syarikat itu. Mereka dilayan seperti hamba. Orang-orang asing diberi penghormatan dan taraf sebagai para pegawai serta pemerintah. Pejabat Syarikat Terusan Suez menguasai hal ehwal kehidupan rakyat Islamiah. Biasanya, Majlis Perbandaran Ismailiah menguruskan bekalan air, kesihatan dan kebersihan dan tugas-tugas lain. Tetapi tugas-tugas itu telah diambil alih oleh Syarikat Terusan Suez. Pengurusan jalan raya yang menghubungi Ismailiah ke Mesir juga terletak di tangan Syarikat tersebut. Sesiapa pun tidak boleh masuk atau keluar dari bandaraya Ismailiah tanpa mendapat permit dari Syarikat itu.

Penginapan orang-orang asing terdiri dari bangunan-bangunan jenis banglo yang cantik. Para pekerja asing Syarikat itu tinggal di dalam rumah rumah banglo itu. Di hadapan perkampungan orang-orang asing ialah pondok-pondok buruh Arab yang sempit dan gelap. Kesemua papan-papan tanda di jalan jalan ditulis di dalam bahasa-bahasa Eropah. Bahkan nama Jalan Masjid pun ditulis ‘Rue De Le Mosque’. Nama nama Eropah telah dimasyhurkan oleh papan-papan tanda tadi.

Kesemua perkara ini mencuit hati saya. Kesannya lebih hebat lagi jika saya memikirkan perkara ini di taman-taman atau di hutan atau di tebing Tasik At-Tamsah. Suasana di Ismailiah memberi kesan mendalam kepada pemikiran saya. Segala kenangan ini banyak membantu saya di dalam menentukan corak gerakan saya dan juga tugas saya sebagai seorang pendakwah.

Al-Ikhwanul Muslimin

Pada bulan Zulkaedah, 1347, bersamaan bulan Mac 1927, enam orang sahabat telah datang menemui saya. Mereka itu ialah Hafiz Abdul Hamid, Ahmad Al-Husari, Fuad Ibrahim, Abdur-Rahman Hasabullah, Ismail Izz dan Zaki Al-Maghribi. Mereka

begitu terpengaruh sekali dengan ceramah-ceramah yang saya berikan di Ismailiah. Mereka mula berbincang mengenai cara-cara menjalankan dakwah Islamiah. Wajah mereka yang berseri-seri itu menunjukkan keazaman yang sedang bersemadi di dalam diri mereka. Mata mereka bersinar-sinar dan suara mereka begitu bertenaga sekali. Mereka berkata:

"Kami telah mendengar ceramah awak, Kami telah berfikir mengenainya dengan begitu mendalam sekali. Kami sangat tertarik dengannya. Tetapi kami tidak tahu bertindak secara berkesan. Kami benci dengan cara hidup yang ada sekarang. Cara hidup sekarang seperti kehidupan orang tawanan yang penuh kehinaan. Awak telah melihat bahawa orang-orang Arab dan orang-orang Islam tidak ada kehormatan lagi di negara ini. Mereka hanyalah khadam-khadam yang sangat patuh kepada orang orang asing. Darah yang mengalir di dalam urat saraf kami ialah darah yang panas. Kami memiliki Iman dan maruah. Kami membawa dirham-dirham yang sedikit ini kepada awak setelah kami mengurangkan perbelanjaan keluarga kami. Awaklah yang lebih tahu cara yang paling baik untuk kami memberi sumbangan kepada Islam, umat Islam dan negara. Kami datang kepada awak untuk menyerahkan segala milik kami agar kewajipan kami kepada Allah terlaksana. Awaklah yang akan memimpin kami. Kumpulan yang berjuang untuk Islam dan umat Islam, bertindak semata-mata kerana hendak mencari keredhaan Allah saja. Kumpulan begini layak menerima kejayaan walaupun ia kecil dan kelengkapannya kurang."

Kata-kata mereka yang ikhlas itu menarik hati saya. Saya tidak dapat melepaskan diri dari tanggungjawab yang telah diletakkan di atas bahu saya. Tanggungjawab ini samalah dengan tanggungjawab yang sedang saya perjuangkan selama ini. Saya berkata kepada mereka dengan suara yang terharu, 'Allah amat berterima kasih kepada kamu. Semoga Allah memberkati niat baik awak semua. Semoga Allah memberi kita kekuatan untuk melakukan amal soleh. Semoga Allah memberi kita kekuatan untuk mencari keredhaan-Nya dan juga untuk memperjuangkan kepentingan umat Islam. Kewajipan kita ialah untuk berusaha dan bekerja dan hasilnya terpulanglah kepada Allah. Marilah kita bersumpah di hadapan Allah bahawasanya kita akan menjadi pejuang-pejuang Islam. Kebahagiaan negara kita terletak kepada kejayaan kita melaksanakan tugas ini.'

Kami semua berbai'ah (bersumpah setia) bahawa kami akan hidup sebagai saudara antara satu sama lain; bekerja untuk mengembalikan kegemilangan Islam dan melancarkan jihad untuk mencapai tujuan itu. Salah seorang sahabat pun bangun dan bertanya, 'Apakah nama yang hendak kita berikan kepada kumpulan kita ini? Adakah nama itu hendak kita tentukan menurut nama mana-mana persatuan, kelab, mazhab agama atau pertubuhan agama? Marilah kita tentukan namanya sebagai pengenalan rasmi.'

Saya menjawab, 'Kita tidak akan menjadi seperti mereka. Adalah lebih baik kita menjauhkan diri dari sikap riyak dan sikap kolot. Fahaman (fikrah) dan Iman serta amali menjadi asas perpaduan dan pertubuhan kita. Kita bersatu untuk memperjuangkan Islam dan kita semua adalah bersaudara. Justeru itu kita akan mengambil nama 'Al-Ikhwanul Muslimin'. Maka wujudlah pertubuhan 'Al-Ikhwanul Muslimin' dengan kerjasama enam sahabat tadi. Kemunculannya begitu senang dan mengejutkan sekali dan atas dasar fikrah dan gambaran yang sesuai dengan nama tersebut.

Madrasah At-Tahzib (sekolah pembentukan)

Selepas penubuhan Al-Ikhwanul Muslimin, kami pun mula menyusun rancangan dan mencari tempat untuk mengadakan mesyuarat. Akhirnya kami mengambil keputusan menyewa sebuah bilik di Perpustakaan Syeikh Alias Syarif di Jalan Syare Farooq dengan kadar sewa 60 Qursh sebulan. Kami juga mengambil keputusan menyimpan semua rekod-rekod yang perlu dan mengadakan mesyuarat di dalam bilik tersebut. Kami berpeluang menggunakan tempat itu sebagai sekolah daripada waktu asar sehingga lewat malam setelah para penuntut (yang menggunakan Perpustakaan itu) sudah pulang ke rumah. Kami menamakan sekolah kami sebagai ‘Madrasah al Tahzib’. Susunan pengajian di situ melibatkan pendidikan Islam dan ditekankan pembacaan Al-Quran yang betul. Setiap anggota Madrasah ini diminta membaca Al Quran menurut hukum tajwid yang betul. Dia akan berusaha menghafal beberapa potong ayat Al Quran beserta dengan tafsirannya sekali. Para anggota sekolah ini diajar ilmu Hadith. Mereka dikehendaki menghafal beberapa hadith dan juga maknanya serta huraiannya sekali. Mereka juga diajar sunnah dan sejarah Islam. Di samping itu mereka juga diajar perkara perkara berikut:

1) cara menunaikan ibadat dengan betul;
2) keimanan yang sebenar;
3) kajian mengenai susunan dan sifat sesuatu masyarakat Islam;
4) dan sejarah hidup para wali Allah dan orang-orang soleh.

Dia ada sebuah kedai runcit. Seorang anggota Ikhwan lain yang bernama Mustafa Yusuf telah membeli sebotol minyak wangi dari Syed Abu Sa’id dan membayar sepuluh Qursh. Tetapi Syed Abu Sa'ud enggan menerima wang yang berjumlah lebih dari lapan Qursh. Kedua belah pihak enggan beralah dari pendirian masing-masing. Saya anggap ini satu contoh yang baik. Akhirnya saya masuk campur dan meminta senarai harga barang. Saya dapati sedozen botol minyak wangi berharga sembilan puluh enam Qursh. Rupanya si peniaga tidak mahu mengambil sebarang keuntungan dari para sahabatnya. Kemudian saya berkata kepadanya, ‘Jika awak tidak mahu mengambil sebarang keuntungan dari sahabat awak dan musuh awak pula tidak membeli suatu apa pun dari awak, maka bagaimanakah awak hendak menyara diri awak?’

Syed Abu Sa’bd menjawab, Tidak ada perbezaan di antara saya dan sahabat saya. Saya akan berasa gembira jika dia menerima tawaran saya itu.’ Saya bertanya pula kepada Mustafa Yusuf, ‘Mengapa awak menolak tawaran sahabat awak itu?’ Dia menjawab, ‘Jika di kedai lain saya perlulah membayar sepuluh Qursh. Di kedai sahabat pula saya berkewajipan membeli barang tadi walaupun dengan harga yang lebih dari itu.’ Saya menyelesaikan perkara itu dengan menentukan bayaran sebanyak sembilan Qursh.

Yang penting di dalam peristiwa tadi bukanlah jumlah wang yang terlibat. Yang penting ialah rasa ukhuwwah Islamiah (persaudaraan Islam) sejati yang telah ditunjukkan. Jika persaudaraan sejati ini tersebar luas, ia akan menyelesaikan masalah yang ada di seluruh dunia. Lantaran itu, umat Islam akan dapat hidup aman dan sentosa.

Pernah satu ketika, para anggota Ikhwanul Muslimin mendapat tahu salah seorang anggota Ikhwan menganggur. Lebih sepuluh anggota Ikhwan menziarahinya. Setiap orang dari mereka membisik sesuatu ke dalam telinganya sambil menyerah separuh dari pendapatan mereka kepadanya. Tujuan mereka ialah untuk mengumpul wang sebagai modal untuk dia menjalankan perniagaan. Dia menerima sumbangan sebahagian dari mereka dan mengembalikan sumbangan yang sebahagian lagi dengan ucapan terima kasih. Mereka yang ditolak sumbangan mereka telah pulang dengan muka yang sedih.

Contoh akhlak anggota Ikhwanul Muslimin

Para anggota Ikhwan mengamalkan peraturan Islam di dalam kehidupan harian mereka. Mereka berjiwa dan berakhlak Islam ketika berhubungan sesama sahabat atau pun dengan orang lain. Keadaan mereka ini merupakan contoh ketakwaan dan kemuliaan

Encik Masue Solent bertugas sebagai Ketua Jurutera Syarikat Terusan Suez. Satu hari dia memanggil seorang anggota Ikhwan yang bernama Hafiz untuk memperbaiki beberapa alat pertukangan kayu di rumahnya. Encik Solent bertanya mengenai upah kerja itu dan Hafiz meminta 130 Qursh. Encik Solent pun segera menjawab, ‘Awak seorang perompak’.

Hafiz dapat mengawal dirinya dari marah. Dengan penuh kesabaran, dia pun bertanya, ‘Bagaimana saya boleh jadi perompak?’ Berkata pula Encik Solent, ‘Awak meminta upah yang lebih dari yang berhak awak terima.’ Hafiz menjawab, ‘Saya tidak akan mengenakan apa-apa bayaran langsung pada kamu. Saya akan melakukan kerja itu dengan percuma jika salah seorang dari jurutera awak mengatakan saya meminta upah yang lebih. Jika jurutera awak itu mengatakan upah yang saya minta itu berpatutan, maka saya akan menebuskan maruah saya yang telah dicemari oleh kata-kata awak tadi.’

Encik Solent memanggil salah seorang juruteranya dan bertanya mengenai upah kerja tadi. Selepas melakukan kiraan, dia menetapkan upah kerja itu pada kadar dua ratus Qursh. Kemudian Encik Solent pun meminta Hafiz memulakan kerja. Tetapi Hafiz menjawab, ‘Saya akan melakukan kerja itu setelah awak meminta maaf di atas kebiadapan dan tuduhan awak terhadap saya. Saya mahu awak menarik balik kata-kata awak itu.’ Encik Solent pun naik radang dan berkata, ‘Siapakah awak sehingga sanggup menyuruh saya meminta maaf. Kepada Raja Fuad pun saya tidak akan meminta maaf jika dia ada di sini.’ Hafiz menjawab dengan kata-kata yang lembut, ‘Encik Solent, kini awak telah melakukan kesalahan kedua. Awak berada di dalam negara Raja Fuad. Awak sepatutnya tahu adab dan resam negara tuan rumah. Tidak patut sekali awak mengeluarkan kata-kata yang menghina seperti itu. Saya tidak akan membenarkan awak bercakap mengenai Raja Fuad dengan cara yang biadap seperti itu.’

Encik Solent mengalihkan pandangannya dari Hafiz dan mula berjalan mundar-mandir di dalam dewan yang luas itu sambil tangannya dimasukkan ke dalam poket. Hafiz meletakkan alat perkakasnya di lantai dewan dan terus duduk di atas sebuah kerusi. Suasana di dewan itu sunyi senyap seketika. Yang kedengaran

hanyalah tapak kaki Encik Solent. Selepas beberapa ketika, dia mendekati Hafiz dan berkata, 'Seandainya saya tidak meminta maaf, apa yang hendak awak lakukan?'

Hafiz menjawab, 'Perkara ini senang saja. Mula mula saya akan menulis kepada konsul dan duta awak. Kemudian saya akan memberitahu pihak atasan Syarikat Terusan Suez di Paris. Selepas itu saya akan menulis surat kepada ketua-ketua pengarang akhbar tempatan dan luar negeri. Di samping itu, setiap kali seorang ahli Majlis datang ke sini, saya akan menemuinya dan membuat pengaduan. Jika saya gagal di dalam usaha-usaha tadi, saya akan mencela awak di hadapan umum. Dengan cara ini saya mendapat dua keuntungan dan saya berazam penuh untuk melakukannya. Jangan menyangka saya akan mengadu kepada kerajaan Mesir kerana awak telah melemahkan kekuasaannya melalui pengaruh awak. Saya tidak akan berasa senang selagi maruah saya tidak ditebus.'

Encik Solent berkata, 'Rasanya saya kini sedang bercakap dengan seorang pegawai tinggi dan bukannya seorang tukang kayu. Tidakkah awak sedar awak sedang bercakap dengan Ketua Jurutera Syarikat Terusan Suez? Bagaimana awak boleh terfikir saya akan meminta maaf kepada awak?'

Hafiz menjawab, 'Tidakkah awak sedar Syarikat Terusan Suez berada di dalam negara saya dan bukannya di dalam negara awak? Lagi pun penguasaan awak ke atas Syarikat ini adalah sementara saja. Satu hari nanti, Syarikat ini akan jatuh juga ke tangan kami. Waktu itu, awak dan orang-orang seperti awak akan menjadi pekerja kami. Oleh itu, bolehkah awak membuat kesimpulan bahawa saya akan melepaskan hak saya?'

Selepas pertengkaran ini, Encik Solent masib, terus berjalan mundar-mandir di dalam dewan itu. Sekali lagi dia mendekati Hafiz. Kali ini wajahnya kelihatan lembut. Dia menumbuk meja dengan sepenuh tenaga beberapa kali dan berkata, 'Hafiz, saya minta maaf dan saya menarik balik kata-kata saya.' Hafiz bangun. Dia puas hati. Dia mengucap terima kasih kepada Encik Solent dan memulakan kerjanya. Tidak lama kemudian, kerjanya pun selesai. Sebaik saja kerjanya selesai, Encik Solent memberinya seratus lima puluh Qursh. Hafiz mengambil seratus tiga puluh Qursh dan mengembalikan baki dua puluh Qursh kepada Eneik Solent. Encik Solent memberitahunya, 'Simpanlah dua puluh Qursah itu.' Hafiz menjawab, 'Tidak. Saya tidak mahu menjadi perompak dengan mengambil lebih dari hak saya.'

Encik Solent terpegun dan berkata, 'Saya sungguh terkejut. Mengapakah kesemua orang Arab tidak menjadi seperti awak? Adakah awak dari keluarga Muhammad?' Hafiz menjawab, 'Setiap orang Islam adalah keluarga Muhammad, tetapi setengah orang Islam gagal berbuat demikian kerana mereka mengadakan kerjasama ekonomi dengan orang-orang Eropah dan juga kerana mereka menurut orang-orang Eropah secara membuta-tuli. Mereka telah menjatuhkan maruah mereka sendiri.'

Encik Solent tidak berkata apa-apa. Dia menjabat tangan Hafiz sambil mengucap terima kasih. Mereka pun bersurai.

Peristiwa berikutnya melibatkan seorang anggota Ikhwan yang bernama Hasan Marsi. Hasan Marsi bekerja dengan seorang bangsa Eropah yang bernama Encik

Manio. Hasan Masri pandai mambuat kabinet radio yang bermutu tinggi. Waktu itu, sebuah kabinet radio berharga satu junaih. Satu hari, seorang kawan majikannya datang dan cuba tawar menawar dengannya. Dia meminta Hasan Marsi membuat beberapa kabinet radio dengan bayaran separuh harga tanpa pengetahuan majikannya. Ini bermakna dia mendapat separuh dari harga barang-barang tersebut dan separuh lagi pergi kepada pihak yang membeli.

Majikan Hasan Marsi memberi separuh kepercayaan kepadanya. Segala peralatan dan bahan mentah di dalam bengkel tersebut berada di bawah pengawasan Hasan Marsi. Kawan majikannya ini cuba mengambil kesempatan tetapi Hasan Marsi menjawab, 'Islam dan lain-lain agama melarang perbuatan menipu. Saya tidak tergamak menipu orang yang telah memberi kepercayaan kepada saya. Saya terkejut melihat sikap awak. Awak adalah kawannya, seagama dengannya dan senegara dengannya, tetapi awak masih berniat hendak menipunya. Awak telah cuba menghasut saya melakukan kesalahan. Awak sepatutnya berasa malu dengan perbuatan awak itu. Walau bagaimanapun saya tidak akan melaporkan perkara ini kepada majikan saya kerana saya tidak mahu melihat persahabatan awak berdua terputus. Tetapi awak mesti berjanji tidak akan melakukan perkara ini lagi di masa hadapan.'

Lelaki asing tadi berperangai buruk. Dia berkata, 'Saya akan memberitahu sahabat saya bahawa awaklah yang membuat tawaran itu kepada saya. Saya pasti dia akan percaya kepada kata-kata saya dan mengusir awak keluar atas tuduhan pecah amanah. Di samping itu, awak juga akan kehilangan maruah. Oleh itu, buatlah seperti yang saya suruh.' Hasan Marsi menjawab, Buatlah apa yang awak suka. Jika diizinkan Allah, awak akan menerima malu.'

Orang asing tadi memberi laporan palsu kepada majikan Hasan Marsi seperti yang dirancangkannya. Majikan Hasan Marsi pun mula menyiasat. Kebenaran mengatasi kepalsuan. Hasan Marsi menceritakan kesemuanya. Majikannya yakin dengan penjelasan Hasan Marsi. Berikutan itu, dia mengusir orang tadi dan memutuskan persahabatannya dengan orang itu buat selama-lamanya. Dia juga telah menaikkan gaji Hasan Marsi kerana menghargai sifat amanah yang ditunjukkannya.

Abdul Aziz Ghulam Nabi adalah seorang lagi anggota Ikhwan. Dia berasal dari India dan bekerja sebagai tukang jahit di perkhemahan tentera British. Satu hari, isteri seorang pegawai tinggi di situ memanggilnya ke banglo kediamannya untuk melakukan kerja luar. Isteri itu keseorangan di rumahnya. Beliau cuba menggoda Abdul Aziz dengan berbagai helah. Mula-mula Abdul Aziz berusaha memujuknya supaya jangan melakukan perbuatan yang dilarang itu. Selepas itu, Abdul Aziz memarahinya. Wanita tadi pun mengancam hendak melaporkan kepada suaminya bahawa Abdul Aziz cuba memperkosanya. Bahkan wanita tadi mengancamnya dengan pistol. Abdul Aziz tetap tidak berganjak dari sikapnya yang benar itu. Dia berkata kepada wanita tadi, “Saya takutkan Allah saja.”

Pertelingkahan ini berakhir dengan cara yang agak melucukan. Wanita tadi mengancam hendak membunuhnya atas alasan dia cuba menyerang. Dia menghalakan pistol ke arah Abdul Aziz Ghulam Nabi. Abdul Aziz pun menutup matanya sambil mengucap Kalimah Syahadah dengan suara yang lantang. Wanita itu naik takut dan pistol tadi terlepas dari tangannya. Dia naik gelisah dan terus menolak Abdul Aziz

keluar dari rumahnya. Abdul Aziz berlari ke pejabat Ikhwan dan menceritakan kesemua pengalamannya tadi.

Begitulah para anggota Ikhwanul Muslimin memiliki akhlak yang mengkagumkan. Terdapat banyak lagi contoh-contoh ketakwaan dan kemuliaan akhlak mereka. Allah telah berfirman di dalam Al Quran:

Maksudnya:

> *“Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat yang baik* seperti pohon yang baik, akarnya teguh dan cabangnya (menjulang) ke langit.”*

(Ibrahim: 24)

Penjelasan:

*termasuk dalam 'kalimat yang baik' ialah kalimat tauhid, segala ucapan yang menyeru kepada kebajikan dan mencegah dari kemungkaran serta perbuatan yang baik. Kalimat tauhid seperti kalimat:

Maksudnya:

> “ Pohon itu memberikan buahnya pada setiap musim dengan seizin Tuhannya. Allah meinbuat perumpamaan-perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu ingat.”

Saya menghabiskan sebahagian cuti saya di Kaherah dan sebahagian lagi di Mahmoodiyah. Waktu itu, kumpulan Tariqat Hasaafiyah di Mahmoodiah menggunakan cara yang kami gunakan di Ismailiah. Dalam lain perkataan, mereka bergerak di atas garis panduan Al Ikhwanul Muslimin. Saya kembali ke Ismailiah setelah cuti habis. Tahun kedua persekolahan di situ penuh dengan berbagai peristiwa yang menyentuh peribadi saya dan juga umum serta hubungannya dengan dakwah.

Ke Hijaz

Saya masih mengadakan hubungan dengan Syubban Al Muslimin. Saya terus menghantar pandangan, tinjauan dan laporan kepada pertubuhan tersebut. Para pemimpin pertubuhan itu sangat menghormati hubungan saya ini. Di segi rohaninya, kami sangat rapat walaupun kami berjauhan antara satu sama lain (iaitu di Kaherah).

Suatu hari, Syeikh Hafiz Wahbah melawat Kaherah. Beliau adalah Setiausaha kepada Raja Abdul Aziz ibni Sa'ud. Dia datang kerana hendak memilih sejumlah guru bagi pihak Kementerian Pelajaran Arab Saudi. Guru-guru ini diperlukan untuk sekolah sekolah baru yang didirikan di Hijaz.

Waktu itu, kerajaan Mesir masih lagi tidak mengiktiraf kerajaan Arab Saudi kerana politik Kerajaan British ialah mengamalkan dasar memecah-belah kemudian memerintah. Pihak British ingin memutuskan hubungan persaudaraan Islam antara buah negara tersebut. Rakyat Mesir menentang usaha British ini. Mereka yang

berpendidikan mendapati kebangkitan Hijaz merupakan harapan dan cita-cita mereka untuk melihat kebangkitan Islam di situ. Hafiz Wahbah menghubungi Jamiatu-sy-Syubbanul Muslimin untuk meminta bantuan memilih guru-guru tersebut. Lantaran itu, Syed Muhibuddin Al Khateeb menemui saya untuk membincangkan perkara itu. Pada dasarnya, saya setuju dengan pendapatnya. Berikutan itu, Setiausaha Jamiatu-sy-Syubbanul Muslimin, Mahmood Ali Fadhli telah menulis surat kepada saya bertarikh 13 Oktober, 1928. Surat itu berbunyi berikut:

‘Saudara ku Al Banna Affandi. Assalamualaikum. Semoga awak berada di dalam sihat sejahtera. Syed Muffibuddin AI Khateeb telah bercakap dengan saya mengenai masalah tugas mengajar di Hijaz. Abdul Hameed Bik Sa’id telah menghantar maklumat kepada kami memberitahu bahawa awak perlu membuat permohonan melalui sekolah awak kepada Kementerian Pelajaran menyatakan awak hendak mengajar di sekolah Al Ma'hadus-Saudi di Mekah. Permohonan itu hendaklah dibuat dengan syarat awak mendapat kemudahan pekhidmatan seperti yang diberi oleh Kementerian Pelajaran, Kerajaan Mesir dan elaun awak ketika pulang juga serupa dengan elaun yang diperolehi oleh rakan rakan sejawat awak. Saya harap awak membuat permohonan mengikut garis panduan ini dan menghantarnya secepat mungkin agar ia dapat dibentangkan di mesyuarat Majlis Menteri Menteri.’

Pada 6 November, 1928, saya menerima sepucuk surat dari Pengarah Jamiatu-as-Syubbanul Muslimin, iaitu Dr. Yahya Al Darderi. Dia menulis, 'Kami berharap awak akan datang ke pejabat akhbar kami pada hari Khamis ini, pukul 7 malam. Awak akan bertemu dengan Hafiz Wahbah, iaitu Setiausaha Raja Abdul Aziz ibni Sa'ud untuk mengatur perjalanan awak ke sana. Awak juga didikehendaki berbincang dengannya mengenai syarat-syarat perkhidmatan. Saya akan menunggu kedatangan awak.’

Sepertimana yang telah dijanjikan, saya sampai pada waktu yang telah ditentukan dan bertemu dengan Hafiz Wahbah. Syarat yang paling utama saya minta darinya ialah supaya saya jangan dianggap sebagai pegawai yang hanya berkewajipan menerima arahan untuk dipatuhi, tetapi sebagai seorang yang mempunyai sesuatu fahaman tertentu. Saya lebih berminat mendakwahkan fahaman tadi di negara yang baru membangun ini yang merupakan cita-cita dan harapan Islam dan juga orang-orang Islam. Ia adalah sebuah negara yang perlu kepada penguatkuasaan peraturan Al Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. serta sejarah orang-orang Islam soleh yang dahulu. Saya tidak mempedulikan syarat-syarat perkhidmatan yang lain seperti gaji dan lain-lain kemudahan. Bahkan saya tidak menyentuh langsung perkara tersebut. Hafiz Wahbah tertarik dengan semangat yang saya tunjukkan. Dia berjanji akan berjumpa Menteri Luar di Kaherah dan berbincang perkara itu dengannya. Selepas itu dia akan memberitahu saya hasilnya. Selepas pertemuan ini, saya pun kembali ke Ismailiah.

Saya menerima surat dari Hafiz Wahbah pada 12 November, 1928 yang berbunyi demikian, ‘Saudara ku Hassan AI Banna. Assalamualaikum! Hari ini saya telah bertemu Menteri Luar dan berbincang dengannya mengenai perkara awak itu. Dia ingin berjumpa awak di pejabatnya untuk memberi sepucuk surat. Surat itu dialamatkan kepada Menteri Pelajaran. Menteri Pelajaran bersedia memberi kerjasama kepada awak dan orang-orang lain yang ingin pergi berkhidmat ke Hijaz.

Dari Ismailiah, saya pergi ke Kaherah dan berjumpa dengan Menteri Luar melalui Hafiz Wahbah. Menteri Luar telah cuba menghubungi Menteri Pelajaran, iaitu Ahmad Pasya Lutfi tetapi beliau tidak ada. Saya pun kembali ke Ismailiah. Hafiz Wahbah meneruskan usahanya untuk menghubungi Menteri Pelajaran tetapi gagal. Halangan yang terbesar ialah Kerajaan Mesir tidak mengiktiraf Kerajaan Hijaz Saudi. Saya menulis surat kepada Hafiz Wahbah untuk mengetahui kemajuan yang telah dicapai olehnya.

Dia membalas surat saya seperti berikut, ‘Assalamualaikum w.b.t. Saya telah menerima surat awak. Dukacita saya nyatakan bahawa Menteri Pelajaran telah menolak permohonan kita walaupun Menteri Luar telah memberi jaminan permohonan kita itu akan diterima. Namun begitu saya akan terus berusaha. Semoga Allah akan membantu kita. Terima kasih atas pertautan jiwa yang telah awak tunjukkan kepada saya.’

Segala usaha Hafiz Wahbah tidak membuahkan hasil. Saya tinggal di Ismailiah. Saya menemui salah seorang sahabat saya yang bernama Ibrahim Syoora untuk meneruskan usaha ini. Beliau berjaya dalam usahanya itu.

Peristiwa tadi menunjukkan perbezaan yang ketara di antara dahulu dan sekarang. Kini, kerajaan Mesir sedang menghantar perwakilan dan guru-guru ke seluruh Dunia Arab. Di samping itu, Mesir juga mempunyai hubungan kebudayaan yang memuaskan dengan Dunia Arab.

Rancangan dakwah dan penyebaran

Kegiatan dakwah Islamiah ini mendapat perhatian dari Syeikh Al Maraghi dari Al Azhar di samping bantuan beberapa orang yang cintakan Islam. Mereka bertujuan menyebarkan ajaran ajaran dan kebudayaan Islam di kalangan masyarakat umum. Satu Jabatan Dakwah dan Penyebaran telah ditubuhkan. Jabatan itu ditubuhkan di Al Azhar dan dipengerusikan oleh seorang ulamak berwibawa yang bernama Syeikh Abdur-Rabba Miftah terpendam. Saya bertukar-tukar pendapat dengan para sahabat dan guru-guru yang bertanggungjawab di Al Azhar. Sahabat saya, Syeikh Abdul Hamid Askariya adalah di antara orang-orang yang pertama yang keluar menjalankan tugas Dakwah Islamiah. Dengan kehendak Allah, beliau dihantar bertugas di Ismailiah. Di Ismailiah, kami menyertainya untuk menjalankan usaha Dakwah Islamiah. Beliau terbukti mampu memberi kepimpinan yang baik di bidang ini.

Pusat Ikhwanul Muslimin dan masjid mereka di Ismailiah

Dalam satu mesyuarat khas Ikhwan, kami telah berbincang mengenai pemusatan dakwah Islamiah di kalangan penduduk Ismailiah. Perhatian khas perlu diberi kepada usaha ini kerana para pendakwah terdiri dari para pegawai kerajaan yang selalu saja ditukar dari satu tempat ke satu tempat. Salah seorang sahabat mencadangkan dibina sebuah pusat gerakan. Seorang sahabat lain pula mencadangkan dibina sebuah masjid di samping pusat gerakan tadi. Alasannya ialah Ismailiah kekurangan masjid. Lagi pun, orang awam lebih bersedia untuk membantu membina pusat tersebut dari segi material (kebendaan). Para anggota Ikhwan yang hadir berjumlah tidak lebih dari 20 orang. Mereka semua setuju dengan pendapat tersebut. Saya hanya berdiam diri sambil mendengar mereka bercakap. Kemudian mereka

meminta saya memberi pendapat. Saya memberitahu mereka, ‘Dari segi prinsipnya, pendapat ini baik. Tetapi dari segi perlaksanaannya, ada beberapa syarat tertentu yang perlu diteliti jika usaha ini hendak menjadi kenyataan. Pertama sekali, niat ianya dilakukan hanya untuk mencari keredhaan Allah sahaja. Yang kedua ialah kita semua mesti menyediakan diri kita untuk bekerja keras, bersabar dan bertolak ansur (bertoleransi). Perkara ini perlu dirahsiakan dan kita semua mestilah berusaha dengan ikhlas untuk mencapai cita-cita kita ini.

Sepatutnya kita dahulu menjadi contoh di dalam kerja-kerja kebajikan (dan pengorbanan). jika niat awak semua ikhlas, berilah sumbangan sekurang kurangnya 50 junaih sebagai sedekah. Jumlah im perlu dikongsi oleh semua ahli Ikhwan yang hadir di dalam mesyuarat ini. Setiap ahli akan menyerahkan sumbangannya kepada Syed Afandi Abul Sa'ud di dalam masa seminggu dari tarikh ini. Jangan memberitahu rancangan ini kepada sesiapa pun. Perkara ini juga tidak boleh diberitahu di dalam sebarang perhimpunan khas dan umum. Kita akan bertemu semula pada malam hari seminggu dari sekarang. Jika awak semua dapat mengumpul jumlah tadi di dalam masa yang telah ditetapkan serta menjaga rahsia ini, maka Allah akan menolong kita menyempurnakan rancangan kita.’ Kami bertemu lagi pada malam yang telah ditetapkan dan memberi wang 50 junaih kepada Afandi Abdul Sa'ud. Ini merupakan permulaan yang baik dan melambangkan kesungguhan kami di dalam memperjuangkan Islam.

Satu contoh

Saya dapati salah seorang ahli Ikhwan, al-Asti Ali Abul A’1a selalu datang lewat setengah jam ke perjumpaan kami di waktu malam. Dia memberi alasan-alasan yang tidak berasas. Setelah menyiasat, saya mendapat tahu sebab sebenarnya. Dia memberitahu saya bahawa dia telah berjanji hendak memberi 150 Qursh kepada tabung kewangan Ikhwan. Dia tidak berwang. Oleh itu dia menjual basikalnya untuk mendapatkan wang itu. Kini dia terpaksa datang dari pejabatnya dengan menaiki bas nombor 6 yang meninggalkannya 6 kilometer dari bandar. Dia terpaksa berjalan kaki dari situ. Dia telah memberi wangnya itu kepada tabung Darul Ikhwan. Kesemua ahli-ahli Ikhwan yang lain tertarik dengan pengorbanan Asti Ali Abul A’la. Berikutan itu, mereka mengambil keputusan mengumpul wang untuk membeli basikal baru untuknya. Basikal itu dihadiahkan kepadanya sebagai menghargai pengorbanannya.

Mencari sebidang tanah untuk tapak masjid

Kami mengambil keputusan memberitahu masyarakat umum mengenai usaha yang sedang kami jalankan. Kami pun memulakan usaha untuk mencari sebidang tanah bagi mendirikan masjid yang telah dirancangkan itu. Akhirnya, kami mendapat tahu Haji Abdul Karim mempunyai sebidang tanah yang sesuai dengan kehendak kami. Beliau ialah seorang yang baik dan pemurah. Kami diberitahu beliau juga berniat hendak membina sebuah masjid di atas tanah tadi. Oleh itu, kami pun menghubunginya untuk berbincang perkara tadi. Dia gembira mendengar usaha yang sedang kami jalankan dan sanggup memenuhi permintaan kami. Perjanjian secara hitam putih pun dimeterai dan beliau pun menyerahkan hak milik tanah tadi kepada kami. Ini merupakan kejayaan kami yang pertama.

Onak dan duri

Di setiap zaman dan di berbagai tempat, para pendakwah Islam terpaksa menghadapi para penentang dan musuh yang menghalang usaha dakwah Islamiahnya. Para penentang dan musuh ini berusaha bersungguh-sungguh untuk menggagalkan perjuangan Islam. Namun begitu, kebenaran tetap menang. Ini adalah sunnatullah (peraturan Allah). Firman Allah di dalam Al Quran yang bermaksud:

> *"Sebagai suatu Sunnatullah[1] yang telah ber laku sejak dahulu, kamu sekal-kali tiada akan menemukan perubahan bagi sunnatullah itu."*

(Al Fath : 23)

Firman Allah lagi yang bermaksud:

> *"Kerana kesombongan (mereka) di muka bumi dan kerana rencana (mereka) yang jahat. Rencana yang jahat itu tidak akan menimpa selain orang yang merencanakannya sendiri. Tiadalah yang mereka nanti-nantikan melainkan (berlakunya) sunnah (Allah yang telah berlaku) kepada orang-orang yang terdahulu.[2] Maka sekali-kali kamu tidak (pula) akan mendapat pemindahan bagi sunnah Allah itu."*

(Al-Faathir :43)

Firman Allah yang lain yang bermaksud:

> *"Dan seperti itulah, telah Kami adakan bagi tiap-tiap nabi, musuh dari orang-orang yang berdosa. Dan cukuplah Tuhan Mu menjadi Pemberi petunjuk dan Penolong."*

(Al-Furqan : 31)

Firman Allah seterusnya yang bermaksud:

> *"Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap nabi itu musuh, iaitu syaitan-syaitan (dari jenis) manusia dan (dari jenis) jin, sebahagian mereka membisikkan kepada sebahagian yang lain perkataan-perkataan yang indah-indah untuk menipu (manusia).[3] Jikalau Tuhan Mu menghendaki, nescaya mereka tidak mengerjakannya, maka tinggalkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan.*

(Al- An'aam : 112)

Dan Firman Allah lagi yang bermaksud:

---

[1] Sunnatullah ialah hukum Allah yang telah ditetapkan-Nya.

[2] Yang dimaksudkan dengan 'sunnah orang orang yang terdahulu' ialah turunnya seksa kepada orang-orang yang mendustakan rasul.

[3] Maksudnya: syaitan-syaitan jenis jin dan jenis manusia berdaya upaya menipu manusia agar tidak beriman kepada Nabi.

"Dan Kami tidak mengutus sebelum kamu seorang rasul pun dan tidak (pula) seorang nabi, melainkan apabila ia mempunyai sesuatu keinginan; syaitan pun memasukkan godaan-godaan terhadap keinginan itu; Allah menghilangkan apa yang dimasukkan oleh syaitan itu; dan Allah menguatkan ayat-ayat-Nya. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

(surah al Hajj : 52)

Begitu jugalah nasib perjuangan Islam di Ismailiah. Sebaik saja orang ramai mula meminati ajaran Islam dan mendampingi para anggota Ikhwan, maka adalah segelintir manusia rakus yang merasa dengki. Mereka mula menyemai bibit permusuhan dan syak wasangka terhadap, kami dan usaha kami. Mereka mula menyemai bibit tuduhan terhadap pendakwah dan dakwah. Kadangkala mereka menuduh Al Ikhwan Muslimin sedang muncul sebagai mazhab yang kelima. Di ketika lain pula mereka menuduh para anggota Ikhwan sebagai pemuda-pemuda gila dan bangsat yang tidak tahu satu apa pun. Mereka juga menuduh kami sebagai penipu yang mengumpul wang untuk kepentingan diri kami. Begitulah tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada kami oleh golongan ini. Apabila mereka mendapat tahu Syeikh Ali Abdul Karim memberi sebidang tanah kepada kami untuk membina masjid, mereka pun mendatanginya dan menyusahkannya. Mereka berusaha sedaya upaya untuk mengubah fikiran Syeikh Ali Abdul Karim dengan cara mengumpat. Syeikh tersebut akhirnya berjaya dipengaruhi oleh mereka kerana dia adalah seorang yang lurus. Keadaan menjadi meruncing. Kami menyelesaikan masalah tersebut dengan menyerah kembali surat perjanjian tanah itu kepada Syeikh Ali Abdul Karim. Saya yakin kami akan berjaya kerana kami bertindak semata-mata kerana Allah dan kami yakin Dia pasti menolong kami.

Golongan penentang tadi melancarkan usaha besar-besaran untuk menentang kami. Mereka memupuk sikap membenci kami. Tetapi kami tidak mempedulikan mereka. Kami terus berusaha menghilangkan syak wasangka yang ada di fikiran orang ramai yang tidak bersalah itu. Kami membentangkan kenyataan-kenyataan sebenar kepada orang ramai dan menyakinkan mereka melalui perbincangan-perbincangan yang munasabah. Kami berjaya di dalam usaha kami dan derma pun datang mencurah-curah dari mereka. Semoga Allah memberi rahmat kepada Abdul Hamid Askariya dan menempatkannya di Syurga kerana beliau telah mengatasi kami semua. Dia telah berusaha dengan ikhlas dan menumpukan kebanyakan masanya untuk Dakwah Islamiah. Allah saja yang boleh memberi ganjaran yang setimpal dengan usahanya itu.

Dia merupakan seorang yang berwibawa. Pada kebanyakan malam, beliau berjaga dari waktu Isya' sehingga waktu Subuh kerana beribadat. Beliau menjalankan dakwah Islamiah dari rumah ke rumah, kedai ke kedai dan juga di tempat tempat orang berhimpun, Dalam bulan Ramadhan, kerap kali dia terlupa untuk bersahur kerana terlalu sibuk dengan usaha dakwahnya.

Ada seorang lagi orang yang berhati mulia. Namanya ialah Syeikh Muhammad Hussain Zamlot. Dia juga banyak membantu kami di segi tenaga dan kewangan. Dia menderma wang berjumlah 500 junaih kepada tabung gerakan. Waktu itu, dia belum lagi menjadi bendahari kami. Tindakannya ini telah membina keyakinan dan kelegaan di dalam hati para sahabat yang lain. Dia terus membina

keyakinan dan kelegaan di dalam hati para sahabat yang lain. Dia terus memberi bantuan sehingga rancangan kami sempurna.

Usaha kami untuk mencari sebidang tanah sebagai tapak bangunan masjid diteruskan. Kami telah menemui sebidang tanah yang sesuai di hujung perkampungan Arab. Kami membeli tanah itu dan surat perjanjian ditandatangani oleh Muhammad Hussain dan Haji Hussain as-Souli bagi bagi pihak Ikhwanul Muslimin. Ketika itu, Ikhwanul Muslimin telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan dan perlembagaannya pun telah siap digubal. Ikhwanul Muslimin juga telah membentuk Lembaga Pengurus dan Majlis Tertingginya pada waktu itu.

Penukaran Syeikh Abdul Hamid Askariya ke Syabrakhiyat

Kegiatan para penentang kami berakhir apabila Syeikh Abdul Hamid Askariya telah ditukarkan ke Syabrakhiyat hasil dari aduan-aduan mereka kepada Pusat Dakwah Islamiah. Walau bagaimanapun, penukaran itu menguntungkan gerakan Islam. Hasil dari penukaran tersebut, sebuah cawangan Ikhwanul Muslimin telah dibuka di Syabrakhirat. Cawangan ini mencapai kemajuan pesat. Sebuah Madrasah Penghafalan Al-Quran telah ditubuhkan. Sebuah masjid dan bangunan besar telah dibina dan diserahkan kepada Yayasan Madrasah dan Masjid. Semoga Allah mencurahkan rahmat ke atas Syeikh Qasim Jaubad. Beliau menjadi orang kanan Syeikh Abdul Hamid Askariya di dalam usaha menyiapkan projek tadi. Pada mulanya para anggota Ikhwan Ismailiah berasa tersinggung dengan pemergian Syeikh Abdul Hamid Askariya. Tetapi, tidak lama kemudian, Allah telah menampakkan hikmah di sebalik pemergian itu kepada setiap orang dari kami.

Saya tidak lupa pada hari yang panas itu. Petang itu kami berada di hadapan rumah kami di 'Araisyiyyah. Kami duduk di bawah sebuah bangsal berteduh. Angin sepoi-sepoi bahasa menghembus lembut dan kami pun berbincang mengenai berbagai tajuk. Kami sedang membina mahligai harapan dan sedang mengambil keputusan untuk mencapainya. Perhimpunan ini menimbulkan satu perasaan yang telah sekian lama terpendam. Saya memberitahu Syeikh Abdul Hamid Askariya, ‘Ketenangan fikiran yang sedang saya alami sekarang ini belum pernah saya rasai sebelum ini. Pepatah yang berbunyi 'Apabila malam itu selesai, maka akan berlaku sesuatu yang merosakkannya' mencuit hati saya. Saya tidak memahami perkara yang sedang mengganggu fikiran saya di saat yang penuh ketenangan ini.' Syeikh Abdul Hamid cuba menenteramkan saya. Kemudian kami pun pergi ke Pusat Gerakan Ikhwanul Muslimin. Di situ, bertemulah kami dengan surat penukaran Syeikh Abdul Hamid Askariya. Kami hanya berpandangan antara satu sama lain tanpa berkata apa-apa. Kemudian kami berkata, ‘Apa yang berlaku memang betul. Penukaran ini akan menguntungkan gerakan Islam. Seorang Mu’min menjadi duta kebaikan ke mana saja dia pergi.’

Sebelum peristiwa di atas, Penyelidik Pusat Dakwah Islamiah, iaitu Syeikh Abdur-Rabbah Miftah telah datang menziarahi kami dan menginap dengan kami selama satu malam di rumah kami di Al-‘Araisyiyyah. Dia melihat setiap anggota Ikhwan mempunyai kunci untuk masuk ke rumah tersebut. Kebanyakan anggota Ikhwan membawa sarapan pagi untuk kami kerana kami tidak membuat persediaan itu. Dia tertarik hati dengan suasana persaudaraan dan kasih sayang yang ada pada ahli-ahli Ikhwan. Dengan penuh terharu, dia pun bertanya, ‘Apa yang awak telah

lakukan sehingga mereka begitu mesra dan berpadu sekali? Bagaimana awak boleh begitu berjaya membuat mereka berkasih sayang dengan sepenuh hati? Bagaimana awak boleh menarik hati mereka dengan daya pengasih?'

Saya memberitahunya bahawa pencapaian itu bukanlah kerana usaha saya. Ia merupakan keberkatan Allah Yang Maha Besar. Allah berfirman di dalam Al-Quran yang bermaksud:

> *"Dan yang mempersatukan hati mereka (orang orang beriman). Walaupun kamu membelanjakan semua (kekayaan) yang berada di bumi, nescaya kamu tidak dapat mempersatukan hati mereka, akan tetapi Allah telah mempersatukan hati mereka. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."*

(Al-Anfaal : 63)

Cuti musim panas pun tiba. Sebahagian cuti tersebut saya habiskan di Kaherah dan sebahagian lagi di Mahmoodiyah. Saya kembali ke Ismailiah selepas cuti habis. Sebaik saja saya kembali ke Ismailiah, saya mendapat tahu bahawa para penentang kami
sekali lagi mula mengancam kami mengenai rancangan pembinaan masjid yang belum lagi siap itu. Mereka membincangkan perkara tersebut di setiap kali perjumpaan yang mereka adakan. Saya juga telah mendengar karenah mereka. Saya tidak menjawab dan juga tidak mempedulikan kecaman mereka. Saya berpegang kepada dasar berikut dalam menghadapi masalah begini. Dasar ini telah banyak membantu saya dalam usaha dakwah saya.

'Fitnah dan kepalsuan tidak boleh dihapuskan dengan cara jawapan atau dengan cara menimbulkan fitnah seumpama itu. Langkah yang benar dan membina terbukti berguna di dalam menghadapi kemungkaran. Langkah yang begitu, menarik perhatian orang dan mereka mula menghargainya. Dengan demikian, fitnah yang palsu dan tidak berasas akan diganti dengan kenyataan yang berasaskan kebenaran.'

Kami pun meneruskan usaha kami dengan berlandaskan dasar ini. Dengan bantuan para anggota Ikhwan, saya mula mengambil langkah yang lebih membina. Kami membeli batu sebanyak dua lori. Kami mengambil keputusan mengangkut batu-batu itu sendiri dari pelabuhan ke kawasan tapak masjid. Kami terus melaksanakannya. Hari itu merupakan hari besar di dalam sejarah hidup orang-orang Ikhwan. Tindakan kami itu dipuji dan dipertuturkan oleh orang ramai. Mereka yakin pembinaan masjid telah bermula dengan semangat yang benar-benar ikhlas dan bersungguh-sungguh. Mereka mula sedar bahawa tindakan kami bukanlah satu kesalahan. Mereka terharu dengan tindakan kami itu dan mula memberi derma. Kami pun mengumumkan tarikh upacara meletakkan batu asas masjid kepada orang ramai. Tarikhnya ialah 5 Muharram, 1348 Hijrah. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas Muhammad Afandi Sulaiman. Kami membeli tanah tapak masjid itu dari beliau. Beliau
terlibat di rancangan pembinaan masjid tersebut dan harga tanah yang dimintanya itu sangat berpatutan. Dia memberi kami segala kemudahan untuk memiliki tanah tadi. Ini semua adalah rahmat Allah. Allah memberi bantuan di setiap langkah perjuangan kami.

Perletakan batu asas masjid

Kami menamakan masjid dan madarasah yang dirancanglcan itu 'Darul Ikhwan'. Tarikh upacara perletakan batu asasnya kian hampir. Satu mesyuarat para anggota Ikhwan telah diadakan. Mesyuarat tersebut memutuskan bahawa saya yang sepatutnya meletakkan batu asas tersebut. Saya memberitahu mereka bahawa jika saya melakukannya, tindakan saya itu tidak menguntunglcan rancangan tersebut. Para anggota Ikhwan pun mula berfikir calon yang sesuai dari kalangan pegawai tinggi kerajaan yang terkenal di bandar Ismailiah untuk tujuan tadi. Satu keadaan aneh pun wujud. Jika saya mencadanglcan sesuatu nama, sejumlah ahli ahli Ikhwan akan membantah dengan berkata, ‘Dia tidak cukup warak untuk terlibat di dalam rancangan ini dan juga tidak cukup kaya untuk memberi sumbangan kewangan.’

Sikap begini sudah biasa di kalangan ahli-ahli lkhwan. Kemudian mereka pun meminta pendapat saya. Saya menjawab, ‘Apakah pendapat awak jika saya mengesyorkan Syeikh Zamloot? Dia telah terlibat bersama kita sejak awal lagi dan dia juga telah memberi bantuan kebendaan. Dia adalah seorang yang benar dan bertakwa. Dia juga kaya. Awak semua boleh mendapat keberkatan Allah dan juga wang darinya.’ Kesemua anggota lkhwan menjawab serentak, ‘Itu adalah pilihan yang mengkagumkan’. Justeru itu kami pun bersetuju memilih Syeikh Zamloot sebagai orang yang akan meletakkan batu asas masjid. Pihak Ikhwan memasang sepanduk besar menyatakan tarikh upacara tersebut dan juga menjemput orang ramai dari semua lapisan masyarakat menghadirinya. Majlis upacara cara itu menjadi satu perhimpunan orang ramai yang sangat menarik hati, Syeikh Muhammad Hussain Zamloot tampil ke hadapan dan meletakkan batu asas masjid. Ini adalah satu pertanda baik. Para anggota Ikhwanul Muslimin pun mengisytiharkan bahawa masjid tersebut, insya Allah akan disiapkan sebelum berakhirnya bulan Ramadhan tahun itu.

Penubuhan cawangan Ikhwanul Muslimin Syabrakhirat

Syeikh Abdul Hamid Askariya bekerja keras menjalankan dakwah Islamiah di Syabrakhirat. Walaupun perpindahannya baru beberapa bulan sahaja, beliau telah berjaya menubuhkan cawangannya di Syabralkhirat. Bulan Muharram pun tiba dan orang ramai mula sibuk membuat persiapan menyambut peristiwa Hijrah Rasulullah s.a.w. Kami berpendapat inilah peluang dan ketika yang baik untuk merasmikan penubuhan Cawangan Ikhwanul Muslimin Syabrakhirat. Keputusan untuk membuka cawangan tersebut telah pun diambil. Para anggota Ikhwanul Muslimin Ismailiah menyediakan sebuah kereta dan Hasan Afandi Mustafa bertindak sebagai pemandu. Dengan bertawakkal kepada Allah, kami pun pergi ke Mahmoodiyah dan kemudian bertolak ke Syabrakhirat. Kami sampai ke Syabrakhirat pada waktu pagi. Para anggota Ikhwan Mahmoodiah tiba di dalam sebuah kereta lain. Kami semua menghadiri di dalam upacara pembukaan cawangan Ikhwan di situ. Selepas itu kami pun bertolak kembali ke Ismailiah. Perjalanan kami mengambil masa sepuluh jam untuk pergi dan sepuluh jam lagi untuk pulang. Kereta kami berjalan agak pantas juga.

Perlindungan Allah

Dalam perjalanan pulang, kami sampai ke jambatan di Zafti pada pukul 2 pagi dan mendapati ianya ditutup. Hanya satu pilihan saja yang ada. laitu menyeberangi parit (taliair) Dahtoorah. Jalannya tidak elok dan bengkang-bengkok. Pemandu kami tidak biasa dengan jalan tersebut bahkan dia tidak pernah memandu kereta di atas jalan sekasar itu. Hari itu bertarikh 10 haribulan Hijrah. Cahaya bulan sedang memancar di permukaan air. Bumi kelihatan seolah-olah rata dan licin. Kami tidak tahu dengan tepat sama ada kami telah menyeberangi jambatan Dahtoorah atau pun kami menyangka kami telah berbuat demikian. Pemandu sedang sibuk memandu kereta. Kami semua duduk di dalam kereta tanpa merasa cemas. Tiba-tiba pemandu memberhentikan kereta dengan mendadak sehingga menakutkan kami semua. Rupa-rupanya kereta kami telah telajak ke atas satu permatang sempit yang menonjol ke dalarm taliair. Lebarnya permatang itu tidak lebih dari lebar kereta kami. Kami telah berada di dalam keadaan yang mencemaskan. Jika kami cuba keluar dari kereta, kami mungkin jatuh ke dalam air. Andainya pemandu cuba berpatah balik, dia mungkin tidak dapat mengawal keseimbangan kereta tadi dan ini boleh menyebabkan ia terjerumus ke dalam air. Depan kereta dengan permatang itu hanya hampir setengah meter sahaja.

Beberapa orang anggota Ikhwan mulai cemas dan cuba bergerak dari tempat duduk mereka. Suasana begini memerlukan sikap berhati-hati. Keseimbangan kereta perlu dijaga. Suasana ini juga memerlukan pemikiran yang tenang. Kami berfikir apa yang akan terjadi. Saya senyum melihat keadaan ini dan meminta sahabat yang menjaga makanan memberi kami teh yang disimpannya. Nama sahabat kita itu ialah Mahmood Afandi Ja’fari, seorang yang baik, bijaksana, berhati mulia dan manis pertuturannya. Dia terkejut dan berkata, ‘Awak masih hendak berkelakar di dalam keadaan yang genting ini?’ Saya menjawab, ‘Saudara Mahmood, saya betul-betul inginkan teh dihidangkan kepada kami’. Dia pun menghidangkan teh yang dibawa di dalam flask (botol air panas). Kami meminum teh tadi dengan fikiran yang tenang walau pun nyawa kami terancam. Kami berasa tenang kerana kami yakin dengan pepatah: ‘Apabila Allah ingin menyelamatkan seseorang, maka sesiapa pun tidak boleh mengambil nyawanya.’ Sebaik saja semua orang telah tenang dan senyap, pemandu kereta kami, Hasan Yusuf telah menggerakkan kereta ke belakang perlahan-lahan seperti kura-kura. Dia begitu berhati-hati sekali dan pandai mengawal dirinya. Dia menghadapi keadaan tegang itu selama setengah jam. Selepas itu, kami pun meneruskan perjalanan. Allah telah menyelamatkan kami dari keadaan yang merbahaya, Kami sampai di Ismailiah lebih kurang pukul 6.00 pagi. Kami dapati minyak petrol telah habis langsung. Allah saja yang tahu bagaimana kereta itu boleh berjalan. Saya bersyukur kepada Allah yang Maha Besar dengan sepenuh hati.

Perisik Penyelidik

Ketika di dalam perjalanan ini juga, kami telah singgah di Derab Najm. Terdapat banyak lorong yang serupa di hadapan kami. Kami tidak tahu jalan mana yang patut kami ikut. Kami berusaha mencari orang yang boleh menunjukkan arah jalan yang betul. Tetapi malangnya seorang pun tidak kelihatan.

Akhirnya salah seorang sahabat yang bernama Koperal Muham mad Syalash teringat dia ada membawa wisel. Dia mengeluarkan wisel itu dan meniupnya. Salah seorang anggota polis muncul sambil berlari membawa senapang. Dia mendekati kami dan memberi tabik. Dia bertanya, ‘Siapakah awak semua ini?’ Muhammad

Syalash menjawab, ‘Kami semua dari Bahagian Perisik.’ Kemudian sambil berbisik di telinganya, Muhammad Syalash bertanya arah yang menjadi tujuan kami. Anggota polis tadi pun memberitahu arah jalan tersebut dengan penuh hormat. Kami meneruskan perjalanan mengikut arah yang betul. Saya bertanya Muhammad Syalash, ‘Mengapa awak berdusta?’ Sambil tersenyum dia menjawab, ‘Saya tidak berdusta. Tugas kita ialah untuk mencari kebenaran. Jika saya berkata perkara lain, dia akan menyuruh kita mengikutnya ke balai polis. Allah saja yang tahu layanan yang bakal kita terima dari Inspektor polis di situ. Dia mungkin menahan kita sehingga pagi dan kita pula kesuntukan masa.’ Ia merupakan satu jalan keluar yang aneh, dan menggelikan hati.

Dituduh menentang kerajaan

Kami telah mencapai kemajuan yang membanggakan di dalam usaha membina masjid. Bangunan masjid pun didirikan. Penentangan pun semakin kuat. Manusia rakus dari berbagai golongan terkumpul dan menjadi halangan kepada usaha kami. Mereka menggunakan berbagai cara untuk menyekat usaha kami. Apabila usaha mereka gagal, mereka pun membuat satu surat bangkangan yang mengandungi tanda-tanda sejumlah penduduk Ismailiah. Mereka menghantar surat itu kepada Perdana Menteri Mesir, Siddiq Basya. Surat itu mengandungi beberapa tuduhan seperti berikut:

i) Hasan Al Banna adalah seorang komunis;
ii) Dia mempunyai hubungan dengan Moscow;
iii) Dia menerima bantuan kewangan dari situ (yakni Moscow);
iv) Sekarang dia sedang membina sebuah masjid dan pusat gerakan;
v) Dia sedang membelanjakan banyak wang untuk kegiatannya;
vi) Dia tidak mengumpul derma dari orang ramai. Sumber kewangannya masih samar-samar;
vii) Dia menyokong Parti Wafd;
viii) Dia menjalankan kegiatan menentang kerajaan secara terbuka;
ix) Dia mengeluarkan pendapat mengatakan pilihanraya sekarang tidak adil dan Perlembagaan 1930 membahayakan;
x) Dia telah pergi ke Buheera untuk kegiatan menentang kerajaan. Di sana, dia telah menyampaikan ceramah di Kelab Buruh pada bulan Oktober, 1930. Tajuk ceramahnya ialah ‘Abu Bakar Siddiq’'. Dalam ceramahnya itu, dia mengatakan Abu Bakar telah dipilih secara terus menerus. Pemilihan Abu Bakar tidak berdasarkan dua peringkat. Oleh itu, pemilihan berdasar dua peringkat dianggapnya tidak sah. Dia juga telah memburukkan nama Raja Fuad. Dia telah memberi satu lagi ceramah dalam bulan Oktober, 1930. Tajuknya ialah ‘Umar bin Abdul Aziz’. Dia berkata, ‘Umar bin Abdul Aziz tidak niengambil satu sen pun dari Baitul Mal (Perbendaharaan Negara). Tetapi para pemimpin sekarang sedang merompak harta rakyat dengan cara yang salah.’

Waktu itu fahaman Komunis sedang merebak di Mesir. Perdana Menteri Siddiq Basya sedang berusaha sedaya upaya menghapuskannya. Di masa itu juga, seorang guru bernama Aqqad telah dipenjarakan kerana mengecam Raja Fuad. Empat orang guru lain telah dibuang kerja atas sebab yang sama. Para penentang tadi lupa bahawa Hassan Al Banna mengumpul derma dari orang ramai dan membelanjakannya untuk

membina masjid dan sekolah. Mereka tetap mengatakan sumber kewangan dan di mana wang itu dibelanjakan masih kabur. Menurut mereka, Hassan Al Banna telah melanggar peraturan sebab para pegawai kerajaan tidak dibenarkan mengutip derma. Terdapat sejumlah dua belas tuduhan yang palsu dan tidak berasas dalam surat mereka itu. Apabila saya membaca isi kandungan surat tersebut, fahamlah saya maksud ayat Al-Quran berikut:

Maksudnya:

"Wahai ahli kitab, mengapa kamu mengkufuri ayat-ayat Allah sedang kamu mengetahuinya?"

(Ali-Imran: 70)

Maksudnya lagi:

"Hai Ahli Kitab, mengapa kamu mencampuradukkan yang hak dengan yang batil[1], dan menyembunyikan kebenaran[2], pada hal kamu mengetahui?"

(Ali-Imran: 71)

Memang saya telah memberi dua ceramah dan tajuknya pun serupa seperti yang dinyatakan di dalam surat itu. Bahkan tempat dan tarikh pun betul tetapi tuduhannya palsu dan tidak berasas. Ia merupakan khayalan penulisnya yang sunyi dari kebenaran. Surat itu ialah satu komplot untuk menentang saya.

Siasatan

Pada suatu pagi, sedang saya berjalan ke bilik darjah untuk mengajar pada masa pertama dan kedua, saya dapati Pengetua Sekolah iaitu Ustaz Ahmad Abdul Hadi Sabiq sedang berdiri di dekat pejabatnya sambil memandang saya dengan cara yang aneh sekali. Saya mendekatinya dan memberi salam. Dia senyum sambil membalas salam saya. Daripada jawapannya, saya dapat mengagak dia sedang gelisah dan terganggu. Saya bertanya adakah semuanya baik. Dia menjawab baik tetapi saya tidak puas hati. Saya menyatakan kepadanya bahawa saya tidak puas hati dan dapat merasa ada sesuatu yang tidak kena. Akhirnya dia memberitahu bahawa tindakan mahkamah sedang diambil terhadap saya dan pihak sekolah telah dimarahi oleh kerajaan. Saya menjawab, 'Bagaimana kita boleh disaman oleh Mahkamah Jenayah?' Pengetua menjawab, 'Menteri Pelajaran telah menerima sepucuk surat dari Perdana Menteri Mesir. Di dalam surat itu awak dituduh sebagai Komunis yang sedang menentang kerajaan sekarang. Awak juga dituduh menentang Raja, bahkan menentang seluruh dunia.'

Saya menjawab, 'Itu saja. Puji-pujian bagi Allah, Tuhan seluruh alam. Tuan, jika kami tidak bersalah, ingatlah firman Allah:

Maksudnya:

---

[1] Iaitu : menutupi firman-firman Allah yang termaktub di dalam Taurat dan Injil dengan perkataan-perkataan yang dibuat-buat mereka (ahli Kitab) sendiri.

[2] Maksudnya : kebenaran tentang kenabian Nabi Muhammad s.a.w. yang tersebut di dalam Taurat dan Injil.

"Sesungguhnya Allah membela orang orang yang telah beriman. Sesungguhnya Allah tidak menyukai tiap-tiap orang yang berkhianat lagi mengingkari ni'mat."

(Al Hajj: 38)

'Jika jihad dan dakwah Islam yang kami jalankan bertujuan menipu rakyat, maka percayalah bahawa orang-orang yang menggunakan agama untuk menipu rakyat maka balasannya, ditentukan oleh mahkamah-mahkamah dan juga seksaan di Neraka. Hanya segelintir sahaja yang berbuat begitu. Awak janganlah berasa bimbang. Serahkan saja perkara ini kepada ketentuan Allah.'

'Saya yakin keputusan baik yang akan dicapai akan menyebelahi kita. Saya mohon diri kerana sebahagian dari masa telah berIalu dan ini bertentangan dengan peraturan sekolah. Saya tidak suka melanggarnya.'

Saya meninggalkan Pengetua tercegat di situ dan masuk ke dalam bilik darjah. Dia terkejut mendengar jawapan saya. Walau bagaimanapun saya merasa puas. Saya tahu aduan yang dibuat oleh pihak yang menentang saya itu tidak lebih dari satu tindakan kebudak-budakan dan ia akan dilemparkan ke dalam tong sampah.

Pengetua sekolah telah diarah melakukan penyiasatan rapi mengenai tuduhan-tuduhan yang disebut di dalam surat Perdana Menteri tadi dengan menggunakan berbagai cara yang dia mampu. Dia terpaksa memeriksa tajuk-tajuk dan mata-mata pelajaran yang saya sediakan untuk mengajar di dalam bilik darjah. Pengetua juga diarah menyiasat perjalanan Ikhwanul Muslimin; tujuan dan matlamatnya dan juga kegiatannya. Dia diminta menghantar satu laporan lengkap mengenai diri dan perjuangan saya. Lantaran itu, Pengetua pun mula menjalankan penyiasatan tadi dengan bantuan segala bahan dan maklumat yang ada. Untuk menjalankan tugas ini, dia meminta kerjasama Hakim tempatan, Pendakwa Raya, Inspektor Polis dan Penolong Inspektor Polis. Dia juga mengumpul maklumat dari para pegawai yang telah ditukarkan ke tempat lain. Dia telah mengumpul kesemua maklumat yang ada dan menyediakan satu laporan lengkap. Satu salinan Perlembagaan Ikhwanul Muslimin yang mengandungi tujuan dan matlamatnya telah disertakan bersama laporan tersebut.

Apabila Pengetua menyemak buku buku latihan para penuntut, dia dapati tajuk Imlak (latihan tulis) yang pertama ialari mengenai lawatan Raja Fuad ke Suez. Lawatan tersebut meliputi tempat-tempat di antara Pelabuhan Sa'id dan Suez. Di dalamnya mengandungi kata-kata pujian kepada Raja Fuad dan juga usaha yang dia lakukan untuk kebajikan rakyat. Pengetua menyertakan sebuah daripada buku latihan penuntut tadi bersama sama laporannya. Dia memberi perhatian berat kepada buku-buku latihan tadi kerana saya telah dituduh menjadi penyokong Parti Wafd. Pegawai kerajaan dilarang menyokong Parti Wafd. Dengan demikian, saya telah berpeluang kebenaran dan juga diri saya sendiri.

Saksi

Satu peristiwa ganjil telah berlaku. Kapten Hassan asy-Syarif an Nabayusi adalah seorang Pegawai Tinggi Polis Ismailiah. Dia berasa tersinggung apabila dia membandingkan laporan yang ditulisnya dengan tuduhan-tuduhan yang terkandung di dalam surat rasmi. Satu hari, seorang kerani bangsa asing Syarikat Terusan Suez

datang menemuinya dan bertanya, ‘Mengapa awak kelihatan tersinggung?’ Kapten Hassan pun menceritakan kesemuanya dengan terperinci kepada kerani tadi. Kerani tadi terpegun dan berkata, ‘Semua itu karut belaka. Saya sendiri melihat sikap Hassan Al Banna ketika Raja Fuad tiba di Ismailiah. Dia menyuruh para pekerja buruh pergi ke Askala untuk memberi sambutan hangat kepada Raja Fuad agar orang-orang asing dapat melihat betapa sayang dan hormatnya mereka kepada Raja mereka. Dengan cara itu, orang-orang asing akan lebih hormat kepada mereka.’ Kerani tadi juga sanggup memberi keterangannya itu secara bertulis di dalam bahasa Perancis. Saya percaya lelaki Perancis tadi telah memberi keterangannya secara bertulis yang disertakan bersama-sama laporan asal. Namanya mungkin Toufeeq Cruze yang masih ada lagi di Ismailiah hingga sekarang.

Ada satu lagi peristiwa aneh. Ianya berupa sebuah laporan Pegawai Polis yang menjalankan penyiasatan terhadap diri saya. Laporan tersebut berbunyi demikian:

'Kerap kali saya dapati cara dan pendekatan rohani yang digunakan oleh Ikhwanul Muslimin ternyata berkesan apabila hukuman mahkamah gagal inemulihkan para penjenayah dari terus melakukan jenayah. Ramai para penjenayah telah pulih hasil dari usaha pertubuhan ini. Saya (yakni Pegawai Polis tersebut) mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menggalakkan kegiatan Ikhwanul Muslimin dan membantu ia membuka cawangannya di seluruh negara. Hal ini akan membantu negara ini memelihara undang-undang dan keamanannya.’

Ketua Pengarah Pelajaran Mesir menjadi ahli Ikhwanul Muslimin

Selepas penyiasatan yang rapi itu, satu laporan yang tebal telah disiapkan oleh Sekolah Rendah di Ismailiah dan dihantar ke Kementerian Pelajaran. Ali Mahir menjadi Menteri Pelajaran waktu itu. Selepas beberapa hari, Ketua Pengarah Pelajaran, iaitu Ali Bik Kailani telah datang melawat sekolah kami di Ismailiah. Dia memasuki kelas saya ketika saya sedang mengajar di masa kedua. Dia diiringi oleh Pengetua. Dia memerhati saya mengajar untuk beberapa ketika. Kemudian dia senyum dan bertanya kepada Pengetua, ‘Inikah guru yang bernama Hassan Al Banna itu?’ Pengetua menjawab, ‘Ya, dialah Hassan Al Banna yang menjalankan kegiatan tersembunyi itu.’ Kemudian keduanya pun beredar dari situ. Sebaik saja saya selesai mengajar, saya terus keluar dari kelas dan pergi ke bilik Pengetua. Ketua Pengarah Pelajaran sedang duduk di dalam bilik Pengetua. Saya menemuinya dan mengucap salam. Saya mendapat tahu dia bercadang hendak menginap di Ismailiah pada malam itu.

Dia berkata kepada saya, ‘Encik Hassan Al Banna, surat ini sangat mengganggu kami. Perdana Menteri menghantar surat itu kepada Menteri Pelajaran dan Menteri Pelajaran pula menghantarnya kepada saya. Saya memberitahunya saya tidak ada kena mengena dengan orang yang dituduh Komunis dan pengacau itu, yang telah mengumpul beribu-ribu orang dan pengikut seperti yang disebutkan di dalam surat aduan tersebut. Berikutan itu, saya pun memberi surat itu kepada Penolong Ketua Pelajaran, iaitu AbdurRahim Bik Othmani. Dia datang menemui saya dan berkata, ‘Jika guru ini betul-betul melakukan kesalahan seperti yang disebut di dalam aduan itu, apakah layanan yang patut dia terima? Ini merupakan satu hal yang membahayakan. Mungkin ada beberapa rahsia di sebalik penyiasatan yang kita jalankan.’

Lantaran itu, kami pun mula mengkaji kemungkinan tuduhan-tuduhan tadi palsu dan tidak berasas. Terdapat pertentangan di dalam kenyataan-kenyataan yang diberi. Hal ini mengukuhkan lagi pendapat bahawa tuduhan-tuduhan tadi palsu dan tidak berasas. Kami berpendapat adalah lebih selamat jika perkara tersebut diserahkan kepada Pengetua. Pengetua telah menghantar laporan yang lengkap dan memuaskan kepada kami. Walau bagaimanapun saya ingin melihat sendiri orang yang telah membuat heboh itu. Saya datang semata-mata untuk menziarahi awak sebagai lawatan peribadi. Janganlah menganggap kedatangan saya ini sebagai satu tugas atau siasatan rasmi. Saya hanya hendak melihat awak secara peribadi.'

Saya mengucap terima kasih kepada Ketua Pengarah Pelajaran atas sikap baik dan adilnya iu. Saya mengambil peluang memberitahunya, 'Kata-kata tuan itu benar. Saya sangat bersyukur kerana tuan telah bersusah payah datang ke sini untuk melihat saya. Tuan sungguh baik hati. Sempena lawatan tuan ke sini, saya ingin mengambil kesempatan menjemput tuan melihat sendiri kerja-kerja pembinaan masjid dan perjalanan sekolah kami agar tuan mendapat gambaran jelas mengenai pertubuhan dan perjuangan kami.' Ketua Pengarah Pelajaran berjanji hendak melawat tempat tersebut pada waktu tengahari. Pihak Ikhwanul Muslimin pun membuat persiapan. Kami pun menyediakan satu majlis jamuan minum teh di tengah-tengah bangunan untuk menyambut kedatangan Ketua Pengarah Pelajaran. Ketua Pengarah Pelajaran pun tiba pada waktu yang telah dijanjikan. Dia menyangka perjumpaan yang diaturkan ialah satu acara rasmi sahaja. Dia terkejut melihat majlis jamuan teh yang telah disediakan. Saya juga menjemput pegawai pegawai tinggi dan para penduduk Ismailiah yang terhormat. Saya juga menjemput para pengacau yang berkomplot menentang kami agar mereka melihat sendiri kegagalan rancangan buruk mereka. Perhimpunan itu adalah satu peristiwa yang sangat menggalakkan. Para penceramah (yakni ahli-ahli Ikhwan yang menuntut di sekolah Ikhwan) pun memberi pandangan mereka. Ketua Pengarah Pelajaran terpegun melihat keupayaan mereka memberi syarahan lebih-lebih lagi mereka ini terdiri dari tukang-tukang kayu, tukang-tukang kebun dan lain-lain kerja seumpama itu. Ali Bik Kailani tidak dapat menahan perasaan terharunya dan terus berkata, 'Alangkah bagusnya. Saya telah menyaksikan sebuah sekolah yang aneh.'

Apabila acara ceramah telah selesai, tiba-tiba Ali Bik Kailani bangun, mengambil lencana Ikhwan dan melekatkannya di baju beliau. Waktu itu, lencana Ikhwan berwarna hijau dan bertulis perkataan, 'Ikhwanul Muslimin'. Kemudian dia pun mengisytihar dengan penuh semangat bahawa dia telah menjadi ahli Ikhwanul Muslimin. Selepas itu dia pun berucap kepada para hadirin. Saya masih ingat sebahagian dari ucapannya yang ringkas itu:

'Tidak ada apa lagi yang saya hendak katakan mengenai sekolah dan pertubuhan ini melainkan ianya merupakan sebuah sekolah yang unggul dan pemimpin pertubuhan ini pula adalah seorang yang penuh tandatanya. Mulai sekarang, saya isytihar diri saya sebagai ahli Ikhwanul Muslimin jika permohonan saya diterima. Dalam masa beberapa bulan lagi saya akan bersara. Andainya Allah memanjanglcan umur saya, saya akan menumpukan sepenuh masa saya untuk perjuangan Islam yang sedang dilancarkan oleh Ikhwanul Muslimin.' Ali Bik Kailani seolah-olah dapat merasakan bahawa ajal sudah hampir. Tidak lama selepas beliau bersara, beliau pun meninggal dunia. Kami menganggap beliau sebagai salah seorang sahabat kami dan memasukkan

namanya ke dalam pertubuhan kami. Dia mati dengan niat untuk berjihad di jalan Allah. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya.

Dituduh menyebabkan perpecahan

Seorang Kristian termasuk di kalangan mereka yang menghantar aduan mengenai kami. Tuduhan-tuduhannya ialah seperti berikut:

i) Hassan Al Banna adalah pemimpin satu pertubuhan melampau ‘Ikhwanul Muslimin’;
ii) Hassan Al Banna sengaja mengancam para penuntut Kristian dan juga tidak mempedulikan mereka ketika di dalam kelas. Dia tidak menghiraukan langsung pelajaran dan kebajikan mereka;
iii) Hassan Al Banna cuba mewujudkan jurang antara para penuntut Islam dan para penuntut Kristian yang belajar di dalam kelasnya;
iv) Hassan Al Banna mengutamakan para penuntut Islam dalam berbagai segi.

Orang Kristian itu juga mengingatkan bahawa jika Jabatan Pelajaran tidak mempedulikan aduan tadi dan bertindak untuk tidak memindahkan Hassan Al Banna dari Ismailiah, maka perkara itu akan menjadi lebih teruk lagi. Sebaik saja Pengetua menerima surat aduan tadi, berita aduan itu pun merebak ke seluruh Ismailiah dengan pantas sekali. Para penduduk Kristian di Ismailiah berasa tersinggung dengan berita itu. Mereka mengutuk tindakan (aduan-aduan itu tadi). Satu perwakilan Kristian yang dipimpin oleh Paderi Besar Gereja Ortodoks datang ke sekolah kami untuk menyatakan bantahan. Berikutan itu, Yang Di Pertua Persatuan Gereja, iaitu Reverend George Suriyal Affandi; Yang Di Pertua Persatuan Kebajikan Kristian, iaitu Encik Ya’aqub Affandi; seorang pegawai tinggi kerajaan, iaitu Encik Fahmi Afandi Atiya dan lain-lain orang Kristian ternama, termasuklah lelaki dan wanita, telah menghantar surat-surat bantahan kepada orang Kristian yang membuat tuduhan-tuduhan tadi.

Mereka menganggap orang Kristian tadi cuba memperburukkan masyarakat Kristian dengan membuat tuduhan-tuduhan palsu dan tidak berasas terhadap Hassan Al Banna, seorang guru yang terhormat. Pengetua juga menerima surat-surat bantahan dari pertubuhan pertubuhan Kristian Mesir yang lain (yakni membantah tindakan orang Kristian tadi). Pengetua mengumpul kesemua surat-surat bantahan tadi dan menyertakan bersama dengan laporan yang telah disusunnya. Dia juga menulis, ‘Saya meminta pihak Kementerian Pelajaran janganlah membebankan kami dengan aduan-aduan yang tidak berasas (yakni kabur). Saya menasihat pihak Kementerian Pelajaran supaya menjalankan siasatan melalui sumber-sumbernya sendiri kerana jelas sekali aduan-aduan ini tidak benar dan merupakan satu komplot.’

Pembukaan masjid

Dengan izin Allah, sebelum tiba bulan Ramadhan 1348, masjid kami pun siap dibina walaupun terpaksa menghadapi berbagai halangan. Masjid itu dibuka dengan rasminya pada waktu Isyak, 17, Ramadhan, 1348, mengambil sempena malam berlakunya Perang Badar. Malam itu juga merupakan malam Al Quran diturunkan kepada Baginda Rasulullah s.a.w. Allah berfirman di dalam Al Quran (8:41) Maksudnya:

"Ketahuilah sesungguhnya apa saja yang dapat kamu perolehi sebagai rampasan perang[1]*, maka sesungguhnya seperlima untuk Allah, Rasul, kerabat Rasul, anak-anak yatim, orang orang miskin dan ibnu Sabil*[2]*, jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa*[3] *yang Kami turunkan kepada hamba Kami (Muhammad) di hari Furqan*[4]*, iaitu di hari bertemunya dua pasukan. Dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu."*

(Al Anfaal : 41)

Menurut Al Quran, hari tersebut dikenali sebagai 'Yaumul Furqan', iaitu Hari Al Quran dan juga hari pertemuan untuk semua. Acara perasmian masjid itu berjalan di dalam satu perhimpunan yang besar. Para anggota Ikhwan Islamiah dan Syabrakhirat telah dijemput menghadiri majlis tersebut. Kesemua anggota Ikhwan sepakat di dalam keputusan mereka untuk meminta saya menjadi Imam solah berjemaah pertama di masjid itu. Mereka juga mendesak saya merasmikan masjid itu agar orang-orang yang berniat buruk akan patah semangat. Syeikh Ahmad Al-Sakri, iaitu pemimpin Ikhwan Mahmoodiah telah memeranjatkan semua orang. Dia tampil ke hadapan, memotong tali dan mengisytiharkan pembukaan rasmi masjid tersebut. Dengan cara itu, dia telah menyekat golongan yang tamak dan pentingkan diri dari mengambil kesempatan di dalam majlis itu. Tindakannya itu merupakan pukulan hebat kepada anasir-anasir tadi. Sebenarnya, Syeikh Ahmad layak menerima penghormatan itu. Saya juga memeranjatkan para hadirin dengan menolak Abdul Hamid Askariya ke depan untuk menjadi Imam solah Isyak yang pertama di masjid itu. Dia sesuai menjadi Imam kerana sumbangannya dalam menyempurnakan pembinaan masjid itu. Begitulah caranya kami menyatakan rasa terima kasih kami kepada beliau. Acara perasmian masjid itu berjalan dengan jayanya. Pembinaan masjid itu membawa berkat kepada Ismailiah kerana ia telah menggalakkan pembinaan masjid-masjid lain di bandaraya itu.

Di hujung bandar memerlukan sebuah masjid. Orang-orang lain pun berminat hendak membina masjid seperti yang dilakukan oleh Ikhwan. Sebuah lagi masjid yang diberi nama Masjid Al Haj Yusuff telah siap di bina dan kami dijemput ke hari perasmiannya. Hari itu ialah hari Jumaat. Kami menunaikan solah Jumaat di Masjid Al Haj Yusuff dan solah Isya' pula kami tunaikan di masjid Ikhwan. Dengan demikian, kami telah beruntung dua kali ganda.

---

[1] Yang dimaksudkan dengan rampasan perang (ghanimah) ialah harta yang diperolehi dari orang orang kafir dengan meialui pertempuran sedang yang diperolehi tidak dengan pertempuran dinamakan 'fai-I' Pembahagian yang tersebut di dalam ayat ini ialah yang berhubung dengan ghanimah saja.

[2] Maksudnya: sepertimana dari ghanimah itu dibahagikan kepada

a. Allah dan Rasul-Nya;
b. Kerabat Rasul (Banu Hasyim dan Banu Muthalib);
c. Anak yatim;
d. Orang miskin;
e. Ibnus-Sabil.

Empat perlima dari ghanimah dibahagikan kepada mereka yang ikut bertempur.

[3] Yang dimaksudkan dengan 'apa' ialah: ayat-ayat AI Quran, Malaikat dan pertolongan.

[4] Furqan ialah: pemisah antara yang hak dan yang batil. Yang dimaksudkan dengan 'hari Al Furqan' ialah hari jelasnya kemenangan orang Islam dan kekalahan orang kafir, iaitu hari bertemunya dua pasukan di Perang Badar, pada hari Jumaat, 17 Ramadhan, tahun dua Hijah. Sebahagian mufassirin berpendapat bahawa ayat ini mengisyaratkan kepada hari permulaan turunnya Al Quraanul Karim pada malam 17 Ramadhan.

Hal ini telah membangkitkan rasa ingin menderma (menyumbangkan bantuan) kepada Haji Yusuff dan keluarga Farraj yang terdiri dari kalangan orang-orang yang mulia di Ismailiah dan juga di 'Araisyiyyah untuk membina sebuah lagi masjid di hujung negeri yang memang memerlukannya. Mereka berlumba-lumba dalam pembinaan masjid ini dengan anggota Ikhwan.

Dengan itu sempurnalah pembinaan dua buah masjid dalam hari yang sama. Kami telah dijemput untuk merasmikan pembukaan masjid Haji Yusuf r.a. Mereka meminta kami merasmikan pembukaan masjid itu sebelum pembukaan masjid Ikhwan. Sebagai langkah yang baik berikutan pula hari itu ialah hari Jumaat, kami mengambil keputusan untuk sembahyang Jumaat di masjid Haji Yusuf dan sembahyang Isyak di Masjid Ikhwan. Dengan itu kedua-dua masjid tersebut telah dirasmikan pada hari yang sama.

Begitu juga dengan Al Haj Muhammad Jadullah adalah seorang yang soleh di Ismailiah. Dia sangat terpengaruh dengan kami. Dia telah mengambil keputusan untuk membina sebuah masjid yang ketiga di kawasannya yang mengambil sempena namanya. Kawasannya itu memang memerlukan sebuah lagi masjid. Maka masjid ketiga pun siap dibina.

Al Haj Mustafa telah pun membina sebuah masjid di 'Uraisyiyyah. Dia berazam hendak memperluaskan masjid yang dibinanya itu. Dia menambah lagi sekeping tanah yang luas dikawasan masjid itu dan menjadikannya lebih selesa lagi. Dengan demikian, Ikhwan telah meneroka pembinaan masjid di Ismailiah.

Lawatan Perdana Menteri Sidqi Pasya ke Seena

Ketika inilah Perdana Menteri, Sidqi Pasya memulakan lawatannya ke Seena. Dia dijangka melalui Ismailiah. Lantaran itu, jentera kerajaan di Ismailiah pun sibuk memulakan persiapan untuk memberi sambutan hangat kepada Perdana Menteri.

Sejumlah besar orang ramai telah berkumpul di stesen keretapi untuk menyambutnya. Mula-mula sekali, Penolong Pesuruhjaya datang melawat stesen. Dia diikuti pula oleh Tuan Hakim (Majistret). Mereka terpinga-pinga mencari orang yang boleh menyampaikan ucapan aluan kepada Perdana Menteri. Ada beberapa orang tertentu mencadangkan nama saya. Mereka pun mengumumkan bahawa, Hassan Al Banna, seorang pegawai kerajaan, akan menyambut kedatangan tetamu penting itu. Saya pun dipanggil ke pejabat.

Sabir Bik Tantawi, seorang hakim telah bercakap dengan saya mengenai perkara itu. Para pegawai polis dan lain-lain pegawai kerajaan telah menyokong pemilihan saya sebagai orang yang akan menyampaikan ucapan aluan. Saya sangat marah dengan gelagat mereka. Saya memberitahu mereka saya akan meletakkan jawatan serta merta dari perkhidmatan kerajaan jika mereka menyangka seorang pegawai kerajaan adalah boneka yang boleh disuruh melakukan apa saja yang mereka mahu. Saya memberitahu mereka saya adalah tuan kepada diri saya sendiri dan sesiapa pun tidak boleh merampas kebebasan itu dari saya walaupun ianya Kementerian Pelajaran mahupun yang lain kecuali Allah (penterjemah). Perjanjian saya dengan Kementerian Pelajaran hanya berkaitan dengan pendidikan dan

pengajaran, tidak ada padanya kenyataan ucapan kepada ketua-ketua kerajaan. Inilah intisari perbincangan saya dengan pegawai-pegawai berkenaan. Akhimya mereka terpaksa mencari orang lain yang lebih sesuai untuk tugas itu.

Syarikat Terusan Suez bersikap pemurah

Tabung kewangan Ikhwan hampir habis sebelum masjid dapat disiapkan. Di samping itu, kesemuanya di bawah satu perencanaan. Satu hari, Pengarah Syarikat Terusan Suez (terdapat namanya dalam buku Arab) melewati kawasan pembinaan tersebut bersama-sama. Setiausahanya (namanya). Dia ternampak pembinaan tadi dan mula bertanya kepada mereka yang bertanggungjawab. Waktu itu saya berada di sekolah. Seorang pekerja Syarikat Terusan Suez datang menemui saya lantas menyatakan keinginan pengarahnya untuk berjumpa saya di pejabatnya. Justeru itu, saya pun pergi menemuinya. Kami berbual dengan bantuan seorang juru bahasa. Dalam perbualan itu, dia menyatakan hasratnya untuk memberi bantuan setelah dia melihat pembinaan masjid itu tadi. Dia juga meminta plan masjid dan lain-lain butir berkenaan. Saya mengucapkan terima kasih kepadanya dan terus pulang. Saya pun menghantar plan masjid dan lain-lain butir berkenaan.

Selepas banyak bulan berlalu, saya hampir lupa kepada janji pengarah tadi. Pada satu hari saya dipanggilnya. Setibanya saya di tempatnya, dia memberitahu Syarikat Terusan Suez sanggup memberi wang sejumlah 500 junaih untuk membiayai pembinaan masjid tadi. Saya mengucapkan terima kasih kepadanya dan memberitahunya jumlah wang itu sangat sedikit. Saya tidak menyangka sebuah syarikat yang terkenal seperti itu memberi wang yang sangat sedikit. Saya mendapat tahu sebuah gereja yang cantik sedang dibina oleh Syarikat tersebut dengan pembiayaan sebanyak 500,000 junaih sedangkan jumlah wang yang ditawarkan untuk masjid hanyalah 500 junaih sahaja. Dia bersetuju dengan pendapat saya tetapi hakikatnya Syarikat tersebut memberi peruntukan sebanyak itu saja. Pengarah itu meminta saya menerima sumbangan wang tadi dan berjanji hendak meminta peruntukan yang lebih daripada Syarikatnya. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepadanya dan memberitahunya, ‘Saya tidak boleh menerima wang itu. Orang yang boleh menerima wang itu ialah Bendahari kami, iaitu Syeikh Muhammad Hussain Zamloot. Saya akan memberitahunya mengenai wang sumbangan itu dan beliau akan mengambil wang itu dari awak.’ Syeikh Muhammad Hussain Zamloot mengambil wang itu dari Syarikat Terusan Suez. Semenjak itu, pengarah tadi tidak lagi memberi sebarang sumbangan dan kami pun tidak meminta wang darinya.

Fahaman palsu

Apabila orang orang yang tamak mendengar berita kami menerima wang dari Syarikat Terusan Suez, mereka pun mula menyebarkan khabar angin mengatakan Ikhwan sedang membina sebuah masjid dengan wang orang-orang bukan Islam. Banyak fatwa fatwa palsu diberikan untuk mengukuhkan khabar angin yang telah disebarkan. Mereka menyoal, ‘Bolehkah solah dilakukan di dalam masjid yang dibina dengan wang orang-orang bukan Islam?’ Kami berusaha sedaya upaya menerangkan kepada orang ramai bahawa khabar angin itu palsu dan tidak berasas. Kami memberi alasan bahawa kekayaan syarikat itu adalah kepunyaan kita. Wang itu adalah kepunyaan kita dan bukannya milik mereka. Saya memberitahu mereka bahawa kesemuanya, termasuk Syarikat itu, laut dan lain-lain lagi ialah kepunyaan kita.

Orang-orang bukan Islam ini ialah perampas dan perompak. Mereka berupaya memerintah kita lantaran kelalaian kita sendiri.

Dengan keberkatan Allah, masjid itu siap dibina tanpa menggunakan wang orang-orang bukan Islam. Wang orang-orang bukan Islam digunakan untuk membiayai pembinaan Pusat Gerakan Ikhwanul Muslimin. Allah berkuasa ke atas segala-galanya. Dengan demikian, berakhirlah masalah yang diwujudkan oleh golongan yang mementingkan diri itu. Golongan ulamak yang berfikiran sempit selalu mencipta masalah yang sedemikian rupa.

Pusat Pengajian Islam

Dengan izin Allah, bangunan sekolah dibina di atas masjid. Saya masih ingat pelajaran yang berkaitan teladan yang baik di sekitar tarbiyyah dan murabbi (pendidik). Saya sangat kenal dengan pendapat dan cara-acara mendidik beberapa orang pendidik Barat seperti Beethoven, Pestalozy, Herbart dan lain lain. Namun begitu, saya tidak menurut pendapat mereka secara membuta tuli. Sebaliknya saya mengubahsuaikan pendapat dan cara-cara mereka itu menurut acuan Islam. Sebaik saja bangunan sekolah siap, kami memberinya sebuah nama Islam iaitu ‘Maahad Hira`al Islami’. Kami mengenakan satu pakaian seragam khas untuk para penuntutnya. Pakaian seragam itu terdiri dari baju gamis (baju tup) labuh dan kot yang dibuat dari bahan tempatan, sebuah kopiah putih serta sepasang sepatu. Jadual waktu sekolah itu berbeza dari sekolah-sekolah lain. Ada peruntukan waktu untuk menunaikan solah di dalam jadual waktu tersebut. Waktu belajar bermula awal pagi dan berakhir sebelum solah Zohor. Kemudian semua penuntut dikehendaki menunaikan solah Zohor secara berjemaah di masjid. Selepas itu mereka pulang ke rumah dan kembali semula ke sekolah selepas makan tengahari untuk menunaikan solah Asar secara berjemaah.

Susunan pengajian (silibus) terbahagi kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama menepati sistem pelajaran sekolah-sekolah rendah. Penuntut kumpulan ini disediakan untuk memasuki Al-Azhar dan lain-lain pusat pengajian agama. Para penuntut kumpulan kedua menjalani corak pengajian yang serupa dengan yang pertama tadi untuk separuh hari. Waktu yang separuh hari lagi dihabiskan untuk pelajaran yang berkaitan dengan pertukangan (perindustrian atau vokasional). Selepas makan tengahari, para penuntut kumpulan ini dihantar ke bengkel-bengkel dan kilang-kilang Ikhwanul Muslimin untuk menjalani latihan amali. Para pemilik bengkel-bengkel dan kilang kilang itu adalah ahli-ahli Ikhwan yang telah menyatakan kesediaan mereka untuk melatih para penuntut tadi. Hanya Sekolah Islam Hira yang menyediakan kemudahan khas ini. Kumpulan ketiga pula menjalani corak pengajian yang berdasarkan sistem pelajaran rendah pihak kerajaan. Para penuntut ini diberi persediaan untuk mengikuti pelajaran menengah dan pelajaran yang lebih tinggi. Para penuntut ini semua dikenakan yuran yang bersesuaian. Mereka tidak pernah diberi bebanan yang lebih (dari kemampuan mereka). Mereka diberi biasiswa menurut kadar peratus keluarga-keluarga miskin yang ada. Mereka diajar oleh guru-guru dan jurulatih-jurulatih yang berkelayakan tinggi. Tenaga pengajar ini semua menguasai mata-mata pelajaran yang mereka sampaikan.

Kami melaksanakan tugas kami dengan ikhlas dan cekap dan Allah telah membantu kami. Orang ramai mula tertarik dengan Sekolah Islam Hira. Kami

menggunakan cara-cara moden untuk mengajar para penuntut. Kebanyakan pelajaran diberi kepada para penuntut di taman-taman indah. Pengenalan huruf dan Ilmu Hisab diajar dengan menggunakan tanah, batu dan model-model kertas. Para penuntut diberi kebebasan sepenuhnya untuk menyuarakan pendapat atau bertanya mana-mana guru untuk menyelesaikan sebarang masalah yang mereka hadapi. Terdapat penyelarasan (atau kerjasama) sepenuhnya di antara pihak sekolah dengan keluarga para penuntut; dan juga di antara para penuntut dengan guru-guru. Ramailah para belia Ismailiah hari ini masih tidak dapat melupakan kebaikan di sekolah ini. Mereka juga tetap mengenangi kasih sayang yang wujud di kalangan para penuntut dan guru-guru.

Setelah saya meninggalkan Ismailiah, kedudukan Ma'ahad Hira' al Islami yang dijadikan contoh itu telah diturunkan ke taraf sekolah rendah biasa. Kementerian Pelajaran tidak memberi galakan; sebaliknya tentangan yang diberinya. Akhirnya ia menjadi sekolah rendah biasa. Sebab utama Sekolah Islam Hira' gagal mempertahankan kedudukannya ialah kekurangan guru-guru yang sanggup bekerja dengan semangat perjuangan Islam dan di samping itu sanggup mengorbankan masa serta wang ringgit mereka.

Setiap kali saya ada masa lapang, saya akan menyampaikan ceramah di Sekolah Islam Hira. Guru-guru pun turut hadir mendengar ceramah itu. Saya memimpin para guru di dalam dan di luar kelas dan juga membantu mereka membuat persediaan mengajar. Kadangkala saya turut mengiringi para guru dan penuntut-penuntut yang melawat taman-taman kerana tujuan pembelajaran mereka. Saya bersama-sama mereka lebih 2 jam setelah selesai mengajar sehingga hampir waktu Maghrib. Para penuntut tersebut berpeluang bergerak bebas dan bertanya apa saja soalan yang mereka suka. Hal ini memberi mereka hiburan dan juga pelajaran. Masa saya tidak sia-sia dan ianya habis di dalam suasana riang. Hubungan saya dengan para penuntut begitu baik sekali sehingga saya mengenali sungguh keadaan mereka dan keluarga mereka. Saya mengasihi mereka seperti anak-anak saya sendiri. Mereka pula menghormati saya seperti ibu bapa mereka atau abang mereka sendiri. Saya juga menggesa para guru supaya bersikap sedemikian lunak terhadap para penuntut.

Saya mengingatkan mereka bahawa mereka adalah para pendakwah Islam dalam generasi muda, patut sekali mereka mencorakkan hidup mereka dan melaksanakan kewajipan mereka menurut dasar-dasar Islam. Ramai dari mereka memiliki semangat yang begitu. Ada juga yang gagal memahami saya. Masyarakat kita memerlukan orang orang yang boleh berkhidmat untuk rakyat dengan sepenuh hati. Kita kekurangan guru guru yang boleh bekerja tanpa tekanan dan rasa takut. Namun begitu, segala-galanya berada dibawah kekuasaan Allah. Dia boleh mengubah hati manusia mengikut kehendak-Nya.

Syeikh Muhammad Sa'id Al 'Urfi

Orang yang mencadang nama 'Sekolah Islam Hira' adalah scorang sahabat yang alim dan berwibawa. Beliau bernama Syeikh Muhammad Sa'id Al 'Urfi, seorang ulamak ahli parlimen Syria dari Deer-az-Zoor. Dia menentang kekejaman dan penjajahan Perancis. Lantaran itu, pihak Perancis telah merampas harta benda dan perpustakaannya dan dia juga dibuang negeri. Dia datang ke Mesir dan menetap di Kaherah. Dia menyewa sebuah bilik di jalan Ibni Yunus dan menamakannya 'Qasri al-'Ali. Kami bertemu secara kebetulan. Saya dapati dia bersifat ikhlas, amanah,

berfikiran luas dan berbagai sifat mulia yang lain. Di samping itu, dia juga seorang doktor, askar dan Muslim yang bertakwa. Beliau menuntut ilmu agama dari seorang ulamak besar Syria dan kemudian memasuki tentera Turki. Kedudukannya di dalam tentera Turki meningkat ke peringkat pegawai. Beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan Bahagian Perubatan Tentera Turki. Hal ini telah membolehkannya mempelajari ilmu perubatan (yakni Sains Perubatan).

Syeikh Muhammad Sa'id al Urfi pandai menembak. Dia boleh menembak menembusi sepuluh sasaran dengan hanya menggunakan sepuluh butir peluru. Dia juga ahli sejarah dan sasterawan. Dia mampu menulis karangan dan juga sajak. Beliau juga pandai dalam falsafah dan berbicara. Dalam pada itu, dia juga bijak mematah hujah orang. Saya beruntung banyak dapat bergaul dengannya. Apabila beliau melawat Ismailiah, dia menghabiskan masa berhari-hari bersama-sama dengan kami. Hari-hari tersebut ialah hari-hari yang paling baik dalam hidup saya. Sebaik saja Syeikh Urfi mengetahui rancangan kami hendak membina sebuah sekolah dan sedang memikirkan nama yang sesuai untuk sekolah tersebut, dia pun berkata, 'Ismailiah ialah sebuah pusat gerakan Islam. Sekolah ini ialah sekolah pertama yang diasaskan oleh para anggota dakwah. Dakwah ini ialah dakwah Quran. Al Quran diturunkan buat pertama kalinya di Gua Hira. Oleh itu, sekolah ini patut diberi nama 'Sekolah Islam Hira'.'Cadangannya itu diterima dan sekolah itu pun diberi nama tersebut.

Setiap malam, Syeikh Urfi tidur hanya empat jam. Dia bangun awal dan mengetuk pintu-pintu bilik kami sambil berteriak, 'Bangunlah. Awak akan tidur lama di akhir hayat nanti. Kita mesti bangun dan sujud di hadapan Allah; memuji-Nya dan mengucap syukur kepada-Nya atas segala ganjaran yang Dia kurniakan kepada kita.' Syeikh Urfi pernah berkata, 'Panggillah sahabat-sahabat awak dengan nama dan gelaran. Katakanlah kepada mereka bahawa mereka memiliki sifat-sifat Abu Bakar. Kepada setengah sahabat-sahabat yang lain pula, katakanlah mereka mempunyai sifat-sifat Umar al Khattab. Sikap ini akan mendorong mereka kepada ketakwaan dan juga menyemai sifat-sifat yang mulia di dalam kehidupan mereka.' Saya memberitahunya, 'Jika kami mengamalkan cara ini, orang ramai akan mengancam kami.' Dia menjawab, 'Awak tidak ada kena mengena dengan orang ramai. Awak adalah hamba-hamba Allah. Oleh itu, lakukanlah apa saja yang baik. Awak boleh namakan pusat pengajian awak itu 'Sekolah Lelaki Hira', 'Sekolah Perempuan Ummat-ul-Mu'minin', 'Kelab Khandaq' dan lain-lain nama lagi. Dengan cara itu, awak akan menghidupkan kembali sejarah Islam yang lampau.'

Dia juga selalu berkata, 'Tidak ada bahaya menerima masuk ke dalam pertubuhan kita, orang-orang yang masih lalai dalam solahnya dan masih melakukan dosa-dosa kecil dengan syarat mereka adalah orang-orang yang takutkan Allah dan bersedia untuk mematuhi undang-undang serta peraturan pertubuhan. Orang seperti ini akan meningkat maju dan menjadi patuh. Risalah kita ialah umpama sebuah Pusat Perubatan di mana pesakit datang menemui doktor untuk mendapat rawatan. Janganlah kita menutup pintu terhadap mereka ini. Berusahalah membawa dan menarik mereka kepada kita (yakni risalah kita - penterjemah). Ini patut menjadi tugas utama pertubuhan awak. Namun begitu, ada dua golongan manusia yang patut dijauhi. Yang pertama ialah golongan mulhid (atheis) yang tidak beragama itu. Mereka ini susah hendak diperbetulkan kerana mereka sangat berjauhan dari keimanan kepada Allah. Awak tidak mendapat sebarang kebaikan dari mereka. Yang kedua pula ialah orang-orang yang baik tetapi tidak dapat memelihara tatatertib pertubuhan (atau

peraturan pertubuhan) dan tidak memberi kepatuhan. Orang-orang ini boleh menyebabkan tatatertib pertubuhan menjadi kucar-kacir. Orang-orang ini boleh mempengaruhi ahli-ahli pertubuhan dan juga boleh membawa keretakan kepada mereka. Mereka boleh bekerja untuk pertubuhan sebagai orang luar. Jika awak memasukkan mereka ke dalam pertubuhan, maka pertubuhan awak akan menjadi kelam kabut. Ada ketikanya, kemasukan orang orang tertentu ke dalam pertubuhan dianggap sebagai kelemahan di pihak pertubuhan. Oleh itu, orang-orang begini tidak boleh diterima masuk ke dalam pertubuhan.’

Syeikh Urfi juga berkata, ‘Para ulamak meraba-raba di dalam alam pemikiran. Hanya Iman saja merupakan jelmaan kebenaran. Orang-orang Mu’min akan mencapai kejayaan walaupun mereka lemah di segi kebendaan, jika Iman mereka teguh. Mereka yang lemah Iman akan kalah (rugi) walaupun mereka kuat di segi lahiriah dan kebendaan. Justeru itu, Iman ialah senjata yang paling kuat (ampuh) untuk menghadapi perjuangan hidup.’ Dia juga selalu menyebut, 'Setiap benda ada kebangkitan (kenaikan) dan kejatuhannya. Saya sendiri pernah mengalaminya. Apabila manusia itu bernasib baik, segala-galanya menurut kemahuannya. Bahkan seorang perompak pun akan datang dan menundukkan kepalanya. Tetapi, apabila nasibnya telah berubah kepada buruk, maka setiap orang akan berpaling darinya (yakni tidak mempedulikannya). Saya telah datang ke Mesir sebanyak dua kali. Kali pertama saya datang ke Mesir, saya adalah seorang ulamak terkemuka dan diiktiraf di negara saya. Orang-orang terhormat bandaraya awak telah mengalu-alukan kedatangan saya di stesen. Kali kedua saya melawat bandaraya awak, saya hanyalah seorang manusia biasa bernama Muhammad Sa’id al ‘Urfi. Kedatangan saya tidak disambut lagi kerana saya telah menjadi orang buangan kerajaan Perancis dan telah hilang segala pangkat dan kedudukan. Ketika inilah saya merasa malu dengan diri saya sendiri. Sepatutnya, pada waktu inilah saya layak menerima layanan dan sambutan yang lebih baik dan dikasihani. Walau bagaimanapun, dengan rahmat Allah, saya sangat gembira dapat bertemu dengan Ikhwanul Muslimin.’

Syeikh Muhammad Sa’id al ‘Urfi adalah seorang yang bermaruah tinggi, sederhana dan berjiwa besar. Ketika di Mesir, dia bekerja keras untuk menyara dirinya. Kerja yang dilakukannya termasuklah menyunting buku-buku. Dia tidak pernah meminta pertolongan dari sesiapapun. Dia membelanjakan sebahagian pendapatannya untuk dirinya sendiri dan bakinya diberinya kepada Ikhwanul Muslimin dan orang-orang yang menziarahinya. Dia kembali ke Syria setelah lama berada di Mesir. Di sina, dia sekali lagi dipilih menjadi ahli Parlimen. Dia datang ke Mesir bersama sebuah rombongan untuk kali ketiganya dan mengambil bahagian di dalam satu persidangan yang diadakan untuk membincangkan masalah Palestin. Sebaik saja dia menyimpan barang-barangnya di Hotel Intercontinental, dia terus pergi ke pusat gerakan Ikhwanul Muslimin. Dia sibuk dengan rakan-rakannya ketika acara rasmi. Masa lapangnya dihabiskan bersama-sama kami. Rasanya dia seorang hakim sekarang. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atasnya. Semoga Allah juga memberi pertolongan di dalam segenap bidang kehidupannya. Semoga Allah memberi kami peluang untuk menemuinya berkali-kali lagi.

Berdakwah di luar Ismaillah - Aboo Suwair

Aboo Suwair terletak di sebelah perkhemahan tentera British dan berhampiran dengan Ismailiah. Jaraknya dari Ismailiah ialah 15 kilometer. Para penduduknya

terdiri dari buruh-buruh yang bekerja di perkhemahan Aboo Suwair dan Sekolah Latihan Juru Terbang. Sejumlah Peniaga dan petani juga tinggal di situ. Saya melawat Aboo Suwair dan bercadang hendak membuka cawangan Ikhwanul Muslimin di situ. Saya pun mengambil keputusan untuk meninjau fikiran orang ramai di kedai-kedai kopi, jalan-jalan raya dan kedai-kedai. Akhirnya, saya sampai ke kedai Syeikh Muhammad Al Ajroodi, seorang yang berperibadi mulia dan mempunyai harga diri. Dia bijak bercakap dan suka berterus terang. Saya memerhati cara dia menjalankan perniagaan dan melayan pelanggan. Rasanya dia seorang lelaki yang beradab sopan. Saya mengucap salam dan duduk di sampingnya.

Beberapa orang lain juga sedang berada di dalam kedainya. Saya memperkenalkan diri saya kepadanya dan menerangkan tujuan saya melawat Aboo Suwair. Saya memberitahunya, 'Saya dapati awak memiliki sifat-sifat yang mulia. Saya rasa awak mampu memikul tugas di dalam Ikhwanul Muslimin.' Saya menjelaskan tujuan dan matlamat perjuangan Ikhwanul Muslimin kepada Syeikh Muhammad Al Ajroodi dan rakan-rakannya. Saya menerangkan kepada mereka bahawa undang-undang Islam ialah undang-undang yang teragung dan termulia bagi seluruh umat manusia. Saya memperingatkan mereka bahawa masyarakat kita sedang menuju kemusnahan dan kemungkaran telah merebak luas. Hal ini berlaku kerana kita lupa kewajipan kita kepada Allah. Kita berkewajipan melancarkan gerakan menyekat kemungkaran dari berleluasa dan menegakkan undang-undang Islam. Ini saja caranya manusia dapat merasa kebahagiaan dan masyarakat yang baik dapat ditegakkan. Kita berdosa jika kita mengenepikan kewajipan ini. Kita juga berkewajipan mencegah kemungkaran dan menyebar kebaikan. Perjuangan ini tidak boleh dilaksanakan bersendirian (atau berseorangan). Sebuah jemaah yang tersusun rapi diperlukan untuk menjalankan tugas ini. Jemaah sedemikian perlu ditubuhkan di setiap kawasan. Kita boleh namakan jemaah itu "Ikhwanul Muslimin'.

Syeikh Ajroodi dan rakan-rakannya mendengar penjelasan saya dengan penuh minat. Pada mulanya mereka menyangka saya mewakili satu pertubuhan kebajikan atau hanya hendak menyampaikan ceramah kepada mereka. Syeikh Ajroodi menunjukkan sikap baiknya dengan mengajak saya makan tengahari dan memesan secawan kopi untuk saya. Saya tersinggung dengan ajakan itu dan lantas bangun untuk pergi dari situ. Tetapi Syeikh Ajroodi meminta saya menyampaikan ceramah di masjid atau di surau yang terletak di tepi laut kerana orang kerap berkumpul di situ. Walaubagaimanapun saya memilih sebuah kedai kopi untuk menyampaikan ceramah. Cadangan saya itu diterima. Orang ramai berkumpul di kedai kopi tersebut. Mereka mendengar ceramah saya dengan penuh minat. Mereka terkejut dengan apa yang mereka dengar dan lihat. Mereka terpegun melihat seorang pemuda menyampaikan ceramah sedemikian rupa di dalam sebuah kedai kopi. Mereka tahu saya bukannya seorang Imam sebuah masjid atau seorang wali atau seorang ulamak besar. Mereka tertarik hati dengan ceramah saya itu dan meminta saya datang lagi untuk memberi ceramah. Saya memenuhi permintaan mereka itu.

Lawatan saya yang berulang kali ke Aboo Suwair telah membuahkan hasil yang baik. Satu hari, kami berkumpul di rumah Ahmad Afandi Dasuqi dan membuat keputusan membuka cawangan Ikhwanul Muslimin di Aboo Suwair. Walaupun bandarnya kecil, tetapi masih wujud perselisihan dan iri hati di kalangan penduduknya. Saya bukanlah penduduk asal Aboo Suwair. Ahmad Afandi telah dipilih menjadi Yang Di Pertua Ikhwanul Muslimin Cawangan Aboo Suwair. Beliau

adalah seorang peniaga dan bukannya seorang ulamak. Dia terlalu sibuk dengan perniagaannya sehingga dia tidak berkesempatan menyelesaikan masalah kumpulan-kumpulan masyarakat yang berselisihan itu. Lantaran itu, penyatuan jemaah di situ tidak dapat dikekalkan. Penyatuannya dipulihkan setiap kali saya melawat tempat itu. Akhirnya ada juga sejumlah ahli-ahli Ikhwanul Muslimin Aboo Suwair yang sudah terlatih. Mereka kerap melawat Ismailiah. Mereka mencadangkan Syeikh Abdullah Badwi dilantik menjadi Yang Di Pertua Ikhwanul Muslimin Aboo Suwair. Dia bertugas sebagai guru besar Sekolah Rendah di situ. Dia juga seorang yang alim dan kerap menyampaikan ceramah kepada orang ramai. Kegiatan ceramahnya ini dijalankan di masjid Aboo Suwair dan juga di hampir setiap rumah di situ. Dia sangat terkenal di bandar itu. Semua orang di bandar tersebut menyayanginya. Dia mempunyai hubungan yang sangat baik dengan orang ramai. Setiap orang menghormatinya.

Kelebihannya yang paling penting ialah dia mampu meluangkan masa. Selepas waktu sekolah habis, seluruh masa lapang yang terluang itu beliau gunakan untuk kegiatan Islam. Peluang ini tidak mungkin ada kepada seorang peniaga atau pekerja lain. Saya sangat setuju dengan cadangan mereka. Saya pergi menemui Abdullah Badwi di Aboo Suwair. Saya dapati beliau sangat bertepatan seperti yang diceritakan bahan lebih baik dari itu. Puji-pujian bagi Allah, Tuhan seluruh alam.

Saya gembira mendengar beliau seorang yang berilmu pengetahuan. Dia meneruskan pelajaran Al-Qurannya. Dia adalah seorang yang berwibawa, teliti dan jitu ketika berfikir. Saya pun menyuarakan tujuan saya menemuinya. Pada mulanya dia melahirkan rasa beratnya untuk menerima tugas itu. Setelah saya mendesak, barulah dia menerima dengan syarat dia dibenarkan mengatur rangka pentadbiran pertubuhan dengan mengambil rakan-rakan sejawatnya. Dia berpendapat guru-guru itu sangat menyayanginya dan mereka bersedia memberi kerjasama. Dia juga bercadang hendak mengambil beberapa orang tempatan yang agak matang pemikiran mereka. Saya menerima cadangannya itu. Dia pun mula menjalankan tugasnya dengan penuh kegigihan dan berazam untuk terus melaksanakannya dengan tegas. Allah memberkatinya dengan kejayaan dan cawangan Ikhwanul Muslimin di situ pun bertambah teguh.

Masjid Ikhwan di Aboo Suwair

Sehingga kini, hanya ada satu masjid saja di Aboo Suwair - iaitu Masjid Huroon. Masjid itu tidak cukup luas untuk menampung jumlah orang ramai yang datang bersolah di situ. Ada lagi sebuah surau kecil di tebing Terusan Ismailiah. Masjid ini juga adalah terlalu kecil untuk mengisi orang-orang yang datang menunaikan solah Jumaat. Masjid yang lain dibina oleh Syeikh Ibrahim Aboo Harish. Masjid ini belum siap pembinaannya. Syeikh Abdullah Badwi membuat keputusan untuk mengambil alih masjid ini dan menjadikannya pusat gerakan Ikhwanul Muslimin. Dia menemui Syeikh Ibrahim dan mendapat persetujuannya. Masjid itu pun diperbaiki dan dipersiapkan. Pejabat Ikhwanul Muslimin dibina berkembar dengan masjid tadi. Kini segala mesyuarat dan perjumpaan para anggota Ikhwan diadakan di situ.

Halaman yang luas di hadapan masjid dijadikan tempat latihan para anggota ‘Pengakap Ikhwanul Muslimin’. Ketika musim cuti, tempat itu bertukar menjadi

gelanggang bersyarah. Dengan demikian, masjid tersebut sangat berguna untuk tujuan dakwah Islamiah. Masjid itu menjadi landasan penting untuk memperkukuhkan perjuangan Ikhwanul Muslimin. Kami menghantar Syeikh Aidul Azhari untuk bertugas di pusat gerakan Ikhwanul Muslimin di Aboo Suwair. Beliau adalah salah seorang dari para penuntut yang menghabiskan sebahagian besar dari hidupnya di Al-Azhar dan di samping itu, beliau juga menghafal seluruh Al-Quran. Beliau telah memasuki Ikhwanul Muslimin ketika beliau datang ke Ismailiah. Dia bertugas sebagai kerani di pusat gerakan Ikhwan di Ismailiah. Dia juga adalah seorang Qari dan melaksanakan tugas sebagai Imam solah dan menyampaikan khutbah dengan baik. Kami mencadangkan beliau sebagai orang yang bertanggungjawab menjadi Imam solah, khatib dan pentadbir masjid Aboo Suwair. Gajinya dibayar oleh Pusat gerakan Ikhwan Ismailiah kerana Pusat Ikhwan di Aboo Suwair masih di peringkat awal. Kami tahu orang ramai akan tersinggung jika ada orang yang baru datang meminta wang derma yang banyak dari mereka. Permintaan wang perlu dielak sejauh mungkin dan ini adalah dasar Islam. Para pendakwah tidak pernah meminta balasan dari orang ramai. Jika para pendakwah meminta balasan, orang ramai tidak akan mendengar kata-kata mereka. Di samping itu, risalah Islam yang disampaikan oleh mereka itu tidak akan dipedulikan oleh orang ramai. Memang menjadi satu kenyataan bahawa orang ramai yang menolak risalah Islam tadi akan merasa mudah untuk memberi sumbangan di jalan Allah apabila risalah Islam itu sudah boleh diterima oleh mereka. Bahkan sumbangan yang lebih dari itu pun mereka sanggup berikan. Iaitu pengorbanan jiwa mereka sendiri untuk perjuangan di jalan Allah.

Kehadiran Syeikh Aidul Azhari banyak membantu dalam menegakkan Risalah Islamiah di Aboo Suwair. Perkembangan ini memuaskan hati kami.

Bendakwah di Pelabuhan Sa’id

Di Ismailiah ada seorang pemuda bernama Ahmad Afandi Misri. Umurnya di dalam lingkungan 17 atau 18 tahun. Dia berasal dari Pelabuhan Said. Buat sementara waktu, dia tinggal di Ismailiah atas urusan perniagaan. Walaupun begitu, banyak juga masanya yang habis di Ismailiah. Ketika inilah dia melawat pusat gerakan Ikhwanul Muslimin dan menghadiri majlis-majlis ceramah yang diadakan di situ. Tidak lama selepas itu, Ahmad Afandi Misri menjadi ahli rasmi Ikhwanul Muslimin. Kini dia menjadi salah scorang pendakwah Ikhwanul Muslimin yang terkemuka. Selepas menunaikan tugasnya di Ismailiah, dia pun kembali ke tempat asalnya, Pelabuhan Sa'id. Dia membawa bersamanya obor perjuangan Ikhwanul Muslimin. Allah membuat perbandingan Risalah Islam seumpama sebiji benih yang akan menghasilkan buah di mana saja ia ditanam (Rujuk Al-Quran: 14: 24-25)

Ahmad Afandi Misri bejaya mengumpul sejumlah besar para pemuda Pelabuhan Sa’id. Para pemuda ini tertarik dengan perjuangan Ikhwanul Muslimin. Kejayaan ini semua ialah hasil dari kewibawaan peribadi beliau sendiri serta keimanannya dan juga merupakan hasil dari pengorbanannya untuk perjuangan di jalan Allah. Berikutan itu, sebuah cawangan Ikhwanul Muslimin telah ditubuhkan di tempat yang terpencil di Pelabuhan Sa’id. Perjumpaan-perjumpaan telah diadakan di berbagai tempat di bandar itu. Orang ramai berkumpul selepas solah Maghrib atau Isyak untuk berbincang mengenai perjuangan Ikhwanul Muslimin.

Ahmad Afandi Misri meminta saya melawat Pelabuhan Sa’id dan bertemu dengan para belia yang telah menyertai Ikhwanul Muslimin. Saya cukup gembira menerima berita itu. Saya pergi menemui mereka sebaik saja berpeluang. Kami duduk di satu sudut dan berbai'ah untuk melancarkan jihad terhadap golongan penentang Islam sehingga kami berjaya atau kami lenyap (musnah).

Selepas beberapa waktu, para anggota Ikhwanul Muslimin Pelabuhan Sa'id mula berfikir untuk memiliki tempat sendiri. Mereka berjaya menyewa sebuah tempat di Jalan Al Maniyya’ dan menjadikannya Pusat Gerakan Ikhwanul Muslimin Pelabuhan Sa'id. Duit yang dikumpul dari para anggota Ikhwan tidak cukup untuk membiayai pusat gerakan itu. Lagi pun, mereka telah mengambil keputusan tidak mahu mengutip derma dari orang ramai kecuali setelah mereka menyertai gerakan Ikhwanul Muslimin dan memberi sumbangan dalam bentuk yuran. Ikhwanul Muslimin Ismailiah menyara sebahagian dari pembiayaan Pusat Ikhwan di Pelabuhan Sa’id. Ia menghantar bantuan apabila kutipan di Aboo Suwair tidak mencukupi.

Apabila Pusat Ikhwan di Pelabuhan Sa'id telah kukuh, para ahli Ikhwan di situ mengambil keputusan untuk menyebar Risalah Islam secara terbuka kepada umum. Pada bulan Muharram, tahun Hijrah 1349, mereka mengambil peluang mengadakan satu majlis perhimpunan umum di tempat mereka yang baru itu. Para pemimpin Ikhwanul Muslimin Pelabuhan Sa’id dan Ismailiah telah bercakap dalam perhimpunan tersebut. Tajuk syarahan ialah ‘Penghijrahan Rasulullah s.a.w.’. Suasana di Pelabuhan Sa’id seumpama itu yang bertujuan menjelaskan riwayat hidup (sirrah) dan sunnah Rasulullah s.a.w. Para penduduk Pelabuhan Sa’id tahu sedikit sahaja mengenai pemimpin-pemimpin dan corak perjuangan Ikhwanul Muslimin kerana tidak berpeluang berjumpa dengan mereka. Ramai penduduk Pelabuhan Sa’id hadir di dalam perhimpunan tersebut. Ia merupakan perhimpunan Ikhwanul Muslimin Pelabuhan Sa’id yang pertama. Kehadiran orang ramai sangatlah menggalakkan dan perhimpunan itu berakhir dengan penuh kejayaan.

Pada hari perhimpunan itu, saya telah jatuh sakit secara mengejut. Tekak saya berasa sangat sakit. Saya menjadi begitu lemah sekali sehingga saya berbaring di sepanjang perjalanan ke Ismailiah. Doktor sekolah, iaitu Dr. Muhammad Bik Sadiq berkata kepada saya, ‘Kesihatan awak akan tergugat andainya awak mengembara pada siang hari dan bersyarah pada waktu malam nanti. Dalam keadaan apa sekali pun, awak dilarang dari bersyarah.’ Nasihat doktor itu saya ketepikan dan saya pun terus pergi ke Pusat Ikhwan di Pelabuhan Sa’id dengan keretapi. Saya terpaksa menunaikan solah maghrib cara duduk kerana terlalu lemah. Selepas solah maghrib, satu perasaan ganjil menyelubungi diri saya. Terfikir saya betapa gembiranya para anggota Ikhwan Pelabuhan Sa’id ketika itu. Mereka telah meletakkan harapan yang tinggi kepada perhimpunan itu. Mereka telah menyusun perhimpunan tersebut dengan menghadkan perbelanjaan peribadi mereka sendiri. Mereka juga telah bersusah payah menjemput orang ramai menghadiri perhimpunan tersebut. Kemudian saya bertanya kepada diri saya sendiri, ‘Patutkah saya merosakkan majlis mereka itu dengan mengatakan saya tidak sihat dan tidak boleh bersyarah?’

Saya merasa terharu memikirkan perkara ini dan hal ini telah membuat saya menangis. Saya berkeadaan begitu sehinggalah masuk waktu solah Isyak. Saya terus menangis di hadapan Allah dan berdo’a kepada-Nya agar memberi kekuatan untuk melaksanakan tugas itu. Tiba-tiba saya dapat merasa tenaga saya kian pulih. Saya

bersyukur kepada Allah dan menunaikan solah Isyak seperti biasa. Masa untuk menghadiri majlis perhimpunan itu pun tiba. Acara dimulakan dengan pembacaan Al-Quran. Kemudian saya bangun untuk berucap. Apabila saya mula berucap, saya tidak dapat mendengar perkataan-perkataan yang saya ucapkan. Tiba-tiba tenaga saya pun kian bertambah dan akhirnya saya berasa pulih sepenuhnya. Suara saya pun semakin jelas dan kuat sehingga dapat didengar di dalam dan diluar kawasan itu.

Waktu itu tidak ada pembesar suara. Suara saya menjadi begitu tajam sehingga saya rasa cemburu kepada diri saya sendiri. Perhimpunan itu pun berakhir dengan penuh kejayaan. Ucapan saya tadi memakan masa lebih dari dua jam. Sakit tadi, yang datang pada setiap tahun, telah berhenti dari berulang melainkan di waktu cuaca yang luar biasa sejuknya atau ketika saya bekerja terlalu lebih. Sesungguhnya ini semua adalah rahmat dan kasih Allah yang Maha Besar; yang merestui usaha-usaha Ikhwanul Muslimin Pelabuhan Sa'id.

Ikhwanul Muslimin Pelabuhan Sa'id terus maju di bidang Dakwah dan mengecap kejayaan demi kejayaan. Kini ada empat cabang Ikhwanul Muslimin di situ. Pusat Ikhwan di situ ada menyediakan sebuah padang permainan. Ramai pemuda yang cerdik dan ikhlas memasuki Ikhwanul Muslimin.

Gerakan Dakwah di Bahrul Sagheer

Satu perwakilan dari Bahrul Sagheer di Jamaliah turut serta di dalam salah satu majlis perhimpunan Ikhwan Pelabuhan Sa'id. Di antara mereka itu ialah Mahmood Afandi Abdul Latif, seorang pemuda dari Al Jamaliyah dan Umar Affandi Ghanam, seorang wakil penjual Syarikat Singer di Daqhiliyyah. Kehadiran mereka itu bukanlah satu rancangan yang telah diatur terlebih dahulu. Mereka datang ke situ kerana tertarik dengan majlis perhimpunan Ikhwanul Muslimin. Mereka mendengar segala syarahan yang diberi dan menunggu sehingga majlis itu habis untuk membincangkan tujuan dan matlamat Ikhwanul Muslimin. Dalam masa yang singkat saja, mereka mula menghantar surat demi surat kepada kami dan akhirnya sebuah cawangan Ikhwanul Muslimin telah dibuka di Bahrul Sagheer. Syeikh Mustafa At-Theer telah dipilih sebagai Yang Dipertua. Beliau adalah siswazah lepasan Al Azhar dan kini sedang mengajar di Pusat Islam Kaherah. Satu lagi cawangan dibuka di rumah Abdul Latif di Jamaliyah. Satu lagi cawangan dibuka di rumah Abdul Latif di Thaweelah yang bernama 'Jadidatul Manzila'. Justeru itu, dakwah Islamiah telah merebak ke kawasan tersebut.

Ketika hari-hari terakhir saya di Ismailiyah, saya telah pergi ke Bahrul Sagheer melalui Pelabuhan Sa'id untuk melawat cawangan-cawangan Ikhwanul Muslimin di situ. Lawatan tersebut ternyata mendatangkan rahmat. Lawatan itu juga membawa harapan baru kepada orang ramai di situ. Dalam lawatan tersebut, satu peristiwa menarik telah berlaku. Orang orang terkemuka di Al Manzila telah berkumpul untuk menyambut kedatangan saya. Mereka menyambut kedatangan saya dengan senyuman yang sangat bermakna tergambar di wajah mereka. Sebaik saja saya masuk ke dalam Pusat Ikhwan di situ, saya dapati ia penuh sesak dengan para ulamak dan pembesar bandar tersebut. Sejumlah besar masyarakat umum turut hadir di situ. Mereka juga memberi senyuman yang sangat bermakna kepada saya. Senyap-senyap saya bertanya Syeikh Mustafa At-Theer, 'Apakah makna ini semua?' Syeikh itu menjawab, 'Kerana awak berbeza dari apa yang mereka duga. Mereka menyangka

awak adalah seorang ulamak tua yang hebat. Sebaliknya, mereka melihat seorang pemuda yang baru berumur dua puluh lima tahun. Sekarang kita mesti tunjukkan kehebatan peribadi awak agar keyakinan mereka kembali pulih. Kita mesti cuba sedaya upaya untuk membuktikan kemampuan kita.’

Saya memberitahunya, ‘Saudara, kejayaan itu berada di tangan Allah. Kekuatan atau pertolongan dari Allah saja. Sebarang ketentuan dari Allah pasti berlaku. Manusia adalah nama kepada dua anggota (jasad) kita. Anggota yang pertama ialah lidah dan anggota yang kedua ialah hati. Hati manusia berada di antara dua ‘jari’ Allah. Saudara Hameed Askariya ada bersama-sama saya.’ Saya menyambung, ‘Kehadirannya adalah satu berkat. Insya Allah, beliau akan mengisi kekosongan dan memperbetulkan keadaan.’

Saya berucap di perhimpunan itu pada waktu petang. Khemah-khemah di situ telah pun padat dengan manusia. Selepas saya berucap, sejumlah orang ramai datang berjumpa saya untuk menyuarakan pendapat mereka secara berterus-terang. Mereka memberitahu saya mereka menyangka saya ini seorang Syeikh (ulamak) tua sebelum ucapan itu bermula. Tetapi kini, mereka telah melihat Syeikh yang sebenar. Semua ini adalah rahmat Allah.

Selepas majlis tadi, saya kerap melawat kawasan itu. Banyak lagi cawangan telah ditubuhkan di berbagai tempat. Cawangan-cawangan ini dipimpin oleh orang-orang Islam yang berakhlak mulia dan gigih. Para anggota Ikhwan terkemuka yang saya temui terdiri dari Dr. Hilmi Al Jiyar, Keluarga Saweelam, keluarga Qadah dan keluarga Alhawari. Mereka semua senang dengan perjuangan dan kegiatan Ikhwanul Muslimin. Mereka terus memberi sokongan kepada kami. Gerakan pertama menentang dakyah Kristian yang di lancarkan oleh Ikhwanul Muslimin bermula di Al Manzila.

Kemudian ia merebak ke Pelabuhan Sa’id dan akhirnya usaha kami itu menjangkau seluruh negara. Kegiatan kami tadi memberi galakan kepada orang-orang Islam lain untuk bertindak. Mereka juga turut membina rumah-rumah anak yatim dan hospital-hospital untuk orang orang Islam yang miskin. Rumah-rumah anak yatim dan hospital-hospital tadi masih ada lagi.

Dakwah Islamiah di Suez

Saya telah melakukan lawatan pendek ke Suez kerana hendak berjumpa Syed Muhammad Al Hafiz At Tijani, sahabat-sahabat dan para guru. Waktu itu, Hakim Mahkamah Syariah, iaitu Syeikh Muhammad Abul Sa’ud tinggal di Suez. Beliau telah melancarkan satu gerakan dakwah di Suez. Para ulamak menghadiri majlis perjumpaan yang diadakan di masjid Al Gharib bagi memperingati dan menasihati manusia di situ. Saya berbual dengan beberapa orang ulamak mengenai dakwah. Di samping itu, saya juga bertemu dengan seorang peguam bela Mahkamah Syari’ah yang bernama Encik Muhammad Al Hadi Athiya dan sahabat beliau yang bernama Muhammad Hasan As-Syed.

Saya menerangkan kepada mereka mengenai perjuangan saya dan mendapat sambutan yang sangat baik dari mereka. Saya pun dijemput ke Suez untuk kali kedua. Saya pun pergi ke Suez untuk kali keduanya dan bertemu dengan mereka berdua

(yakni Muhammad Al Hadi Athiya dan Muhammad Hasan As-Syed). Bersama-sama mereka ada tiga orang lelaki bernama Muhammad Tahir Muneer Affandi, Syeikh Abdul Hafiz dan Syeikh Afifi Asy-Syafi'ie 'Atwah. Hasil daripada pertemuan ini telah membawa kepada tertubuhnya sebuah cawangan Ikhwanul Muslimin di Arba'in. Syeikh Afifi Asy-Syafi'ie telah dipilih menjadi Yang Dipertuanya. Semenjak itu gerakan Islam di Suez semakin maju dan banyak lagi cawangan lain telah dibuka. Sebuah bangunan telah dibina dan ia merupakan pusat Ikhwan Suez. Kini Ikhwanul Muslimin telah membuka cawangan di hampir seluruh bandar bandar di persisiran Laut Merah. Kesernua cawangan-cawangan ini berada di bawah pengawasan Pusat Ikhwanul Muslimin Suez. Sekumpulan orang-orang Islam yang bertakwa dan wara' telah menyertai gerakan Ikhwanul Muslimin.

Saya tidak lupa satu pengalaman di Suez. Pada malam itu, kami sedang duduk di atas hamparan di rumah Almarhum Hasan Afandi (semoga Allah mencucuri rahmat ke atasnya dan meletakkannya di syurga). Kami sedang mengadakan satu perbincangan ilmiah di dalam suasana malam yang sunyi sepi itu. Perbincangan itu melibatkan beberapa masalah yang sukar dan rumit. Syeikh Abdul Hafiz menghadapi kesukaran untuk memahami maksud sebenar satu ayat Al Quran di dalam surah Shad (38: 35). Ayat itu berkaitan dengan do'a Nabi Sulaiman (a.s.):

Maksudnya:

> *Ia berkata: "Ya Tuhanku, ampunilah aku dan anugerahkanlah kepada ku kerajaan yang tidak dimiliki oleh seorang juapun sesudah ku, sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pemberi."*

Nabi Sulaiman memohon keampunan Allah dan di samping itu, perasaan bersalah atau berdosa menyelubungi fikirannya. Nabi Sulaiman juga ingin memiliki jajahan takluk yang luas dan ini menunjukkan keyakinan beliau kepada rahmat Allah. Syeikh Abdul Hafiz berasa sukar untuk memahami bagaimana kedua perkara yang bertentangan ini boleh diselaraskan. Jawapan saya kepada masalah itu ialah seperti berikut:

Nabi Sulaiman a.s. telah berkata bahawa semua isteri-isterinya akan mengandung pada sesuatu malam yang tertentu. Mereka akan melahirkan anak-anak yang bertakwa, yang akan membantunya memperluaskan kerajaan dan dakwahnya. Tetapi hanya salah seorang saja dari isteri-isteri itu yang melahirkan anak dan anak itu pula cacat. Kegagalan do'anya tadi menyedarkannya kepada kesilapan yang dia telah lakukan. Dia telah berharap kepada anaknya untuk memperluas dan memperkukuhkan kerajaannya, dan bukannya kepada Allah. Allah mampu memberi sesuatu kerajaan kepada sesiapa saja yang Dia suka. Nabi Sulaiman sedar akan kesilapannya itu. Lantaran itu, dia pun memohon keampunan daripada Allah dan secara terus menerus (direct), meminta Allah memberi kerajaan yang diperlukannya itu. Tindakannya meminta terus dari Allah ini merupakan satu pembersihan dan penolakan terhadap kesilapan yang dilakukannya. Kesemua para hadirin setuju dengan huraian saya itu (atau tafsiran saya itu).

Perbincangan begini berterusan sehingga lewat malam. Ianya berakhir dengan satu pengalaman rohani yang anih dan mengagumkan. Bayu pagi menghembus lembut. Setiap orang dari kami begitu asyik (khusyuk) sekali menghubungi Allah sehingga semuanya rasa sangat terharu. Setengahnya menangis dan ada pula yang

sedang bersedih dan bertaubat. Sebahagiannya pula sedang bertakwa dan beribadat. Begitulah kami menghabiskan malam. Kami semua pun memperbaharui bai'ah pada malam itu. Seterusnya sembahyang malam sehingga fajar. Firman Allah (33:23):

Maksudnya:

> "Di antara orang-orang Mukmin itu ada orang-orang yang menepati apa yang telah mereka janjikan kepada Allah; dan di antara mereka ada yang gugur. Dan di antara mereka ada (pula) yang menunggu-nunggu* dan mereka sedikitpun tidak merubah (janjinya) ...."

* Maksudnya menunggu apa yang Allah telah janjikan kepadanya.

Saya masih ingat lagi kisah 'buah henna'. Saya telah menziarahi rumah seorang anggota Ikhwan semasa lawatan saya ke Suez. Saya dapati di atas meja rumahnya ada sebuah buku pengembaraan oleh Fairuz Abadi. Saya pun membukanya lalu terus membaca keratannya. "Sesungguhnya Nabi s.a.w. begitu suka dengan buah henna." Saya pun begitu teringin untuk mendapatkan buah henna sebagai mengikuti langkah nabi s.a.w. Bagaimana harus saya mendapatkannya sedangkan saya di negeri dan di rumah orang.

Kemudian kami pun menuju ke Pusat Ikhwan di situ. Saya pun menceritakan kepada mereka. Ketika itu terdengar seorang dari sekumpulan kanak-kanak memanggil nama Syeikh al Hadi 'Atiah. Lalu beliau pun keluar mendapatkan mereka. Budak itu telah memberi seranting yang penuh dengan buah henna dan berkata: Berikan ini kepada Syeikh itu lalu ditunjukkannya kepada saya. Syeikh al Hadi membawa buah itu sambil berkata: Ini merupakan hadiah dari 40 orang budak itu kepada kamu. Saya berkata sambil tersenyum: Ini bukan saja hadiah 40 orang budak itu bahkan hembusan dari mengingati Rasulullah s.a.w. Kami pun berasa gembira pada hari itu.

Sejarah Gerakan Islam di Kaherah

Sebuah pertubuhan agama telah diasaskan di Sekolah Perdagangan di Jalan Al Falaki. Ia diasaskan oleh dua orang penuntut bernama Abdur-Rahman As Sa'ati dan Mahmood Sa'adi Al Hakeem. Beberapa orang rakan mereka berdua turut terlibat di dalam pertubuhan tersebut. Kerap kali mereka dicemuh oleh para penuntut lain. Sebahagian dari para penuntut dan kakitangan sekolah menentang mereka. Namun begitu, mereka tetap menjalankan kegiatan dengan senyap dan sabar.

Para penuntut yang bergiat tadi kini telah tamat pengajian mereka. Dengan rahmat Allah, Abdur-Rahman As Sa'ati dan Mahmood Sa'adi l Hakeem mendapat kerja di Bahagian Kejuruteraan, Keretapi Mesir. Hati mereka dipenuhi kecintaan kepada Islam. Mereka begitu bersedia sekali untuk berjuang di jalan Allah dengan penuh tanggungjawab. Mereka sentiasa bersedia untuk melakukan pengorbanan kepada Islam dan orang orang Islam. Waktu itu, jalan paling baik untuk memperjuangkan Islam ialah dengan menubuhkan sebanyak-banyak pertubuhan Islam yang boleh. Lantaran itu, mereka pun bersepakat untuk menubuhkan satu pertubuhan yang memperjuangkan Islam. Pertubuhan yang diasaskan oleh ialah Persatuan Kebudayaan Islam. Mereka telah menjadikan sebuah bilik di halaman pejabat Rom sebagai tempat kegiatan mereka pada awalnya. Sejumlah besar para cendekiawan

menyertai gerakan mereka. Mereka kerap menyampaikan syarahan dan ceramah yang menyentuh Islam. Mereka menyeru dan mengajak orang ramai kepada Islam dengan cara yang amat menarik.

Para penuntut dan cendekiawan muda terkemuka yang menyertai persatuan tersebut ialah Syeikh Muhammad Ahmad Syariyyat, Hamid Syariat, Mahmood Al Barari, Syeikh Muhammad Farghali dan Syeikh Jamil Uqqad.

Di ketika yang sama juga, persatuan itu mengkaji perjalanan Ikhwanul Muslimin Ismailiah. Mereka memerhati bagaimana cawangan-cawangan Ikhwanul Muslimin merebak di seluruh bandar Ismailiah. Setelah mengkaji ini semua, mereka pun membuat kesimpulan bahawa perpaduan bererti kekuatan dan perpecahan membawa kepada kelemahan. Mereka yakin betapa perlunya penyatuan usaha dalam memperjuangkan Islam, Berikutan itu, mereka pun menghubungi Ikhwanul Muslimin Ismailiah dan berbincang mengenai penyatuan. Hasilnya menggalakkan. Persatuan Kebudayaan Islam pun diserapkan ke dalam Ikhwanul Muslimin dan ia dijadikan cawangan Ikhwan di Kaherah.

Selepas pernyerapan itu, Ikhwanul Muslimin Kaherah mendapat sebuah bilik baru sebagai pusat gerakannya. Bilik itu terletak di Bangunan Saleem Basya Hijazi di Jalan Souqul as-Silah. Para anggota Ikhwan memperbaiki tempat itu sehingga ianya sesuai untuk kegiatan mereka di ibu negeri Mesir itu. Namun begitu, mereka tidak mampu mengubah bilik itu menjadi pusat kegiatan yang besar di Kaherah kerana tabung kewangan tidak mencukupi. Oleh itu, pembiayaan pusat gerakan Ikhwan Kaherah ditanggung oleh Ikhwan Ismailiah sehinggalah ia mampu berdikari. Tidak lama kemudian, saya pun ditukarkan ke Kaherah. Berikutan itu, induk (ibu pejabat) gerakan Ikhwanul Muslimin di Ismailiah telah dipindahkan ke Kaherah pada Oktober tahun 1932 M. Waktu itu, pusat Ikhwan Kaherah sedang menghadapi masalah kewangan yang sangat genting kerana masih berada di peringkat awalnya. Ia dibantu oleh Ikhwan Ismailiah. Ketika Ikhwan Kaherah berada di dalam keadaan ini, ia telah ditawarkan bantuan kewangan yang besar dengan syarat ia menyebelahi kerajaan dan menyokong segala rancangannya. Perdana Menteri ketika itu ialah Sidqi Basya. Waktu membincangkan tawaran kerajaan itu, Abdur Rahman as Sa'ati (ketika itu hanyalah seorang pegawai kerajaan biasa) memberi pendapatnya. Pendapatnya itu diingati oleh kami semua dengan penuh kebanggaan. Berikut ialah pendapatnya itu:

"Tangan kita mungkin dipotong. Tetapi tangan-tangan ini tidak boleh menerima bantuan kewangan yang ditawarkan dengan tujuan memesongkan kita dari Islam atau sebagai keuntungan peribadi. Akan kita puas hati dengan dasar kerajaan sekarang ini, maka kita berkewajipan menyokongnya walaupun kitar terpaksa mengorbankan nyawa dan harta benda kita. Pengorbanan kita itu tidak meminta sebarang balasan."

Begitulah gambaran iman para anggota Ikhwan yang terdiri pendakwah dan para penuntut muda dan pegawai pegawai kerajaan. Allah telah memusnahkan dan menggagalkan rancangan jahat para penentang Islam. Allah telah memberi kejayaan kepada para anggota Ikhwan yang amanah dan ikhlas itu. Allah sentiasa membantu orang-orang yang mempertahankan Islam. Puji-pujian bagi Allah, Tuhan seluruh alarm.

Sekolah Ummahaatul Mu'minin

Setelah Sekolah Islam Hira untuk lelaki diurus dan ditadbir dengan jayanya, maka para anggota Ikhwan pun berpakat untuk membuka sekolah yang serupa itu bagi kaum wanita. Mereka menyewa sebuah bangunan untuk dijadikan sekolah yang dimaksudkan itu. Sekolah itu diberi nama 'Sekolah Ummahaatul Mu'minin'. Mereka juga menyusun satu sistem pengajian bagi kaum wanita yang sesuai dengan Islam dan menggunakan kaedah pembelajaran yang moden dan saintifik. Saya mencadangkan supaya kaum wanita terpelajar di Ismailiah dilantik menjadi tenaga pengajar sekolah itu. Cadangan saya itu diterima. Ahmad Abdul Hamid, seorang Muslim yang berperibadi mulia dan alim telah dilantik menjadi pengetua sekolah tersebut. Beliau adalah seorang ahli Ikhwan yang sangat rapat.

Sekolah Ummahaatul Mu'minin memainkan peranannya dalam gerakan Islam seperti yang dikehendaki oleh Ikhwanul Muslimin. Tidak lama kemudian, ia diambil alih oleh Kementerian Pelajaran. Berikutan itu, sebuah cawangan Al Akhawatul Muslimat telah ditubuhkan. Ahlinya terdiri dari para isteri, anak-anak perempuan, kakak dan adik perempuan dan saudara mara wanita para anggota Ikhwanul Muslimin. Para guru wanita sekolah Ummahaatul Mu'minin mengajar dan mendidik bahagian wanita kami (Al Akhawatul Muslimat). Satu garis panduan disediakan untuk mereka agar mereka akan menjadi wanita-wanita yang mampu dan layak memperjuangkan Islam.

Kumpulan Pengakap

Ikhwan juga menyusun rancangan latihan jasmani untuk para belia. Ia berlandaskan semangat jihad. Kesemua ahli Ikhwan bersedia untuk berjihad. Mereka sentiasa teringat hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud;

> "Barangsiapa mati dan tidak pernah berperang dan tidak ada berniat untuk berperang pun, (sebenarnya) telah mati dalam (kematian) jahiliyyah."
>
> (Riwayat Muslim)

Para anggota Ikhwan pun melatih sekumpulan belia sebagai pengakap dan menamakannya Kumpulan Pengakap Pengembara. Gerakan pengakap yang dimulai oleh Ikhwan Ismailiah telah dituruti oleh cawangan-cawangan Ikhwanul Muslimin yang lain. Gerakan pengakap Ikhwan ini berjalan dengan baik.

Gerakan Islam di Jabasat al Balah

Sejumlah buruh di Jabasat berpeluang menemui para anggota Ikhwan Ismailiah. Mereka sangat tertarik dengan Ikhwan. Mereka telah berazam hendak menyebarkan risalah Islam di kalangan buruh-buruh lain di Jabasat. Akhirnya, saya telah dijemput melawat Jabasat. Saya pun bertolak ke Jabasat dan melakukan bai'ah dengan mereka. Hal ini membawa perubahan kepada permikiran mereka.

Tidak lama selepas itu, buruh-buruh yang menjadi anggota Ikhwan telah meminta Syarikat Terusan Suez membina sebuah masjid kerana terdapat lebih dari 300 buruh yang beragama Islam di situ. Syarikat Terusan Suez bersetuju dengan

permintaan tersebut dan ia pun membina sebuah masjid untuk mereka. Di samping itu, Syarikat Terusan Suez telah meminta Ikhwanul Muslimin dan menghantar seorang ulamak untuk menjadi imam dan mengajar Al Quran di masjid tersebut. Syeikh Muhammad Farghali telah dipilih untuk menjalankan tugas tadi. Ketika itu, dia sedang mengajar di Sekolah Islam Hira di Ismailiah.

Syeikh Muhammad Farghali tiba di Jabasat Al Balah dan terus menjalankan tugasnya di masjid tadi. Sebuah rumah berdekatan dengan masjid telah disediakan untuknya. Dia berjaya menarik buruh-buruh Islam di situ kepada ajaran dan amalan Islam. Dalam tempoh tidak sampai beberapa minggu, dia berjaya mengubah pemikiran mereka. Dia membuat mereka sedar betapa pentingnya hidup ini dan betapa perlunya mereka membebaskan diri mereka daripada penyakit rendah diri (inferiority complex). Kini mereka telah merasa diri mereka berharga kerana hati mereka telah dipenuhi tenaga iman. Kini mereka telah sedar mereka berkewajipan menegakkan kerajaan Allah di atas muka bumi. Buruh-buruh Islam ini begitu gigih berdakwah dan mengamalkan dasar-dasar Islam. Mereka sentiasa teringat hadith Rasulullah s.a.w. yang berikut:

> "Sesungguhnya Allah menyukai apabila salah seorang daripada kamu mengerjakan sesuatu amalan (hingga) ia menyempurnakannya."
>
> (Riwayat Baihaqi)

Buruh-buruh Islam tadi mengamalkan ajaran-ajaran Islam dengan tegas sekali. Mereka tidak pernah meminta sesuatu yangg bukan hak mereka. Mereka menjauhkan diri dari sebarang godaan dan sifat tamak. Setiap buruh menghadapi pegawainya dengan rasa bangga tetapi dengan cara yang tertib. Percakapan mereka bersopan bersuara rendah. Mereka tidak kasar atau biadab. Mereka tidak mencela orang tetapi mereka tidak berdiam diri jika mereka dicela. Buruh-buruh tadi telah menjadi orang orang yang baik dan bermaruah melalui ikatan persaudaraan Islam (Ukhuwwah Islamiah). Para pegawai Syarikat Terusan Suez tidak senang dengan keadaan ini. Mereka sedar jika keadaan ini dibiar berterusan, lambat laun Syeikh Farghali akan berupaya menguasai sepenuhnya buruh-buruh Islam tadi. Bila hal ini berlaku, pihak Syarikat tidak akan mampu menghadapi mereka.

Pertikaian Antara Syelkh Farghali Dengan Syarikat Terusan Suez

Para pegawai Syarikat tersebut mengambil keputusan memecat Syeikh Farghali. Seorang pegawai telah ditugaskan untuk pergi menemuinya. Pegawai tadi berkata kepada Syeikh Farghali, 'Pengarah memberitahu saya bahawa perkhidmatan awak tidak diperlukan lagi. Pihak Syarikat bercadang hendak melantik orang lain menggantikan tempat awak. Dia akan menjalani tugas sebagai imam solah berjamaah di masjid. Pengarah menyuruh saya menyampaikan gaji terakhir awak.'

Dengan tenang Syeikh Farghah menjawab, 'Encik Franso (Francoise), saya tidak tahu bahawa saya ini bekerja dengan Syarikat Terusan Suez. Kalau saya tahu, saya tidak akan menerima tugas ini. Saya adalah wakil Ikhwanul Muslimin Ismailiah. Saya tidak akan menerima sebarang bayaran dari awak dan juga tidak akan berhenti bertugas di masjid walaupun kekerasan digunakan terhadap saya. Saya dilantik oleh ketua Ikhwanul Muslimin. Oleh itu, saya akan pergi jika ketua Ikhwanul Muslimin

meminta saya berbuat demikian. Sepatutnya, awak pergi ke Ismailiah dan berbincang perkara ini dengannya.'

Pegawai tadi kembah ke tempatnya selepas mendengar kata-kata Syeikh Farghali. Mereka menunggu kalau-kalau Syeikh Farghali datang meminta gajinya. Sebaliknya, beliau datang menemui saya di Ismailiah dan berbincang dengan saya mengenai perkara itu. Saya menasihatinya supaya bertegas dengan keputusannya dan jangan meninggalkan tempatnya dalam keadaan apa sekalipun. Saya memberitahunya supaya jangan berasa bimbang kerana tindakannya itu betul dan tidak mengambil apa apa pun dari pihak Syarikat. Berikutan itu, pihak pengurusan Syarikat itu akhirnya telah menghubungi Ibu pejabat mereka. Pengarah Syarikat tersebut pula kemudiannya menghubungi Gabenor Suez. Gabenor serta merta mengarah Inspektor Polis menghantar sepasukan polis ke Jabasat Al Balah untuk mengawal keadaan. Inspektor itu membawa sepasukan polis dan pergi ke pejabat Syarikat. Dia meminta Syeikh Farghali datang menemuinya di pejabat. Waktu itu, Syeikh Farghali berada di masjid. Beliau memberi jawapan berikut kepada orang yang datang memanggilnya ke pejabat, 'Saya tidak ada urusan dengan Pengarah atau Inspektor Polis. Urusan saya ialah di masjid. Jika salah seorang dari mereka ingin berjumpa saya, biarlah dia datang ke sini.' Akhirnya, Inspektor Polis itu datang menemuinya di masjid. Dia mendesak Syeikh Farghali supaya mematuhi arahan Pengarah Syarikat dengan meletakkan jawatannya dan kembali ke Ismailiah. Syeikh itu mengulangi jawapan yang pernah diberinya dahulu sambil menambah, 'Saya akan meninggalkan tempat ini jika awak membawa surat tamat perkhidmatan dari pejabat Ikhwan di Ismailiah. Jika awak ingin menggunakan kekerasan terhadap saya, silakan. Saya tidak akan berganjak dari tempat ini walaupun seinci. Hanya mayat saya saja yang akan meninggalkan tempat ini.'

Berita ini sampai kepada buruh-buruh Syarikat tersebut seperti halilintar. Mereka melancarkan mogok, berbaris dan terus datang ke situ. Inspektor Polis tadi dapat merasakan bahaya yang kian mengancamnya. Dia cepat-cepat kembali ke Ismailiah. Akhirnya dia menemui saya dan menyatakan kesediaannya untuk menyelesaikan perkara tersebut dengan baik. Saya memberitahunya saya tidak boleh berkata apa-apa lagi sehinggalah saya telah mengkaji perkara itu dengan teliti dan mengadakan mesyuarat dengan ahli ahli Jawatankuasa. Sementara itu, saya telah pergi ke Kaherah dan menemui satu-satunya orang Mesir yang menjadi ahli Lembaga Pentadbir Syarikat Terusan Suez. Saya berbincang dengannya mengenai perkara itu tetapi dia menunjukkan sikap tidak mempedulikan langsung kebajikan buruh-buruh Syarikat tersebut. Pendapatnya menyebelahi Pengarah dan Syarikat tadi. Bahkan dia tidak ada perasaan cintakan negaranya sendiri.

Akhirnya saya menemui Pengarah Syarikat dan meminta dia memberitahu sebab Syeikh Farghali hendak dipecat. Dia tidak menyatakan apa-apa sebab. Dia hanya mahu orang yang sanggup mematuhi arahannya. Saya masih ingat kata katanya:

'Saya berkawan dengan ramai pemimpin Islam. Saya tinggal di Aljazaair (Algeria) selama dua puluh tahun. Namun begitu, saya belum pernah berjumpa dengan orang seperti Syeikh Farghali yang ingin menguasai kami seperti seorang Jeneral tentera.'

Saya bercakap dengannya dengan cara yang lembut dan berusaha sedaya upaya meyakinkan bahawa Syeikh Farghali tidak bersalah. Sebenarnya Syarikat ini berlaku zalim terhadap buruh-buruh Islam dan merampas hak-hak mereka yang sah. Mereka tidak dilayan seperti manusia. Syarikat mendapat keuntungan banyak tetapi membayar gaji yang sedikit kepada buruh-buruh mereka. Keadaan Syarikat ini perlu diperbaiki.

Akhirnya, pengarah tadi setuju menyambung perkhidmatan Syeikh Farghali selama dua bulan lagi. Selepas itu, pihak Syarikat minta dia berhenti. Pengarah itu juga meminta pihak Ikhwan menghantar seorang imam lain selepas Syeikh Farghali tamat. Dia sanggup membayar gaji dua kali ganda dan menyediakan rumah dan lain lain kemudahan untuk imam baru itu. Selepas tempoh dua bulan, Syeikh Farghali kembali ke Ismailiah dan Syeikh Syafi'ie Ahmad dilantik menggantikan tempatnya. Semenjak itu, kegiatan di situ berjalan dengan aman dan jayanya.

Peristiwa Solah Hari Raya

Adalah menjadi amalan biasa saya untuk bercakap mengenai Islam di waktu bulan Ramadhan selepas solah Fajar di Masjid Abbasi. Ianya berkisar mengenai keberkatan bulan Ramadhan; mengenai puasa dan juga zakat. Di penghujung bulan Ramadhan, saya mula menerangkan mengenai solah Hari Raya. Saya memberitahu orang ramai bahawa solah Hari Raya sunat dilakukan di tempat lapang di luar bandar. Kesemua lelaki dan wanita Islam patut sekali memaparkan kegemilangan dan perpaduan Islam pada Hari Raya Aidil Fitri. Kesemua Imam Mujtahid kecuali Imam Syafi'e berpendapat fadhilat solah Aidil Fithri dilakukan di tanah lapang. Menurut Imam Syafi'e, adalah lebih baik dilakukan solah sunat Hari Raya di dalam masjid andainya masjid itu cukup besar untuk mengisi kesemua penduduk Islam dalam sesebuah bandar.

Ketika saya sedang memberi huraian mengenai solah sunat Hari Raya, seorang lelaki dari kalangan para hadirin mencadangkan dihidupkan semula sunnah Rasulullah s.a.w. dengan melakukan solah Hari Raya di padang pasir yang berada di luar kawasan bandar. Waktu itu, tidak ada masjid yang cukup besar untuk menampung kesemua penduduk Islam Ismailiah. Terdapat sebuah padang pasir luas di sekeliling bandar Ismailiah. Kesemua para hadirin bersetuju dengan cadangan itu. Saya pun turut setuju kerana saya tahu orang-orang Islam di kawasan itu sangat mudah berpecah-belah. Perasaan mereka sangat peka kepada persoalan agama.

Bandar Ismailiah baru saja selesai mengalami satu perbalahan pendapat mengenai agama. Saya memberitahu mereka supaya jangan bertindak lagi sehingga perkara tersebut dirujuk kepada para ulamak. Jika para ulamak bersetuju, barulah kita laksanakan rancangan tadi. Andainya mereka tidak bersetuju, kita batalkan rancangan tersebut.

Pihak penentang saya bertindak begitu cepat sekali. Berbagai tuduhan palsu dilemparkan kepada saya. Menurut mereka, bersolah di tanah lapang adalah satu bida'ah. Ianya satu langkah untuk meninggalkan masjid. Mereka menganggap cadangan tersebut bertentangan dengan Islam bahkan sebagai satu penyelewengan. Mereka berkata, 'Siapakah dia yang sanggup berkata solah di jalan raya itu lebih baik

dari solah di masjid. Kami tidak pernah mendengar perkara seumpama itu sejak dari zaman nenek kami.’ Berita ini tersebar ke seluruh bandar dengan cepat sekali. Orang ramai bercakap mengenainya di masjid-masjid, tempat-tempat umum dan kedai-kedai makan (restoran). Ini merupakan satu komplot merbahaya terhadap diri saya. Waktu itu, bulan Ramadhan sudah hampir ke penghujungnya. Saya sedang beri’tikaf di dalam masjid Al Abbasi. Setiap kali lepas solah, orang ramai mengerumuni saya kerana hendak bertanya mengenai apa yang dikatakan bidaah tadi. Pertanyaan pertanyaan mereka mengejutkan saya. Walau bagaimanapun, saya menerangkan dasar-dasar Islam kepada mereka dengan bahasa yang mudah, sambil menyebut berbagai rujukan yang berkenaan. Saya selalu berusaha mengelakkan diri dari perkara-perkara yang menimbulkan pertentangan. Saya menasihati mereka supaya menurut dasar-dasar Islam dan menjauhkan diri dari perkara-perkara yang mencetuskan kekecohan.

Malangnya masalah ini tidak dapat dikawal lagi hatta oleh para ulamak bandar itu sendiri. Orang ramai naik radang. Mereka ingin belajar dan menurut sunnah Rasulullah s.a.w. secara terperinci. Mereka mengisytiharkan bahawa Solah Sunat Aidil Fitri diadakan di kawasan lapang di luar bandar. Mereka terus membuat persediaan yang perlu. Saya mengatur rancangan untuk menyambut Hari Raya Aidil Fitri di Kaherah bersama keluarga. Saya tiba di Kaherah pada malam Hari Raya. Masalah di Ismailiah tadi diselesaikan oleh orang ramai sendiri. Solah Sunat Aidil Fitri di masjid Al Araisya diimamkan oleh Syeikh Muhammad Madyan. Orang di Ismailiah berasa gembira dan puas hati. Kini mereka dapat merasai keberkatan sunnah Rasulullah s.a.w. Mereka bergembira kerana dapat bersolah dengan cara sunnah. Selepas saya kembali dari Kaherah, saya dapati setiap orang kelihatan riang saja. Keributan yang disebabkan oleh para penentang tadi telah reda. Sunnah Rasulullah s.a.w. telah diamalkan secara terperinci. Kini, kedua-dua solah Hari Raya selalu diadakan di luar Ismailiah.

Peristiwa di Rumah Hakim (Qadhi)

Pada satu malam di bulan Ramadhan, saya menziarahi rumah seorang hakim Syariah dari Ismailiah. Turut hadir di rumahnya itu ialah Inspektor Polis, Hakim Mahkamah Awam, seorang Pengetua Sekolah Rendah, seorang Pengawas Pelajaran, para ulamak, orang-orang terpelajar, para peguam dan penduduk Ismailiah terkemuka yang lain. Suasana di majlis tersebut sangat menarik. Hakim tadi menghidangkan teh di dalam cawan-cawan perak. Apabila cawan perak itu dihulur kepada saya, saya meminta gelas biasa. Hakim memerhati saya sambil tersenyum. Katanya, ‘Mungkin awak tidak mahu minum di dalam cawan perak.’ Saya menjawab, ‘Benar. Lagi pun kita sedang berada di rumah seorang hakim Mahkamah Syari'ah.’ Hakim tadi menyambung, ‘Perkara ini boleh menimbulkan perselisihan dan memerlukan perbincangan. Mengapa kita harus bertegas di dalam perkara ini, pada hal kita tidak menurut dasar-dasar Islam yang lain?’

Saya menjawab, ‘Tuan! Tidak ada khilaf mengenai peraturan Islam yang melarang mengambil makanan dari bijana perak dan emas. Kami ada hadith sahih yang melarang perbuatan itu. Rasulullah s.a.w. bersabda:

Maksudnya:

> "Orang yang makan dalam bijana emas dan perak, perutnya akan dimakan api neraka."

'Peraturan itu jelas dan tidak perlu tafsiran lain lagi. Kita berkewajipan menurut sunnah Rasulullah s.a.w. Sepatutnya awaklah yang menyuarakan bangkangan. Sepatutnya awaklah yang menyuruh para hadirin minum teh di dalam gelas kaca.'

Beberapa orang lain turut terlibat di dalam perbincangan tersebut. Mereka berpendapat tidak perlu menolak minuman yang dihidangkan di dalam bijana perak kerana perkara itu ada khilaf.

Hakim Mahkamah Awam pun turut mencampuri perbincangan itu. Beliau berkata kepada Qadhi itu, 'Tuan, apabila ada peraturan, kita harus menghormatinya. Kita tidak perlu menyiasat sama ada larangan itu sesuai atau tidak. Pertama sekali, kita harus mematuhinya. Setelah itu, jika kepentingannya dijelaskan kepada kita, maka itu adalah lebih baik. Jika tidak, kita harus mengikut sunnah Rasulullah s.a.w. tanpa soal jawab lagi.'

Saya pun mengucapkan terima kasih kepada hakim mahkamah awam tadi dan berkata, 'Tuan, awak telah memberi pendapat yang menyebelahi syarak. Oleh itu, awak juga hendaklah menanggalkan cincin emas di jari awak kerana Islam melarang lelaki memakai perhiasan emas.'

Hakim mahkamah awam itu senyum dan menjawab, 'Tuan, pendapat saya berdasarkan Kanun Napoleon dan pendapat Qadhi tadi berdasarkan Al Quran dan As Sunnah. Setiap orang dari kita tertakluk dengan undang-undangnya sendiri. Oleh itu, maafkanlah saya. Walau bagaimanapun, awak boleh menegur Qadhi awak.' Saya menjawab, 'Setiap orang Islam wajib mematuhi peraturan Islam. Awak juga adalah orang Islam. Oleh itu, awak juga sepatutnya mematuhi Syarak.'

Hakim itu pun menanggalkan cincinnya. Lepas itu, kami pun meneruskan perbincangan di dalam suasana yang lebih selesa. Berita perbincangan tadi tersebar di seluruh bandar dan orang ramai menyokong pendirian saya.

Ceramah Saya Mengenai Israk dan Mikraj

Ketika menyambut Israk dan Mikraj, saya telah menyampaikan satu ceramah sempena malam Israk. Saya berkata, 'Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan satu penghormatan besar kepada baginda Rasulullah s.a.w. Jika kita yakin bahawa roh dapat menguasai seluruh jasad, maka berdasarkan alasan ini, bolehlah kita katakan bahawa roh Rasulullah s.a.w. menguasai seluruh jasad baginda. Dan roh tadi telah menangguhkan segala pergerakan jasmani seperti makan, minum dan lain-lain lagi.' Huraian ini boleh diterima. Di samping itu, orang-orang yang meragui peristiwa Israk dan Mikraj dapat memahami perkara tersebut dengan lebih baik dan mudah. Ahli sya'ir terkenal, iaitu Syouqee pernah berkata, 'Orang bertanya adakah perjalanan Israk Rasulullah s.a.w. melibatkan hanya roh saja atau pun termasuk juga jasad baginda. Tiada ragu lagi bahawa peristiwa itu melibatkan pengembaraan roh dan jasad baginda. Ini adalah kerana roh dan jasad telah dibersihkan begitu rupa sehingga keduanya telah menjadi sama.'

Selesai saja majlis tersebut, saya dapati para hadirin kelihatan gembira mendengar ceramah saya. Tetapi para penentang kami pula menyebarkan fitnah. Berikut ialah tuduhan tuduhan yang dilemparkan oleh mereka:

i) Ikhwanul Muslimin menyangkal berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj;
ii) Ikhwanul Muslimin menolak peristiwa itu sebagai satu mukjizat;
iii) Ikhwanul Muslimin berpendapat peristiwa Mikraj melibatkan roh saja tanpa jasad;
iv) Pendapat Ikhwanul Muslimin ini bertentangan dengan ijmak ummah. Keempat-empat Imam Mujtahid tidak berpendapat begitu.

Pihak Ikhwan hendak memberi jawapan balas tetapi saya menahan mereka. Saya memberitahu mereka, 'Dalam keadaan begini, hanya pendekatan yang membina (positif) saja yang berguna. Kewajipan awak semua ialah memimpin umat manusia ke jalan yang benar agar mereka meninggalkan keyakinan (aqidah) yang salah.' Pihak Ikhwan pun bertanya, 'Apa yang patut kita buat sekarang?' Saya menyuruh mereka mengatur satu lagi ceramah atas tajuk 'Keagungan Rasulullah s.a.w.' Mereka pun mengadakan majlis ceramah tadi. Orang ramai pun berhimpun menurut jadualnya. Dalam ceramah tersebut, saya menjelaskan beberapa sudut perjalanan hidup (seerah) Rasulullah s.a.w. yang gilang-gemilang itu. Ceramah itu memberi kesan kepada orang ramai yang hadir di situ. Mereka turut berbincang sesama mereka mengenai ceramah tersebut. Justeru itu, gagallah rancangan pihak penentang kami.

Kewibawaan Berdakwah di Bahrul Sagheer

Syeikh Ahmad Al Madani menjadi Ketua Ikhwanul Muslimin di Mayet Marja Salisil (Al Bahrul Sagheer) semenjak tahun 1930 lagi. Beliau pernah menulis surat kepada saya menyatakan tidak puas hatinya kerana saya tidak menulis apa-apa pun mengenai kegiatan Ikhwan Muslimin Mayet Marja yang merupakan salah satu perintis Ikhwanul Muslimin. Tegurannya itu benar dan membina. Syeikh Ahmad Al Madani dan mujahidinnya telah memberi pengorbanan yang banyak untuk Islam dan mereka masih istiqamah dengan perjuangan mereka. Semoga Allah mengasihi mereka. Setakat ini, apa yang saya tulis mengenai perjuangan kami adalah ringkas dan berlandaskan fakta-fakta. Kini, saya ingin menerangkan kemajuan kami di masa lepas dan sekarang. Telah lama pihak Ikhwan ingin mendengar mengenainya. Walaupun saya berpendapat sudah memadai mereka mengetahui dasar-dasar perjuangan saja, namun begitu saya terus juga memberi penerangan yang diperlukan untuk memuaskan hati Syeikh Ahmad Al Madani serta rakan rakannya yang terpelajar itu. Semoga Allah memimpin kita semua ke jalan yang benar dan memberi kita kekuatan untuk meneruskan perjuangan dengan jayanya. Saya memohon maaf kepada mereka yang ada hubungan dengan perjuangan kita tetapi saya tidak menulis mengenai mereka di dalam lembaran-lembaran ini. Allah saja yang mengetahui sumbangan yang mereka berikan dan sudah pasti Dia akan memberi ganjaran yang setimpal. Allah itu Maha Sempurna dan Maha Kekal.'

Tuhan yang Disembah

Pada suatu, hari dua orang anggota Ikhwan datang kepada saya dan berkata, 'Satu fitnah yang menyentuh kita sedang disebarkan di seluruh bandar dan kami tidak

tahan lagi mendengarnya. Benarkanlah kami bertindak ke atas mereka yang menyebarkan fitnah tersebut.'Setelah mendengar kata-kata mereka itu, saya pun tersenyum dan berkata, Semua perkara ini menguntungkan kita kerana Allah telah berfirman (3: 186) di dalam Al-Quran:

Maksudnya:

> *"Kamu sungguh-sungguh akan diuji terhadap hartamu dan dirimu. Dan kamu akan mendengar banyak perkataan yang menyakitkan hati dari orang-orang keturunan Kitab yang terdahulu, dan dari orang-orang yang mempersekutukan Tuhan (penyembah berhala). dan kalau kamu sabar dan memelihara dirimu, sesungguhnya hal itu termasuk perkara keteguhan hati yang utama."*

'Oleh itu, kita mestilah bersabar dan bertakwa. Apabila fitnah dilempar kepada kita, ini membuktikan bahawa kita benar-benar sedang berjuang untuk Islam. Sudah menjadi amalan para penentang Islam untuk menyebar fitnah terhadap pendakwah-pendakwah Islam yang benar. Cara yang serupa juga digunakan oleh musuh-musuh Islam ketika peringkat awal dulu bahkan Rasulullah s.a.w sendiri pun tidak terkecuali dari tindakan mereka.' Saya pun menerangkan dengan terperinci latar belakang sejarah gerakan Islam tetapi mereka masih berasa bimbang dan berkata, 'Tuduhan ini sangat buruk dan kami tidak boleh berdiam diri. Tuduhan yang merbahaya ini sedang disebarkan oleh beberapa orang yang terkenal.'

Saya bertanya mereka, 'Apakah tuduhan itu?' Mereka menjawab, 'Mereka menuduh awak sedang menyuruh kami supaya menyembah awak dan bukannya Allah. Mereka juga menuduh pihak Ikhwan yakin bahawa Hasan Al Banna itu tuhan dan tidak bersifat baharu (tidak mati dan kekal abadi) dan bukan pula seorang Rasul atau wali. Sebelum kami datang ke sini, kami telah mengetahui punca fitnah tersebut. Orang yang memulakannya adalah seorang pemimpin dan ulamak yang memegang jawatan penting. Kata-katanya dipercayai orang. Kami telah menyiasat perkara ini dengan teliti, bahkan kami telah menemui ulamak tersebut dan memintanya memberitahu dari mana dia mendapat maklumat yang mengatakan pihak Ikhwan menganggap Hasan Al Banna sebagai tuhan mereka. Dia menjawab, Saya dengar dari Hasan Al Banna sendiri.' Kami terkejut mendengar jawapannya. Kami bertanya lagi dan dia memberi jawapan yang serupa.

'Kami tidak percaya kata-katanya kamu. Kami datang menemui awak kerana hendak tahu perkara sebenarnya. Sebenarnya kami terpegun dengan, keyakinan itu. Kami ingin awak memberi penjelasan sebenar mengenai tuduhan itu.'

Berita ini betul-betul menggemparkan saya. Saya terkejut melihat orang-orang itu sanggup menipu manusia sehingga ke peringkat ini. Saya pun mula mengingat kembali kalau-kalau saya pernah bertemu dengan ulamak tersebut. Saya juga mual memikirkan sebab yang telah mencetuskan fitnah tadi. Namun begitu, saya gagal membuat sebarang kesimpulan. Saya pun bangun serta merta dan mengajak dua orang anggota Ikhwan mengikut saya. Saya juga mengajak dua orang guru Ikhwan yang kenal baik dengan ulamak tadi. Saya menceritakan perkara itu kepada mereka berdua dan terus berkata, 'Kita mesti pergi berjumpa ulamak itu dan meminta dia memberitahu punca fitnah tersebut. Selepas mendengar laporan kedua sahabat kita ini, saya tidak ada pilihan lain lagi selain dari menyiasat perkara yang sebenarnya. Saya

hendak tahu sama ada ulamak tadi yang salah faham atau pun kedua sahabat kita ini yang tidak memahami maksud sebenar kata-kata ulamak tersebut. Tuduhan itu begitu berat sekali sehingga ia tidak boleh dibiarkan begitu saja. Mari kita pergi kepada ulamak itu untuk mendapatkan penjelasan.’

Kami berlima pun pergi ke rumah ulamak tadi dan mengetuk pintu. Pintu dibuka dan kami pun masuk dan duduk di bilik menanti. Tidak lama kemudian, ulamak itu muncul dan mernberi salam kepada kami. Sebaik saja dia melihat kami mukanya menjadi pucat. Dia mula menggeletar dan suaranya pun tersekat-sekat. Dia tahu bahawa dia kini sedang menghadapi kesukaran. Saya pun berkata kepadanya, ‘Kedua sahabat saya ini mengatakan bahawa awak telah mendengar saya menyeru orang menyembah saya dan bukannya menyembah Allah. Sekarang saya hendak penjelasan sama ada awak mengaku atau menyangkal kenyataan mereka itu.’ Ulamak itu menjawab, ‘Benar, saya telah berkata begitu.’ Kemudian saya menyambung, ‘Sekarang jelaslah kedudukan dua sahabat saya itu. Mereka telah menyampaikan berita yang benar. Semoga Allah mencucuri rahmat dan berkat ke atas mereka kerana telah berkata benar.’

Selepas itu, saya berpaling ke arah ulamak tadi dan berkata, ‘Maulana, bilakah awak mendengar saya menyeru para pengikut saya supaya menyembah saya seperti Tuhan?’ Ulamak itu menjawab, Saya agak awak melakukan perkara itu sebulan yang lalu ketika kita berada di dalam sebuah masjid. Seorang guru yang bernama Muhammad Al Laitsee Afandi telah datang dan duduk bersama sama kita. Kemudian para anggota Ikhwan pun tiba seorang demi seorang dan mengucapkan salam kepada awak. Setelah melihat tingkah laku mereka ini, Muhammad AI Laitsee Afandi pun berkata kepada awak, ‘Tuan, para anggota Ikhwan menyayangi tuan sehingga ke peringkat menyembah.’ Kemudian awak menjawab, tika mereka kasih kerana Allah, itu adalah tindakan terpuji. Kami berdo'a kepada Allah agar menambahkan lagi kasih sayang yang seumparna itu.’ Awak juga menyebut kata-kata Imam Syafi’e yang berbunyi demikian:

Maksudnya:

> “Apabila ada golongan rafidh yang kasih pada keluarga Muhammad maka hendaklah jin dan manusia menyaksikan bahawa saya juga golongan itu (yakni rafidh).”

Saya pun berkata kepada ulamak itu, ‘Ya, saya masih ingat peristiwa itu.’ Ulamak itu pun terus menambah, ‘Bukankah itu bermakna mereka menyembah awak?’ Seorang anggota Ikhwan yang mengiringi saya dan di samping itu menjadi kawan kepada ulamak tadi pun bangun dan mula mengecamnya. Dia juga menyerbu dan memukul ulamak itu di dalam rumahnya sendiri. Katanya dengan penuh kemarahan, ‘Inikah saja yang awak dapat fahami? Adakah itu yang dipelajari oleh awak? Inikah caranya menyampaikan kebenaran?’ Kami pun menyuraikan mereka. Saya pun berkata kepada ulamak tadi, ‘Maulana, awak telah menyebut kata-kata saya dan awak juga berhak meletakkan maksud yang awak suka. Tetapi awak telah silap bila awak telah berpendapat saya telah menyuruh para anggota Ikhwan menyembah saya (sedangkan Islam melarang berbuat demikian). Awak tidak menyebut langsung tindakan saya memarahi Muhammad Al Laisee Afandi kerana menggunakan perkataan perkataan tadi (yakni menyembah) tadi. Saya telah memberitahunya bahawa penggunaan perkataan-perkataan itu bertentangan dengan Islam. Pendapat-

pendapat begitu telah menyusup ke dalam penulisan dan perbincangan kita lantaran pengaruh kesusasteraan dan kebudayaan Barat. Oleh itu, setiap orang Islam berkewajipan menjauhkan diri dan menggunakan perkataan-perkataan yang bertentangan dengan Islam. Awak ingat kata kata Muhammad Al Laitsee Afandi tetapi lupa kepada teguran-teguran yang saya berikan padanya. Walau bagaimanapun kami rasa sudah cukup kami menerima telatah awak. Saya bersyukur kepada Allah kerana sudah jelas perkara yang sebenarnya.' Para anggota Ikhwan yang menjadi kawan kepada ulamak tadi berasa tidak puas hati dengan hanya teguran ini saja. Mereka mahu ulamak tadi menjelaskan perkara yang sebenarnya di hadapan satu perhimpunan besar para anggota Ikhwan. Jika tidak, mereka mengugut hendak menghukum ulamak tadi lantaran perbuatannya itu. Ulamak itu bersetuju. Beliau pun menjelaskan kedudukan yang sebenarnya di dalam satu perhimpunan agung para anggota Ikhwan. Dia juga berterima kasih kepada pihak Ikhwan dan menghargai usaha-usaha gigih mereka untuk memperjuangkan Islam dan umat Islam.

Kenangan Pada Tahun Hijrah 1348

Pada tahun 1348 Hijrah, Jami'atul Syubban Al Muslimin di Kaherah telah menganjurkan satu persidangan sempena menyambut peristiwa penghijrahan baginda Rasulullah s.a.w. Berbagai alim ulamak turut mengambil bahagian dan memberi syarahan di dalam persidangan itu. Saya juga memberi satu syarahan pendek yang bertajuk 'Penghijrahan Rasulullah s.a.w. dan Risalah Islam.' Tidak lama kemudian, pihak Jami'atul Syubban Al Muslimin telah menerbitkan sebuah buku kecil yang mengandungi syarahan-syarahan yang telah disampaikan itu.

Syed Muhammad Zabbara Al Hassan dari Yaman turut mengambil bahagian di dalam persidangan itu. Ketika itu dia menjadi Gabenor Qasrul Sa'id di Sana'a. Selepas syarahan, dia bertemu dengan saya dan kami pun berbincang panjang mengenai keadaan di Yaman dan Mesir. Kami bertukar-tukar pendapat mengenai gejala-gejala lucah dan fahaman mulhid (atheisma) yang sedang merebak di kedua-dua negara tersebut. Kami juga memikirkan cara-cara untuk mengatasi gejala-gajala tadi. Semenjak peristiwa pertemuan ini, kami pun menjadi kawan rapat. Syed Muhammad Zabbara Al Hassan mempelawa saya jawatan guru di Yaman. Beliau telah berutus surat dengan Imam negara Yaman dan juga dengan Saiful Islam Muhammad untuk memberitahu perkara perlantikan saya sebagai guru di Yaman. Saiful Islam Muhammad adalah seorang tokoh pembaharuan yang ingin membawa perubahan kepada masyarakat negaranya. Saya juga berutus surat secara langsung dengan Saiful Islam dan kami pun berkenalan antara satu sama lain tanpa bertemu muka. Namun begitu, saya tidak dapat pergi ke Yaman kerana beberapa sekatan resmi dan masalah politik.Waktu itu, Mesir berada di bawah pengaruh British. Pihak British tidak suka Mesir mempunyai hubungan dengan negara-negara Arab.

Syed Muhammad Zabbara melawat Ismailiah dan tinggal bersama saya selama tiga hari. Beliau juga melawat pusat-pusat Ikhwanul Muslimin dan mengkaji rancangan-rancangan dan pusat-pusat pendidikannya. Dia melihat sendiri Sekolah Islam Hira dan Sekolah Ummahatul Mu'minin. Dia juga menyaksikan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh para pengakap Ikhwan. Dalam masa yang begitu singkat saja, beliau sempat juga menghadiri ceramah-ceramah yang diadakan oleh Ikhwanul Muslimin dan mengkaji sikap para anggotanya. Dia dapati hati nurani para anggota Ikhwan begitu cinta kepada Islam dan persaudaraan Islam (ukhuwwah

Islamiah). Syed Muhammad Zabbara sangat tertarik dengan Ikhwanul Muslimin. Saya masih mempunyai hubungan baik dengannya.

Kekayaan dan Kedudukan

Dua perkara ini selalu menjadi punca kekacauan. Bahkan dua gejala ini menjadi akar umbi pertikaian di dunia. Para anggota Ikhwanul Muslimin di Ismailiah sangat berkasih sayang di antara satu sama lain. Mereka menjalani kehidupan yang suci dan mulia. Mereka selalu berlumba-lumba untuk berkorban di jalan Allah dan Rasul Nya. Mereka menganggap setiap kesukaran sebagai remeh saja. Ayat Al Quran terikut sentiasa berlegar di dalam pemikiran mereka: (59:9)
Maksudnya:

> *"Dan orang-orang yang telah menempati kota Madinah dan telah beriman (Ansar) sebelum (kedatangan) mereka (muhajirin), mereka mencintai orang berhijrah kepada mereka. Dan mereka tiada menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka (orang-orang Muhajirin), dan mereka mengutamakan (orang-orang Muhajirin), atas diri mereka sendiri, sekali pun mereka dalam kesusahan. Dan sesiapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, mereka itulah orang-orang yang beruntung."*

Apabila sekolah-sekolah Ikhwan dibuka, beberapa rancangan telah dilaksanakan. Ada sejumlah guru yang memiliki ijazah akademik yang tinggi serta lain-lain kelayakan tetapi mereka kurang layak di segi rohani dan latihan dakwah. Ini merupakan satu perkara yang asing dari fahaman dan cara hidup Ikhwan. Guru-guru ini mula berusaha merebut jawatan-jawatan di dalam pertubuhan Ikhwanul Muslimin. Kedudukan kewangan Ikhwan tidaklah mewah. Tabung kewangannya hampir habis. Kerap kali para anggota Ikhwan terpaksa mengeluarkan duit poket sendiri untuk menjayakan rancangan-rancangan tadi.

Golongan yang jahat itu mula mengumpat dan berkomplot untuk merebut jawatan bukan saja di dalam pentadbiran sekolah bahkan termasuk juga jawatan-jawatan di dalam berbagai cabang pertubuhan Ikhwanul Muslimin. Mereka telah menyusun satu rancangan untuk mencapai maksud tadi. Seorang ulamak di Sekolah Hira yang bijak dan fasih bersyarah telah diperbesarkan oleh para penyokongnya. Dia kerap dilantik menjadi pengerusi beberapa jawatan kuasa, penyelia pelajaran dan diberi pujian serta penghormatan yang berlebihan. Hal ini telah menimbulkan keinginan di dalam dirinya untuk menjadi Ketua Ikhwanul Muslimin di Ismailiah. Dia tahu saya adalah pegawai kerajaan yang telah menghabiskan tempoh empat tahun di bandar Ismailiah. Saya mungkin akan ditukarkan ke bandar lain tidak lama lagi. Kerana terlalu gilakan jawatan, dia lupa bahawa dia sendiri adalah pegawai kerajaan yang boleh ditukar atau dipecat bila-bila masa saja. Dia tidak mengikut cara yang lumrah untuk mencapai cita-citanya iaitu dengan memberi khidmat yang ikhlas dan gigih kepada gerakan. Sebaliknya dia telah menggunakan cara-cara yang jahat seperti berkomplot, memecah belah dan mengumpat. Dia memperkukuhkan hubungannya dengan beberapa orang anggota Ikhwan yang menjadi ahli Jawatan Kuasa pimpinan Ikhwanul Muslimin. Dia menyangka dengan berbuat demikian, dia akan dapat menyebarkan pengaruhnya di kalangan anggota Ikhwan. Alangkah gigihnya dia

dalam usaha untuk memperkuatkan hubungannya dengan para anggota Ikhwan. Kami semua menganggap kegiatannya itu ikhlas dan jujur. Risalah yang dibawa oleh Ikhwan adalah suci. Peribadi Ikhwan juga bersih. Ikhwan bertujuan memperkemas dan memperkukuhkan persaudaraan, akhlak dan ikatan rohani sesama mereka.

Perlantikan Naib Ketua Ikhwan Ismailiah

Pihak Ikhwan bimbang andainya saya ditukar ke tempat lain. Mereka mahu ada orang yang boleh menggantikan tempat saya dalam memperkembangkan dakwah. Mereka menemui saya untuk menyatakan maksud mereka yang penting itu. Saya sedar betapa mustahaknya perkara itu sehingga saya mengambil masa yang agak lama untuk memikirkannya. Akhirnya saya mencadangkan Syeikh Ali Al Jadawi sebagai pengganti saya kerana dia dikira terbaik di kalangan kami di segi agama dan akhlak.

Syeikh Ali Al Jadawi adalah orang yang berpengetahuan sederhana. Bacaan Al Qurannya sangat sedap didengar. Beliau juga sangat giat di dalam perbincangan perbincangan agama. Dia juga selalu mengkaji dan mengajar Al Quran. Di samping itu, dia adalah salah seorang ahli Ikhwan di peringkat awal dulu. Beliau disayangi oleh para anggota Ikhwan.

Satu hari, saya mengadakan mesyuarat dan mengesyorkan kepada para anggota Ikhwan supaya dilantik seorang Timbalan Yang Dipertua yang akan memikul tugas kepimpinan andainya saya ditukar di masa kecemasan. Saya pun mencadangkan nama Syeikh Ali Jadawi dan semua ahli Ikhwan menyokong cadangan tersebut. Ada sebahagian ahli Ikhwan mengesyorkan agar Syeikh Ali Al Jadawi menutup perniagaannya dan diambil bekerja dengan Ikhwan sepenuh masa. Dengan cara ini, barulah dia dapat memberi penumpuan sepenuhnya kepada kerja-kerja dakwah. Syeikh Ali Al Jadawi adalah seorang tukang kayu dan mempunyai bengkelnya sendiri. Saya setuju dengan cadangan itu kerana pertubuhan Ikhwan sangat memerlukan seorang pekerja sepenuh masa. Kesemua ahli Ikhwan turut menyatakan persetujuan mereka. Kami melantiknya sebagai imam di masjid Ikhwan.

Kami memberi kepadanya sagu hati bulanan dan dia menerimanya dengan senang hati kerana dia memasuki Ikhwan atas dasar pengorbanan dan bukannya untuk mendapat keuntungan duniawi. Hampir kesemua anggota Ikhwan bersikap demikian. Dengan berkat Allah, kami sernua berasa gembira dan puas hati. Apabila mengingatkan kami berkemungkinan berpisah dari para sahabat, barulah kami berasa sedih.

Komplot Dalam Yang Pertama Bagi Ikhwanul Muslimin

Ulamak yang berkeinginan hendak menjadi Ketua Ikhwanul Muslimin Ismailiah berasa terkejut apabila kepimpinan pertubuhan terlepas dari tangannya lantaran perlantikan Timbalan Yang Di Pertua. Dia tidak tahan melihat seorang yang lebih rendah taraf darinya dilantik sebagai Timbalan Yang Di Pertua. Dia berkata kepada dirinya sendiri, ‘Bagaimana seorang tukang kayu boleh disamakan dengan seorang yang terpelajar?’ Ulamak tersebut adalah seorang ahli sajak yang berkelulusan Ijazah Sarjana (M.A.) Al Azhar. Dia juga pandai bersyarah. Justeru itu, dia pun mula mengatur rancangan untuk merampas jawatan yang dipegang oleh Syeikh Ali Al Jadawi. Dia cuba meyakini kawan-kawannya bahawa dia lebih sesuai

memegang jawatan itu dan bukannya seorang tukang kayu seperti Syeikh Ali Al Jadawi. Dia juga memberitahu mereka bahawa haknya telah dirampas dan pihak Ikhwan tidak menghargai atau mengiktiraf sumbangan (atau khidmat)nya kepada pertubuhan Ikhwanul Muslimin. Ulamak itu berusaha dengan gigihnya untuk meyakinkan rakan-rakan Ikhwannya bahawa dia telah menghadapi banyak kesukaran dan menghabiskan banyak wang dan masanya untuk gerakan itu. Menurutnya, senarai pengorbanannya sangatlah panjang. Dia juga menganggap sumbangan Syeikh Ali Al Jadawi sangatlah sedikit jika dibandingkan dengan sumbangannya. Dia menganggap, dirinya telah dizalimi. Dia mengatakan bahawa mesyuarat agung yang diadakan itu tidak sah kerana ianya dilakukan dengan tergesa-gesa dan tanpa pemberitahuan yang sempurna. Menurutnya, ada ahli-ahli Ikhwan yang tidak tahu mengenai mesyuarat tersebut. Oleh itu, mereka tidak dapat memberi pendapat. Mungkin mereka mempunyai pendapat yang berbeza. Bahkan hak mereka untuk menyuarakan pendapat telah dirampas.

Ulamak itu terus mengecam Syeikh Ali Al Jadawi. Katanya, ‘Bagaimana Syeikh Ali boleh menerima gaji tiga junaih sebulan untuk tugasnya sebagai imam masjid pada hal pihak Ikhwan sedang menghadapi kekurangan wang. Di samping itu, pihak masjid, sekolah dan lain lain bangunan juga masih berhutang dengannya sebanyak 350 junaih.’

Ulamak itu berkata dia sanggup menjadi Imam masjid tanpa gaji dan akan berpuas hati dengan gaji yang dibayar oleh pihak sekolah. Jika perlu, dia tidak akan meminta gaji lebih dari 50 Qursh. Dengan cara ini, ulamak itu cuba mempengaruhi kawan-kawannya supaya memandang buruk kepada Syeikh Ali Al Jadawi. Dia bertujuan hendak mengubah keputusan mesyuarat dan merampas jawatan Imam dan Timbalan Yang Dipertua untuk dirinya sendiri. Kawan-kawannya itu terpengaruh dengan kata-katanya dan mereka pun mula menghubungi ahli-ahli Ikhwanul Muslimin yang lain untuk mendapat sokongan. Sebilangan anggota Ikhwan menasihatinya supaya jangan meneruskan kegiatannya itu. Tetapi ada sebahagian ahli-ahli Ikhwan yang menyebelahinya.

Berita ini tersebar dengan cepat sekali di kalangan ahli-ahli Ikhwan. Saya dapat merasakan punca berita itu. Saya memanggil orang yang bertanggungjawab mengenai hal itu dan cuba sedaya upaya meminta dia memahami perkara yang sebenarnya tetapi dia terlalu terpengaruh dengan ulamak tadi sehingga tidak dapat melihat kebenaran. Dia berpendapat kata-kata ulamak itu adalah untuk kepentingan Ikhwanul Muslimin.

Dalam keadaan beginilah syaitan berjaya menyesatkan orang-orang Islam. Perkara ini menjadi semakin genting. Tiga lagi ahli Ikhwan menjadi penyokongnya. Mereka menyokongnya kerana:

i) mereka adalah kawan ulamak tadi;
ii) mereka terpengaruh dengan ulamak itu;
iii) mereka tidak suka kepada Syeikh Ali Al Jadawi dan berasa iri hati apabila beliau dilantik sebagai Ketua Ikhwan Ismailiah.

Mereka menjalankan rancangan mereka itu atas alasan untuk kepentingan dan kemajuan Ikhwanul. Muslimin. Saya berazam hendak menyekat fitnah tersebut habis-

habisan. Saya membuat keputusan ini kerana saya menghargai pengorbanan mereka untuk Islam. Saya sayangkan mereka. Saya sedar betapa sukar hendak mencari para anggota yang begitu ikhlas dan bersedia untuk memberi pengorbanan kepada perjuangan Ikhwan. Masa yang panjang diperlukan untuk melatih para belia yang sanggup berkhidmat untuk Islam. Saya menghargai mereka kerana mereka adalah saudara seharakah. Allah telah berfirman di dalam Al Quran (9 : 128):

Maksudnya:

> *"Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang Rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang orang mukmin."*

Para pendakwah Islam berkewajipan menghayati ayat Al-Quran ini dan setiap sudut hidup mereka haruslah menurut sunnah Rasulullah s.a.w. Mereka sepatutnya mampu menghadapi segala kesukaran hidup dan mengekalkan hubungan yang baik sesama mereka.

Sebab-sebab inilah yang membuat saya tidak suka menghukum atau memecat para anggota Ikhwan yang telah melakukan kesilapan itu atau menjauhkan mereka dari saudara Ikhwan lain. Saya menjemput mereka ke rumah saya dan bertanya apa yang dikehendaki mereka. Mereka menjawab, 'Kami tidak ingin awak melantik Syeikh Ali Al Jadawi sebagai Timbalan Ketua.' Saya pun berkata, 'Awak saja yang ingin berbuat demikian sedangkan rakan-rakan awak yang lain mempunyai pendapat yang berbeza dari awak. Mereka telah memilih Syeikh Ali Al Jadawi sebagai Timbalan Ketua. Jika saya menurut kehendak awak, ini bermakna saya telah mengenepikan keputusan rakan rakan awak.' Mereka menjawab, 'Tidak! Bukan semua mereka yang hadir. Jika mereka semua hadir, keputusannya akan berbeza. Mesyuarat itu diadakan secara tergesa-gesa dan agendanya tidak jelas.'

Saya bertanya mereka, 'Andainya kita menjemput kesemua ahli-ahli Ikhwanul Muslimin Ismailiah ke mesyuarat sekali lagi; menerangkan kepada mereka tujuan mesyuarat tersebut awal-awal lagi dan membenarkan setiap ahli menyatakan pendapatnya dengan bebas, maka sudikah awak menerima keputusan suara terbanyak?' Mereka bersetuju. Saya meneruskan, 'Nampaknya kita belum lagi kerugian apa-apa. Marilah kita bersumpah di hadapan Allah bahawa kita semua akan berpegang teguh kepada, pendirian kita.' Kami semua pun bersumpah kepada Allah bahawa kami akan mengotakan kata-kata kami tadi. Tarikh mesyuarat pun ditentukan. Kemudian kad-kad jemputan pun dihantar kepada semua ahli-ahli Ikhwanul Muslimin. Agenda mesyuarat juga dicatitkan dengan jelas di dalam kad jemputan tersebut. Mesyuarat ini adalah perkara yang unggul bagi Ikhwan. Ahli-ahli Ikhwan selalu dijemput di dalam perkara yang membabitkan tatatertib pertubuhan. Mereka menepati hadith Rasulullah s.a.w.:

Maksudnya:

> "Perbandingan orang orang Mu'min di dalam ertikata kasih sayang mereka, dalam perasaan belas kasihan mereka dan dalam rasa simpati mereka adalah laksana badan yang satu."

Dan sabda Rasulullah s.a.w. lagi:

Maksudnya:

> "Orang-orang Islam berlaku adil antara satu sama lain. Bahkan orang-orang perseorangan di dalam masyarakat tersebut sentiasa berusaha memelihara keadilan. Dan mereka semua selalu bersatu dalam menghadapi musuh-musuh mereka."

Saya menggunakan kaedah (cara) ini untuk mengelak dari kemungkaran dan menegakkan keadilan untuk semua. Saya memahami apa yang diperkatakan oleh orang-orang tadi. Saya juga dapat menyelami hati mereka.

Saya memberitahu Syeikh Ali Al Jadawi supaya membuat pengumuman dia tidak akan mengambil sebarang sagu hati ketika bertugas sebagai Imam masjid andainya dia terpilih di dalam mesyuarat agung nanti (yakni tugas itu dilakukan secara sukarela). Mesyuarat pun diadakan menurut jadual yang telah ditetapkan. Pemilihan pun dijalankan dengan aman. Apabila keputusan diumumkan, kesemua anggota Ikhwan, kecuali segelintir yang memang merupakan para penentang, telah memilih Syeikh Ali Al Jadawi. Dia berdiri, mengucapkan terima kasih dan terus membuat pengumuman yang saya syorkan itu. Kesemua ahli-ahli Ikhwan tertarik dengannya. Ulamak yang inginkan jawatan itu terpegun dengan keputusan mesyuarat tersebut. Lantaran itu, rancangan empat manusia yang hendak memaksakan pendapat mereka ke atas lebih lima ratus ahli telah menemui kegagalan. Ahli-ahli sedemikian memang boleh membawa masalah kepada sebarang pertubuhan. Dalam hal ini, peraturan Islam sangat jelas dan tegas sekali. Rasulullah s.a.w. bersabda,

Maksudnya:

> "Jika ada satu kumpulan datang kepada kamu lalu menguasai kamu untuk meretakkan tongkat (perpaduan) kamu maka hendaklah kamu memukulnya dengan pedang kamu dalam keadaan mana sekali pun."

Kita kini menerima kesan dari corak hidup yang disogokkan kepada kita atas nama demokrasi dan hak kebebasan perseorangan. Kekacauan masyarakat tidak boleh dibiarkan berlaku atas nama demokrasi dan hak perseorangan. Selepas mesyuarat, para anggota Ikhwan mengerumuni saya untuk memberi sumbangan mereka kepada Syeikh Ali Al Jadawi, yang telah sanggup meninggalkan tugasnya dan memberi khidmatnya dengan percuma itu. Tetapi saya yakinkan mereka bahawa Syeikh Ali tidak akan dibiarkan begitu saja tanpa sebarang pembelaan. Kita akan memberi kepadanya salah satu kedai kedai di masjid untuk dia mencari nafkah. Dengan cara itu, dia juga dapat tinggal berdekatan dengan masjid. Saya berdo'a bagi pihak semua ahli yang hadir di mesyuarat tersebut dan menganggap komplot itu sudah selesai.

Komplot Yang Kedua

Hati manusia, apabila perasaan tamak bertempat di dalamnya maka dia tidak akan nampak kebaikan dan kebenaran. Perkara yang begini berlaku kepada kami. Selepas mesyuarat, para penentang tadi pergi bertemu ulamak yang gila pangkat itu

dan menceritakan kepadanya perjalanan mesyuarat. Mereka mula merancang satu komplot baru setelah keputusan mesyuarat tidak menepati kehendak mereka. Mereka merancang hendak memburukkan Ikhwanul Muslimin atas nama simpati dan nasihat. Mereka mula menyebarkan dakyah berikut:

i) Hassan Al Banna telah memberi seluruh tanggungjawab pertubuhan ke tangan orang yang sangat merbahaya kepada gerakan;

ii) pihak Ikhwan berhutang dengan para peniaga sebanyak 350 junaih untuk pembinaan masjid dan pusat gerakan Ikhwan;

iii) jika para peniaga tahu mengenai keadaan ini, mereka akan meminta wang mereka dikembalikan dan orang-orang lain pun akan berhenti dari memberi sumbangan. Dengan demikian, orang ramai akan memburukkan nama pertubuhan Ikhwan;

iv) mampukah Syeikh Ali Al Jadawi memikul tanggungjawab kepimpinan yang berat itu, lebih-lebih lagi apabila Hasan Al Banna ditukar ke tempat lain? Bukankah lebih baik jika dilantik seorang yang tabah dan kaya sebagai Timbalan Yang Dipertua? Orang begini boleh menyelamatkan pertubuhan dari sebarang pertikaian.

Saya mendapat tahu dakyah ini sedang tersebar di kalangan masyarakat. Orang ramai mula berbincang perkara ini apabila mereka bertemu dan berkumpul. Saya menyahut cabaran ini dengan penuh semangat dan berazam menyelesaikannya dengan cara saya sendiri. Saya memanggil para peniaga yang menjadi peminjam (pemberi hutang) kepada Ikhwan. Jumlah mereka hanya tiga atau empat orang. Saya meminta mereka bersatu dengan menggunakan satu nama saja untuk memudahkan Ikhwan membayar hutang. Kesemua mereka bersetuju. Peniaga yang menyanggupi bebanan hutang itu telah diberitahu bahawa duitnya akan dibayar secara ansuran yang memakan masa yang sangat lama untuk diselesaikan. Ansuran bayaran itu ialah sebanyak lapan paun sebulan.

Dia bersetuju menerima bayaran ansuran yang sangat sedikit itu. Saya menulis hutang atas nama saya dan meminta dia memberi pengakuan bahawa Ikhwanul Muslimin tidak beri hutang apa-apa dengannya lagi (yakni bebanan hutang itu terletak kepada Hassan Al Banna penterjemah). Pengakuan bertulis ini dikepilkan bersama-sama pengakuan bertulis para peniaga lain. Sekarang Ikhwanul Muslimin Ismailiah tidak berhutang kepada sesiapa lagi.

Selepas itu, saya pun menjemput semua ahli Ikhwan menghadiri satu mesyuarat. Empat orang penentang tadi juga turut hadir. Saya menceritakan segala tindakan saya itu kepada mereka. Keempat orang penentang tadi terkejut besar. Mereka pun mula mencipta alasan alasan yang lemah. Kata mereka, ‘Mengapa awak bersusah payah begitu banyak sekali? Kami tidak akan membenarkan awak memikul bebanan (hutang) itu sendirian. Patutkah awak diberi ganjaran di atas pengorbanan awak itu? Jika kesukaran timbul dengan tiba-tiba, apakah yang awak akan lakukan?’

Saya memberitahu mereka, ‘Perkara yang berkaitan dengan diri saya, biarkan saja kepada saya seorang. Berkenaan dengan hutang yang saya tanggung itu, saya

telah membuat persediaan untuk membayar kesemuanya dengan cara ansuran yang sangat mudah. Peminjam (semoga Allah memberkatinya) saya setuju dengan cara bayaran itu. Saya melibatkan diri di dalam pertikaian ini sebagai salah seorang anggota masyarakat Islam. Adalah menjadi kewajipan saya untuk berbelanja di jalan Allah (untuk Islam). Oleh itu, janganlah berasa bimbang terhadap diri saya. Ini sudah cukup bagi kita semua untuk terselamat dari dituduh yang bukan-bukan oleh orang ramai. Semoga Allah meletakkan kita di jalan yang lurus. Selepas itu, para penentang tadi tidak ada apa yang hendak disebutkan lagi.

Salah seorang penentang itu menyatakan hasratnya hendak meletakkan jawatannya sebagai Setiausaha Kewangan. Perletakan jawatannya diterima dan jawatan itu diserahkan kepada ahli Ikhwan yang lain. Apabila dia mengeluarkan peti wang untuk diserahkan, dia kelihatan pucat. Sambil menyerahkan kunci peti itu, dia berkata, 'Semoga, dengan izin Allah, tabung kewangan ini akan selamanya kosong,'

Saya membalas, 'Bukan begitu saudara. Semoga dengan rahmat Allah, tabung kewangan ini akan sentiasa penuh.' Para penentang tadi pun meninggalkan tempat itu. Setelah itu, dengan rahmat Allah, tabung kewangan tidak pernah kosong. Semoga Allah memberkati orang-orang yang telah memastikan agar tabung kewangan Ikhwanul Muslimin sentiasa penuh. Apabila mereka tahu saya telah menanggung seluruh bebanan hutang Ikhwan, mereka pun mengadakan mesyuarat di rumah Syeikh Muhammad Hussain Zamloot. Mereka yang berkumpul di situ begitu pemurah sekali sehingga mereka sanggup sama sama memikul bebanan hutang tadi. Dalam masa yang singkat saja, lebih 400 paun telah dikumpulkan dan kesemua hutang tadi dapat dijelaskan. Baki 5 paun yang tinggal telah dimasukkan ke tabung kewangan Ikhwan. Kami juga menerima derma yang mencukupi dari para anggota Ikhwan. Kini, wang yang ada di dalam tabung kewangan kami sudah cukup. Allah berfirman di dalam Al Quran (63 : 7):

Maksudnya:

> *"Padahal kepunyaan Allahlah perbendaharaan langit dan bumi, tetapi orang orang munafik itu tidak memahami."*

Para Penentang Membuat Aduan Kepada Pendakwa Raya

Para penentang tadi telah melihat betapa pemurahnya ahli-ahli Ikhwan hingga berebut-rebut untuk mengorbankan harta benda mereka demi mendapat keredhaan Allah. Para penentang tadi tidak mengambil pengajaran dari contoh akhlak ini. Sebaliknya permusuhan dan kebencian mereka semakin bertambah. Memang benar; apabila seseorang itu merasa tamak, dia akan menggunakan berbagai cara yang salah untuk mencapai cita-citanya. Ada berbagai jenis manusia di atas muka bumi ini. Dunia ini diduduki oleh makhluk-makhluk yang beranika ragam. Orang yang meletak jawatan sebagai Setiausaha Kewangan itu telah menemui Pendakwa Raya dan membuat aduan bertulis. Yang baiknya mengenai dirinya ini ialah dia menentang secara terbuka. Ini menunjukkan keberanian dan kesan dari dakwah yang diterimanya. Saya berpendapat sifat ini adalah hasil dari latihan Ikhwan walau pun ia digunakan untuk tujuan lain. Aduannya itu berbunyi demikian:

‘Hassan Al Banna, Ketua Ikhwanul Muslimin Ismailiah dan guru sekolah rendah sedang menyalahgunakan tabung kewangan Ikhwanul Muslimin. Dia juga menghantar wang kepada adiknya di Kaherah yang merupakan Yang Dipertua Ikhwanul Muslimin Kaherah. Dia juga menghantar wang ke Pelabuhan Sa’id dan Aboo Suwair. Wang tersebut didermakan oleh para penduduk Ismailiah. Oleh itu, ia harus dibelanjakan di Ismailiah saja. Maka Pendakwa Raya berkewajipan melindungi wang, maruah dan darah rakyat Ismailiah. Semoga Pendakwa Raya mencampuri perkara ini dan menyekat Hasan Al Banna dari terus membazirkan wang orang ramai.’

Pendakwa Raya yang menerima surat aduan itu mempunyai fikiran yang tajam dan teliti. Setakat yang saya ingat, namanya ialah Mahmood Mujahid yang kini bertugas sebagai seorang hakim. Dia memanggil orang yang membuat aduan tadi dan menyoalnya dengan baik sama ada dia (pengadu tadi) termasuk di dalam Jawatan Kuasa Kerja Ikhwan. Dia menjawab ya! Dia juga memberitahu bahawa dia bertugas sebagai Bendahari dan telah meletakkan jawatan dan perletakan jawatannya itu diterima. Pendakwa tadi bertanya sama ada pihak Jawatan Kuasa Kerja membenarkan dia membelanjakan wang tabung. Dia menjawab ya juga. Pendakwa itu bertanya lagi sama ada dia menjadi anggota Majlis Tertinggi. Dia menjawab, ‘Saya menjadi anggota setiap Jawatan Kuasa Pertubuhan itu. Sekarang saya tidak menganggap diri saya menjadi anggota mana-mana Jawatan Kuasa pun. Saya benci kepada mereka semua.’

Pendakwa itu menyoal lagi, ‘Jika belanjawan ini dibentangkan di hadapan Majlis Tertinggi, adakah ia akan diluluskan?’ Dia menjawab, ‘Ya, bahkan jika wang itu digunakan oleh diri Hasan Al Banna sendiri, pihak Majlis Tertinggi akan meluluskannya. Hasan Al Banna telah memukau mereka. Mereka meluluskan tindakannya tanpa berfikir lagi di dalam segala hal.’

Selepas perbincangan yang panjang itu, Pendakwa itu berkata, ‘Andainya Jawatan Kuasa Kerja dan Majlis Tertinggi meluluskan setiap cadangan yang dikemukakan oleh Hasan Al Banna, mengapa awak harus mencampuri urusan mereka, sedangkan awak bukan menjadi ahli pertubuhan itu. Apakah kaitan pihak Pendakwa Raya dengan perkara ini? Ikhwanul Muslimin ialah sebuah pertubuhan yang terdiri dari orang-orang yang berakhlak mulia. Orang-orang Islam telah mendermakan wang mereka dan wang itu dibelanjakan oleh wakil-wakil mereka. Atas alasan apakah pihak Pendakwa Raya hendak mencampuri urusan mereka ini? Mereka boleh buat apa yang mereka suka dengan wang mereka itu.’

Pendakwa tadi meneruskan hujahnya, ‘Orang muda! Awak adalah seorang yang ikhlas di segi zahirnya tetapi melakukan kesalahan yang besar. Dengan tulus ikhlas, saya menasihati awak supaya kembali ke pangkuan mereka. Bekerjalah bersama mereka dan jauhkan dari fikiran yang sebegini. Jika awak tidak setuju dengan kegiatan mereka, maka pulanglah ke rumah dan buatlah kerja lain. Biarlah mereka dengan kerja yang sedang mereka lakukan. Awak patut sekali mengikuti nasihat saya demi kepentingan diri awak sendiri.’ Selepas mendengar kata-kata ini, pemuda itu pun beredar dari situ.

Syeikh Hamid Askariya mendapat tahu perkara yang sedang berlaku. Dia pun datang ke Ismailiah dari Syabrakhiyat. Dia berusaha untuk menjadi orang tengah dan

membawa para pemuda yang terlibat tadi kembali ke jalan yang benar, tetapi gagal. Para pemuda itu tidak mahu meninggalkan sikap permusuhan mereka. Syeikh Hamid Askariya adalah seorang yang sangat bijaksana dan bertimbang rasa. Selepas menemui mereka tadi, dia datang kepada saya sambil berkata, 'Tidak ada kebaikan lagi yang masih tinggal di dalam diri mereka. Mereka tidak memiliki roh (semangat) Islam lagi. Mereka sudah hilang sifat patuh kepada pemimpin mereka. Orang-orang yang sudah kehilangan dua sifat ini tidak akan membawa kebaikan kepada Ikhwanul Muslimin. Penentangan mereka ialah satu keberkatan yang tersirat bagi orang-orang Mukmin. Teruskanlah perjuangan awak.'

Syeikh Hamid Askariya pun kembali ke Syabrakhiyat selepas menyuarakan pendapatnya mengenai golongan penentang tadi. Terfikir oleh saya hendak mengadakan mesyuarat Majlis Tertinggi untuk memecat para penentang tadi secara resmi dari Ikhwanul Muslimin. Sebelum saya dapat berbuat demikian, para penentang tadi telah menghantar surat berhenti dari menjadi ahli ke pejabat Ikhwanul Muslimin. Jawatan Kuasa Kerja menerima keputusan bertulis mereka itu dan pertikaian tersebut pun berakhir.

Usaha Untuk Menggugat Perpaduan

Para penentang tadi mendapati diri mereka sudah jauh dari ahli Ikhwanul Muslimin. Mereka tidak boleh mencari jalan untuk berkomplot terhadap Ikhwanul Muslimin lagi. Oleh itu, mereka pun mula menyebar fitnah terhadap kami. Mereka menghantar surat-surat layang ke pejabat-pejabat kerajaan dari Kementerian Pelajaran ke Balai Polis dan Hakim Daerah. Anasir-anasir ini cuba bergaul dengan orang-orang berpengaruh Ikhwanul Muslimin dengan tujuan menyebarkan fitnah di kalangan mereka agar mereka menjauhkan diri dari pertubuhan Ikhwanul Muslimin. Sasaran pertama mereka ialah Syeikh Muhammad Hussain Zamloot. Mereka memberitahunya, 'Ikhwanul Muslimin ialah satu pertubuhan yang merbahaya. Jika awak tahu mengenai kegiatan sulitnya, awak akan menjauhkan diri dari mereka serta merta. Bahkan awak akan berusaha menyelamatkan nyawa awak. Kami ingin membawa perkara kegiatan mereka ini kepada Jabatan Kerajaan. Sebelum kami berbuat demikian, kami mahu awak tahu mengenai perkara ini agar awak dapat berhati-hati dan memutuskan hubungan awak dengan mereka. Adalah lebih baik jika awak mengumumkan pemberhentian awak dari menjadi ahli Ikhwanul Muslimin. Selepas itu, barulah kami memberitahu pihak berkuasa yang berkenaan mengenai kegiatan mereka yang merbahaya itu. Dengan cara ini, awak tidak akan terlibat dengan kegiatan mereka itu.'

Syeikh Muhammad Hussain Zamloot bertanya, 'Awak yakinkah bahawa apa yang awak katakan itu benar?' Mereka menjawab, 'Kami yakin kami benar. Bahkan kami juga mengambil bahagian di dalam kegiatan sulit mereka.' Syeikh Zamloot adalah seorang yang bijaksana dan berkemampuan. Dia memiliki iman yang teguh. Dia juga berani dan juga lantang ketika menyuarakan pendapat. Dia berkata kepada mereka, 'Dalam hal ini, hanya dua penilaian saja yang ada kaitan dengan awak. Jika awak bercakap benar, ini bermakna awak telah berkhianat dan memecah amanah (pertubuhan). Jika awak berdusta, ini bermakna awak semua adalah pendusta. Dalam keadaan begini, bagaimana saya hendak menyebelahi atau menghormati awak? Sama ada awak adalah pendusta atau perampas hak, sila keluar dari sini kerana saya tidak mahu melihat muka awak lagi.'

Saya masih ingat lagi ketika Syeikh Muhammad Hussain Zamloot datang menemui saya di sekolah. Dia kelihatan sangat marah. Setelah meminta kebenaran Pengetua, dia pun membawa saya keluar dari bilik darjah. Perlahan-lahan kami pun keluar dari kawasan bandar. Dia pun mula menyoal saya mengenai kenyataan yang dia dengar dari beberapa penentang Ikhwan tadi. Dia memberitahu saya, 'Awak kembali ke bandar serta merta. Jika apa yang mereka kata itu benar, awak seharusnya mengatur langkah-langkah untuk menyelamatkan diri awak. Andainya awak betul-betul menjalankan kegiatan sulit, awak perlu berjaga-jaga agar sesiapa pun tidak mengetahuinya. Jikalau rahsia kegiatan itu telah didedahkan, hendaklah awak membuat pengakuan tidak menjadi ahli Ikhwan lagi. Awak beritahu mereka bahawa Yang Di Pertua Ikhwan ialah Muhammad Aboo Hussain Zamloot.'

'Saudara ku, awak masih muda. Awak ada masa depan untuk difikirkan. Lagi pun awak adalah kakitangan kerajaan. Pihak kerajaan mungkin mendatangkan kesusahan kepada awak. Awak adalah tetamu di bandar kami. Awak telah menjalankan usaha kerana Allah. Awak layak menerima penghargaan dan kesyukuran.'

Saya terus mendengar kata-katanya yang sangat menarik itu. Kemudian saya berkata kepadanya, 'Tuan, bertenanglah, sesungguhnya apa yang sedang kami lakukan secara terang-terangan. Orang-orang tadi telah berdusta. Kegiatan mereka untuk menyusahkan perjuangan kita ini bukanlah perkara baru. Sebenarnya, mereka tahu awak telah dan sedang membelanjakan kekayaan awak untuk perjuangan kita ini. Mereka juga tahu awak adalah seorang yang berakhlak mulia di bandar ini. Oleh itu, langkah pertama mereka ialah menyekat Ikhwanul Muslimin dari menerima sokongan awak. Lepas itu, barulah mereka akan mencanangkan kepada umum bahawa Ikhwanul Muslimin itu merbahaya. Saya sangat berterima kasih kepada awak kerana telah memberi nasihat yang baik itu.'

Selepas perbualan tadi dia berkata, 'Saya pernah dengar bapa saudara saya, Syeikh Eid berkata, 'Saya berdo'a kepada Allah agar dia tidak mengambil nyawa saya sehingga saya dapat melihat undang-undang Islam ditegakkan dan negara Islam berjaya diwujudkan.' Dia mati tanpa mencapai hasratnya itu. Saya juga ingin melihat Islam gemilang semula sebelum saya menemui maut. Tetapi saya rasa cita-cita ini terlalu jauh untuk dicapai kerana orang-orang Islam masih menganggap setitis darah mereka sebagai sesuatu yang sangat berharga. Selagi mereka beranggapan bahawa darah mereka sangat berharga, selagi itulah mereka tidak akan berjaya. Harga yang perlu dibayar untuk mendapatkan kebebasan dan kemuliaan darah. Al Quran telah menyatakan hal ini di berbagai ayat. Sejarah hidup Rasulullah s.a.w. dan para sahabat juga membuktikan hal ini. Bukankah begitu?'

Saya berkata kepadanya, "Ya, apa yang awak katakan itu memang benar. Tetapi saya ingin memperingatkan awak bahawa iman yang teguh saja yang dapat menentukan nilai darah yang dikorbankan. Darah yang mengalir kerana Allah akan mendatangkan ganjaran yang besar di Akhirat kelak. Lantaran itu, saya dapat melihat api iman sedang membakar hati-hati para penyembah Allah. Insya Allah, kumpulan ini akan menyebarkan cahaya Islam. Mereka ini sangat suka kepada setiap amalan yang baik (amal soleh). Semoga Allah memberi awak umur panjang agar awak dapat melihat kegemilangan Islam tertegak di seluruh dunia."

Syeikh Zamloot membalas, ‘Tetapi kumpulan ini sangat kecil.’ Saya pun berkata, ‘Jumlahnya akan membesar di masa depan. Menurut Al Quran, kumpulan yang berpendirian tegas mendapat berkat dari Allah:

Maksudnya:

> “Orang-orang yang meyakini bahawa mereka akan menemui Allah berkata; ‘Berapa banyak terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak dengan izin Allah dan Allah beserta orang-orang yang sabar.”
>
> (Al Baqarah: 249)

Syeikh Zamloot menjawab, ‘Semoga Allah melimpahi awak dengan segala yang baik. Kita yakin sepenuhya kepada Allah. Kita memohon dan berharap dari Nya.’ Kemudian dia menambah lagi, pihak pendakwa bertanya saya mengenai surat-surat yang dihantar oleh penentang tadi. Saya menasihatinya supaya melemparkan surat-surat itu ke dalam tong sampah. Jika aduan mereka itu benar, mereka sepatutnya menulis nama serta alamat mereka dan berani menghadapi kenyataan:’ Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas Syeikh Zamloot.

Sepanduk dan Bahan Penerbitan Yang Mengandungi Kenyataan Palsu

Para penentang tadi mencari jalan lain untuk memburukkan Ikhwanul Muslimin. Mereka mula membuat majalah dan buku-buku kecil yang mengandungi tuduhan-tuduhan palsu. Di antara tuduhan mereka ialah: ‘Tidak ada kebebasan bersuara di dalam pertubuhan Ikhwan. Ikhwan tidak mengamalkan syura.’ Mereka sendiri menentang kenyataan ini apabila mereka berkata bahawa Jawatan Kuasa Kerja dan Majlis Tertinggi tidak menentang sebarang cadangan saya (Hasan Al Banna), bahkan meluluskannya secara membuta tuli. Jika sesuatu cadangan itu telah dirujuk kepada Jawatan Kuasa Kerja dan Majlis Tertinggi, bagaimanakah boleh dikatakan Ikhwan mengenepikan syura? Lagipun, membangkang semata-mata kerana hendak membangkang tidaklah termasuk di dalam adab syura. Mereka juga berkata wang Ismailiah dibelanjakan di Kaherah dan Hasan Al Banna menghantar wang tersebut kepada adiknya di Kaherah. Mereka juga menuduh Hasan Al Banna membelanjakan wang Ismailiah untuk Aboo Suwair dan Pelabuhan Sa’id. Ini bermakna seseorang itu tidak boleh meminta bantuan atau kerjasama dari mana-mana saudara maranya untuk kepentingan pertubuhan walaupun saudaranya itu sangat berguna kepada pertubuhan. Ini tidak adil kerana saudara maranya itu tidak patut dikecam atas kesalahan yang tidak dilakukan oleh mereka.

Para penentang tadi juga berkata, ‘Penyata kewangan masjid tidak dibentangkan kepada orang ramai. Kita tidak tahu pendapat masjid dan bagaimana ia dibelanjakan. Barang-barang sekolah dibeli tanpa megeluarkan tawaran (tender) dan hal ini tidak sah di segi undang-undang. Orang ramai berkewajipan meminta penyata kira-kira dari orang-orang yang bertanggungjawab di dalam Ikhwanul Muslimin.’

Akhirnya saya mendapat tahu mengenai laporan yang palsu dan tidak berasas yang diterbitkan oleh para penentang tadi. Saya pun pergi ke rumah ketua mereka. Dia seorang yang bijak. Saya menghormatinya. Saya berkata kepadanya, ‘Saya mendapat tahu awak telah menerbitkan kenyataan-kenyataan sebegini. Betulkah begitu?’ Dia

enggan menjawab soalan saya itu. Akhirnya dia mengaku setelah saya menunjukkan beberapa rangkap kenyataan yang telah dicetak itu.

Saya menyambungkan, 'Tidak mengapa Pak Cik. Awak boleh buat apa yang awak suka. Saya datang ke sini bukan untuk meminta awak berhenti mencetak dan menerbitkan laporan ini. Saya juga tidak akan meminta awak berhenti dari menjalankan usaha menentang gerakan Ikhwan. Awak adalah tuan bagi segala pendapat-pendapat awak. Oleh itu awak boleh lakukan apa saja yang awak suka. Setakat yang saya tahu dan ingat, awak adalah seorang yang bertimbang rasa. Setiap tindakan ada tindak balasnya. Membalas dendam tidak menguntungkan sesiapa. Apakah yang awak inginkan dari laporan ini?'

Dia menjawab, 'Kami hendak menerangkan perkara yang sebenarnya kepada orang ramai.' Saya membalas, 'Perkara yang awak anggap benar itu adalah satu dusta. Saya tidak mahu bertengkar mengenai perkara ini. Awak silap jika awak fikir kami tidak berupaya menjawab tuduhan itu dan meyakinkan orang ramai kepada perkara yang sebenarnya. Insya Allah, kami akan membuktikan awak adalah seorang pendusta dan kami di pihak yang benar. Awak hanya mempunyai alasan-alasan palsu dan tidak berasas tetapi kami ada surat-surat yang sah di segi undang-undang. Lagi pun awak lebih tahu perkara yang sebenarnya. Awak sendiri pernah menjaga buku kira-kira masjid. Segala barang-barang yang dibeli untuk sekolah diketahui oleh awak. Kebanyakan pembelian barang-barang untuk masjid dan lain-lain institusi dibuat melalui awak. Oleh itu, apabila awak menghadapi orang ramai, kamilah yang memiliki kelebihan dan bukannya awak. Lagi pun, kami ada bukti yang tidak awak miliki. Kami lebih rapat dengan orang ramai dan hubungan kami dengan mereka adalah lebih kuat dari awak. Kami boleh menjelaskan perkara ini kepada orang ramai melalui penulisan, ceramah ceramah umum, persidangan dan perjumpaan. Kami boleh menyatakan pendapat kami kepada orang ramai di masjid, kedai-kedai kopi, jalan-jalan raya, pasar-pasar dan lain-lain tempat umum. Kami mempunyai beberapa lidah dan pena untuk menyatakan kebenaran. Lagi pun, kebenaran itu tetap ketara. Ia tidak dapat disembunyikan. Ada satu perkara yang menyakitkan saya. Selama ini saya memaparkan awak kepada orang ramai dengan penuh penghormatan seperti anak memuliakan bapanya. Saya telah memperkenalkan awak kepada mereka sebagai orang yang cintakan Islam. Tetapi sekarang saya terpaksa mendedahkan peribadi awak yang sebenarnya kepada orang ramai. Saya akan berkata awak telah mengkhianati pertubuhan Ikhwan dan terbukti sebagai seorang pendusta dan berpura-pura. Perkara inilah yang membuat hati saya merasa tersangat pedih. Semoga Allah memberkati penyair Arab yang telah berkata:

Maksudnya:

> "Kita kerap memenggal kepala orang orang yang sangat kita kasihi kerana mereka telah menjadi kejam."

'Usaha membalas dendam ini tidak akan mendatangkan hasil yang. baik kepada kita berdua. Usaha awak untuk memburukkan nama ahli-ahli Ikhwanul Muslimin akan gagal. Adalah lebih baik awak tahu akibat tindakan awak itu terlebih dahulu. Andainya awak ingin meneruskan kegiatan awak itu kerana hendak membalas dendam, maka kerugian tetap berada di pihak awak.

Orang ramai telah tahu apa yang hendak awak katakan. Sudah cukup bagi awak jika awak sedar Allah itu Maha Mengetahui. Jika awak fikir awak melakukan semua ini kerana Allah, maka Allah lebih mengetahui mengenai perkara ini. (Wallahualam)

Orang alim ini telah terpengaruh dengan kata-kata saya itu. Akhirnya dia berjanji hendak berhenti mencetak risalah palsu itu dan mengambil balik naskah asalnya dari kedai cetak. Saya menerima janjinya itu dan terus pulang.

Ceramah-Ceramah dan Kesan-Kesannya

Saya masih ingat satu ceramah yang saya berikan atas tajuk ‘Pentingnya Kebersihan Hati'. Dalam ceramah ini, saya menekankan betapa perlunya kesejahteraan itu wujud di kalangan semua manusia dan betapa pentingnya didamaikan pihak pihak yang bersengketa. Selepas menyampaikan ceramah ini, saya duduk di satu sudut dan mula bertafakkur. Saya mempersoalkan diri saya sendiri, Wahai Hasan Al Banna. Awak menyuruh orang lain berbuat baik tetapi lupa kepada diri sendiri. Apakah maksudnya ini? Allah mengasihi orang yang benar dan orang yang berkata benar. Allah tidak suka kepada orang yang tidak patuh dan gemar bertengkar. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda,
Maksudnya:

“Mahukah kamu sekalian aku menunjukkan kamu kepada sesuatu yang lebih tinggi darjatnya daripada sembahyang, puasa dan sedekah.” Mereka menjawab, ”Tentu, wahai Rasulullah!”

“Memperbaiki hubungan sesama manusia sesungguhnya rosaknya hubungan sesama manusia suatu perkara yang ‘mencukur’. Maksud aku bukan ia mencukur rambut tetapi ia mencukur agama.”

Allah telah berfirman di dalam Al Quran (4: 128).

Maksudnya:

> *“Dan jika seorang wanita khawatir akan nusyuz atau sikap tidak acuh dari suaminya, maka tidak mengapa bagi keduanya mengadakan perdamaian yang sebenar-benarnya, dan perdamaian itu lebih baik (bagi mereka) walaupun manusia itu menurut tabiatnya kikir. Dan jika kamu menggauli isterimu dengan baik dan memelihara dirimu (dari nusyuz dan sikap tak acuh), maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”*

‘Allah dan RasulNya telah memperkatakan yang benar. Bagaimana dengan diri saya? Saya menyuruh orang lain tetapi saya sendiri tidak mengamalkannya. Sikap saya ini tidak betul. Hati dan rohani perlu bersih dan suci. Perasaan marah mesti dihancurkan. Saya dahulu perlu mengamalkan kebenaran. Walaupun saya tidak melakukan dosa atau bertindak ganas terhadap seseorang, namun begitu saya perlu. menguji diri saya.’

Saya mengambil pena dan mula menulis surat kepada ketua para penentang tadi. Dalam surat itu, saya menulis, ‘Saya sedia melupakan perkara yang lepas. Para

penentang juga diterima kembali ke dalam Ikhwanul Muslimin jika mereka inginkan demikian. Andainya mereka menerima tawaran saya ini atas dasar persaudaraan Islam (Ukhuwwah Islamiah), maka Allah saja yang akan memberi ganjaran kepada mereka. Saya telah memaafkan mereka. Sekarang mereka pula patut memaafkan saya pula. Jika mereka sanggup, saya sedia mengalu-alukan mereka. Saya memberi mereka hak untuk memilih wang atau sekumpulan orang sebagai orang tengah. Mereka boleh memilih sesiapa pun yang mereka suka. Kita akan bentangkan masalah kita ini kepada orang tengah tadi. Saya akan menerima apa saja keputusan yang bakal dicapai.'

Saya juga menulis sebab yang mendorong saya berbuat demikian. Ini adalah kesan dari ceramah saya sendiri terhadap diri saya. Saya melakukan perkara ini kerana takut kelak saya dimasukkan di kalangan orang-orang yang Allah ceritakan di dalarn Al-Quran (Saff:2-3):

"Hai orang orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan apa yang tidak kamu perbuat?"

"Amat besar kebencian di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tiada kamu kerjakan."

Kenapa (mengapa) kamu katakan sesuatu sedangkan ianya tidak kamu lakukan. Ini adalah satu dosa besar bagi mereka yang berkata apa yang mereka tidak lakukan.

Surat saya itu tidak membawa sebarang perubahan kepada mereka walaupun saya telah berterus terang dan jujur. Saya mengambil keputusan hendak membawa surat itu sendiri kepada Ketua para penentang tadi. Ahli-ahli Ikhwan membangkang keputusan saya itu dan mereka keberatan membenarkan saya berbuat demikian. Tetapi saya tetap bertegas dengan keputusan saya itu. Saya juga bertegas hendak membawa surat itu kepadanya seorang diri. Para anggota Ikhwan terkejut dengan keputusan saya ini. Namun begitu, saya dapat merasa satu kekuatan yang hebat di sebalik kelemahan saya ini kerana kelemahan ini menepati kepatuhan kepada Allah.

Kata Kata Yang Benar

Surat saya tidak dapat mempengaruhi orang-orang yang berhati keras tadi. Ketua mereka tidak dapat berpegang kepada janjinya untuk tidak mencetak laporan palsunya kerana salah scorang dari ahli kumpulannya telah pecah amanah. Walaupun mendapat tentangan dari rakan-rakannya, orang tersebut menerbitkan juga laporan itu di bawah namanya sendiri. Laporan itu kemudiannya disebarkan kepada orang ramai. Dia sendiri telah membawa beberapa salinan laporan tersebut ke Aboo Suwair dan Pelabuhan Sa'id yang terletak tidak jauh dari Ismailiah. Selepas saja laporan ini diterbitkan, Jawatan Kuasa Kerja Ikhwanul Muslimin telah menyediakan risalah-risalah untuk menjawab segala tuduhan di dalam laporan palsu itu. Risalah Ikhwan ini diberi tajuk 'Kebenaran'. Risalah 'Kebenaran' ini telah menghilangkan salah faham yang disebabkan oleh laporan palsu para penentang tadi. Kini, lebih ramai lagi orang berminat dengan kegiatan Ikhwanul Muslimin. Berikutan itu, ramailah orang menyertai Ikhwanul Muslimin.

Kelembutan

Dalam satu mesyuarat Jawatan Kuasa Kerja Ikhwan, satu keputusan telah dicapai. Keputusan itu ialah saya diminta berunding dengan ahli-ahli Ikhwan sama ada perlu atau tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas para penentang tadi atas alasan memburukkan Ikhwanul Muslimin. Satu hari, selepas solah Isyak, kami berhimpun di dalam masjid. Saya telah merasmikan mesyuarat itu. Sebelum sempat saya memberi penjelasan mengenai tajuk yang hendak dibincangkan, salah seorang yang sedang solah di masjid itu telah membaca ayat-ayat Al-Quran berikut: (6: 112 115)
Maksudnya:

> *"Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap nabi itu musuh, iaitu syaitan-syaitan (dari jenis) manusia dan (dari jenis) jin, sebahagian mereka membisikkan kepada sebahagian yang lain perkataan perkataan yang indah-indah untuk menipu (manusia). Kalau Tuhan Mu menghendaki, niscaya mereka tidak mengerjakannya, maka tinggalkanlah mereka dan apa yang mereka adakan. Dan juga agar hati kecil orang orang yang tidak beriman kepada kehidupan akhirat cenderung kepada bisikan itu, mereka merasa senang kepadanya dan supaya mereka mengerjakan apa yang mereka (syaitan) kerjakan. Maka patutkah aku mencari hakim selain daripada Allah, padahal Dialah yang telah menurunkan kitab (Al-Quran) kepadamu dengan terperinci? Orang-orang yang telah Kami datangkan kitab kepada mereka, mereka mengetahui bahawa Al-Quran itu diturunkan dari Tuhanmu dengan sebenarnya. Maka janganlah kamu sekali-kali termasuk orang-orang yang ragu-ragu. Telah sempurnalah kalimat Tuhanmu (Al-Quran), sebagai kalimat yang benar dan adil. Tidak ada yang dapat merobah robah kalimat-kalimat-Nya dan Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."*

Dia membaca ayat-ayat suci itu dengan nyaring dan kami begitu khusyuk mendengarnya. Selepas membaca ayat-ayat itu, dia pun diam. Saya juga turut berdiam diri. Para anggota Ikhwan bertanya, 'Mengapa kita berhimpun di sini?' Saya menjawab, 'Perkara ini telah pun selesai, adakah terdapat hakim selain daripada Allah s.w.t.?' Saya pun menerangkan tujuan mesyuarat kita. Sekarang saya menarik balik cadangan saya hendak membuat saman di mahkamah. Perintah Allah sudah cukup bagi kita. Ia merupakan keputusan muktamad kita.

Berakhirnya Gangguan Ulamak Pengacau

Ulamak yang bercita cita hendak menjadi Ketua Ikhwanul Muslimin Ismailiah itu bertugas sebagai guru di sekolah Ikhwanul Muslimin. Dia menjalankan segala cara-cara yang buruk di dalam usahanya itu. Dia begitu terpengaruh sekali sehingga dia boleh menafikan segala tuduhan yang dihadapkan kepadanya. Para Penyokongnya juga terlibat di dalam kegiatan ini dan mereka semua telah menemui kegagalan. Saya berharap ilmu dan kecerdikannya dapat membetulkannya. Dengan demikian, dia akan kembali ke jalan yang benar dan membantu saya memimpin orang lain. Saya tidak menyangka dia begitu jauh sekali dari apa yang diikutinya (dipelajarinya).

Satu malam kegiatannya itu terdedah. Malam itu, saya tidak dapat tidur langsung. Saya pun pergi ke masjid Abbasi sejam sebelum waktu solah subuh. Dalam perjalanan ke masjid, saya telah lalu dekat rumah salah seorang penentang tadi. Saya lihat lampu

rumah itu terang benderang. Tingkapnya terbuka. Terdengar suara orang berbincang dengan lantangnya. Melalui tingkap yang terbuka itu, saya nampak ulamak itu sedang dikelilingi oleh para penentang Ikhwanul Muslimin. Selepas melihat ini semua, saya pun beredar dari situ. Pada esok paginya, saya memanggil ulamak itu. Saya menyoalnya dengan lemah lembut, 'Di manakah awak malam tadi?' Selepas bercerita panjang, dia pun menjawab, 'Saya berada di rumah.' Kemudian saya pun menyebut komplot yang telah dirancangkan itu. Saya memberitahunya bahawa ada orang mengatakan dia terlibat di dalam komplot itu. Dia berpura-pura tidak tahu dan menafikan tuduhan-tuduhan terhadapnya itu. Dia berlagak seolah-olah dia tidak bersalah langsung. Dia juga memberi berbagai alasan untuk mempertahankan dirinya. Saya terpegun melihat akalnya yang pintar dan hatinya yang busuk itu. Akhirnya, dia menyatakan kesanggupan hendak bersumpah menceraikan isterinya jika dia bersalah. Sampai ke peringkat itu saya tidak dapat mengawal diri saya lagi. Saya naik radang dan menutup mulutnya sambil berkata, 'Takutlah kepada Allah dan janganlah bersumpah. Di mana awak malam tadi?' Dia terkejut mendengar soalan saya itu dan cuba mencipta alasan tetapi sepatah perkataan pun tidak keluar dari mulutnya. Saya tidak memberi peluang kepadanya lagi dan terus menceritakan kesemuanya. Saya menghurai segala butir-butir peristiwa malam itu sehingga dia tidak berupaya menarikannya lagi. Terus terang saya memberitahunya bahawa sesiapa pun tidak melapurkan perkara itu kepada saya; saya sendiri yang menyaksikannya. Akhirnya dia mengaku salah. Katanya, 'Saya sangat malu. Kasihanilah saya.' Saya pun memberitahunya, 'Jangan takut kepada saya. Saya tidak pernah terfikir hendak menyusahkan awak. Saya selalu meminta awak menjadi imam solah dan saya bersolah di belakang awak. Saya menghadiri majlis ceramah awak dan mengajak orang lain turut serta. Bagaimanakah saya boleh mengutuk awak sekarang dan mendedahkan perbuatan awak itu? Patutkah saya mencuci kain kotor awak di hadapan khalayak ramai (yakni mendedahkan aib awak di hadapan khalayak ramai)? Tidak terlintas di fikiran saya untuk bertindak begitu. Walau bagaimanapun saya tidak boleh biar awak berada di kalangan kami. Ada dua pilihan untuk awak. Awak boleh pilih salah satu darinya. Salah satu darinya ialah awak boleh terus tinggal di Ismailiah dan saya sendiri akan membuat persediaan bagi awak tinggal di sini; tetapi awak tidak boleh berada di dalam pertubuhan Ikhwanul Muslimin lagi. Di samping itu, awak juga dikehendaki berhenti dari jawatan yang sedang awak pegang sekarang. Pilihan kedua ialah awak boleh kembali ke kampung halaman awak. Saya sendiri akan menghantar awak ke situ. Saya juga akan membantu awak sehingga awak boleh berdikari. Allah Maha Besar dan Dia mentakdirkan segala sesuatu. Dia menjadi saksi kita. Dia bersetuju dengan pilihan kedua dengan syarat saya menjelaskan hutangnya. Saya setuju dan terus menjelaskan hutangnya. Setelah itu, dia pun meletakkan jawatan secara rasminya. Justeru itu, terputuslah hubungannya dengan pihak sekolah dan juga pusat Ikhwanul Muslimin.

Ulamak Itu Mengadu di Mahkamah

Ulamak itu tidak kembali ke kampung halamannya sepertimana yang telah dijanjikan. Tidak lama kemudian, saya mendapat tahu sebuah sekolah baru telah dibuka di Ismailiah yang diurus oleh ulamak tersebut. Lembaga Pengurus sekolah itu terdiri dari lima orang penyokongnya. Mereka telah mengecam Ikhwanul Muslimin dengan hebatnya di dalam satu pengumuman. Saya berkata kepada diri saya sendiri, 'Baiklah. Yang penting sekarang ialah dia jangan ganggu kita dan menjalankan kerjanya sendiri.' Tiba-tiba, saya menerima surat saman dari Mahkamah Tempatan yang

menyatakan ulamak tadi menuntut tunggakan gaji selama dia berkhidmat dengan Ikhwanul Muslimin.Walaupun jumlah wang itu sedikit, dia masih ingin menuntutnya melalui mahkamah. Saya mempunyai surat surat yang membuktikan dia berhutang dengan Ikhwanul Muslimin sejumlah wang yang lebih dari yang dia minta itu. Saya pun menghadirkan diri ke mahkamah. Ulamak tadi membentangkan aduannya kepada tuan hakim. Saya setuju dengan tuntutannya itu. Kemudian saya menyerahkan segala surat-surat tadi dan menamatkan perbicaraan. Ulamak tadi juga diarah membayar perbelanjaan mahkamah. Ulamak itu gagal sekali lagi. Sekolah yang dibukanya menerima nasib yang sama. Berikutan itu, dia tidak dapat menetap di Ismailiah. Dia pun terus meninggalkan Ismailiah. Saya memohon maaf kepada ulamak tersebut kerana terpaksa mencatit peristiwa-peristiwa ini di dalam buku harian saya. Hari ini, dia dianggap sebagai salah seorang ulamak terkemuka di Mesir. Sekarang, dia juga menjadi salah scorang sahabat kami yang rapat. Apa yang tercatit di dalam buku harian saya ini telah berlalu. Semuanya telah menjadi kenangan silam. Mungkin dia terpaksa berlagak begitu dan mungkin gangguan kami terhadapnya itu telah keterlaluan. Allah saja mengetahui rahsia hati manusia.

Perkahwinan dan Pertukaran Saya

Mungkin Allah ingin meringankan bebanan harakah yang saya pikul. Sebenarnya, setiap kesukaran yang menimpa saya telah meningkatkan peribadi saya. Saya sangat bersyukur kepada Allah kerana menyelamatkan saya dari semua bahaya.

Saya memang sedar bahawa usaha Dakwah Islamiah itu seumpama peperangan yang mempunyai medan pertempuran. Penentangan datang dari musuh-musuh yang bodoh dan orang orang yang tidak ada kaitan langsung. Maka yang menentang termasuk juga orang orang yang faham. Ada pula orang yang menyertai harakah untuk mencapai matlamat peribadi sendiri. Walau bagaimanapun saya telah berjaya memperlengkapkan diri saya dengan senjata-senjata untuk menghadapi musuh. Senjata-senjata itu ialah; kesabaran, pengawalan hati dan akhlak yang baik. Sangat jarang sekali berlaku penentangan dari beberapa orang dari kalangan kami tanpa rnempunyai tujuan tujuan apa-apa. Mungkin Allah hendak meringankan kesedihan saya.

Dengan rahmat Allah, saya diberi-Nya peluang untuk berkahwin. Saya mengikat tali pertunangan pada 1 haribulan Ramadhan. Majlis akad nikah saya dilangsungkan di dalam masjid dengan cara yang penuh kesederhanaan dan pada 27 Ramadhan. Tarikh keberangkatan saya ialah 10 Zulkaedah. Dengan demikian terlaksanalah salah satu taqdir Allah. Puji-pujian bagi Allah

Selepas berkahwin, saya pun sedar bahawa tugas saya di Ismailiah telah selesai. Gerakan Ikhwan telah mula berkernbang pesat dan berbagai cawangan, telah ditubuhkan. Hampir kesemua penduduk Ismailiah telah menyertai Ikhwanul Muslimin. Perkara kedua dari agama (ad-Din) saya, iaitu perkahwinan, telah pun dipenuhi. Oleh itu, tidak ada apa lagi untuk saya tinggal di Ismailiah lebih lama. Saya rasa sekarang sudah sampai masanya saya ditukar ke tempat lain. Cuti musim panas pun tiba. Waktu itu ialah tahun 1932. Saya bertemu tuan guru saya, Syeikh Abdul Wahab An-Najar dan kami berbual panjang. Perbualan kami menyentuh Ismailiah dan dakwah Islamiah di bandar itu. Ketika inilah saya menyatakan kepadanya bahawa detik perpisahan kami telah tiba. Saya memintanya bercakap dengan Ustaz Bathrawi

pengarah bahasa Arab di Kaherah mengenai penukaran saya ke sana. Bathrawi adalah seorang ulamak yang pakar di dalam bahasa Arab. Syeikh Abdul Wahab setuju dengan permintaan saya itu dan dia pun bercakap dengan Bathrawi mengenai perkara tersebut. Kemudian dia menyuruh saya menulis surat itu secepat mungkin. Keinginan saya itu dikabulkan Allah dan saya pun ditukarkan ke Kaherah pada bulan Oktober, 1932 M.